

38 - 2229

UMNO ERA MAHATHIR

Chamil Wariya

M
324 2595U
CHA

PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.



88-2229

UMNO ERA MAHATHIR

NASRUH PEMELIHARAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
29 SEP 1988



UMNO ERA MAHATHIR

CHAMIL WARIYA



PETALING JAYA
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1988

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3, Jalan 13/3, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1988
ISBN 967 65 0897 7

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

476855
APB

Dicetak di Malaysia oleh
Sun U Book Co. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

- 9 DEC 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia

PENDAHULUAN

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang tokoh yang kontroversial. Sejak mengambil alih pimpinan UMNO, yang telah membolehkan beliau menjadi perdana menteri, beliau telah membawa banyak kejutan ke dalam masyarakat Malaysia melalui dasar-dasarnya. Kejutan ini dirasakan sebaik sahaja beliau menggantikan Tun Hussein sebagai ketua parti dan kerajaan.

Kejutan paling besar barangkali ialah apabila UMNO telah diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah oleh mahkamah tinggi. Ini diikuti pula dengan pembatalan pertubuhan itu dari senarai daftar Pendaftar Pertubuhan. Pergolakan itu telah melahirkan tiga UMNO—UMNO Malaysia tajaan Tunku Abdul Rahman, UMNO 88 dan UMNO (Baru), kedua-duanya dipelopori oleh Dr. Mahathir sendiri. Bagaimanapun UMNO yang benar-benar menjadi kenyataan dan berjaya didaftarkan menjadi sebuah pertubuhan yang halal bergerak di sisi undang-undang ialah UMNO (Baru) tajaan Dr. Mahathir. Tetapi penubuhan UMNO baru menggantikan UMNO yang diisytiharkan tidak sah, tidak menamatkan masalah yang dihadapi oleh perdana menteri. Sebilangan bekas pemimpin UMNO, terutama yang telah memihak kepada Tengku Razaleigh dalam menentang pimpinan Dr. Mahathir dalam pemilihan 24 April 1987, berusaha pula

menghidupkan semula UMNO asal menggunakan proses undang-undang.

Buku ini ditulis untuk merakamkan pergolakan-pergolakan yang telah berlaku dalam UMNO sewaktu Dr. Mahathir memimpin pertubuhan itu. Ia adalah usaha awal untuk mengungkap dan menghayati UMNO di bawah era Dr. Mahathir serta menghuraikan bagaimana seorang pemimpin yang naik berkuasa dengan sokongan popular kemudian berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dari dalam partinya sendiri.

Sebagai usaha awal, tulisan ini mungkin tidak memberi gambaran yang lengkap tentang topik yang diperkatakan. Tetapi diharapkan kerja yang dimulakan ini akan menjadi perintis kepada kajian-kajian mendalam mengenai satu era politik Melayu satu hari nanti apabila semakin banyak maklumat mengenai apa yang sebenarnya terjadi diperolehi, terutamanya apabila pihak-pihak yang terlibat, baik secara langsung atau tidak langsung, lebih bersedia untuk memberikan maklumat secara lebih berterus terang dan tidak penuh emosi.

*Desa Jaya
Kepong
Kuala Lumpur
Jun 1988*

CHAMIL WARIYA

ISI

<i>Pendahuluan</i>	v
1 PENGENALAN *	1
2 ERA MAHATHIR BERMULA	8
3 MANDAT BESAR 1986	31
4 MENGEMBANGKAN SAYAP KE SABAH ✓	55
5 UMNO BERGOLAK ✓	81
6 MEMPERTAHANKAN KETUANAN MELAYU	148
7 DILEMA PIMPINAN MAHATHIR	173
8 UMNO BARU	204
9 EPILOG	227
<i>Bibliografi</i>	249
<i>Indeks</i>	251

100

✓ PENGENALAN

SEJAK ditubuhkan pada 11 Mei 1946, UMNO atau ringkasan untuk United Malay National Organization (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), memang tidak sunyi daripada pergolakan dalaman yang boleh mengancam keutuhan parti itu. Malah pergolakan pertama berlaku sebaik sahaja ia diasaskan apabila golongan yang dianggap nasionalis-radikal dalam politik Melayu yang diwakili oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) membuat keputusan untuk keluar dari UMNO. PKMM merupakan salah sebuah pertubuhan Melayu yang telah bergabung di dalam UMNO untuk menentang projek Malayan Union yang cuba diperkenalkan oleh British sebaik sahaja penjajah itu berkuasa semula di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Tetapi penyekutuan PKMM di dalam UMNO tidak lama. Di persidangan UMNO yang diadakan di Ipoh pada tahun 1946, ia menarik diri daripada UMNO. Keputusan itu dibuat kononnya kerana keengganan pucuk pimpinan UMNO yang diketuai oleh Dato' Onn memenuhi permintaan PKMM supaya Sang Saka merah putih bendera-bendera Indonesia juga dijadikan warna bendera UMNO. Pengkaji-pengkaji lain pula mengatakan tindakan PKMM keluar ada kaitan dengan soal ideologi. Parti itu agak berhaluan kiri pada perjuangan mereka, percaya kepada idea-idea sosialis sedangkan UMNO sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu

yang dipengaruhi oleh feudalisme. Ada juga yang mengatakan bahawa PKMM berjuang untuk memerdekakan Tanah Melayu bersama Indonesia, sedangkan UMNO tidak.

Pergolakan yang lebih hebat berlaku dalam UMNO pada tahun 1951 apabila pengasas parti itu, Dato' Onn Ja'afar keluar dari UMNO setelah gagasan beliau untuk membuka pintu keahlian parti kepada bukan Melayu ditolak oleh ahli-ahli parti. Dato' Onn meninggalkan UMNO bersama dengan pemimpin-pemimpin yang probeliau, untuk mengasaskan Independence of Malaya Party (IMP). Tidak lama selepas Dato' Onn keluar, Persatuan Ulama yang telah diasaskan penubuhannya oleh UMNO melalui persidangan alim ulama di Kuala Lumpur dalam tahun 1950, juga turut meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS).

Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn, UMNO juga tidak sepi daripada pergolakan yang boleh mengancam pimpinan mereka dan parti.) Misalnya, (Tunku Abdul Rahman menghadapi tentangan kerana dasar-dasarnya yang pro-British) yang mengekalkan kehadiran pangkalan dan tentera British di negara ini. Beliau juga menghadapi tekanan kerana dasar-dasar yang dikatakan tidak menguntungkan Melayu dan terlalu memihak kepada bukan Melayu. Persatuan Guru-guru Melayu Semenanjung pimpinan Cikgu Mohd. Nor Ahmad (sekarang Datuk) membuat keputusan untuk meninggalkan UMNO kerana tidak puas hati dengan sikap Tunku Abdul Rahman terhadap sekolah-sekolah Melayu dan dasar pelajaran kebangsaan yang terlalu perlahan) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Di akhir-akhir pimpinannya, terutama selepas Perikatan dan UMNO kalah teruk dalam pilihanraya Mei 1969, Tunku Abdul Rahman menghadapi tekanan dari sekumpulan pemimpin parti termasuk Dr. Mahathir Mohamad, supaya beliau meletakkan jawatan. (Tunku Abdul Rahman telah ditohmah sebagai pemimpin yang tidak melaksanakan dasar-dasar ekonomi) yang menguntungkan Melayu.

(Tun Razak mengambil alih pimpinan UMNO dengan so-

...kongon popular bangsa Melayu dan setengah-setengah pihak) menganggap sebagai pemimpin yang telah mengembalikan maruah orang-orang Melayu di negara mereka sendiri. Tetapi hakikat itu tidak pula bermakna pimpinannya di dalam parti tidak dicabar. Secara langsung, kedudukan beliau sebagai presiden parti tidak ditentang (Secara tidak langsung kegiatan politik Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ketika itu, Datuk Harun Idris, telah ditafsir, setidak-tidaknya oleh para pembantu yang mengelilingi Tun Razak,) sebagai cubaan untuk mengancam pimpinan (Tun Razak. Lantaran itu usaha dibuat untuk mengetepikan Datuk Harun dari arena politik dengan menawarkan beliau menjadi wakil tetap Malaysia) ke (Bangsa-Bangsa Bersatu di New York,) atau jika tidak mahu, (akan didakwa kerana terlibat dengan rasuah.) Masalah Datuk Harun yang dikatakan bersaing kuasa dengan Tun Razak, atau lebih tepat lagi dengan kumpulan yang mengelilingi (Tun Razak seperti Datuk Abdullah Ahmad, tidak berjaya diselesaikan sendiri oleh Tun Razak kerana beliau meninggal dunia pada 14 Januari 1976.)

(Persoalan Datuk Harun yang telah menyebabkan UMNO bergolak, telah diwarisi oleh Tun Hussein Onn. Beliau membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah Datuk Harun di mahkamah, walaupun ia menyebabkan popularitinya dalam UMNO dicabar.) Di bawah (Tun Hussein,) Datuk Harun setelah digulingkan dari kedudukannya sebagai Menteri Besar melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri, beliau dipecat daripada UMNO.) Tetapi (akibat tekanan yang kuat, Datuk Harun diterima kembali sebagai ahli.)

Ketiadaan Datuk Harun dalam UMNO (kerana menjalani hukuman penjara setelah didapati bersalah dalam kes rasuah, bagaimanapun tidak mengamankan UMNO.) Dakwaan wujudnya anasir-anasir komunis atau pemimpin UMNO yang diperalatkan oleh komunis pula menimbulkan pergolakan baru. Kemuncak kepada pergolakan ini, beberapa orang pemimpin muda parti yang ada kaitan rapat dengan (Allahyarham Tun Razak, telah ditangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) kerana penglibatan) mereka

dengan kegiatan komunis. Mereka termasuklah Datuk Abdullah Ahmad, satu ketika setiausaha politik Tun Razak dan Datuk Abdullah Majid, yang pernah menjadi setiausaha akhbar Tun Razak. (Di samping mereka, beberapa yang lain juga ditahan. Antaranya ialah Kassim Ahmad, pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), A. Samad Ismail, editor urusan dengan kumpulan The New Straits Times)

Apabila pimpinan UMNO bertukar tangan daripada Tun Hussein kepada Dr. Mahathir Mohamad (beliau menjadi pemimpin parti dengan sokongan yang cukup popular) Kedu-dudukan (beliau sebagai presiden UMNO tidak dicabar) Pilihan beliau menjadi timbalannya, Datuk Musa Hitam, juga diterima. Malah pentadbiran mereka digelar kerajaan 2M—Mahathir-Musa. Di sebalik sokongan popular ini tidak siapa menduga bahawa satu pergolakan sengit akan berlaku dalam UMNO. Inilah yang berlaku tidak lama lepas itu. Pimpinan Dr. Mahathir dicabar, bukan oleh orang lain, tetapi orang-orang yang telah beliau pilih untuk membantu beliau dalam kerajaan dan parti termasuk (Datuk Musa sendiri yang secara mengejut mengumumkan perletakan jawatan sebagai timbalan presiden UMNO, timbalan perdana menteri dan menteri hal-ehwal dalam negeri pada awal tahun 1986.)

(Perletakan jawatan beliau itu telah menjadi kontroversi yang telah membuat UMNO bergelora) Pada mulanya ada sangkaan bahawa setelah berhenti Datuk Musa akan bersara dari politik seperti yang beliau bayangkan dalam surat perletakan jawatan beliau kepada perdana menteri. Tetapi dugaan itu meleset. Setelah dipujuk, Datuk Musa bersetuju kembali sebagai timbalan presiden, kemudian membuat keputusan untuk mempertahankan jawatan. (Ini menimbulkan masalah kerana seorang tokoh UMNO yang lain, Encik Ghafar Baba, telah dilantik sebagai timbalan perdana menteri dan kebiasaannya dalam UMNO, timbalan perdana menteri juga menjadi timbalan presiden. Jadi, apabila Datuk Musa membuat keputusan untuk mempertahankan jawatan, maka gelora itu semakin serius, terutamanya setelah Datuk Musa bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh untuk mencabar pimpinan)

Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Ghafar sebagai presiden dan timbalan presiden dalam parti pada pemilihan 24 April 1987. Pergolakan dalam parti bertambah serius apabila para pemimpin dalam parti dan kerajaan secara terbuka menyatakan siapakah tokoh sokongan mereka antara Dr. Mahathir/Ghafar dan Tengku Razaleigh/Musa sehingga muncul buat pertama kalinya *teams* dalam UMNO. *Team* Dr. Mahathir dikenali sebagai *team* A manakala *team* Tengku Razaleigh *team* B.

(Pergolakan dalam Umno tidak berakhir dengan pertandingan sengit merebut jawatan. Kemenangan Dr. Mahathir dengan majoriti 43 undi mengalahkan Tengku Razaleigh kemudian dicabar kesahihannya di mahkamah tinggi oleh sekumpulan 11 orang ahli parti.) Mereka mendakwa oleh kerana waktu pemilihan itu berlangsung terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan, maka keputusan 24 April itu tidak boleh diterima. Mereka meminta mahkamah mengisytiharkan keputusan itu sebagai tidak sah dan meminta perintah bagi diadakan satu pemilihan baru dalam masa tiga bulan. Kumpulan 11 itu bukan sahaja mendapat apa yang mereka minta tetapi lebih dari itu. (Secara langsung permohonan mereka bagi diadakan satu pemilihan baru telah ditolak. Ini kerana dalam membuat keputusan, hakim mahkamah tinggi, Datuk Harun Hashim menyatakan bahawa oleh kerana 30 cawangan UMNO tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan, maka menurut Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966,) UMNO pada keseluruhannya adalah tidak sah. Ini kerana akta itu menetapkan bahawa jika mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar, yang tidak sah bukan sahaja cawangan berkenaan, tetapi badan induk cawangan itu. Jadi oleh kerana waktu pemilihan berlangsung UMNO sendiri sebuah pertubuhan yang tidak sah, maka soal melayan permintaan 11 orang ahli UMNO itu tidak timbul, kata Datuk Harun Hashim.

Dengan keputusan mahkamah bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah, bekas pucuk pimpinan parti telah mengasaskan UMNO Baru untuk meneruskan perjuangan UMNO lama.

Tulisan ini bertujuan untuk merakamkan perkembangan yang berlaku di dalam UMNO di bawah era Dr. Mahathir sehingga membawa pengharamannya oleh pihak mahkamah. Pergolakan yang telah mencetuskan gelora dalam parti itu cuba diperincikan berdasarkan maklumat yang diperolehi dari berbagai-bagai pihak yang terlibat dalam pemilihan sengit 24 April 1987. Selain daripada pergolakan yang telah berlaku, beberapa perkembangan lain semasa Dr. Mahathir memimpin UMNO, juga disentuh. Dua perkara penting yang tidak boleh diketepikan ialah rancangan UMNO ke Sabah yang hebat diperkatakan pada satu ketika, tetapi kini telah sepi semula; dan mengenai pilihanraya 1986 yang diadakan tatkala pimpinan Dr. Mahathir sedang dicabar dari dalam partinya sendiri. Bagaimanapun pilihanraya itu memberi mandat yang lebih besar kepada beliau untuk memerintah (UMNO sendiri mencapai kemenangan seratus-peratus di Semenanjung Malaysia apabila kesemua 83 calonnya menang.) UMNO cuma kalah satu kerusi yang ditandinginya di Wilayah Persekutuan Labuan. Kejayaan besar beliau dalam pilihanraya umum bagaimanapun tidak menghalang pihak-pihak tertentu bergabung tenaga menentang kedudukannya sebagai presiden UMNO.

(Terbukti melalui pemilihan parti pada 24 April 1987 itu satu pola yang jelas: tatkala di kalangan rakyat pimpinan beliau diberi mandat yang lebih besar, di dalam partinya sendiri Dr. Mahathir cuma mendapat sokongan lebih sedikit daripada separuh para perwakilan yang telah membuat keputusan dalam pemilihan itu. Selepas itu, kedudukan beliau dianggap lemah oleh setengah-setengah pihak, terutamanya bukan Melayu. (Usaha dibuat untuk menekan Melayu yang berkemuncak dengan penyatuan MCA, Gerakan dan DAP menentang soal kenaikan pangkat guru-guru Cina yang tidak terdidik dalam bahasa Mandarin. Soal-soal asas yang menjadi kompromi politik Malaysia (seperti soal kerakyatan, hak istimewa orang Melayu) juga digunakan untuk menaikkan lagi suhu politik Malaysia.) MCA Selangor sudah berani menyatakan bahawa 'di negara ini tidak ada bangsa yang boleh dianggap sebagai peribumi'. Berbagai-bagai pertubuhan sosial dan

kumpulan pendesak juga mengambil kesempatan^(ber) dasar terbuka dan liberal Dr. Mahathir untuk mempersoal dasar-dasar kerajaan yang didakwa menguntungkan orang-orang Melayu abaja.) Perkara-perkara sensitif sudah berani diungkit. Apabila ada tanda-tanda bahawa perbincangan mengenai perkara-perkara seumpama itu boleh menggugat kestabilan dan ketenteraman awam, (Dr. Mahathir telah bertindak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN atau ISA) untuk menahan lebih seratus orang tokoh-tokoh masyarakat termasuk dari parti-parti politik Barisan Nasional sendiri yang dikatakan terlibat dalam tindakan-tindakan yang boleh mengancam keselamatan negara.)

Dunia tersentak, tetapi kesannya di negara ini nyata: perkara-perkara yang dianggap sensitif tidak lagi diperkatakan kurang-kurangnya secara terbuka. Di dalam partinya UMNO, Dr. Mahathir sendiri membiarkan pimpinannya dicabar, selepas menang dengan (majoriti tipis mengambil langkah membersihkan 'musuh-musuh' politiknya dari kedudukan-kedudukan dalam kerajaan dan parti. Malah usaha kumpulan 11 orang ahli UMNO mencabar keputusan yang memberi kemenangan kepada beliau di mahkamah dibiarkan tanpa usaha sungguh-sungguh) untuk memujuk mereka. (Tindakan 11 orang itu beresudahan dengan pengharaman ke atas UMNO dan penubuhan UMNO (Baru) tajaan Dr. Mahathir.)

Apakah yang telah menyebabkan semua pergolakan itu terjadi? Inilah yang cuba dijawab oleh buku ini dengan cara yang seobjektif mungkin.

ERA MAHATHIR BERMULA

ⓘ DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri pada 16 Julai 1981. Keputusan Tun Hussein Onn untuk melepaskan kedudukannya dalam UMNO (sebagai presiden) dan dalam kerajaan (sebagai perdana menteri) atas sebab-sebab kesihatan, telah membolehkan timbalan beliau, Dr. Mahathir mengambil alih jawatan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara ini. Walaupun dalam perlembagaan negara tidak ditetapkan bahawa presiden UMNO mesti menjadi perdana menteri, tetapi konvensyen ini telah menjadi amalan di negara ini sejak merdeka lagi. Siapa juga yang mengambil alih pimpinan UMNO secara automatik pula mengangkat sumpah menjadi perdana menteri. Menurut perlembagaan, tokoh yang hendak mengisi kedudukan itu hanya perlu menjadi seorang ahli parlimen (dewan rakyat) yang mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli parlimen yang lain. Tidak dinyatakan dia mesti seorang yang mengetuai mana-mana parti. Tetapi oleh kerana dalam politik negara ini kegiatan mengambil alih kuasa dalam parlimen dibuat berdasarkan parti, maka pemimpin parti yang paling banyak menguasai kerusi parlimen merupakan orang yang paling layak dan akan diundang oleh ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi perdana menteri.

Dalam konteks negara ini orang itu ialah ketua Barisan Nasional, iaitu gabungan 13 buah parti politik yang memiliki

terusi paling banyak dalam parlimen. Mulai Julai 1981, Dr. Mahathir atas sifatnya sebagai presiden UMNO yang memainkan peranan dominan dalam Barisan Nasional menjadi ketua. Maka kepada beliaulah atas andaian bahawa beliau mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli parlimen yang lain, diisytiharkan sebagai perdana menteri. Bagi mereka yang menyertai politik dan bercita-cita untuk membawa perubahan besar dalam sesebuah masyarakat, menjadi perdana menteri merupakan cita-cita terakhir mereka. Ini kerana dengan menjadi perdana menteri mereka akan mengambil alih teraju pemerintahan negara dan bertindak sebagai ketua eksekutifnya. Di setengah-setengah negara, khususnya yang sudah menjadi republik, jawatan ketua eksekutif ini dikenali sebagai presiden; manakala di negara-negara yang mengamalkan corak pemerintahan monarki seperti Malaysia kedudukan itu dikenali sebagai perdana menteri.

Jalan Berlaku ke Puncak Kuasa

Walaupun Dr. Mahathir Mohamad nampaknya mudah sahaja menjadi perdana menteri, tetapi jalan yang telah beliau lalui ke puncak kuasa sebenarnya penuh berliku. Oleh kerana beliau mempunyai pendirian yang tersendiri dalam banyak isu yang kerap kali tidak selari dengan pendirian elit-elit dominan lain yang memerintah, maka beliau keluar sebagai tokoh yang kontroversial tetapi popular dalam partinya sendiri. Beliau mungkin tidak disenangi oleh mereka yang berada dalam pucuk pimpinan parti, tetapi di peringkat *grass-root*, di kalangan intelektual Melayu, orang-orang akhbar, Dr. Mahathir merupakan seorang yang amat popular. Oleh kerana beliau berani untuk menyatakan pandangannya secara terbuka, terutamanya kegagalan kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman membela kepentingan Melayu sehingga beliau dipap sebagai *ultra* oleh bukan Melayu.

Malah sikap kritikal beliau terhadap pimpinan Tunku yang memuncak dengan desakan supaya beliau meletakkan jawatan kerajaan dan parti selepas meletusnya tragedi berdarah 13

Mei 1969. Ini telah mengakibatkan penyingkiran beliau dari pada UMNO—parti yang telah beliau sertai pada tahun 1946 tatkala semangat kebangsaan Melayu memuncak untuk menentang rancangan Malayan Union yang cuba dikuatkuasakan ke atas Tanah Melayu sebaik sahaja British kembali ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua tamat.

Walaupun beliau masuk UMNO pada tahun 1946, tetapi penglibatan politik Dr. Mahathir sebagai seorang aktivis sudah bermula lama sebelum itu. Beliau telah turut sama mengasaskan Kesatuan Melayu Kedah; juga terlibat dengan pembentukan SEBERKAS.

Kerjaya sepenuh masa dalam politik bermula pada tahun 1964 apabila beliau memenangi kerusi parlimen Kota Setar Selatan dalam pilihanraya tahun itu. Sebagai ahli parlimen dan penyokong kerajaan, Dr. Mahathir ialah seorang yang lantang dan kritikal. Akibat kelantangannya menyuarakan keluh-kesah orang-orang Melayu di tanahairnya sendiri, beliau telah tidak disenangi oleh orang-orang Cina. Apabila beliau tahu perasaan orang bukan Melayu terhadapnya, Dr. Mahathir secara terbuka mengeluarkan cabaran bahawa beliau tidak mengharapkan sokongan mereka dalam pilihanraya. Kenyataan beliau ini memberi kesan dalam usahanya mempertahankan kerusi parlimen Kota Setar dalam pilihanraya 1969. Oleh kerana pengundi Cina di kawasan parlimen itu difikirkan telah tidak mengundi beliau, tetapi memberi undi mereka kepada calon PAS, maka Dr. Mahathir gagal mempertahankan kedudukannya dalam parlimen. Beliau tewas di tangan Haji Yusof Rawa yang secara kebetulan juga kini mengetuai PAS. Tetapi dalam pilihanraya 10 Mei 1969 itu bukan Dr. Mahathir sahaja yang kalah. UMNO dan perikatan juga gagal mempertahankan majoriti dua pertiga yang dimiliki sejak merdeka. Kegagalan ini dilihat oleh Dr. Mahathir sebagai tanda kemarahan orang Melayu terhadap pucuk pimpinan UMNO yang ditubuhkan untuk memelihara dan membela kepentingan mereka. Kesempatan ini digunakan oleh orang-orang Melayu supaya UMNO membuat perubahan dalam pucuk pimpinan. Dr. Mahathir telah menjadi orang hadapan bagi tugas itu

yang telah menyebabkan beliau menghadapi padah politiknya dengan berkesudahan beliau disingkirkan dari UMNO.

Pemecatan Dr. Mahathir dari parti politik yang amat beliau sayangi pada tahun 1969 itu bagaimanapun tidak menamatkan riwayat politik beliau dalam UMNO. Buat sementara waktu, beliau menjadi pemberontak dalam buangan. Beliau tidak menyertai mana-mana parti politik. PAS dikatakan bersedia menerima beliau pada bila-bila masa sahaja. Malah Dr. Mahathir pernah muncul dalam satu rapat umum PAS di Kapar, Klang dalam satu pilihanraya kecil untuk menghentam UMNO. Tetapi yang dihentam oleh beliau sebenarnya bukan UMNO tetapi pimpinan UMNO waktu itu yang beliau tuduh tidak begitu membela Melayu seperti yang dijanjikan.

Bagaimanapun sebaik sahaja berlaku perubahan pimpinan dalam UMNO pada tahun 1971 dengan orde baru yang dikuatkuai oleh Tun Abdul Razak, pemulihan Dr. Mahathir ke dalam UMNO segera menyusul. Beliau sebenarnya boleh menyertai parti itu lebih cepat. Tetapi pendiriannya yang tegas apabila timbul isu penyertaan beliau ke dalam parti itu, Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau bersedia tetapi dengan syarat pucuk pimpinan parti tidak menyekat kebebasan beliau untuk bercakap apa sahaja mengenai hal-hal yang menurut pandangan beliau tidak betul.

Untuk menyertai semula UMNO, parti itu tentu tidak boleh membawa beliau masuk begitu sahaja. Beliau sendiri terpaksa membuat permohonan, seperti orang lain yang ingin menyertai parti itu. Ini pada mulanya tidak begitu ghairah dilakukan oleh Dr. Mahathir. Tetapi atas desakan kawan-kawan yang rapat dengannya yang telah memujuknya supaya mengemukakan permohonan dan dengan adanya jaminan bahawa kebebasan beliau mengkritik tidak akan disekat, Dr. Mahathir akhirnya mengalah. Antara kawan yang telah mengusahakan kemasukannya ke dalam UMNO selepas dipecat ialah Datuk Harun Idris yang baru sahaja menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1971. Datuk Harun pergi sendiri ke Alor Setar untuk meyakinkan Dr. Mahathir bahawa tenaga beliau sebenarnya lebih berguna di dalam UMNO.

Akhirnya beliau membuat permohonan untuk menjadi ahli UMNO semula. Anehnya, permohonan itu tidak dibuat di mana-mana cawangan di negerinya sendiri, iaitu Kedah. Sebaliknya, beliau telah diterima menjadi ahli UMNO di cawangan Rawang dalam negeri Selangor yang diketuai oleh seorang lagi sahabat beliau sejak sekian lama, Tengku Abdullah Tengku Abdul Rahman. Kemasukan tokoh yang pernah digelar Dr. UMNO itu ternyata mendapat sambutan yang popular daripada seluruh anggota UMNO. Ini terbukti apabila dalam pemilihan jawatan parti pada tahun 1972, beliau memenangi kerusi Majlis Tertinggi UMNO dengan undi terbanyak. Sokongan itu telah membuka jalan bagi beliau untuk naik lebih tinggi dalam parti. Tidak lama lepas itu beliau dilantik sebagai senator dan menjadi pengerusi FIMA. Tetapi kemasukan Dr. Mahathir ke dalam UMNO bukan sahaja diusahakan oleh Datuk Harun. Seorang pembantu Allahyarham Tun Razak, Datuk Abdullah Ahmad pernah menceritakan di London bahawa beliau juga telah berusaha membawa masuk Dr. Mahathir selain daripada mempengaruhi Tun Razak supaya memberi tempat kepada Dr. Mahathir di dalam kerajaan.

Dalam pilihanraya umum 1974, Dr. Mahathir telah bertanding untuk kerusi parlimen Kubang Pasu di Kedah dan beroleh kemenangan. Apabila Tun Razak membentuk kabinet selepas pilihanraya itu, beliau terus dilantik sebagai menteri pelajaran (kini dikenali sebagai menteri pendidikan), iaitu satu jawatan yang dikira agak kanan dalam kabinet. Malah perdana menteri-perdana menteri sebelum ini seperti Tun Razak dan Tun Hussein Onn pernah memegang jawatan itu. Tidak syak lagi kedudukan itu telah membantu beliau menjadi naib presiden UMNO dalam pemilihan parti 1975. Selain daripada sokongan yang diberikan oleh kaum guru yang waktu itu masih merupakan perwakilan yang agak besar dalam perhimpunan parti, Dr. Mahathir juga beruntung kerana nama beliau disebut oleh Tun Razak dalam ucapan dasar merasmikan perhimpunan UMNO itu. Selain nama Dr. Mahathir, dua nama lagi yang disebut oleh Tun Razak ialah Encik Ghafar

Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah. Pertandingan untuk jawatan naib presiden waktu itu agak sengit dan keputusan presiden parti menyebut nama tiga tokoh itu dengan memuji sumbangan dan peranan mereka dalam jawatan masing-masing telah ditafsirkan oleh para perwakilan bahawa ketua mereka mahu tiga orang itu dipilih menduduki tiga jawatan naib presiden yang ada. Ketiga-tiganya telah menang.

Dalam politik, kata bijak bestari, kita hanya boleh merancang, tetapi sama ada rancangan itu berjaya atau tidak banyak ditentukan oleh takdir. Dr. Mahathir memang telah disuratkan akan menjadi perdana menteri Malaysia dan presiden UMNO. Apabila beliau dilantik menjadi timbalan perdana menteri, ekoran kembalinya Tun Abdul Razak ke alam baqa pada 14 Januari 1976 di London, Dr. Mahathir memang telah diramalkan akan menjadi perdana menteri. Ini kerana kesihatan Tun Hussein yang mengambil alih pimpinan negara memang tidak begitu baik. Sebelum ini beliau pernah diserang penyakit jantung. Setelah melakukan pembedahan *coronary bypass* di London pada awal tahun 1981, sekembalinya ke tanahair, Tun Hussein membuat keputusan untuk bersara daripada politik dan pengganti automatik kepada beliau tidak lain tidak bukan ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana sistem warisan pimpinan UMNO telah menetapkan bahawa sebaik presiden bersara, timbalannya akan mengambil alih. Dr. Mahathir telah disahkan kedudukannya sebagai presiden dalam tahun itu tanpa tentangan sejajar dengan tradisi parti yang menjadi amalan sejak sekian lama.

Perubahan Zaman Mahathir: Kabinet

Tugas pertama Dr. Mahathir setelah mengambil alih pimpinan kerajaan pada 16 Julai 1981 ialah untuk melantik jemaah menteri yang akan membantu beliau melaksanakan tugas-tugas sebagai ketua eksekutif Malaysia. Artikel 43 Perlembagaan Negara menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara bertanggungjawab melantik menteri-menteri ini. Tetapi dalam amalan tugas berbuat demikian adalah hak pre-

rogatif perdana menteri kerana kita mengamalkan sistem kerajaan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Sekiranya mahu, Dr. Mahathir boleh melantik siapa sahaja ke jawatan tersebut asalkan mereka terdiri daripada anggota salah satu daripada dua dewan parlimen—Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Malah beliau juga boleh melantik pasukannya sendiri dan mengetepikan anggota-anggota kabinet Tun Hussein yang sedia ada. Tetapi walaupun Dr. Mahathir boleh dianggap sebagai seorang yang agak radikal, beliau telah tidak berbuat demikian. Malah apabila kabinet pertamanya diumumkan pada 18 Julai 1981, tidak seorang pun menteri-menteri dalam kabinet lama telah digugurkan. Kesemua mereka termasuk satu dua orang yang memang tidak disenangi oleh Dr. Mahathir, telah dikekalkan di jawatan masing-masing. Apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir ialah untuk menukarkan beberapa orang menteri ke kementerian lain. Seperti yang diramalkan, Datuk Musa Hitam yang telah memenangi timbalan presiden parti dalam perlawanan dengan Tengku Razaleigh Hamzah, telah dilantik sebagai timbalan perdana menteri. Tan Sri Ghazali Shafie, tokoh yang kontroversial kerana telah menahan beberapa orang pemimpin muda UMNO waktu itu di bawah AKDN dan pernah disebut-sebut akan dilantik oleh Tun Hussein sebagai timbalan perdana menteri, telah dipindahkan dari Kementerian Dalam Negeri ke Kementerian Luar Negeri. Tempatnya di Kementerian Dalam Negeri yang amat berkuasa dan berpengaruh itu telah diberikan kepada Datuk Musa Hitam. Tengku Razaleigh Hamzah yang dikatakan akan meletakkan jawatan kabinet selepas kalah dalam pertandingan timbalan presiden parti, juga dikekalkan dalam jemaah menteri sebagai menteri kewangan. Dalam rombakan pertama ini, cuma dua menteri baru dilantik, iaitu Datuk Seri Sanusi Junid yang diberikan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah diwujudkan semula dalam rombakan itu dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi dari Pulau Pinang yang dilantik sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jelas bahawa dalam melantik menteri, Dr. Mahathir tidak

menggunakan kesempatan untuk memberi tempat kepada mereka yang rapat dengan beliau atau yang boleh dianggap sebagai penyokong setia beliau. Malah Dr. Mahathir sudah pasti tidak akan berbuat demikian kerana beliau pernah mengkritik perdana menteri pertama, Tunku Abdul Rahman kerana telah melantik menteri berdasarkan kesetiaan peribadi kepada beliau. Hal ini jelas terkandung dalam tulisan Dr. Mahathir mengenai 'Problems of Democratic Nation Building in Malaysia', dalam *Solidarity*, Oktober 1971 yang diterbitkan di Manila. Dalam tulisan itu, beliau antara lain menimbulkan betapa keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tunku mengenai dasar dalam negeri dan luar negeri tanpa sebarang perundingan, dan hanya disampaikan kepada beberapa orang sahaja; perlantikan-perlantikan tertinggi dibuat oleh perdana menteri itu sendiri; asas bagi memegang jawatan di bawah Tunku dibuat berdasarkan kesetiaan peribadi kepada beliau; kritik-kritik jarang sekali diendahkan. Nyata jika perbuatan pilih kasih yang diamalkan oleh Tunku semasa beliau menjadi perdana menteri tidak disenangi oleh Dr. Mahathir, maka setelah Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, beliau tidak akan berbuat seperti yang telah diamalkan oleh perdana menteri pertama itu.

Dalam membentuk kabinet di peringkat awal Dr. Mahathir nampaknya telah berpegang teguh pada prinsip untuk tidak melantik penyokong-penyokong setianya sebagai menteri atau jawatan-jawatan tinggi yang lain. Asas perlantikan pembantu-pembantu beliau ialah kebolehan dan kemampuan bekerjasama dengan beliau. Itulah sebabnya walaupun perubahan dibuat pada kabinet boleh dikatakan setiap tahun sejak tahun 1981, perubahan itu tidak dibuat untuk memberi tempat kepada orang-orang beliau tetapi mengisi kekosongan kerana berlaku perletakan jawatan. Ini dilakukan selepas pilihanraya umum pada tahun 1982. Oleh kerana ada di antara menteri tidak lagi bertanding sebagai ahli parlimen, maka rombakan kecil telah dibuat pada kabinetnya. Datuk Shariff Ahmad, menteri kemajuan tanah dan wilayah telah tidak bertanding, maka terdapat satu kekosongan. Serentak

dengan itu, Datuk Mohamad Rahmat, menteri penerangan telah digugurkan dari kabinet kerana dilantik sebagai duta besar Malaysia ke Indonesia. Perubahan ini telah memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk melantik tiga orang menteri baru, iaitu Datuk Rais Yatim, Datuk Seri Adib Adam dan Datuk Mak Hon Kam. Dalam rombakan kecil setahun kemudian pada 2 Jun 1983, Dr. Mahathir juga tidak membuat perubahan radikal. Malah rombakan itu terpaksa dibuat kerana berlaku perletakan jawatan tiga orang menteri, iaitu presiden MCA, Datuk Lee San Choon, presiden Berjasa, Datuk Haji Muhammad Nasir dan menteri Berjaya dari Sabah, Datuk Pengiran Othman Pengiran Rauf. Peluang ini telah digunakan oleh Dr. Mahathir untuk menjadikan Datuk Shahrir Samad, seorang yang rapat dengan Datuk Musa, Anwar Ibrahim, seorang yang rapat dengan Dr. Mahathir sebagai menteri penuh. Datuk Shahrir menjadi menteri Wilayah Persekutuan, manakala Anwar yang masuk ke dalam UMNO dalam bulan April 1982 atas pujukan Dr. Mahathir, telah dilantik sebagai menteri kebudayaan, belia dan sukan. Dua orang menteri baru yang lain ialah Datuk James Ongkili mewakili Berjaya dan Datuk Chin Hon Ngian dari MCA.

Pada tahun 1984, ekoran pemilihan tiga tahun sekali pucuk pimpinan UMNO yang diadakan tahun itu, Dr. Mahathir sekali lagi telah membuat rombakan kecil dalam kabinetnya sebagai mencerminkan perkembangan terbaru yang berlaku dalam parti itu. Oleh kerana Tengku Razaleigh Hamzah tidak mendengar nasihat beliau supaya jangan lagi bertanding menentang Datuk Musa bagi jawatan timbalan presiden, dan oleh kerana ada desakan dari Datuk Musa sendiri supaya Tengku Razaleigh tidak dikekalkan di Kementerian Kewangan, maka Dr. Mahathir telah memindahkan Tengku Razaleigh ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tempat beliau yang kalah dalam cubaan kali kedua menjadi timbalan presiden di Perbendaharaan, telah diberikan kepada seorang tokoh perniagaan dari Kedah yang memang dikenali rapat dengan Dr. Mahathir, iaitu Daim Zainuddin. Kesempatan itu juga digunakan oleh Dr. Mahathir untuk melantik Datuk Abdullah Ahmad

Badawi yang baru sahaja menang naib presiden sebagai menteri pendidikan. Anwar Ibrahim pula dipindahkan ke Kementerian Pertanian, manakala Tan Sri Ghazali Shafie Tokoh yang disebut akan digugurkan dari kabinet Dr. Mahathir setiap kali rombakan dibuat sejak tahun 1981, akhirnya benar-benar digugurkan dalam rombakan tahun 1984, setelah beliau gagal mempertahankan kedudukan dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Sepanjang tahun 1985, tidak ada rombakan kabinet dilakukan oleh perdana menteri. Tetapi pada tahun 1986, ekoran perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai timbalan perdana menteri, menteri hal-ehwal dalam negeri berkuatkuasa pada 15 Mac, Dr. Mahathir terpaksa melakukan rombakan. Encik Ghafar Baba, salah seorang naib presiden UMNO, telah dilantik sebagai timbalan perdana menteri menggantikan Datuk Musa. Beliau juga dilantik menjadi menteri pembangunan negara dan luar bandar atas permintaannya sendiri. Ini memecahkan tradisi bahawa timbalan perdana menteri biasanya juga menjadi menteri dalam negeri yang kini dipegang sendiri oleh Dr. Mahathir. Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang dikenali sebagai orang yang rapat dengan Datuk Musa, dipindahkan dari Kementerian Pendidikan ke Kementerian Pertahanan. Tempat beliau di Kementerian Pendidikan diberikan kepada Anwar Ibrahim yang memang dikenali rapat dengan Dr. Mahathir. Seorang lagi penyokong Dr. Mahathir dalam kabinet, Datuk Seri Sanusi Junid telah dilantik menjadi menteri pertanian menggantikan Anwar Ibrahim.

Walaupun dalam kabinet selepas perletakan jawatan Datuk Musa sudah timbul gambaran ada menteri yang rapat dengan beliau dan Dr. Mahathir, mereka nampaknya tidak dibuang dari kedudukan masing-masing dalam kabinet. Malah dalam rombakan yang dibuat pada 12 Ogos 1986 selepas pilihanraya umum diadakan, Dr. Mahathir tidak membuat perubahan besar. Orang-orang Datuk Musa yang setahun kemudian membentuk *team B* untuk melawan *team A* pimpinan Dr. Mahathir, terus dikekalkan sebagai menteri. Datuk Abdullah tetap sebagai menteri pertahanan. Datuk Shahrir Samad cuma di-

pindahkan ke Kementerian Kebajikan Masyarakat selepas ketiadaan Datuk Musa. Datuk Rais Yatim pula dipindahkan ke Kementerian Luar Negeri dari Kementerian Penerangan manakala Datuk Ajib Ahmad, seorang lagi yang rapat dengan Datuk Musa, dan bekas menteri besar Johor, telah dilantik sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri. Datuk Najib Tun Razak bekas menteri besar Pahang Darul Makmur yang juga dikatakan memihak kepada Datuk Musa, dilantik menjadi menteri kebudayaan, belia dan sukan (sekarang Kementerian Belia dan Sukan).

Perubahan besar-besaran untuk mengetepikan orang-orang yang tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir hanya berlaku selepas pemilihan UMNO 24 April 1987. Enam hari selepas pemilihan berlangsung, iaitu pada 30 April Dr. Mahathir melalui Setiausaha Jemaah Menteri, Tan Sri Sallehuddin Mohammed, mengumumkan bahawa tugas Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Samad dan Datuk Ajib Ahmad serta empat orang timbalan menteri yang lain, telah ditamatkan walaupun mereka semua menang kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Serentak dengan itu, beliau juga memberitahu bahawa perletakan jawatan Datuk Rais Yatim sebagai menteri luar dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai menteri perdagangan dan perindustrian, telah diterima. Kedua-dua tokoh itu kalah dalam cubaan untuk memenangi jawatan dalam majlis tertinggi. Tengku Razaleigh kalah menjadi presiden manakala Datuk Rais gagal dalam cubaan menjadi naib presiden.

Selepas itu, jelas bahawa Dr. Mahathir akan hanya memberi tempat kepada penyokong-penyokong yang membantu kemenangan beliau dalam kedudukan kerajaan dan tidak lagi berdasarkan kebolehan seperti di peringkat awal beliau menjadi perdana menteri. Ini terbukti apabila kabinet baru diumumkan pada 19 Mei 1987, tidak seorang pun pemimpin UMNO yang berada dalam *team B* yang telah menentang beliau, dilantik sebarang jawatan menteri atau timbalan menteri. Menteri-menteri baru yang dilantik untuk mengisi kekosongan semuanya terdiri daripada tokoh-tokoh yang telah bekerja keras untuk mempertahankan Dr. Mahathir dari se-

angan *team B* dalam kempen-kempen menjelang pemilihan. Mereka termasuklah Datuk Mohamad Rahmat yang pada tahun 1982 telah digugurkan oleh Dr. Mahathir dari kabinet, Mustapha Mohamad (Kebajikan Masyarakat), Datuk Napsiah Omar (Perusahaan Awam), Datuk Dr. Yusof Nor (Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Sabaruddin Chik (Kebudayaan dan Pelancongan).

Perubahan Haluan Kerajaan

Dr. Mahathir tidak dinafikan memang pemimpin yang mempunyai cita-cita tinggi, selain daripada kontroversial. Walaupun sebaik sahaja mengambil alih kuasa beliau membayangkan tidak akan membuat perubahan-perubahan besar, tetapi terbukti sekarang bahawa berbagai-bagai dasar baru diperkenalkan. Tetapi, beliau tidak mengetepikan dasar asas, iaitu Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh pucuk pimpinan pada tahun 1971. Dasar itu diteruskan, tetapi di bawah dasar induk itulah perubahan beliau lakukan.

Perubahan yang bakal beliau lakukan jelas terbayang dalam pilihanraya pertama beliau menjadi perdana menteri pada tahun 1982. Slogan Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) menjadi tema pilihanraya, dan apabila membentuk kerajaan pula dijadikan nilai yang disemai di kalangan kakitangan sektor awam. Pegawai-pegawai kerajaan juga didisiplinkan. Kad perakam waktu diperkenalkan untuk semua kakitangan, termasuk para menteri dan pegawai-pegawai tinggi. Walaupun ada tentangan, tetapi ia kini diterima sebagai satu amalan untuk meninggikan produktiviti pekerjaan. Dasar Pandang ke Timur juga diperkenalkan, walaupun pada mulanya tidak ramai yang faham apa maksud sebenar beliau. Kini jelas bahawa dasar itu tidak bermaksud untuk menjepunkan Malaysia dan rakyatnya, tetapi untuk kita belajar daripada Jepun dan Korea Selatan, khususnya bagaimana untuk berjaya. Semangat kerja orang-orang Jepun yang telah berjaya menjadikan negara itu maju dalam industri, ingin dicontohi. Dasar itu juga tidak bermakna nilai Barat diketepikan. Apa yang

ingin dilakukan ialah menolak nilai-nilai Barat yang negatif, dan menerima nilai-nilai baik dan positif. Jelas bahawa Dr. Mahathir mahu yang terbaik dari Barat dan Timur. Tidak ada siapa patut menentang usaha itu.

Bagaimanapun, pembaharuan yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir tidak terhenti di situ sahaja. Untuk membuktikan bahawa beliau bukan orang kiri seperti yang pernah digambarkan oleh setengah-setengah pihak sebelum ini, Dr. Mahathir memperkenalkan konsep penswastaan. Di bawah program itu, beberapa agensi kerajaan akan diserahkan kepada sektor swasta. Tujuannya ialah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan yang semakin meningkat. Selain itu, ia juga dibuat untuk menggalakkan persaingan dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat, walaupun tidak dinafikan bahawa dalam persaingan, hanya yang *fittest* akan hidup. Dalam satu temuramah dengan penulis di London pada tahun 1983, Dr. Mahathir mengisytiharkan kepercayaannya bahawa sistem kapitalis berupaya untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Komitmen terhadap Islam—yang memang menjadi salah satu perjuangan UMNO juga ditingkatkan. Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran diperkenalkan. Beberapa perkembangan telah mempengaruhi dasar ini. Pertama, untuk menjawab tuduhan terutama daripada PAS bahawa UMNO tidak serius memperjuangkan Islam. Kedua, ada kaitan dengan apa yang disebut kebangkitan Islam pada keseluruhannya. Tidak kira pentadbiran Dr. Mahathir bermain politik atau ikhlas, tetapi kita kini sudah mempunyai institusi-institusi yang beroperasi menurut konsep Islam, setidak-tidaknya konsep Islam Dr. Mahathir dan UMNO. Universiti Islam Antarabangsa sudah wujud; Bank Islam yang pertama di rantau ini sudah memulakan operasinya sejak 1 Julai 1983; tamadun Islam juga dijadikan mata pelajaran wajib di institusi pengajian tinggi. Insurans Islam, etika kerja Islam juga tidak dilupakan dan kini menjadi tajuk perbualan di kalangan pekerja-pekerja.

Dr. Mahathir mengambil alih kuasa sewaktu negara sedang

menghadapi kemelesetan ekonomi dunia. Harga barangan atau komoditi utama negara merosot; ini bermakna pendapatan negara juga merosot. Ini memaksa kerajaan pimpinan beliau melaksanakan arah baru pembangunan dan pelaksanaan strategi pembangunan seperti yang diterangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan kepada parlimen dalam bulan Mac 1984. Dalam bidang pertanian, misalnya, pertanian bercorak perniagaan digalakkan. Sistem bertani secukup hidup hendak dihapuskan. Oleh kerana pendapatan kerajaan berkurangan, pemberian subsidi akan dikurangkan dari semasa ke semasa dan gerakan untuk melenyapkan mentaliti subsidi sedang dijalankan. Kemelesetan ekonomi dunia juga telah mengajar kita untuk tidak terlalu bergantung kepada pertumbuhan ekonomi di sektor eksport. Oleh sebab itu, pertumbuhan ekonomi dalam negeri ingin digalakkan. Tetapi ini tidak boleh dilakukan dengan jumlah penduduk yang kecil. Dalam usaha untuk membesarkan pasaran dalam negeri, jumlah penduduk ingin dibesarkan. Dr. Mahathir telah menetapkan bahawa jumlah penduduk perlu ditambah menjadi 70 juta dalam masa kira-kira 100 tahun. Seperti yang ditegaskan oleh Kajian Separuh Penggal RMK4: Memandangkan bahawa jumlah penduduk yang besar merupakan satu sumber tenaga manusia yang penting bagi mewujudkan bilangan pengguna yang besar dengan kuasa beli yang kian meningkat yang dapat menghasilkan dan menyokong perkembangan industri menerusi pengusahaan sumber-sumber negara, Malaysia oleh itu, boleh merancang satu jumlah penduduk yang lebih besar yang akhirnya berjumlah 70 juta orang.

Walaupun perubahan-perubahan yang beliau buat sejak menjadi perdana menteri mengejutkan banyak pihak, tetapi kejutan itu tidak sehebat seperti yang berlaku dalam pertengahan tahun 1983 apabila parlimen meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983. Pindaan tersebut, yang dibuat tanpa banyak publisiti sebenarnya mengandungi beberapa perkara. Pertama, pindaan itu bertujuan untuk menjelaskan lagi fungsi timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Pindaan itu memberi mereka kuasa yang dipunyai oleh menteri jika mereka menjalankan kewajipan dan fungsi menteri, walaupun ia tidak bermakna mereka boleh menggantikan menteri dalam jemaah menteri atau mengendalikan tugas-tugas yang dihadkan kepada menteri sahaja. Kedua, pindaan itu juga menambah kerusi Dewan Rakyat sebanyak 22 buah lagi, iaitu 18 untuk Semenanjung dan 4 Sabah menjadikan jumlahnya 176. Pindaan perlembagaan 1983 itu juga menamatkan rayuan ke *Privy Council* di England dan menubuhkan sebuah Mahkamah Agung.

Perkara-perkara di atas tidak menimbulkan kontroversi. Apa yang telah menimbulkan kebuntuan dan seterusnya krisis perlembagaan setelah Yang di-Pertuan Agong enggan memperkenankan rang undang-undang itu berkisar kepada soal kuasa rakyat dan kuasa raja yang selama ini bertindak atas nasihat jemaah menteri di peringkat pusat dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Rang undang-undang itu mencadangkan supaya Perkara 66(5) dipinda bagi memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah memperkenankan semua rang undang-undang yang dipersembahkan kepada Seri Paduka dalam masa 15 hari. Jika baginda tidak memberi perkenan dalam tempoh itu, rang undang-undang itu dengan sendirinya menjadi undang-undang. Tujuannya ialah untuk mengelakkan sebarang kelewatan di pihak istana negara, walaupun perkara itu belum pernah berlaku sebelum ini. Tetapi di peringkat negeri, kelewatan itu dikatakan pernah terjadi dan inilah salah satu sebab yang mendorong Dr. Mahathir untuk mengemukakan pindaan tersebut. Tetapi ada juga pihak yang mengatakan bahawa beliau membuat pindaan itu untuk mengelakkan timbulnya sebarang masalah dengan Yang di-Pertuan Agong pada masa depan kerana ketika pindaan itu dibuat, Malaysia berada di ambang pertukaran ketua negara. Sultan Pahang akan menamatkan tempoh perkhidmatan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan seorang ketua negara baru akan dipilih oleh Majlis Raja-raja untuk menggantikan baginda. Dua calon *favourite* ialah Sultan Perak dan Sultan Johor. Takhta kedua-dua negeri belum pernah

memegang jawatan tersebut, walaupun giliran mereka pernah diberikan sebelum itu.

Kedua-dua sultan itu dikatakan mempunyai *independent mind* dan keadaan itu dikatakan membimbangkan Dr. Mahathir. Sultan Perak bagaimanapun telah mangkat sebelum pemilihan dibuat dan Majlis Raja-raja bersetuju melantik Sultan Johor sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Perak yang baru sebagai timbalannya. Kebimbangan bahawa Dr. Mahathir khawatir Yang di-Pertuan Agong baru enggan bekerjasama terbukti tidak tepat. Hubungan ketua kerajaan dengan ketua negara itu tidak menghadapi sebarang masalah. Selain itu, harus diakui bahawa pindaan itu tidak dibuat dengan tujuan untuk manfaat perdana menteri sekarang, tetapi apa juga wakil rakyat yang dipilih ke jawatan itu pada masa depan. Pindaan yang dicadangkan itu tidak sahaja memberi tempoh 15 hari kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan rang undang-undang. Ia juga akan mengambil alih tugas untuk mengisytiharkan darurat daripada Seri Paduka untuk diberi kepada perdana menteri, walaupun dari segi kelembagaan sebenarnya kuasa itu dilakukan oleh baginda atas nasihat perdana menteri.

Walaupun pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh perdana menteri itu diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Seri Paduka enggan memperkenankannya. Selagi belum diperkenankan, selagi itulah ia tetap merupakan satu rang undang-undang. Maka tercetuslah satu krisis di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu itu sendiri. Dalam UMNO sendiri terdapat bibit-bibit tentangan terhadap apa yang dibuat oleh presiden mereka. Kebanyakan ahli UMNO sendiri sebenarnya mengikuti pergolakan itu melalui akhbar-akhbar. Pada mulanya media berita sendiri tidak banyak memberi penekanan tentang perkara itu. Ucapan Dr. Mahathir sewaktu mengemukakan usul itu menjadi bahan berita keesokannya, tetapi pindaan yang berkait dengan kuasa raja itu diselitkan di bahagian belakang. Jelas bahawa ahli UMNO ada yang tidak sedar tentang apa yang telah dibuat oleh presiden mereka. Majlis Tertinggi UMNO juga tidak mengetahui hal

itu dan hanya diberi taklimat setelah perkara itu meletup.

Di dalam UMNO, terdapat segelintir pemimpin lama yang disifatkan oleh Dr. Mahathir sebagai sudah kehilangan tempat dalam politik, yang menentang pindaan tersebut. Datuk Senu Abdul Rahman, bekas setiausaha agung parti, telah menulis surat terbuka mengingatkan implikasi pindaan terhadap bangsa Melayu. Datuk Harun juga tidak bersama Dr. Mahathir dalam perkembangan itu. Sepanjang episod itu, beliau membisu, tetapi secara peribadi beliau pernah memberitahu saya di Liverpool, walaupun beliau pada asasnya bersetuju dengan apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir itu, tetapi tidak bersetuju dengan cara presiden parti mengendalikan seluruh perkara itu, yang menurut beliau telah membelakangkan majlis tertinggi. Setidak-tidaknya menurut beliau, perkara itu patut dibincangkan oleh Biro Politik UMNO yang dipengerusikan oleh presiden sendiri. Tunku Abdul Rahman, bekas perdana menteri, juga tidak mahu ketinggalan dalam memperkatakan isu tersebut dan menggunakan kolumnya dalam akhbar *The Star* untuk menyentuh ramifikasi tindakan perdana menteri itu. Dalam hal ini pandangan atau tafsiran perdana menteri dan bekas perdana menteri itu berbeza sekali. Dr. Mahathir dalam rapat-rapat umum yang beliau adakan selepas perkara itu menjadi kontroversi di seluruh negara untuk memberi penjelasan kepada rakyat, berpendapat pindaan yang telah dibuat itu tidak bertujuan untuk menggugat kedudukan raja-raja Melayu dan kerana itu tidak perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-raja.

Tunku pula mengemukakan pendapat yang sebaliknya. Menulis dalam ruangan tetapnya dalam akhbar *The Star* pada 7 November 1983, bekas perdana menteri itu menyatakan bahawa pindaan yang telah dibuat itu sudah tentu menjejat keistimewaan, kemuliaan dan kedaulatan raja-raja dan hendaklah diluluskan setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Pada 13 Disember 1983 pula, Tunku mengulangi pendapat yang pernah disuarakan oleh seorang bekas ahli politik pembangkang, Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon, yang juga menulis dalam ruangan mingguan akhbar yang sama bahawa cara pindaan itu

dibuat secara tergesa-gesa adalah bertentangan dengan perlembagaan. Sebelum itu, Dr. Tan berkata, rang undang-undang patut dibahaskan secara meluas sebelum dibentangkan kepada parlimen. Tunku pula berpendapat bahawa pindaan sepenting itu terhadap perlembagaan mesti dirujuk kepada sebuah suruhanjaya diraja yang akan membuat keputusan muktamad, walaupun sebelum ini berkait dengan pemisahan Singapura dari Malaysia, Tunku sendiri telah tidak berbuat demikian.

Walaupun Tunku tidak bersetuju dengan pindaan yang telah dibuat berkait dengan Perisytiharan Darurat dan Perkenan Diraja kepada Rang Undang-undang, bekas perdana menteri itu dikira telah membantu Dr. Mahathir dan siapa juga yang akan menjadi perdana menteri pada masa akan datang tentang peranan sultan-sultan dan Yang di-Pertuan Agong dalam demokrasi berparlimen yang kita amalkan. Menulis atas tajuk 'The Role of the King' pada 13 Februari 1984, setelah krisis perlembagaan itu selesai, dan sempena perantikan Sultan Johor sebagai ketua negara yang baru, Tunku menegaskan: Di negara ini, kita telah menerima pemerintahan demokratik dengan raja berperlembagaan. Kuasa untuk memerintah, mengendali dan mentadbirkan negara, terletak di tangan rakyat. Raja-raja akan menikmati kedudukan istimewa mereka sebagai ketua simbolik negeri-negeri dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara'. Mesej yang sama pernah disuarakan, dalam bentuk dan cara yang lain, oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir sewaktu krisis perlembagaan itu memuncak apabila beliau memberikan sebab-sebab untuk tidak meletakkan jawatan. 'Saya tidak akan berhenti. Saya tidak ada hak untuk meletak jawatan kecuali rakyat mahu saya berbuat demikian,' tegasnya sambil menerangkan bahawa, 'Saya tidak memilih diri saya menjadi perdana menteri. Rakyat yang memilih saya. Jika rakyat merasakan alat ini sudah tidak lagi berguna, mereka boleh membuangnya dan memilih seorang lain menggantikan saya'. Dalam kes itu jelas bahawa UMNO dan rakyat yang telah memilih beliau dan membuat keputusan untuk mengekalkan Dr. Mahathir.

Soal yang menjadi tanda tanya, apakah benar Dr. Mahathir telah membelakangkan partinya sendiri dalam pindaan yang begitu penting. Sekali pandang itulah yang kelihatan. Walaupun, pindaan kepada perlembagaan itu telah dipersetujui oleh dua pertiga ahli-ahli parlimen, tetapi ahli-ahli UMNO tidak diberitahu mengenai perkara itu sebelum ia sampai ke Dewan Rakyat. Dr. Mahathir hanya meminta sokongan, dan sokongan itu beliau perolehi melalui rapat-rapat umum yang diadakan sepanjang krisis itu berlangsung. Rapat-rapat umum yang diadakan tidak syak lagi mendapat sambutan. Puluhan ribu orang, iaitu ahli UMNO dan Barisan Nasional serta rakyat biasa menghadirinya. Malah, pertemuan di Batu Pahat dihadiri oleh 200 ribu orang menurut berita *Utusan Melayu*, dan 100 ribu orang menurut *New Straits Times*. Selepas krisis itu meletus, Dr. Mahathir juga tidak membuat keputusan untuk memanggil perhimpunan agung khas—autoriti tertinggi parti untuk mendapatkan sokongannya. Ahli-ahli UMNO juga boleh memanggil satu perhimpunan khas serupa itu untuk memberi sokongan, seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan UMNO, juga telah tidak berbuat demikian. Apa yang dilakukan oleh presiden UMNO, yang juga perdana menteri ialah mengadakan satu pertemuan dengan ketua-ketua bahagian dan ketua pencerangan di Kuala Lumpur untuk menerangkan apa yang telah berlaku dan bukan untuk membincangkan sama ada bersetuju atau tidak dengan pindaan itu.

Jelas bahawa apa yang dibuat itu ialah untuk meminta sokongan dan restu bagi satu rancangan yang telah dibentangkan terlebih dulu. Untuk mengelakkan bahawa beliau mungkin dituduh telah membelakangkan parti dalam perkara itu, Dr. Mahathir telah memberitahu Perhimpunan Agung UMNO 1984 bahawa: 'Tidak ada gunanya kita mengadakan pemimpin, jika mereka tidak dibenarkan menggunakan budi bicara mereka sama sekali terutama apabila perbahasan umum akan mencetuskan banyak masalah dan ketegangan'. Sambil itu beliau mengingatkan bahawa satu pindaan terhadap perlembagaan negara yang melibatkan satu perkara yang lebih penting, iaitu pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun

1965, telah dibuat dengan cara yang tergesa-gesa oleh seorang pemimpin parti sebelum ini. Menurut hemat Dr. Mahathir mengenai perkara itu: Pemisahan mana-mana wilayah Malaysia dilarang oleh perlembagaan. Ia memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu. Sudah tentu parti patut diberitahu, jika tidak pun diberi peluang membahas. Tetapi seperti mana kita maklum, tidak ada sebarang rujukan atau perundingan. Setiausaha agung UMNO pada ketika itu meletak jawatan kerana membantah cara keputusan pemisahan Singapura dibuat. Tetapi pindaan itu terus dibuat, dengan dua perlembagaan daripada ahli Dewan Rakyat menyokong pindaan itu.

Apabila Dr. Mahathir menimbulkan perkara itu, pemimpin-pemimpin lama UMNO yang menghadiri upacara pembukaan perhimpunan Agung UMNO 1984 itu dilaporkan gelisah juga. Tetapi masing-masing merasa lega apabila beliau memberitahu bahawa beliau turut sama mengundi menyokong pindaan perlembagaan yang memisahkan Singapura dari Malaysia itu. 'Saya tidak membantah kerana matlamat adalah lebih penting daripada cara', tegas beliau. Bagaimanapun, seluruh soal pindaan perlembagaan itu tidak begitu menarik para perwakilan menjelang perhimpunan agung itu kerana ia telah berjaya diselesaikan secara kompromi antara wakil rakyat dengan raja-raja Melayu yang juga berjaya diselamatkan oleh UMNO daripada 'berkubur' pada tahun 1946. Kompromi itu yang dibentangkan ke parlimen dalam bulan Januari 1984 itu, sebenarnya hanya menegaskan fungsi raja-raja Melayu, iaitu sultan di peringkat negeri dan Yang di-Pertuan Agong di peringkat pusat dalam pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Di bawah kompromi yang dipersetujui itu, Yang di-Pertuan Agong diberi masa '30 hari campur 30 hari' untuk memperkenalkan apa juga rang undang-undang yang dipersembahkan kepada baginda. Tempoh 30 hari pertama adalah untuk baginda meneliti rang undang-undang itu. Kalau ada teguran dibuat ia hendaklah dikemukakan dalam tempoh itu kepada parlimen bagi diperbahaskan semula, yang selepas itu akan dipersembahkan semula rang undang-undang berkenaan. Selepas itu, baginda mempunyai 30 hari untuk

memberi perkenan. Selepas tempoh itu, kalau juga tidak diperkenankan, maka rang undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang.

Di bawah kompromi itu juga, kerajaan bersetuju untuk memansuhkan pindaan yang telah dibuat dalam bulan Julai mengenai kuasa mengisytiharkan darurat. Kuasa itu dikekalkan di tangan Seri Paduka, tetapi tidak syak lagi tugas itu dilakukan tertakluk kepada Perkara 40(1) dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan bertindak mengikut nasihat jemaah menteri atau menteri yang ditugaskan oleh jemaah menteri. Jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh bertindak mengikut budi bicara baginda, walaupun dalam beberapa perkara baginda boleh berbuat demikian.

Jelas bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir, sama seperti presiden-presiden UMNO sebelum ini, merupakan orang yang sebenarnya berkuasa dalam parti, dan tidak mahu diikat oleh majlis tertinggi atau perhimpunan agung dalam membuat sebarang perubahan dasar, walaupun satu ketika dulu beliau sendiri pernah mengkritik cara Tunku memimpin UMNO. Pendirian ini lebih jelas lagi setelah ucapan dasar beliau di perhimpunan 1984 di mana beliau menyatakan bahawa pemimpin parti mesti diberi kebebasan untuk membuat sesuatu tanpa perlu merujuk atau mendapatkan sokongan parti terlebih dulu. Malah inilah yang beliau lakukan sejak menjadi perdana menteri dan presiden pada tahun 1981. Segala perubahan dan dasar dibuat terlebih dulu dan kemudian beliau memaklumkan kepada majlis tertinggi dan perhimpunan agung. Oleh kerana ucapan-ucapan dasar itu sudah dibahaskan oleh perwakilan, dan tidak ada yang menolaknya, maka jadilah ia dasar parti yang dilaksanakan oleh kerajaan, sedangkan kalau mengikut perlembagaan dasar kerajaan yang dikuasai oleh UMNO hendaklah terlebih dulu mendapat persetujuan daripada majlis tertinggi. Apa yang berlaku dalam amalan adalah sebaliknya. Kerajaan akan membuat dasar itu terlebih dulu, dan parti akan mengesahkan dan menyokongnya.

Dilihat dari segi ini, apa yang terjadi ialah UMNO merupakan alat yang telah membolehkan pemimpin parti itu berkuasa untuk membentuk kerajaan. Walaupun menurut teorinya parti yang mengongkong kerajaan, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Malah dalam kerajaan itu pula, orang yang paling berpengaruh dan berkuasa ialah perdana menteri yang juga presiden parti. Beliau mengetuai satu pasukan yang diharapkan untuk memberi sokongan dan taat setia kepada pasukan yang beliau pimpin. Tidak ada tempat untuk mereka yang menentang dalam satu kumpulan berpasukan, itulah yang pernah ditegaskan oleh Dr. Mahathir satu ketika dulu kepada Perhimpunan Agung UMNO.

Dari segi politik UMNO, satu kejayaan besar Dr. Mahathir ialah membawa masuk Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, yang satu ketika dulu begitu kritikal terhadap kerajaan dan hampir-hampir hendak menyertai PAS. Dengan kemasukan Anwar itu, UMNO berjaya mengetepikan seorang pengkritik yang lantang terhadap pertubuhan itu untuk membolehkan ia memberi tumpuan menghadapi musuh-musuh yang lain, teramatnya PAS. Sekarang, Anwar sendiri kerap menentang perjuangan PAS dan mempertahankan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dibuat oleh UMNO.

Walaupun hampir keseluruhan program parti dan kerajaan dibuat sendirian oleh Dr. Mahathir dengan bantuan jentera kerajaan, tetapi apa yang dibuat mendapat sokongan. Setidaklaknya, ahli-ahli terkemuka UMNO yang juga duduk dalam majlis tertinggi memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi, termasuk dalam meminda perlembagaan pada tahun 1983. Malah dalam kes pindaan perlembagaan itu, mereka yang tidak menyatakan sokongan kepada beliau gagal mendapat tempat dalam majlis tertinggi. Mereka termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Harun Idris. Tetapi tokoh yang berdiri teguh di belakang Dr. Mahathir, terutama tujuh orang pemimpin muda UMNO yang diberi gelaran 'Pahlawan' oleh beliau, ialah Encik Ghafar Baba berjaya mengekalkan jawatan sebagai presiden yang telah disandang sejak tahun 1962 sedangkan pemimpin seangkatan dengan beliau sudah lama bersara

daripada politik sama ada secara paksa atau sukarela. Tetapi untuk mengatakan bahawa kesetiaan menjadi asas mereka mendapat tempat dalam kabinet tentu tidak berapa tepat. Encik Ghafar yang begitu lantang mempertahankan Dr. Mahathir sewaktu menghadapi tentangan dalam pindaan perlembagaan, tidak dikembalikan ke dalam kabinet ketika itu.

Sewaktu mengambil alih pimpinan dulu, beliau sebenarnya boleh membuat perubahan radikal dalam melantik para menteri. Bahkan, ada pihak yang meramalkan dan mengharapkan beliau berbuat demikian. Tetapi Dr. Mahathir telah tidak berbuat begitu. Hampir keseluruhan anggota jemaah menteri yang diwarisi daripada Tun Hussein dikekalkan dalam kabinet. Pertukaran kecil hanya dibuat beberapa tahun selepas itu. Hanya yang kehilangan sokongan daripada parti sahaja yang terpaksa digugurkan dan itu pun dibuat kerana ingin memberi peluang kepada tokoh-tokoh baru memegang jawatan politik yang penting dalam kerajaan. Tetapi tidak dinafikan bahawa beliau juga telah menggunakan kuasanya sebagai perdana menteri untuk membolehkan Anwar Ibrahim begitu cepat menjadi menteri penuh, dan di luar dugaan ramai, beliau telah membawa Daim Zainuddin, seorang jutawan Melayu yang memang diketahui rapat dengan beliau, menjadi menteri kewangan, menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah yang ditukarkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walaupun kerapatan Daim Zainuddin dengan Dr. Mahathir pernah ditimbulkan, tetapi cakap-cakap serupa itu berjaya dijawab kerana kemampuan dan kejayaan Daim menjadi seorang usahawan Melayu yang kaya dan berjaya. Harapan Dr. Mahathir sendiri ialah agar beliau boleh membawa kejayaan yang sama kepada kerajaan dan UMNO.

MANDAT BESAR 1986

MANDAT lima tahun pertama untuk Dr. Mahathir memerintah diperolehi menerusi pilihanraya umum dalam bulan April 1982. Menurut perlembagaan tempoh itu berakhir dalam bulan Julai 1987. Ini kerana walaupun pilihanraya itu diadakan dalam bulan April, tempoh lima tahun untuk berkuasa sebenarnya bermula dari tarikh Dewan Rakyat mengadakan persidangan selepas dipilih. Tidak seperti pada tahun 1982, Dr. Mahathir menunggu tibanya tarikh pilihanraya kali kedua ini dengan berbagai-bagai masalah. Kedudukan politik Barisan Nasional boleh dikatakan tidak begitu stabil. Krisis meletus satu demi satu bermula dengan pergolakan dalam MCA, kegagalan Barisan Nasional melalui *proxynya* untuk memerintah di Sabah, kemudian terjadi pula peristiwa Memali pada November 1985 yang mana pihak polis telah menggempur sebuah rumah tokoh PAS yang dikehendaki sebagai penjenayah yang telah mengakibatkan 18 orang terbunuh.

Peristiwa-peristiwa ini sedikit sebanyak menjejaskan nama baik kerajaan dan UMNO serta Dr. Mahathir sendiri. Ini diikuti pula dengan perletakan jawatan Datuk Musa Hitam dari parti dan kerajaan yang boleh digunakan oleh musuh-musuh UMNO untuk menggoncang kestabilan UMNO. Kemelesetan ekonomi seluruh dunia turut menjejaskan Malaysia kerana harga komoditi yang menjadi eksport utama negara jatuh

dengan banyaknya. Ini bermakna kerajaan kekurangan wang untuk projek-projek pembangunan. Ini juga bermakna, pendapatan rakyat, terutama yang bergantung pada eksport barangan utama, terutama di rancangan-rancangan Felda, juga merosot. Semua ini adalah ramuan yang baik untuk digunakan oleh pihak pembangkang untuk mencemarkan nama baik kerajaan.

Tetapi Dr. Mahathir beruntung kerana di negara ini tidak ada parti pembangkang yang menjadi alternatif kepada Barisan Nasional untuk memerintah. Lantaran itu apa juga kegagalan kerajaan tidak membantu parti-parti yang menentang kerajaan untuk menambah kerusi mereka di dewan rakyat atau di dewan-dewan negeri. Kerana itu, walaupun iklim ekonomi merisaukan kerajaan, terutama pengangguran di kalangan siswazah yang bertambah buat pertama kalinya dalam sejarah negara ini, keadaan tidak digunakan sebagai penghalang untuk menangguhkan pilihanraya.

Hanya yang ditunggu ialah masa yang sesuai. Jelas bahawa sebelum satu tarikh ditetapkan, Dr. Mahathir mahu memastikan bahawa masalah dalam rumahtangga Barisan Nasional diselesaikan terlebih dulu terutamanya krisis MCA yang meletus pada awal tahun 1984. Beliau tidak mahu krisis pimpinan dalam parti itu boleh menggugat prestasi Barisan Nasional di kalangan para pengundi bukan Melayu kerana Barisan Nasional mengharapkan MCA untuk mendapatkan sebanyak mungkin kerusi di kawasan-kawasan Cina.

Tidak seperti pilihanraya sebelum ini, pilihanraya pada 2 dan 3 Ogos 1986 ini bermula dengan spekulasi yang memakan masa setahun sebelum itu. Malah, akhbar-akhbar nasional mula menyiarkan berita pilihanraya ini sejak akhir tahun 1984, memberi gambaran seolah-olah bahawa pilihanraya akan diadakan pada awal tahun 1985. Misalnya, sepanjang bulan Januari dan Februari tahun itu, para pemimpin kerajaan sudah mempersiapkan rakyat dan anggota-anggota parti tentang kemungkinan pilihanraya diadakan pada waktu itu. Gesaan daripada ketua menteri, menteri-menteri dan para pemimpin kanan UMNO yang menyeru ahli-ahli parti mem-

berkemaskan jentera parti untuk menghadapi pilihanraya banyak disiarkan oleh akhbar-akhbar. Malah Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba pada 18 Februari 1985 mengisytiharkan bahawa Barisan Nasional sudah bersedia untuk menghadapi pilihanraya. Pemerhati politik merasakan bahawa kenyataan-kenyataan ini tentu tidak dibuat oleh mereka sekiranya mereka tidak mendapat isyarat daripada perdana menteri, Dr. Mahathir sendiri.

Bagaimanapun kenyataan Dr. Mahathir pada 30 Mac bahawa pilihanraya tidak akan diadakan lebih awal kerana ia boleh diadakan sebelum April 1987, telah mematikan spekulasi mengenai pilihanraya. Spekulasi itu hidup semula mulai perengahan tahun 1985 hinggalah ke awal tahun 1986. Menjejang waktu ini, krisis MCA sudah diselesaikan; masalah diabah juga sudah reda sedikit. Barangkali inilah tarikh yang sesuai. Tragedi Memali sudah tidak lagi diperkatakan. Tetapi timbul pula krisis baru dalam Barisan Nasional, iaitu perlembagaan jawatan Datuk Musa pada 16 Mac 1986. Keadaan ini barangkali mendorong Dr. Mahathir untuk menyatakan pada 18 April di Labuan bahawa pilihanraya tidak akan diadakan segera. Tetapi ucapan Dr. Mahathir itu tidak mematikan spekulasi mengenai pilihanraya kerana perdana menteri diketahui tidak akan menunggu hingga tempoh lima tahun berakhir baru pilihanraya hendak diadakan. Malah sejak tahun 1974, pilihanraya diadakan di Malaysia setiap empat tahun sekali, iaitu 1978 dan 1982.

Setelah spekulasi bermula akhir tahun 1984, maka apabila Dr. Mahathir mengumumkan pada 18 Julai bahawa parlimen akan dibubarkan mulai 19 Julai, maka semua pihak merasa lega. Dengan pembubaran parlimen bermakna bahawa pilihanraya kebangsaan dan negeri di Semenanjung, boleh diadakan dalam masa 60 hari seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan. Suruhanjaya Pilihanraya, sebuah badan bebas yang menguruskan pilihanraya, tidak mengambil masa untuk menentukan tarikhnya. Pada hari yang sama parlimen dibubarkan, pengumuman suruhanjaya itu, Tan Sri Abdul Kadir Talib mengumumkan bahawa hari penamaan calon ditetapkan pada 24 Julai

dan hari mengundi pada 2 dan 3 Ogos 1986 untuk Sabah dan Sarawak dan 3 Ogos untuk Semenanjung. Sabah dan Sarawak mengundi sehari lebih awal untuk memberikan mereka yang tinggal di pedalaman waktu yang cukup untuk mengundi. Pengiraan undi bagaimanapun dibuat pada 3 Ogos untuk menentukan siapa yang menang dan siapa yang kalah.

Parti Tindakan Demokratik (DAP) merasakan bahawa tarikh antara parlimen dibubarkan dengan penamaan calon adalah terlalu pendek dan bercanggah dengan peraturan pilihanraya, lalu cuba mendapatkan perintah mahkamah bagi menghalang penamaan calon dan hari pengundian. Bagaimanapun, Hakim Datuk Harun Hashim yang mendengar kes itu berpendapat, tidak ada undang-undang telah dilanggar dan pengisytiharan yang telah dibuat adalah betul. Ini bermakna, tarikh yang ditetapkan oleh suruhanjaya itu adalah sah.

Parti-parti yang Bertanding

✓ BARISAN NASIONAL

Barisan Nasional, di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad, yang telah memerintah Malaysia sejak merdeka, memasuki pilihanraya 1986 ini dengan penuh yakin. Malah sewaktu mengumumkan pembubaran parlimen, perdana menteri menegaskan bahawa beliau percaya yang Barisan Nasional akan dapat mempertahankan majoriti dua pertiga dalam parlimen dan mengekalkan pemerintahan di sebelas buah negeri di Semenanjung Malaysia. Sabah dan Sarawak tidak mengadakan pilihanraya negeri kerana pilihanraya untuk kedua-duanya diadakan secara berasingan. 'Malah jika diizinkan Tuhan kita akan perolehi lebih daripada dua pertiga,' kata Dr. Mahathir.

Keyakinan ini memang berasas kerana walaupun ada masalah dalam Barisan Nasional, tetapi ia telah berjaya diselesaikan. Barisan Nasional merupakan gabungan 13 buah parti beragai-bagai kaum yang terdiri daripada UMNO, MCA, MIC Gerakan, Parti Progresif Rakyat, Berjaya, Parti Bersatu Sabah

PBS, yang diterima sebagai anggota menjelang pilihanraya), Berjasa, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Sarawak United People Party (SUPP), Sarawak National Party (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan USNO. Menjelang pilihanraya juga, sebuah lagi parti politik, iaitu Hizbul Muslimin (Hamim) pimpinan Datuk Asri Haji Muda telah diterima pada prinsipnya sebagai anggota Barisan Nasional menjadikan jumlah komponen kepada 14 buah.

Bagi sebuah gabungan yang terdiri daripada pelbagai parti politik, maka masalah pembahagian kerusi sudah pasti tidak dapat dielakkan. Malah inilah yang berlaku sebelum tarikh pilihanraya diumumkan. Misalnya, Gerakan siang-siang lagi telah menuntut kerusi tambahan di peringkat parlimen dan negeri jika tidak mengancam untuk bertanding atas lambangnya sendiri. MIC serta MCA juga berbuat demikian, walaupun tidak ada ancaman dibuat. Kerana soal kerusi juga telah membuat Berjaya di Sabah meninggalkan Barisan Nasional kerana ia tidak berpuas hati apabila diperuntukkan cuma satu kerusi parlimen di negeri itu. Sabah mempunyai 20 kerusi parlimen kesemuanya. Dari jumlah itu PBS sebagai parti yang menguasai negeri, mendapat 14 manakala USNO pula lima. Berjasa yang telah membantu UMNO menggulingkan kerajaan PAS di Kelantan pada akhir tahun 1970-an juga membuat keputusan untuk tidak mahu meletakkan calon atas nama Barisan Nasional dalam pilihanraya itu. Secara rasmi Yang Dipertua Berjasa Datuk Haji Wan Hashim Hassan dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* sebagai berkata bahawa keputusan itu diambil kerana ingin memberi ruang yang lebih luas kepada UMNO menempatkan tokoh-tokohnya yang berkualiti dalam pilihanraya itu. Tetapi umum tahu bahawa sebab sebenar Berjasa memulaukan pilihanraya itu kerana ia tidak berpuas hati dengan jumlah kerusi yang diperuntukkan kepadanya serta tersinggung dengan kemasukan Hamim ke dalam Barisan Nasional. Kemasukan Hamim bermakna Berjasa terpaksa bersaing dengannya untuk mencari pengaruh di Kelantan, sedangkan pengaruh Berjasa sendiri selepas pengambilalirannya, Datuk Haji Mohamad Nasir yang pernah menjadi

menteri besar Kelantan dan menteri pusat, merosot dengan banyaknya.

Oleh kerana parti-parti yang meninggalkan Barisan Nasional menjelang pilihanraya itu sendiri sudah ketiadaan pengaruh, maka keutuhan Barisan Nasional tidak terjejas. Soal mendapat kerusi tambahan menjadi satu isu dalam pilihanraya 1986 ini kerana jumlah kawasan parlimen untuk pemilihan kali ini telah ditambah lagi 23 kerusi. Ini bermakna parlimen 1982 yang mempunyai 154 kerusi, ini akan menempatkan sejumlah 177 orang wakil rakyat selepas pilihanraya 1986. Pertambahan jumlah kerusi ini telah diputuskan dalam tahun 1983 sejajar dengan pertambahan penduduk di negara ini, untuk memastikan bahawa rakyat mempunyai perwakilan yang secukupnya.

Walaupun ada perbalahan, masalah pembahagian kerusi di kalangan anggota-anggota Barisan Nasional, akhirnya berjaya diselesaikan. Sebagai parti yang memerintah dan ingin terus mendapatkan mandat untuk berkuasa, Barisan Nasional meletakkan calon di setiap 177 kerusi parlimen dan 351 kerusi negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana UMNO menjadi tulang belakang Barisan Nasional, ia diperuntukkan jumlah kerusi terbanyak di peringkat parlimen, iaitu 84; diikuti oleh MCA 35 kerusi, Gerakan 7 kerusi, MIC 6 kerusi dan Hamim 2 kerusi parlimen. Dari segi pencalonan, Barisan Nasional telah menggunakan kesempatan ini untuk memperkenalkan 40 peratus calon-calon baru yang bertanding buat pertama kalinya dalam kerjaya politik mereka. Kesemua pemimpin utama UMNO telah diberikan kerusi. Dr. Mahathir sendiri mempertahankan kawasan Parlimen Kubang Pasu di Kedah; Encik Ghafar Baba bertanding di Jasin, Melaka; timbalan presiden UMNO, Datuk Musa Hitam bertanding di Kota Tinggi.

Beberapa tokoh veteran UMNO telah digugurkan. Mereka termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie, bekas menteri luar, Datuk Manan Osman, bekas menteri pertanian, Hajah Aishah Ghani, bekas menteri kebajikan masyarakat. Haji Suhaimi Kamarudin yang dua kali tewas pada Anwar Ibrahim dalam pertandingan Ketua Pemuda UMNO, juga digugurkan dari kawasan

parlimen Sepang, Selangor. Syed Hamid Albar, yang beberapa bulan sebelum pilihanraya mencabar Anwar Ibrahim bagi jawatan ketua pemuda katanya sebagai *proxy* Datuk Musa Hitam yang tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir digugurkan di saat-saat akhir sebagai calon di Sungai Benut, Johor. Beliau sudah menerima surat kuasa untuk menjadi calon parlimen kawasan itu sehari sebelum penamaan calon. Tetapi apabila beliau pergi ke Johor Bahru pada pagi 24 Julai selepas melepaskan jawatannya, sebagai Pengurus Besar Kanan di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, beliau diberitahu bahawa pencalonan beliau telah dibatalkan di saat akhir.

Satu sumber mengatakan bahawa pembatalan pencalonan beliau itu kerana adanya tekanan Anwar Ibrahim ke atas Dr. Mahathir yang tidak mahu melihat orang yang pernah mencabar beliau diberikan kerusi parlimen. Anwar Ibrahim sendiri menafikan bahawa beliau telah membuat tekanan serupa itu sebaik sahaja cerita mengenainya disebar. Penafian Anwar Ibrahim itu barangkali tepat kerana sejak itu, ada pula sumber mengatakan bahawa Syed Hamid digugurkan di saat-saat akhir untuk memberi tempat kepada Sharifah Dorah yang pada mulanya telah tidak disenaraikan sebagai calon. Tetapi Sharifah Dorah dikatakan telah menggunakan kerapatan beliau dengan pihak istana untuk mempengaruhi supaya beliau diberi tempat. Akibatnya, Syed Hamid terpaksa dikorbankan kerana kawasan parlimen Sungai Benut telah diberikan kepada Taufik Tun Dr. Ismail. Beliau sepatutnya bertanding di Parit Bulong kawasan yang menurut rancangannya akan dikosongkan oleh Sharifah Dorah. Syed Hamid lebih mudah diketepikan kerana beliau walaupun berasal dari Johor, tetapi akar umbi politiknya tidak di Johor sedangkan Taufik, meskipun banyak menghabiskan waktunya bekerja di Kuala Lumpur, tetapi aktif dalam politik UMNO di Johor.

Selain daripada menggugurkan beberapa orang lama, UMNO juga menggunakan kesempatan ini untuk menamatkan perkhidmatan dua orang menteri besar, iaitu di Selangor Darul Ehsan dan di Perlis. Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, adik par Dr. Mahathir, sehingga saat-saat akhir disahkan akan ber-

tanding lagi, tetapi di hari penamaan calon namanya tidak ada. Beliau sendiri memberitahu beliau telah ditawarkan kerusi parlimen, tetapi menolaknya dan membuat keputusan untuk bersara. Pengguguran Datuk Ali Haji Ahmad, menteri besar Perlis, memang tidak mengejutkan kerana beliau memang sudah menyatakan hasratnya untuk berundur dari pada politik. Penamaan calon itu juga membayangkan bahawa negeri-negeri Pahang dan Johor akan mempunyai menteri besar baru. Di Johor, menteri besar Datuk Ajib Ahmad tidak lagi bertanding kerusi negeri. Sebaliknya bertanding kerusi parlimen Mersing. Timbalan menteri perdagangan dan perindustrian, Haji Muhyiddin Yassin pula yang diramalkan mengambil alih tempat Datuk Ajib, bertanding kerusi negeri. Hal yang sama juga berlaku di Pahang, iaitu Najib Tun Razak bertanding kerusi parlimen manakala menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakob berpindah ke kerusi negeri Menteri besar dan ketua menteri yang lain di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Perak kesemuanya mempertahankan kerusi masing-masing. Ini membayangkan tidak ada perubahan pimpinan di peringkat tinggi di negeri-negeri tersebut.

Bagi MCA, pilihanraya 1986 ini adalah peluang untuk presidennya, Tan Koon Swan membersihkan ahli-ahli parlimen yang memusuhinya sewaktu krisis pimpinan parti itu berlarutan. Jadi, tidaklah memeranjatkan apabila tokoh-tokoh seperti menteri kesihatan, Datuk Chin Hon Ngian, menteri buruh, Datuk Mak Hon Kam, bekas pemangku presiden, Datuk Neo Yee Pan, bekas setiausaha agung parti, Tan Sri Chong Hon Nyan, Dr. Tan Tiong Hong serta beberapa yang lain telah digugurkan sebagai senarai calon parlimen. Ini kerana Tan Koon Swan sendiri terdesak untuk memberi tempat kepada penyokong-penyokongnya sebagai anugerah politik kerana kesetiaan mereka terhadap beliau semasa proses merebut kuasa dari Datuk Neo Yee Pan. Dengan ini, beliau akan memastikan bahawa ahli-ahli parlimen terdiri daripada orang-orang yang menyokong beliau dan kesetiaan mereka terhadap beliau tidak diragui lagi. Dalam pilihanraya 1986

ni, Tan Koon Swan sendiri membuat keputusan untuk berpindah kawasan dari Damansara di Kuala Lumpur ke Gopeng di Perak. Timbalannya pula berpindah dari kawasan Matang ke Cucing yang dikenali sebagai Bagan selepas 1986 ke Johor.

MIC pula tidak melakukan perubahan besar. Datuk Samy Vellu mempertahankan kawasan parlimennya di Sungai Siput; timbalan beliau Datuk S. Subramaniam di Segamat; timbalan menteri kesihatan Datuk K. Pathmanaban bertanding di Teluk Kemang; D.P. Vijendran di Kapar, Klang, S.S. Subramaniam yang sebelum itu ahli dewan negeri Selangor Darul Ehsan berpindah ke kerusi parlimen di Hulu Selangor. Kerusi tambahan yang diperolehi MIC dalam pilihanraya 1986 di Tapah telah diberikan kepada salah seorang naib presiden parti, M.G. Pandithan. Ini bermakna MIC dalam pilihanraya ini diberi enam kerusi parlimen.

Gerakan yang diperuntukkan jumlah kerusi yang sama seperti tahun 1982 tidak membuat perubahan besar. Presidennya Datuk Dr. Lim Kheng Yaik membuat keputusan untuk bertanding kerusi parlimen Beruas yang disandang oleh Datuk Michael Chen. Di Pulau Pinang, ahli-ahli lama memperahankan kerusi masing-masing; bendahari agung parti itu, Datuk Alex Lee pula bertanding di kerusi parlimen Batu, Kuala Lumpur.

PARTI PEMBANGKANG

Walaupun ketika parti-parti yang mempertahankan kuasa berjaya beratu dalam satu barisan, parti-parti pembangkang berbalah sesama sendiri. Pada mulanya ada usaha oleh DAP, PAS, PSRM dan NASMA, sebuah parti baru yang dibentuk beberapa bulan sebelum pilihanraya berlangsung, berusaha untuk mewujudkan sebuah barisan pembangkang bagi menawarkan diri mereka sebagai alternatif kepada Barisan Nasional untuk membentuk kerajaan kepada para pengundi. Satu persefahaman oleh keempat buah parti telah ditandatangani pada 10 Julai 1986. Tetapi kerana dua parti pembangkang utama—PAS dan DAP tidak dapat menyelesaikan perbezaan mereka mengenai bentuk sebuah barisan pembangkang, maka usaha

itu telah berkubur. PAS bertegas mahu menjadikan perjuangan Islamnya sebagai asas barisan pembangkang itu; DAP pula enggan menerimanya dan mencadangkan sebuah pembangkang yang lebih umum perjuangannya. Lantaran itu, parti-parti pembangkang mengambil jalan mereka sendiri mengenai jumlah calon yang hendak diletakkan dalam pilihanraya 1981 itu.

Di peringkat parlimen, PAS meletakkan lebih ramai calon daripada DAP, iaitu seramai 98 orang berbanding dengan jumlah kerusi parlimen sebanyak 177. Ini bermakna PAS tidak menyediakan dirinya sebagai alternatif kepada Barisan Nasional untuk mengambil alih kuasa. Ini kerana dalam pilihanraya kebangsaan PAS mempunyai rekod yang agak teruk. Jumlah kerusi yang paling banyak dimenangi ialah 12, iaitu dalam pilihanraya 1969. Dalam pilihanraya 1981 PAS cuma ada 5 kerusi sahaja. PAS sendiri sedar akan hakikat ini. Sebagai sebuah parti Islam, ia cuma boleh mendapat sokongan dari orang-orang Melayu dan Islam sahaja. Lantaran itu, harapan parti itu untuk mengambil alih pemerintahan Malaysia sendirian menerusi proses demokrasi memang tidak ada. Ia sedar bahawa DAP tidak boleh diharapkan untuk membantunya meluaskan pengaruhnya di kalangan bukit Melayu. Sebab itu ia mengusahakan caranya sendiri untuk mendapatkan kerjasama bukan Melayu dengan menaja apa yang dikenali sebagai Chinese Consultative Council (CCC) yang telah digunakan untuk mencari pengaruh di kalangan orang-orang Cina. Melalui CCC ini PAS cuba menerangkan perjuangannya. CCC ini terdiri daripada orang-orang Cina yang tidak menyokong Barisan Nasional atau DAP dan dipimpin oleh orang-orang Cina yang sudah memeluk agama Islam dan yang tidak. Tetapi kerjasama PAS dan CCC ini memberi kesan yang sebaliknya kepada PAS. Usaha itu telah digunakan oleh UMNO dengan bijaknya untuk menelanjangkan tembelang PAS berpakat dengan orang kafir semata-mata kerana inginkan kuasa sedangkan beberapa bulan sebelum itu, PAS melalui amanat Haji Hadi telah mengkafirkan orang-orang UMNO. Taktik PAS bekerjasama dengan CCC ini ya

teboh dikatakan di pantai barat Semenanjung Malaysia cuba dirahsiakan oleh para pemimpin parti itu dari para penyokongnya di Kelantan dan Terengganu. Apabila akhbar-akhbar mula melaporkan apa yang diusahakan oleh PAS secara meluas, mereka yang ingin menyokong parti itu telah melarikan sokongan mereka.

Tatkala PAS merasakan dirinya tidak mempunyai keyakinan untuk memenangi kerusi parlimen, tetapi ia begitu yakin untuk mengambil alih pemerintahan empat buah negeri, iaitu Kelantan, Terengganu (yang pernah diperintah oleh PAS satu ketika dulu), Kedah dan Perlis. Atas kesedaran itu, PAS telah meletakkan calon di setiap kerusi dewan negeri di keempat-empat buah negeri itu. Malah Ketua Pemuda PAS, Haji Mustafa Ali secara terang-terang berkata bahawa selepas 3 Ogos 1986, PAS akan berkuasa di keempat-empat buah negeri itu. Keyakinan beliau itu diasaskan kepada sambutan yang diberikan oleh orang-orang Islam dalam setiap ceramah PAS yang diadakan di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

DAP pula meletakkan calon parlimen dan negeri yang lebih sedikit daripada PAS. Ia cuma meletakkan calon di 64 kerusi parlimen, kebanyakannya di bandar-bandar di mana pengundi Cina menguasai kawasan pilihanraya. Ia juga menempatkan 18 orang calon di peringkat negeri. Buat pertama kalinya, DAP meletakkan calon di Sabah dan Sarawak menjadikannya sebagai satu-satu parti politik yang boleh mendakwa benar-benar bersifat kebangsaan kerana mempunyai calon di seluruh negara.

Tetapi jelas dalam pilihanraya 1986 ini, DAP lebih memusatkan perhatian dan usaha untuk cuba menawan Pulau Pinang. Seperti PAS berhasrat untuk menawan Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah, DAP juga bercita-cita untuk memerintah Pulau Pinang memandangkan negeri itu mempunyai majoriti kerusi negeri yang dikuasai oleh pengundi Cina. Hakikat ini telah mendorong ketua DAP, Lim Kit Siang untuk berpindah dari kawasan parlimen dan negeri di Melaka ke Pulau Pinang. Selain dari menawarkan dirinya sebagai ahli parlimen di kawasan Tanjung, Lim Kit Siang juga bertanding di kerusi negeri

Kampung Kolam. Ini adalah sebagai persiapan untuk membolehkan beliau menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang jika DAP memenangi kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan, barangkali dengan kerjasama PAS.

Kerana kegagalan untuk mewujudkan sebuah pakatan, maka parti-parti pembangkang terpaksa berlawan antara satu sama lain di beberapa kawasan. Misalnya, bagi parlimen Gopeng, PAS, DAP dan SDP turut meletakkan calon untuk melawan calon Barisan Nasional. Di kerusi negeri bagi Kajang dan Klang di Selangor Darul Ehsan, SDP dan PAS juga meletakkan calon masing-masing. Di tiga kawasan negeri di Perak, iaitu di Sungai Rokam, Air Kuning dan Lahat, PAS dan SDP sama-sama menentang calon Barisan Nasional. Hal-hal serupa ini tentu boleh dielakkan sekiranya parti-parti berkenaan boleh mencapai persefahaman mengenai kawasan mana setiap satu parti harus bertanding seperti yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional. Dari segi ini, parti-parti pembangkang boleh dikatakan telah mengalami kekalahan pusingan pertama. Apabila mereka dilihat gagal untuk bersatu sebelum kuasa berada dalam genggaman, jika berkuasa tentu juga mereka tidak boleh diharapkan untuk menunjukkan perpaduan.

Manifesto dan Kempen

Barisan Nasional mengumumkan manifesto pilihanrayanya sehari selepas penamaan calon pada 25 Julai 1986. Sekiranya dalam pilihanraya 1982, slogan manifesto Barisan Nasional ialah 'Bersih, Cekap dan Amanah', slogan yang telah dipilih bagi pilihanraya 1986 ialah 'Tradisi Membela Rakyat'. Tidak ada perkara-perkara baru dijanjikan oleh parti yang memerintah dalam manifesto setebal 14 muka yang telah dilancarkan oleh perdana menteri, Dr. Mahathir di Kuala Lumpur itu. Hanya cuma memperbaharui komitmen Barisan Nasional untuk kebebasan beragama, berkebudayaan yang tidak akan meniadakan mana-mana kepercayaan atau kebudayaan, ia juga menjamin bahawa sistem pendidikan rendah Cina dan Tamil tidak

kan dihapuskan. Ia juga menjanjikan pembangunan yang seimbang antara industri ringan dan berat. Barisan Nasional juga berikrar untuk mewujudkan perpaduan nasional, menyediakan pekerjaan, perumahan dan keadilan sosial kepada rakyat negara ini. Komitmen terhadap sebuah masyarakat yang demokratik, sebuah masyarakat liberal, sederhana, menurut manifesto itu akan diteruskan.

Dalam surat terbukanya yang mendahului manifesto Barisan Nasional itu, Dr. Mahathir meminta rakyat supaya jangan menyalahkan kerajaan kerana kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara ini. Beliau menolak dakwaan bahawa fenomena yang dihadapi itu bukan berpunca dari salah pengurusan kerajaan, tetapi kerana kejatuhan harga komoditi oleh faktor-faktor yang tidak dapat dikawal oleh kerajaan.

Beliau juga merayu pengundi supaya memberi Barisan Nasional majoriti dua pertiga yang diperlukan untuk mentadbir negara dengan berkesan. Menurut beliau, masyarakat majmuk Malaysia memerlukan sebuah kerajaan yang stabil untuk mara ke hadapan, untuk menjamin kemajuan. Sebuah kerajaan yang lemah hanya akan bermain politik dan berfoya-foya sentiasa mencari populariti dengan tidak berbuat apa-apa yang perlu dilakukan untuk memajukan negara. Sebuah kerajaan yang lemah tidak akan membimbing kita mengatasi kemelesetan sekarang ini. Ini kerana menurut beliau, apabila pemimpin-pemimpin politik terpaksa berlakon secara tidak jujur untuk mengekalkan kedudukan mereka, negara dan rakyat menanggung sengsara. Sanggupkah kita menghampakan masa depan anak cucu kita? Beliau bertanya.

Dr. Mahathir merasa perlu merayu rakyat supaya mengekalkan Barisan Nasional dengan majoriti dua pertiga—kedudukan yang diperlukan untuk membolehkan kerajaan meminda perlembagaan—kerana DAP sudah pun mengeluarkan manifestonya yang mengajak rakyat supaya menafikan Barisan Nasional majoriti dua pertiga di dewan rakyat. Kempen DAP ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang lemah yang tidak boleh meminda perlembagaan ikut suka mereka bila-bila masa seperti yang pernah dibuat sebelum ini. Selain

daripada ingin menafikan Barisan Nasional majoriti dua pertiga, DAP juga mencanangkan perjuangan Malaysian Malaysia dalam manifestonya dalam pilihanraya kali ini. Bagi pengundi Melayu, konsep Malaysian Malaysia DAP ini memang menakutkan kerana di bawah rancangan itu, hak-hak istimewa orang Melayu yang dijamin oleh perlembagaan secara automatik hilang. Oleh kerana DAP mengasaskan perjuangannya kepada persamaan yang menguntungkan orang-orang Cina yang memang sudah menguasai ekonomi di negara ini, maka pengundi Melayu tidak tertarik dengan apa yang dilaungkannya.

PAS pula mengumumkan manifestonya sehari selepas Barisan Nasional. Dalam manifesto yang diumumkan oleh setiausaha agungnya, Haji Hassan Shukri pada 26 Julai 1986 itu, PAS mengumumkan rancangan 12 perkara yang akan menjadi asas pemerintahannya jika ia berkuasa. Antara lain parti itu merancang penubuhan sebuah suruhanjaya diraja bagi mengkaji perundangan negara sejak merdeka yang menindas dan meragut kebebasan rakyat serta menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Kanun Keseksaan. Penubuhan sebuah badan pengawas bebas yang berkuasa mengawasi pelaksanaan dan penggubalan undang-undang berdasarkan prinsip-prinsip Islam dan nilai-nilai sejagat. Memastikan sesuatu undang-undang yang dikanunkan adalah adil dan para hakim bebas daripada gangguan dan campur tangan.

Dalam manifestonya itu, PAS juga mengemukakan enam perisytiharan; antaranya ialah azam parti itu membentuk kerajaan dan pemerintahan mengikut dasar-dasar dan panduan Islam serta menghormati hak kemanusiaan. Parti itu juga berazam mempertahankan kebebasan dan persamaan, menjamin keadilan sosial dan perundangan serta mewujudkan sebuah masyarakat bersatu padu. Mengenai pendidikan dan kebudayaan, manifesto itu menyebut parti itu akan memperjuangkan sistem dan pendidikan yang berteraskan Islam. Ia juga akan memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, dan samping memelihara bahasa al-Quran dan menjamin kebebasan bahasa-bahasa lain. PAS juga berikrar untuk menjamin

kebebasan setiap kaum memajukan bahasa, pelajaran dan kebudayaan berlandaskan perpaduan negara. Dalam manifesto itu, PAS juga membuat komitmen untuk melakukan perubahan struktur dalam pertahanan negara. Ia mengatakan bahawa angkatan tentera akan dilengkapi dengan latihan ketenteraan yang bertujuan untuk mengukuhkan peribadi selain daripada membentuk pasukan polis yang cekap dan adil. Ia juga membuat komitmen untuk mengurangkan amalan penayah, maksiat dan kejahatan menerusi pelaksanaan dasar-dasar adil, peluang pekerjaan yang cukup, didikan yang sempurna dan mewajibkan tanggungjawab negara dalam membendung kejahatan.

Selain daripada manifesto nasional, PAS juga mengemukakan manifesto berasingan di empat buah negeri yang ingin ditawannya. Misalnya, pada 31 Julai 1986, Pengarah Pilihanraya PAS Terengganu, Haji Mustafa Ali mengumumkan manifesto khusus untuk negeri itu yang membuat ikrar menghapuskan beberapa jenis cukai yang melibatkan golongan berpendapatan rendah. Ia juga berjanji memelihara hak-hak orang bukan Islam yang menurut beliau tidak akan dirampas oleh sesiapa pun. Antara cukai-cukai yang ingin dihapuskan termasuklah lesen beca roda tiga, lesen perniagaan kecil kelolaan majlis perbandaran dan daerah, cukai gerai perniagaan, cukai bakul di pasar-pasar serta lesen bot dan perahu nelayan. Manifesto untuk negeri Terengganu itu juga berjanji untuk menyemak masalah cukai pintu, menurunkan kadar bayaran air, elektrik, menghapuskan cukai tanah milik orang Islam dan menggantikannya dengan zakat manakala tanah-tanah orang Islam dikenakan kharaj.

Dalam manifesto PAS itu Haji Mustafa juga membayangkan perubahan struktur dalam undang-undang tubuh Terengganu. Kata beliau, 'perlembagaan negeri akan dipinda berdasarkan hukum Islam dan undang-undang Islam akan dikuatkuasakan di seluruh negeri tanpa mengenali batas keturunan, bangsa, agama kecuali dalam hal-hal berhubung dengan ibadah dan undang-undang kekeluargaan. PAS juga akan merubah dan menyusun pentadbiran dan perancangan ekonomi negeri yang

sedia ada selaras dengan Islam', tegasnya. Ini termasuklah mewujudkan dasar petroleum dan gas yang tersendiri, termasuk menyemak perjanjian bayaran royalti minyak lima peratus dengan kerajaan pusat dan berusaha mendirikan kilang penapisan petroleum terbesar di negeri itu. Ia juga berusaha membina pusat-pusat rawatan dan hospital-hospital Islam, menyediakan dasar perumahan negeri, menubuhkan badan aduan dan menghentikan operasi anak-anak syarikat perbadanan yang merugikan. Ia juga berjanji untuk memberi bantuan asas tambahan kepada orang-orang miskin seperti pakaian, makanan dan tempat tinggal untuk mengatasi masalah kehidupan mereka. Sebuah universiti Islam juga dirancang pembinaannya di Terengganu jika PAS berkuasa di negeri itu. Manifesto yang lebih kurang sama mesejnya, tetapi dengan perubahan-perubahan selari dengan iklim tempatan juga disebarikan di Kedah, Perlis dan Kelantan.

Jelas bahawa dalam menghadapi pilihanraya ini, Barisan Nasional mengemukakan manifesto yang mempertahankan rekod kerjanya selama ini yang dianggap cemerlang dan wajar diberi mandat untuk terus memerintah dengan kekuatan dua pertiga. DAP pula ingin menafikan majoriti itu manakala PAS pula mengusulkan perubahan struktur dalam sistem pemerintahan Malaysia berasaskan Islam yang menjadi perjuangannya.

Tetapi dalam kempen-kempen yang berlangsung, perbincangan mengenai soal dasar ini tidak begitu timbul. Sekurang-kurangnya membaca kenyataan-kenyataan yang disiarkan oleh akhbar, kita dapati bahawa kempen lebih banyak berkisar bukan kepada isu tetapi emosi dan kegiatan memburukkan satu sama lain serta menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat mengenai kemungkinan negara huru-hara jika parti politik selain daripada Barisan Nasional memerintah. Para pemimpin Barisan Nasional menggambarkan parti pembangkang sebagai tidak bertanggungjawab, tamakkan kuasa tidak rasional dan tidak berpengalaman untuk memerintah. Lantaran itu yang ditimbulkan ialah perkara remeh-temeh seperti keengganan para penyokong PAS bersalaman dengan

para pemimpin UMNO dan Barisan Nasional; soal kegagalan parti-parti pembangkang membentuk sebuah pakatan; kerjasama PAS dengan CCC yang digunakan untuk mencemarkan PAS. Yang terlibat dalam kempen-kempen serupa ini bukan pemimpin-pemimpin kecil, tetapi pemimpin-pemimpin utama kerajaan itu sendiri. Misalnya, Anwar Ibrahim, menteri pendidikan dan Ketua Pemuda UMNO ketika itu, bertanyakan PAS mengenai kutipan tabung jihad parti itu. Beliau menimbulkan keraguan mengenai cara pimpinan PAS menguruskan wang kutipan tersebut memberi gambaran bahawa telah berlaku penyelewengan. Mesej terselindung beliau di sini barangkali ialah sekiranya sebelum mendapat kuasa, PAS banyak berjaya, setelah memerintah tentulah lebih dari itu.

Dalam satu kempen pada 28 Julai di Terengganu, Anwar berkata, bahawa pemimpin PAS tidak berupaya melaksanakan tanggungjawab walaupun hanya sebagai wakil rakyat. *Utusan Malaysia* memetik beliau sebagai berkata bahawa apa yang boleh PAS lakukan hanyalah dari segi memaki hamun, mencerca dan mengkritik orang lain dan tidak pernah mengargai dan mengakui kebaikan orang lain. Di Sungai Petani pada hari yang sama, Anwar mengecam PAS kerana mempepori pakatan barisan pembangkang yang dianggotai oleh para pemimpin anti-Islam, menentang hak istimewa orang Melayu dan menghancurkan perpaduan masyarakat Islam di negara ini. Sehari sebelum itu, di Tanah Merah, Kelantan pada 27 Julai, Anwar menganggap PAS bukan lagi berjuang untuk menegakkan Islam tetapi sebaliknya untuk menghancurkan agama Islam dan bangsa Melayu di negara ini demi untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya. Di Terengganu pula di mana tokoh PAS Haji Hadi Awang bertanding kerusi parlimen dan negeri, kempen-kempen UMNO lebih berkisar mengenai perubahan mendadak yang menakutkan yang bakal dialami sekiranya PAS berkuasa. Sebuah rencana dalam *Utusan Malaysia* 27 Julai menimbulkan kebimbangan muda-mudi bahawa jika PAS berkuasa segala bentuk hiburan akan diharamkan dan orang Melayu akan diarabkan kebudayaan mereka terutama dari segi pakaian. Kata penulis rencana

itu, kaum perempuan akan dipaksa memakai purdah dan lelaki disuruh berketayap dan berjubah yang mengubah cara hidup yang diamalkan sekarang. Soal menghapuskan beberapa lesen dan cukai yang cuba diperjuangkan oleh PAS tidak timbul sama sekali.

Tetapi yang berkempen atas corak serupa itu bukan sahaja pemimpin kerajaan, tetapi pemimpin PAS itu sendiri. Mereka tidak melihat sebarang kebaikan dalam program-program kerajaan yang dianggap sebagai bercanggah dengan Islam. Malah bagi para pemimpin PAS, hanya parti PAS sahaja yang direda Allah. Parti itu tidak berminat dengan cara Islam UMNO. Ia juga tidak mahu memperkatakan secara jujur kebaikan-kebaikan yang telah dibuat oleh kerajaan dan UMNO. Kerana ada sikap begitu di kedua-dua belah pihak kerajaan dan pembangkang, tidak hairanlah kalau isu sebenarnya dalam pilihan raya 1986 ini tidak dibahaskan buruk baik atau manfaat dan kemudaratannya. Sebaliknya, apa yang timbul ialah serangan-serangan yang bertujuan untuk memperolokkan satu sama lain. Tetapi jelas di sini bahawa para pemimpin kerajaan mendapat faedah yang lebih besar kerana ia mempunyai sokongan dari media massa sama ada yang dimiliki oleh kerajaan atau oleh UMNO. PAS terpaksa bergantung pada komunikasi interpersonal untuk menyampaikan mesej mereka kepada para pengundi atau mempertahankan serangan-serangan yang telah dibuat oleh pemimpin kerajaan.

Tatkala calon UMNO berdepan dengan PAS untuk mencari pengaruh di kalangan pengundi Melayu, calon-calon Barisan Nasional dari MCA dan Gerakan terpaksa berperang dengan DAP untuk meyakinkan para pengundi Cina siapakah yang lebih layak untuk mewakili mereka di parlimen dan dewan negeri. Sekiranya usaha mencari pengaruh antara UMNO dan PAS berkisar kepada soal Islam dan masa depan Melayu, di kalangan bukan Melayu pula khususnya masyarakat Cina, hal-hal yang menyentuh perasaan mereka termasuklah soal pendidikan dan kebudayaan Cina, soal dasar ekonomi baru yang dikatakan tidak menguntungkan orang Cina dan masa depan karektor Cina di negara ini. Tugas DAP lebih mudah

kerana boleh memperjuangkan kepentingan Cina dalam bentuk yang ekstrim sedangkan MCA dan Gerakan oleh kerana ia terikat dengan dasar-dasar kompromi Barisan Nasional, berdepan dengan dilema kerana ia dilihat tidak begitu berjaya mempertahankan kedudukan masyarakat Cina dalam Barisan Nasional.

Tetapi sebelum pilihanraya, MCA di bawah pimpinan Tan Koon Swan telah berjaya mendapatkan komitmen di pihak kerajaan untuk meminda peruntukan 21(2) dalam Akta Pendidikan 1961 berkait dengan kuasa menteri pendidikan untuk menghapuskan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Di bawah kuasa itu, menteri pendidikan boleh menghapuskan sekolah-sekolah Cina atau Tamil jika beliau mendapati perlu. MCA mendesak supaya kuasa itu dihapuskan, atau jika dikekalkan tertakluk kepada persetujuan ibu bapa dan guru-guru. Secara khusus, MCA telah berjaya mendapat jaminan seperti yang dinyatakan oleh manifesto Barisan Nasional bahawa sekolah-sekolah bahasa Cina dan Tamil akan terus wujud dalam keadaan sekarang ini. MCA juga berjaya dalam perjuangan kebudayaannya kerana dalam manifesto Barisan Nasional 1986 ini, dasar kebudayaan kebangsaan 1971 yang menekankan bahawa kebudayaan nasional hendaklah diasaskan kepada kebudayaan peribumi, telah berjaya diketepikan. Sebaliknya, dalam manifesto kali ini Barisan Nasional menyatakan bahawa 'Kami yakin pada evolusi kebudayaan Malaysia. Ini bererti tidak akan ada penghapusan atau penghakisan budaya etnik sebarang kaum. Budaya sepertimana agama, tidak boleh dipaksa dari luar. Ia mesti lahir dari hati sanubari dan dari amalan ikhlas.' Bagi MCA, ini adalah jaminan kerajaan kepada masyarakat Cina di Malaysia bahawa kebudayaan mereka tidak akan ditindas.

MCA juga berjaya mempengaruhi Barisan Nasional dalam manifesto kali ini supaya mengusir semua pendatang haram yang parti itu dakwa telah merampas pekerjaan rakyat negara ini. Secara khusus, MCA merujuk kepada pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang terdiri daripada orang-orang Melayu/Islam yang parti itu khuatiri boleh menjejaskan imbang-

an penduduk Melayu dan bukan Melayu kepada imbalan yang lebih menguntungkan Melayu. Jadi, dalam kempen tahun 1986, MCA boleh dikatakan mempunyai peluru yang lebih baik untuk mempertahankan dirinya daripada serangan DAP yang mendakwa ia gagal mempertahankan kepentingan Cina di dalam kerajaan. Ini kerana kebanyakan tuntutan yang dikemukakan oleh MCA sebelum pilihanraya itu dinyatakan secara hitam putih menjadi dasar yang akan diperjuangkan oleh Barisan Nasional selepas berkuasa semula nanti.

Hukuman Rakyat

Sejak mula lagi kemenangan Barisan Nasional memang tidak diragui. Yang menjadi tanda tanya hanya soal majoriti sahaja. Dapatkah Barisan Nasional mempertahankan majoriti dua pertiga yang ada padanya? Apakah DAP berjaya mempengaruhi para pengundi Cina supaya menafikan hasrat Barisan Nasional itu?

Selepas hukuman rakyat dinyatakan, jelas bahawa Barisan Nasional masih lagi dikehendaki oleh rakyat untuk memerintah negara ini. Permintaan Dr. Mahathir untuk mendapatkan majoriti besar dikabulkan apabila Barisan Nasional diisytiharkan memenangi 148 kerusi daripada sejumlah kerusi 177 yang dipertandingkan. Barisan Nasional juga berjaya mempertahankan pemerintahan di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak, Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang Darul Makmur, serta Pulau Pinang. Hasrat PAS untuk menawan empat negeri dan DAP untuk memerintah Pulau Pinang gagal. Malah di peringkat parlimen, PAS cuma menangi satu kerusi, iaitu di Pengkalan Cepa, Kelantan. Tokoh-tokoh utama PAS termasuk yang dipertuanya, Haji Yusof Rawi, timbalannya, Haji Fadzil Nor, naib yang dipertua, Haji Haniffa Awang, gagal memenangi kerusi parlimen. Maka, jadilah PAS satu-satunya parti politik di mana ketua mereka tidak mempunyai tempat di dewan rakyat.

Tatkala PAS kalah teruk, DAP memenangi 24 daripada 66 kerusi parlimen yang ditandingi untuk keluar sebagai per-

bangkang terbesar di dewan rakyat kepada Barisan Nasional. Semua ketua utama DAP termasuk setiausaha agungnya, Lim Kit Siang menang. Tetapi rancangannya untuk menafikan majoriti dua pertiga pemerintahan Barisan Nasional gagal. Namun begitu bagi DAP pilihanraya 1986 ini memperlihatkan kejayaannya meluaskan pengaruhnya ke Sarawak dan Sabah. Di Sabah, DAP memenangi 4 kerusi manakala di Sarawak 2 kerusi. Ini menjadikan DAP sebagai parti tunggal yang mempunyai perwakilan parlimen dari seluruh negara.

Di kalangan Barisan Nasional, UMNO boleh dikatakan mencapai kemenangan seratus-peratus. Ia memenangi 83 daripada 84 kerusi yang ditandingi. UMNO cuma tewas satu kerusi di Wilayah Persekutuan Labuan. Di Semenanjung Malaysia, ia mencapai kemenangan seratus-peratus buat pertama kalinya dalam sejarah parti itu. Malah di Pulau Pinang, UMNO juga berjaya memenangi kesemua 12 kerusi negeri untuk keluar sebagai parti yang mempunyai majoriti di dewan negeri. Dengan jumlah itu, parti itu layak untuk menjadi ketua menteri, tetapi pucuk pimpinan Barisan Nasional, Dr. Mahathir membuat keputusan untuk memberikan jawatan itu terus kepada Dr. Lim Chong Eu walaupun parti Gerakan menang 9 kerusi sahaja sebagai strategi untuk memastikan Pulau Pinang tidak hanyut kepada pembangkang dalam pilihanraya akan datang. UMNO cuma mendapat tambahan jawatan ahli majlis mesyuarat negeri yang bertindak sebagai kabinet Pulau Pinang. Perwakilan UMNO dalam majlis mesyuarat yang mempunyai lapan anggota itu telah ditambah kepada lima orang. Tiga lagi dipegang oleh Gerakan, termasuk jawatan ketua menteri.

Di kalangan komponen Barisan Nasional, prestasi MCA adalah mengecewakan. Ia cuma memenangi 17 daripada 35 kerusi parlimen yang diperuntukkan kepadanya. MCA, walaupun berjaya memasukkan hasratnya mengenai soal budaya dan pendidikan Cina dalam manifesto Barisan Nasional, gagal menembusi kubu-kubu DAP di bandar-bandar di mana pengundi Cina banyak. Apa yang lebih malang ialah sebahagian daripada kerusi yang dimenangi oleh MCA itu boleh dianggap se-

bagai kerusi Melayu, atau kawasan-kawasan di mana pengundi Melayu menjadi penentu. Adalah dianggarkan bahawa 14 buah kerusi parlimen tergolong dalam kategori ini, iaitu kawasan yang pengundinya sebahagian besarnya orang-orang Melayu. Ini termasuklah di Batu, Tapah, Hulu Langat, Hulu Selangor, Kuala Lipis, Ampang Jaya, Alor Setar, Selendar, Kapar, Tanjung Malim, Segamat, Pontian, Raub dan Teluk Kemang.

Peratus pengundi Melayu di 14 buah kawasan ini tidak seragam, tetapi dari angka-angka yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, jumlah pengundi Melayu di kawasan-kawasan itu ialah antara 42 peratus hingga 68.5 peratus. Misalnya, di Tapah dan Segamat, pengundi Melayu ialah 42 peratus, manakala di Batu, Hulu Selangor, Hulu Langat, Tanjung Malim dan Raub terdapat pengundi Melayu antara 46 hingga 50 peratus. Ampang Jaya, kerusi parlimen baru di Selangor Darul Ehsan mempunyai 68.5 peratus pengundi Melayu sedangkan Alor Setar, Pontian, Selendar mempunyai kira-kira 50 peratus pengundi Melayu. Kawasan-kawasan ini sekiranya diletakkan calon UMNO, ia tidak menghadapi masalah untuk memenanginya. Tetapi pucuk pimpinan Barisan Nasional memutuskan untuk meletakkan calon sama ada dari MCA, Gerakan atau MIC. Hakikat inilah yang tidak syak lagi telah membantu MCA mempunyai perwakilan yang lebih besar di dewan rakyat. Dr. Mahathir sendiri melahirkan rasa kecewa dengan kekalahan yang dialami oleh MCA itu. Beliau secara tidak langsung mengatakan bahawa punca kekalahan itu ada kaitan dengan krisis pimpinan yang berpanjangan dalam parti itu yang hanya berjaya diselesaikan dalam bulan November 1985. Krisis pimpinan itu dipercayai menyebabkan kehilangan keyakinan masyarakat Cina terhadap MCA.

Para pemimpin parti itu bagaimanapun tidak setuju dengan pendapat itu. Pada mulanya para pemimpin parti cuba menyalahkan dasar-dasar kerajaan yang mereka dakwa merugikan kaum Cina. Secara khusus, Dasar Ekonomi Baru telah disebutkan sebagai punca utama. Para pemimpin UMNO (antaranya Tamrin Ghafar) dalam kerajaan bagaimanapun tidak setuju. Mereka sebaliknya mengingatkan MCA supaya melihat mas

lah rumahtangga mereka sebagai punca kekalahan mereka. Apabila menghadapi tekanan begini, MCA akhirnya mengubah pendirian. Selepas itu, MCA mengatakan bahawa mereka setuju bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak boleh disalahkan bagi kekalahan MCA. Yang mesti disalahkan ialah pelaksanaan dasar itu.

Pendirian ini ditegaskan oleh Lee Kim Sai, timbalan presiden parti dalam satu temuramah dengan *Utusan Malaysia* pada 18 Ogos. Antara lain beliau menegaskan bahawa kaum Cina menyokong sepenuhnya hasrat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tetapi kecewa dengan pelaksanaannya yang mana para pegawainya terlalu gigih untuk mencapai matlamat dasar itu bagi kepentingan bumiputera. Tetapi dalam temuramah itu, Lee Kim Sai tetap menyalahkan para pemimpin Melayu dalam kerajaan yang telah menyebabkan MCA gagal menembusi kubu kuat DAP. Ini berlaku, kerana kata beliau, MCA tidak diberi portfolio yang penting seperti kewangan dan perdagangan yang pernah mereka sandang sebelum 1969. Tetapi bab ini juga tidak begitu tepat. Lee Kim Sai barangkali lupa bahawa tatkala MCA mengalami kekalahan teruk dalam tahun 1969, para pemimpin parti itu menjadi menteri kewangan, menteri perdagangan dan perindustrian. Sekiranya memegang kedua-dua jawatan itu menjadi faktor penting menentukan kejayaan MCA mempengaruhi masyarakat Cina supaya menyokongnya, maka parti itu tentu tidak mengalami kekalahan yang memalukan dalam pilihanraya 10 Mei 1969.

Walaupun pada keseluruhannya Barisan Nasional berpuas hati dengan pencapaian dalam pilihanraya 1986, ada pemerhati politik mengatakan bahawa kejayaan tersebut tidak semestinya mencerminkan kekuatan Barisan Nasional yang sebenarnya. Golongan ini berpendapat bahawa Barisan Nasional kelihatan kuat kerana di negara ini tiada parti pembangkang yang benar-benar berkesan untuk menjadi alternatif kepada Barisan Nasional untuk membentuk kerajaan. Keadaan ini, kata mereka, membolehkan Barisan Nasional terus memerintah kerana rakyat tahu bahawa selain daripada Barisan

Nasional, tidak ada parti yang boleh diserahkan tanggungjawab untuk memerintah negara. PAS dan DAP tidak boleh diharapkan kerana kedua-dua parti itu tidak dapat mewakili kepentingan kaum-kaum yang ada di negara ini. Kedua-dua parti, tidak seperti Barisan Nasional, hanya mewakili segolongan kecil masyarakat Malaysia dan secara sendirian mereka tidak akan boleh berkuasa. Lantaran itu, Barisan Nasional memasuki pilihanraya 1986 dengan kedudukan yang lebih lemah kerana ada masalah dalaman dalam MCA dan UMNO sendiri. Di Sabah, parti-parti pembangkang gagal mengambil kesempatan dari keadaan itu untuk mengemukakan diri mereka sebagai pihak yang layak untuk mengambil alih pemerintahan negara. Selagi politik Malaysia masih ditentukan menurut pola-pola ini, selagi itulah tidak akan muncul kerajaan yang lain dari Barisan Nasional.

MENGEMBANGKAN SAYAP KE SABAH

JARA-URA UMNO untuk mengembangkan sayapnya ke Sabah bukan satu perkara baru. Malah rancangan UMNO untuk ke negeri itu dan juga ke Sarawak boleh dikatakan sama tuanya dengan usia Persekutuan Malaysia itu sendiri. Apabila projek Malaysia dipersetujui pada tahun 1963 untuk menggabungkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura (pada mulanya Brunei juga turut serta tetapi menarik diri di saat-saat akhir) pemikiran sudah timbul sama ada UMNO yang menjadi parti dominan dalam kerajaan yang memerintah ketika itu patut atau tidak secara langsung menghadirkan dirinya di Sabah.

Keputusan telah dibuat waktu itu bahawa untuk tidak menubuhkan UMNO di Sabah ataupun di Sarawak. Sebab utama ialah kerana ciri-ciri politik Sabah tidak menyerupai apa yang ada di Semenanjung. Walaupun terdapat unsur-unsur perkauman dalam politik negeri itu, tetapi pembahagiannya tidaklah sejelas kedudukannya di Tanah Melayu. Misalnya, orang-orang Melayu di Semenanjung seratus-peratus Islam; sedangkan masyarakat Melayu dan bumiputera di Sabah tidak terbahagi kepada dua kelompok utama, iaitu bumiputera Islam dan bukan Islam. Bagi UMNO ini adalah satu masalah kerana ia ditubuhkan pada tahun 1946 sebagai sebuah parti

untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu yang rata-rata Islam. Walaupun sejak itu, perlembagaan parti telah dipinda untuk membolehkan bumiputera bukan Islam diterima sebagai ahli, tetapi konsensus di kalangan para pemimpin UMNO ketika itu ialah untuk membiarkan politik Sabah diwakili oleh parti-parti tempatan. Strategi UMNO waktu itu ialah untuk mencari parti politik tempatan yang seakan-akan menyamainya untuk mengambil alih pemerintahan negeri dan boleh bekerjasama dengannya dan Perikatan di peringkat pusat. Dengan kata lain, sejak mula lagi, pimpinan UMNO mengusahakan sebuah parti yang boleh dikawal untuk memerintah Sabah. Pada mulanya parti itu ialah USNO yang memang ditubuhkan benar-benar menyerupai UMNO dan kemudian Berjaya yang mempunyai pimpinan bumiputera/Islam.

Setelah memutuskan untuk tidak ke Sabah, mengapakah secara tiba-tiba sepanjang tahun 1986 rancangan UMNO untuk mengembangkan sayapnya ke negeri itu timbul semula? Untuk memahami perkembangan ini kita terpaksa melihat pergolakan politik Sabah sepanjang tahun 1980-an dan malah sebelum itu sehingga membawa kepada tumbangnyanya kerajaan Berjaya wakil Barisan Nasional yang memerintah dalam pilihanraya negeri yang diadakan setahun lebih awal dari tempohnya pada 20 April 1985.

Skenario Politik Sabah

Seperti Semenanjung, masyarakat Sabah adalah tidak homogen. Penduduknya boleh dikelompokkan kepada dua kumpulan dominan, iaitu bumiputera dan bukan bumiputera. Kumpulan bumiputera pula dibagikan kepada dua, iaitu Islam dan bukan Islam. Bukan bumiputera kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Cina. Jumlah penduduk keturunan India adalah amat kecil. Jadi, untuk mengambil alih pemerintahan negeri parti-parti politik tidak dapat dielakkan untuk bergerak atas landasan perkauman dan keagamaan.

Sebaik sahaja rancangan menubuhkan Malaysia diumumkan dan menyedari bahawa parti-parti politik akan memainkan

peranan penting, maka para pemimpin yang mewakili kaum masing-masing mula menubuhkan parti politik. Yang pertama menubuhkan sebuah parti politik ialah bumiputera bukan Islam dari etnik Kadazan. Di bawah pimpinan Donald Stephens, yang pada satu ketika menentang penyertaan Sabah ke dalam Malaysia, lahir United Kadazan National Organisation (UNKO) dalam bulan Ogos 1961. Empat bulan kemudian, bumiputera/Melayu/Islam di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha menubuhkan pula partinya sendiri yang dikenali sebagai United Sabah National Organization (USNO). Selain daripada untuk orang-orang Islam, USNO juga membuka pintu keahliannya untuk peribumi yang lain. Orang-orang Murut juga tidak ketinggalan untuk menubuhkan partinya sendiri. Pada tahun 1962, United Pasok Momongun Party (UPMP) dilahirkan. Masyarakat Cina juga tidak mahu ketinggalan. Dua buah parti khusus untuk mereka, iaitu United Party dan Democratic Party diwujudkan. Kedua-duanya kemudian bergabung menjadi Borneo United National Party yang selepas itu bertukar pula menjadi Sabah National Party (SNAP). Akhirnya parti ini menjadi Sabah Chinese Association (SCA).

Parti-parti ini pada amnya tidak mempunyai majoriti yang cukupnya untuk memerintah. Lantaran itu, para pemimpin mendorong untuk mewujudkan Perikatan Sabah bagi tujuan pilihanraya yang pertama untuk dewan negeri yang mempunyai 18 kerusi pada tahun 1963. Walaupun terdapat perbincangan mengenai pembahagian kerusi, akhirnya persetujuan di-tapai bahawa USNO diperuntukkan 8 kerusi, UNKO 4, SCA 1, Pasok 1 dan masyarakat India melalui Sabah Indian Congress 1 kerusi. Ekoran pilihanraya yang diadakan secara *electoral college* itu, Perikatan Sabah memerintah dengan Donald Stephens sebagai ketua menteri yang pertama. Tun Mustapha menjadi Yang Dipertua Negeri.

Dalam pilihanraya pada tahun berikutnya kerusi dewan negeri telah ditambah dari 18 kepada 32. Menjelang waktu ini, UNKO dan Pasok bergabung menjadi United Pasok Momongun Kadazan Organization atau UPKO. Perebutan bagi kerusi berlaku lagi. Dalam pilihanraya yang berlangsung,

walaupun masing-masing diperuntukkan kerusi tertentu, tetapi setiap parti akhirnya berlawanan antara satu sama lain. Menyedari bahawa jika keadaan tidak dikawal boleh mencetuskan perbalahan yang lebih besar, kerajaan pusat di Kuala Lumpur telah campur tangan. Sebagai jalan penyelesaian, Donald Stephens telah dibawa ke pusat untuk menjadi menteri hal-ehwal Sabah, manakala Tun Mustapha meletakkan jawatan sebagai yang dipertua negeri untuk menjadi ketua menteri pada tahun 1967.

Jelas bahawa sejak mula lagi, dua kumpulan bumiputera-Islam dan bukan Islam telah bersaing kuasa. Ini terbukti dalam pilihanraya selepas 1967, USNO hanya mendapat 14 kerusi yang dipertandingkan, manakala UPKO 12 dan selebihnya SCA. Tun Mustapha cuba mematahkan pengaruh UPKO dengan mengetepikan ahli-ahli dewan parti itu dan kabinet Perikatan Sabah sebaik sahaja beliau mengangkas sumpah sebagai ketua menteri. Dengan kata lain, USNO telah bekerjasama dengan SCA untuk membentuk kerajaan negeri tanpa UPKO. Bagaimanapun, empat kerusi menteri untuk UPKO dibiarkan kosong. Ini adalah taktik Tun Mustapha untuk memujuk ahli-ahli dewan dari UPKO supaya berpaling tadah kepada USNO. Pancingan itu bagaimanapun tidak berjaya. UPKO akhirnya meninggalkan Perikatan untuk menjadi parti pembangkang. Bermula konfrontasi terbuka dalam politik Sabah antara bumiputera bukan Islam dengan bumiputera Islam. Tetapi di luar kerajaan, para pemimpin UPKO menyedari bahawa orang-orangnya telah ketinggalan dalam pembangunan ekonomi negara. Ini kerana di bawah Tun Mustapha menurut seorang pemerhati politik Sabah, dipastikan bahawa orang-orang UPKO dinafikan dari sebarang lesen balak atau lain-lain kemudahan ekonomi. Inilah tekanan yang akhirnya memaksa UPKO untuk rujuk semula kepada Perikatan Sabah. Tetapi Tun Mustapha tidak berminat untuk menerima UPKO dalam bentuk asalnya. Sekiranya ia hendak menyertai Perikatan, kata Tun Mustapha, UPKO hendaklah dibubarkan dan para pemimpin serta anggotanya menyertai USNO. Inilah yang telah berlaku demi kepentingan ekonomi.

Dengan lenyapnya UPKO, pemerintahan bumiputera Islam di Sabah telah berjaya diperkukuhkan. Malah kerana tarikan becah ekonomi, ramai orang Kadazan telah memeluk agama Islam. Tetapi kejayaan Tun Mustapha melenyapkan musuh politiknya, menjadikan beliau sebagai pemimpin yang besar kepala sehingga menimbulkan masalah kepada kerajaan pusat di Kuala Lumpur. Beliau juga telah banyak membuat keputusan-keputusan negeri tanpa terlebih dulu merujuk kepada kerajaan pusat. Keengganan beliau untuk menyegerakan perjanjian sumber-sumber minyak Sabah kepada pengawalan pusat melalui Petronas, telah menimbulkan kemarahan kepada Kuala Lumpur. Langkah-langkah mula diambil untuk mengepikan beliau dari kuasa, tetapi ini tidak mudah dilakukan kerana pengaruh beliau yang amat mencengkam di Sabah. Pada mulanya, selepas pilihanraya 1974, perdana menteri, Tun Razak berusaha membawa beliau ke pusat sebagai menteri pertahanan. Strategi itu samalah seperti yang pernah dibuat untuk melumpuhkan pengaruh Donald Stephens sebelum ini. Tun Mustapha pada mulanya bersetuju, tetapi kemudian menukar fikiran. Beliau menolak tawaran menjadi menteri pertahanan setelah menyedari bahawa ia adalah taktik kerajaan pusat untuk melumpuhkan pengaruhnya di Sabah.

Selepas usaha untuk mengetepikan beliau dengan cara yang baik gagal, cara lain pula difikirkan. Kerajaan pusat sedar bahawa melalui USNO Tun Datu Mustapha tidak akan dapat diapa-apakan. Lantaran itu, para pembantu Tun Razak dengan bantuan orang-orang dalam USNO sendiri mengasaskan penubuhan Berjaya dengan Donald Stephens yang sudah memeluk agama Islam dan dikenali sebagai Fuad Stephens menjadi orang kuatnya pada tahun 1975. Dalam pilihanraya yang diadakan setahun kemudian, Berjaya yang menjelang waktu itu sudah diterima sebagai anggota Barisan Nasional telah menewaskan USNO. Parti itu mendapat 28 kerusi daripada 88 kerusi yang dipertandingkan.

Dengan terbentuknya kerajaan Berjaya, kerajaan pusat kini mempunyai sebuah pemerintahan yang boleh dikawal. Tetapi dari segi jangka panjang, kejayaan menghancurkan USNO se-

benarnya memusnahkan kekuatan bumiputera/Melayu/Islam dalam politik Sabah. Keputusan kerajaan pusat untuk membubarkan Berjaya kerana ingin mengetepikan Tun Mustapha ini boleh diibaratkan seperti strategi membakar kelambu setelah nyamuk tidak dapat dibunuh. Ini kerana dalam Berjaya kekuatan Melayu dan bumiputera Islam sebenarnya hanya satu pertiga. Dua pertiga lagi ialah kekuatan bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina. Itulah sebabnya apabila Datuk Harris Salleh yang mengambil alih pimpinan Berjaya dari Tun Fuad Stephens selepas nahas udara beberapa hari selepas menjadi ketua menteri, cuba melaksanakan dasar-dasar yang pro-Islam dan Melayu yang pro-persekutuan dan kuasa beliau mula dilemahkan oleh dua kumpulan yang dominan dalam parti itu. Datuk Joseph Pairin Kitingan telah mencabar setiap langkah Datuk Harris sehingga beliau terpaksa dipecat dari Berjaya. Tetapi pemecatan itu terbukti menimbulkan masalah lain bagi Datuk Harris kerana orang-orang Kadazan Kristian telah melarikan sokongan dari Berjaya. Ini terbukti dalam pilihanraya 1985, Berjaya gagal mempertahankan kerajaan USNO juga tidak mempunyai cukup kerusi untuk membentuk kerajaan kerana memenangi 16 kerusi berbanding dengan 21 kerusi Parti Bersatu Sabah (PBS). Berjaya cuma menangi 1 kerusi. Banyak orang kanannya termasuk Datuk Harris sendiri tewas. Jelas bahawa dalam pilihanraya itu kerjasama bumiputera bukan Islam dengan masyarakat Cina telah mengetepikan pemerintahan bumiputera dan Melayu Islam. Keadaan ini telah mencetuskan satu lagi krisis dalam politik Sabah.

Krisis Politik Sabah

Apabila Datuk Harris Salleh memutuskan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah dalam bulan Mac 1985 dan seterusnya mengadakan pilihanraya negeri pada 20 dan 21 April, iaitu setahun lebih awal dari tempoh lima tahun pemerintahannya berakhir, beliau begitu optimistik bahawa partinya Berjaya akan kembali berkuasa. Malah lama sebelum pilihanraya ditetapkan, beliau dengan angkuh mengata-

bahawa Berjaya akan menyapu bersih kesemua 48 kerusi dewan negeri. Dari satu segi, keyakinan Datuk Harris ini memang berasas. Kedudukan Berjaya di Sabah waktu itu berada di puncaknya. Di kalangan parti-parti yang sedia ada, tidak satu pun nampaknya berupaya untuk menewaskan Berjaya. USNO, parti yang diasaskan oleh Tun Datu Mustapha pada tahun 1961 sendiri telah ditewaskan oleh Berjaya dalam dua pilihanraya, iaitu kali pertama pada tahun 1976 dan kali kedua tahun 1981. Selain dari USNO, beliau tidak melihat ada parti yang boleh mencabar kedudukan beliau. Parti Bersatu Sabah (PBS), yang diasaskan oleh Datuk Pairin Kitingan beberapa minggu sebelum tarikh pilihanraya diumumkan, tidak dianggap oleh Datuk Harris sebagai mempunyai kemampuan untuk menumbangkan Berjaya. Lantaran itu, beliau tidak menganggap serius tentangan yang diberikan oleh parti baru yang dipimpin oleh salah seorang bekas naib presiden Berjaya sendiri.

Tetapi dalam keyakinannya mempertahankan kuasa, Datuk Harris nampaknya tidak dapat mengesan bahawa pimpinannya sedang berada di persimpangan jalan. Beliau tidak nampak bahawa dengan keluarnya Datuk Pairin dan beberapa orang pemimpin penting Kadazan dari Berjaya, bermakna Berjaya kini hanya disokong oleh bumiputera Islam dan masyarakat Cina. Tetapi apabila orang-orang Cina melihat orang-orang Kadazan tidak lagi menyokong Berjaya, mereka turut mengalihkan sokongan. Akhirnya, kerjasama orang-orang Kadazan dan Cina inilah yang telah menumbangkan kerajaan Berjaya yang telah memerintah Sabah sejak tahun 1976. Kedua kumpulan penting dalam politik Sabah itu—satu lagi kumpulan penting ialah orang-orang Melayu/Islam yang menyokong USNO telah bergabung tenaga kerana mereka merasakan Berjaya di bawah pimpinan Datuk Harris tidak memberi khidmat seperti yang mereka kehendaki. Bagi orang Kadazan Kristian, mereka merasa pimpinan Datuk Harris telah menindas mereka dari segi memberi jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran negeri. Hubungan rapat Datuk Harris dengan para pemimpin kerajaan pusat juga tidak disenangi oleh orang-

orang tempatan. Keputusan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan walaupun dibuat dengan restu dewan negeri, tetapi diterima dengan tidak begitu senang oleh sebilangan penduduk tempatan. Keputusan Datuk Harris untuk membatalkan status daerah Tambunan semata-mata kerana para pengundi di sana memilih calon bebas, iaitu Datuk Pairin Kitingan sebagai wakil dewan negeri mereka, dan bukannya calon dari Berjaya, dalam satu pilihanraya kecil yang diadakan pada akhir tahun 1984, telah membuka mata rakyat tentang pimpinan sebenar Datuk Harris Salleh.

Menyedari bahawa perbuatannya itu mendapat tentangan ketua menteri Sabah itu memutuskan untuk mengadakan pilihanraya setahun lebih awal dari sepatutnya. Jelas di belakang keputusan itu terdapat kebimbangan jika pilihanraya diadakan apabila tempohnya berakhir, Berjaya akan berdepan dengan masalah lebih besar. Tetapi terbukti perhitungan Datuk Harris itu tidak tepat. Beliau terjerat dengan perangkapnya sendiri kerana terbukti dalam pilihanraya 20 dan 21 April itu, sokongan terhadap Berjaya amat kecil. Parti Berjaya sebelum itu mempunyai majoriti dua pertiga, hanya memenangi enam kerusi sahaja; beberapa hari kemudian tinggal tiga kerana tiga lagi telah berpaling tadah kepada PBS. USNO pula yang dikatakan mewakili kepentingan bumiputera Islam mendapat 16 kerusi, manakala PBS, di luar dugaan pemerhati pemerhati politik memenangi 25 kerusi manakala Pasok satu kerusi. Dari segi demokrasi, pilihanraya itu memberi keputusan jelas parti manakah yang patut memerintah.

Tetapi belum sempat PBS membentuk kerajaan, telah berlaku satu rampasan kuasa. Dalam usaha untuk menghalang parti itu mendirikan kerajaan, USNO dan Berjaya telah mengadakan pakatan dan pergi ke istana Yang Dipertua Negeri Sabah untuk memaksa beliau supaya melantik Tun Datu Mustapha sebagai ketua menteri yang baru. Alasan yang diberikannya ialah walaupun pakatan itu hanya mempunyai 22 kerusi tetapi mereka mempunyai majoriti kerana setelah membentuk kerajaan Tun Datu Mustapha berhak melantik enam orang ahli dewan negeri. Dengan perlantikan itu, bermakna bahawa

pakatan USNO dan Berjaya akan mempunyai 28 kerusi, iaitu tiga lebih daripada PBS. Datuk Harris mendakwa bahawa pakatan itu telah mendapat restu dari kerajaan persekutuan yang ketika itu diketuai oleh pemangku perdana menteri, Datuk Musa Hitam. Perdana menteri ketika itu sedang dalam jawatan pelaburan ke negara-negara Scandinavia.

Datuk Musa kemudian menjelaskan bahawa beliau telah tidak merestui apa yang telah berlaku. Pada hari Tun Mustapha mengisytiharkan dirinya sebagai ketua menteri yang baru, Datuk Musa mengeluarkan kenyataan di Kuala Lumpur mengakui bahawa Datuk Harris memang meminta izin untuk membentuk kerajaan dengan USNO, tetapi beliau menolaknya kerana itu adalah bertentangan dengan amalan demokrasi. Sebaliknya, beliau mahu keputusan rakyat yang telah memberi kemenangan PBS dihormati dan menyeru pihak yang menang dan kalah supaya menerima keputusan rakyat dengan tenang. Campur tangan Datuk Musa Hitam itu telah membolehkan Datuk Pairin mengangkat sumpah sebagai ketua menteri dan membentuk kerajaan baru di Sabah.

Gelora politik Sabah tidak berakhir di situ sahaja. Usaha dibuat untuk mencabar kesahihan kerajaan Datuk Pairin melalui pelbagai cara. Tun Mustapha dan USNO membawa kes itu ke mahkamah dan mendakwa dirinya masih lagi menjadi ketua menteri kerana yang dipertua negeri setelah melantik beliau terlebih dulu ke jawatan itu, tidak ada kuasa untuk memecat beliau. Tetapi beliau akhirnya tewas. Selepas itu cara-cara yang tidak demokratik digunakan untuk menimbulkan masalah terhadap pimpinan Datuk Pairin. Rusuhan-rusuhan membawalah kepada letupan bom menyusul. Malah untuk tempoh setahun, kerajaan Datuk Pairin boleh dikatakan terumbang-ambing. Permohonannya untuk menyertai Barisan Nasional, yang dibuat sebaik sahaja beliau menang, tidak dilayan. Oleh kerana PBS sebuah kerajaan yang tidak menganggotai Barisan Nasional, maka sikap kerajaan persekutuan terhadapnya tidaklah semesra hubungan Berjaya dengan pimpinan pusat. Sikap yang ditunjukkan oleh pusat ini boleh difahami kerana kebanyakan mereka sebelum ini

telah pergi beramai-ramai ke Sabah untuk berkempen bagi memastikan kemenangan Berjaya. Dengan mengetepikan Berjaya, bermakna ia juga adalah satu tamparan terhadap para pemimpin pusat yang mereka dakwa telah membuta tuli menyokong pimpinan Datuk Harris. Malah di kalangan para pemerhati politik Sabah ada yang beranggapan bahawa sokongan terbuka pusat kepada Datuk Harris dan Berjaya lah yang membuat mereka mengambil keputusan untuk menjatuhkan Berjaya. Alasan mereka: rakyat Sabah tidak mahu pemimpin kerajaan negeri menjadi *proxy* kepada kerajaan persekutuan. Mereka mahu sebuah kerajaan negeri yang boleh memperjuangkan kepentingan rakyat Sabah, dan bukannya menggadaikan kepentingan mereka kepada Kuala Lumpur.

Walaupun Dr. Mahathir sekembalinya dari lawatan luar negeri pada 29 April 1985, menyatakan bahawa beliau menyokong tindakan timbalannya, Datuk Musa Hitam dalam menghadapi isu penubuhan kerajaan baru di Sabah, tetapi tindakan beliau melambat-lambatkan penerimaan PBS ke dalam Barisan Nasional dan pendirian beliau sepanjang kekecohan yang berlaku selepas Berjaya tewas, dilihat oleh kalangan tertentu di Sabah bahawa beliau sebenarnya tidak begitu senang dengan tertubuhnya sebuah kerajaan yang tidak dikuasai oleh pimpinan bumiputera Islam di negeri itu.

Dalam menghadapi krisis politik Sabah, Dr. Mahathir telah tidak campur tangan secara langsung seperti yang pernah dibuat oleh perdana menteri-perdana menteri sebelum beliau. Misalnya, di awal pembentukan Malaysia, Tunku Abdul Rahman apabila mengesan bahawa pimpinan Donald Stephen boleh menaikkan suhu politik negeri itu ke paras yang sukar dikawal, telah membawa beliau ke pusat menjadi menteri dan kemudian dihantar ke Australia sebagai pesuruhjaya tinggi. Tun Razak pula apabila mendapati bahawa Tun Mustapha tidak boleh dikawal dan tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan pusat, mengusahakan langkah untuk menumbangkan beliau. Tetapi tidak begitu halnya dengan Dr. Mahathir. Walaupun ada kalangan tertentu di Sabah mengharapkan bahawa kekacauan yang berlaku selepas Datuk Pairin berkuasa

akan dijadikan kesempatan untuk beliau mengisytiharkan darurat untuk membolehkan beliau mengambil alih pimpinan kerajaan negeri seperti yang pernah dilakukan di Kelantan pada tahun 1977 atau di Sarawak dalam era Stephen Kalongmingkan menjadi ketua menteri, Dr. Mahathir tidak berbuat demikian.

Apabila ketegangan memuncak dengan letupan bom teramatnya di Kota Kinabalu dan Sandakan sepanjang Mac 1986, Dr. Mahathir menegaskan di Kuala Lumpur pada 13 Mac bahawa kerajaan persekutuan tidak pernah membincangkan untuk mengisytihar darurat di Sabah. Kenyataan ini dibuat sehari setelah berlaku tujuh letupan bom di negeri itu. Sebaliknya beliau menegaskan bahawa keadaan di Sabah adalah terkawal dan pasukan polis mampu menjaga keselamatan penduduk.

Ini tidak pula bermakna Dr. Mahathir tidak mengusahakan sebarang penyelesaian untuk meredakan krisis politik Sabah itu. Tetapi beliau tidak melihat bahawa mengisytiharkan darurat sebagai jalan keluar bagi masalah itu. Bagi beliau, baik-baik cara ialah satu penyelesaian politik. Setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir pergi ke Sabah pada 24 Mac, iaitu empat hari selepas perintah berkurung diisytiharkan di daerah Kota Kinabalu dari jam petang hingga jam 6 pagi. Beliau pergi membawa bersama formula damai UMNO yang mengusulkan agar tiga parti utama, iaitu PBS, Berjaya dan USNO supaya membentuk kerajaan campuran dengan Datuk Pairin sebagai ketua menteri dan tokoh dari dua parti lain sebagai timbalan ketua menteri. Setelah mengadakan perbincangan berasingan dengan tiga pemimpin utama parti, dunia diberitahu bahawa mereka bersetuju untuk bekerjasama dan satu perjanjian untuk membentuk kerajaan campuran akan ditandatangani di Kuala Lumpur pada 29 Mac. Ketika itu, sebuah kerajaan campuran merupakan penyelesaian yang munasabah memandangkan tidak satu parti pun mempunyai majoriti dua pertiga untuk membolehkan mereka memerintah dengan berkesan. Malah menjelang waktu ini, PBS sendiri mengalami pergolakan.

Walaupun parti itu berjaya menambah keanggotaannya di dewan negeri ekoran pemalangan tadah tiga orang wakil Berjaya, tetapi tindakan empat orang wakil Cina meninggalkan PBS untuk menubuhkan Parti Cina Sabah mengakibatkan kekuatan PBS merosot kepada 24 orang. Jumlah kerusi yang sama dimiliki oleh pihak pembangkang yang terdiri daripada 16 USNO, 3 Berjaya, 1 Pasok dan 4 Parti Cina Sabah. Bagaimanapun, keengganan PBS pada formula yang pada awalnya ia sendiri persetujui di saat-saat akhir, telah menyebabkan perjanjian itu tidak dapat ditandatangani. Sebaliknya Datuk Pairin berdolak-dalik dengan mengatakan bahawa soal membentuk sebuah kerajaan campuran melibatkan tiga buah parti tidak timbul dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir. Menurut beliau dalam perbincangan itu, Dr. Mahathir secara khusus tidak menyebut soal kerajaan campuran antara PBS, Berjaya dan USNO sebagai jalan penyelesaian keresahan politik negeri itu. Beliau hanya menyebut kemungkinan kerjasama di kalangan tiga buah parti itu.

PBS kemudian mengemukakan cadangan balas yang disifatkan oleh Dr. Mahathir sebagai berat sebelah dan terlalu mengutamakan kepentingan-kepentingan PBS yang menjelang waktu ini sudah pun membubarkan Dewan Negeri Sabah bagai membolehkan diadakan pilihanraya negeri yang kedua dalam masa 11 bulan. Antara lain cadangan balas itu menyatakan PBS mahu perjanjian dengan Berjaya dan USNO untuk menubuhkan kerajaan campuran ditandatangani selepas pilihanraya negeri selesai; jika PBS menang dengan majoriti dua pertiga kerajaan campuran tidak akan ditubuhkan dan PBS mahu semua tindakan mahkamah terhadap ketua menteri dan kerajaan negeri Sabah digugurkan.

Setelah jelas bahawa Datuk Pairin ingin berdolak-dalik dengan formula menyelesaikan krisis Sabah yang dipersetujui pada mulanya, Encik Ghafar Baba mengumumkan perincian lanjut formula yang telah dibincangkan dengan Datuk Pairin dua kali itu. Antara perkara-perkara penting yang dinyatakan PBS dan USNO diterima sebagai anggota Barisan Nasional. USNO hendaklah menarik balik tindakan mahkamah meng

mai kedudukan ketua menteri sebelum 15 April, jawatankuasa Barisan Nasional Sabah hendaklah dipengerusikan oleh peribadi menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad buat sementara. Apabila keadaan politik di negeri itu stabil, jawatan itu diambil alih oleh ketua menteri. Bilangan jemaah menteri mestilah terdiri daripada: USNO 3 orang; PBS 10 orang—2 wakil Islam, 3 Cina dan 5 Kadazan; jawatan timbalan ketua menteri ada tiga: satu Kadazan, 1 Cina (kedua-duanya dari PBS) dan 1 Melayu (USNO); seorang wakil Berjaya dilantik menjadi timbalan menteri. Persetujuan juga dicapai mengenai pembahagian kerusi dalam pilihanraya yang ditetapkan pada 6 dan 6 Mei, iaitu: PBS 28 kerusi, USNO 16 kerusi dan Berjaya 4 kerusi.

Oleh kerana Datuk Pairin mendapat tekanan dari para pemimpin Kadazan yang lain supaya jangan menerima formula itu, maka parti beliau telah menolaknya. Andaian di sebaliknya ini ialah dalam pilihanraya negeri yang dirancang itu, PBS boleh memenangi kerusi yang cukup untuk membentuk sebuah kerajaan yang berkesan. Keyakinan ini terbukti tidak silap. Selepas selesai pengundian pada 6 Mei itu, PBS seperti yang dijangka oleh pemimpinnya berjaya menampatkan kedudukannya dalam politik Sabah. Parti itu memenangi 35 kerusi; perwakilan USNO merosot dari 16 kepada 12 kerusi dan Berjaya hanya dapat satu kerusi sahaja. Keputusan ini dengan sendirinya melenyapkan sebarang harapan untuk membentuk kerajaan campuran kerana PBS mendapat majoriti yang cukup untuk meminda atau membuat undang-undang. Kerjasama dari USNO tidak lagi diperlukan. Menyedari kehendak rakyat Sabah, kerajaan persekutuan tidak ada pilihan kecuali menerima permohonan PBS menyertai Barisan Nasional. Tindakan itu sebanyak sedikit telah membawa kestabilan politik kepada negeri itu walaupun Melayu Islam menanggapnya sebagai satu keputusan yang menghancurkan kemungkinan mereka untuk berkuasa semula. Mereka nampaknya terpaksa menerima hakikat—tidak kira betapa pahit sekalipun—untuk diperintah oleh sebuah kerajaan yang dikuasai oleh puak Kadazan yang tidak seagama dengan

mereka. Keadaan ini pula mendorong sebilangan Melayu Islam di Sabah untuk mendesak supaya UMNO mengembangkan sayapnya ke negeri itu untuk memperjuangkan kepentingan mereka yang gagal dilakukan oleh Berjaya atau USNO.

Erti Kekalahan Berjaya

Kekalahan Berjaya yang mewakili Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir Mohamad adalah satu tamparan hebat kepada kerajaan persekutuan. Dengan tewasnya parti itu, kerajaan pusat kehilangan kawalannya ke atas kerajaan negeri. PBS sewaktu bertanding merupakan sebuah parti pembangkang. Dalam pilihanraya itu, Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa beliau akan tenggelam dan berenang bersama Berjaya tidak kira apa terjadi. Lantaran itu, apabila PBS memohon untuk menyertai Barisan Nasional, Kuala Lumpur berada dalam dilema. Rasa serba salah ini timbul kerana Dr. Mahathir sudah berjanji untuk hidup dan mati bersama Berjaya. Tetapi di kala yang sama PBS dalam kempen-kempen menyatakan bahawa ia tidak menentang Barisan Nasional, tetapi kerana keangkuhan pemerintahan Berjaya di Sabah. Selepas tarikh mati, PBS akhirnya diterima sebagai anggota Barisan Nasional. Tetapi hubungannya dengan kerajaan pusat tidaklah semestinya hubungan Berjaya-Barisan Nasional.

Bagi menghadapi keadaan itu, UMNO merasakan ia perlu mencari *alignment* baru dalam politik Sabah. Tetapi parti-parti yang sedia ada—Berjaya dan USNO tidak boleh diharapkan untuk berbuat demikian. Dalam suasana begitulah rancangan untuk mengembangkan sayap UMNO ke Sabah timbul semula dan rancak diperkatakan.

Tetapi bukan kekalahan Berjaya sahaja yang telah mendorong UMNO untuk pergi ke Sabah. Kehadiran PAS dan DAP dua buah parti yang beribu pejabat di Semenanjung Malaysia, juga telah digunakan oleh UMNO sebagai alasan. DAP, misalnya, dalam pilihanraya parlimen tahun 1986 telah berjaya menawan empat kerusi parlimen di Sandakan, Gaya, Tanjung Aru dan Tawau. PAS pula yang membuat kep

usuan untuk ke Sabah hanya beberapa bulan sebelum pilihan-
 raya umum tahun itu dan bertanding di beberapa kerusi
 parlimen juga telah memperolehi undi yang di luar dugaan
 walaupun ia tidak memenangi sebarang kerusi. Di kawasan
 parlimen Kota Belud, misalnya, calon PAS telah mendapat
 3629 undi berbanding dengan 8155 yang diperolehi oleh
 Barisan Nasional; di Jambongan calon parti Islam itu menda-
 pat 2757 undi berbanding dengan 7496 yang didapati oleh
 Barisan Nasional. Kejayaan itu sedikit sebanyak telah men-
 dorong UMNO untuk memikirkan pemergiannya ke Sabah
 kerana bimbangakan kemungkinan dari segi jangka panjang
 PAS mungkin boleh mengatasi pengaruh UMNO di Sabah.
 Selain itu, rayuan yang dibuat oleh bumiputera Islam Sabah
 yang tidak lagi boleh mengharapkan kepada USNO atau Ber-
 aya untuk mewakili kepentingan mereka supaya UMNO
 datang ke negeri itu juga tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

UMNO ke Sabah: Reaksi Kota Kinabalu

abila UMNO membayangkan bahawa hasratnya untuk ke
 abah adalah sesuatu yang serius, masyarakat negeri itu mula
 memberikan reaksi yang berbelah bagi. Pada umumnya dua
 jenis reaksi boleh dikenal pasti. Satu reaksi mengikut kepen-
 ingan parti-parti politik dan satu lagi reaksi bumiputera, iaitu
 Islam dan bukan Islam yang melampaui batas atau garis poli-
 tik yang melihat kedatangan UMNO dalam konteks integrasi
 nasional untuk melengkapkan UMNO sebagai sebuah pertu-
 tuhan kebangsaan yang harus bergerak di setiap negeri di
 negara ini. Akhirnya terdapat reaksi dari golongan bumiputera
 Islam yang memang mengharapkan UMNO ke Sabah kerana
 UMNO sahajalah yang menurut mereka boleh membela ke-
 entingan mereka.

Reaksi Parti-parti Politik

arti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Pairin Kitingan
 ang berjaya memampatkan kedudukannya dalam pilihan-

raya bulan Mei 1986 dengan majoriti dua pertiga di dewan negeri menolak mentah-mentah rancangan UMNO hendak ke Sabah. Datuk Pairin selaku presiden parti itu dan setiausaha agungnya, Joseph Kurup berkali-kali menegaskan bahawa UMNO tidak harus berkembang ke Sabah oleh kerana PBS boleh mewakili semua keturunan di negeri itu kerana ia merupakan sebuah parti pelbagai kaum sedangkan UMNO khusus untuk Melayu dan bumiputera sahaja.

Berjaya yang begitu baik dengan pimpinan UMNO sebelum ini tidak membuat sebarang pendirian. Sikap parti itu difahami kerana jika sokongan terbuka diberikan, ia akan menghadapi masalah untuk mendapat keyakinan masyarakat tempatan kerana parti itu sedang berusaha untuk memulihkan kepercayaan masyarakat Cina dan Kadazan terhadapnya. Lagipula ada di antara pemimpin Berjaya berpendapat bahawa satu punca kekalahan Berjaya ialah kerana adanya hubungan yang terlalu rapat antara bekas presiden parti itu, Datuk Harris dengan pemimpin pusat sebelum ini sehingga memberi gambaran bahawa parti itu adalah alat bagi pemimpin persekutuan. Gambaran itu tidak disenangi oleh orang-orang Sabah, terutamanya Kadazan. Akibatnya mereka menarik sokongan dari Berjaya. Tetapi bekas pemimpin Berjaya termasuk Datuk Harris mengalu-alukan rancangan UMNO hendak ke Sabah.

USNO yang disifatkan oleh para pemerhati politik Sabah sebagai tunjang orang-orang Melayu dalam politik negeri ini (60 peratus Melayu, berbanding 30 peratus Berjaya dan antara 10-20 peratus PBS) berbelah bagi dalam reaksi terhadap rancangan UMNO itu. Di kalangan pemimpin mereka ada yang setuju, ada yang tidak. Tun Mustapha sendiri, atas sebab-sebab tertentu, juga dikatakan tidak berminat kerana kedatangan UMNO akan melumpuhkan sama sekali pengaruhnya di kalangan orang-orang Melayu-Islam Sabah yang memang sudah merosot sejak beberapa tahun lalu. Itulah sebabnya beliau menyerahkan soal itu kepada seluruh parti itu sedangkan sebelum ini dalam keputusan lain, beliau banyak bertolak sendiri dari merujukkannya kepada ahli-ahli parti. Lebih dari itu, sebagai pengasas USNO yang boleh diibaratkan

Sebagai anaknya sendiri, Tun Mustapha tentu tidak tergamak membunuh anaknya itu. Ini akan berlaku jika ia merestui emergian UMNO ke Sabah kerana UMNO mahu tidak mahu kan bersaing dengan USNO untuk mencari pengaruh Melayu an Islam.

Pemimpin-pemimpin USNO yang lain juga nampaknya menyertai pendapat Tun Mustapha itu. Misalnya, apabila ada i antara ahli-ahli USNO yang begitu ghairah untuk menge-orkan supaya kedatangan UMNO diterima tanpa banyak alan, mereka telah diejek. Ini terjadi ke atas ketua USNO ahagian Likas apabila beliau cuba menerangkan pendirian eliau mengenai perkara itu dalam satu perhimpunan USNO. ialah setiausaha agung USNO ketika itu, Allahyarham Datu bdul Hamid Tun Datu Mustapha berkata anggota USNO ang menjadi penghalang hendaklah meninggalkan parti itu an jangan sesekali menggagalkan perjuangan USNO dari alam. Beliau seterusnya berkata bahawa soal mengapa UMNO ahahu masuk ke Sabah masih menjadi tanda tanya sedangkan SNO masih menjadi satu parti yang diterima oleh rakyat egeri itu. Beliau membayangkan kesukaran UMNO jika endak meneruskan rancangannya: UMNO boleh mengem-angkan sayapnya ke Sabah jika parti itu benar-benar ber- asrat demikian tetapi USNO tidak dapat berbuat apa-apa kiranya tidak mendapat sambutan masyarakat Sabah (*Utusan Malaysia*, 20 Oktober 1986).

Sehari selepas itu, Tun Mustapha turut melaungkan tema ang sama. Menurut beliau, USNO tidak boleh bertindak ter- uru-buru berhubung dengan kemasukan parti itu ke Sabah. ebagai memperlihatkan ketegasan beliau, anasir-anasir pro- MNO dalam USNO telah dikenakan tindakan disiplin parti. ialah seorang ialah Haji Abdul Karim Ghani, seorang ahli ewan USNO. Kerana terlalu ghairah memperjuangkan UMNO e Sabah, beliau telah dipecat dari parti. Akibatnya oleh rana undang-undang di Sabah mengatakan seorang yang epecat dari parti atau berpaling tadah tidak lagi boleh men- di ahli dewan, maka pilihanraya kecil diadakan di kawasan ogawan yang diwakili oleh Haji Ghani. Beliau telah tidak

bertanding, tetapi dalam pilihanraya itu, wakil USNO gagal mempertahankan kerusi itu.

Antara bulan Oktober hingga November berlaku perubahan sikap dalam pimpinan USNO. Tun Mustapha akhirnya bersetuju untuk menyerahkan soal UMNO diterima oleh USNO kepada para perwakilan parti. Satu perhimpunan khas diadakan pada 29 November dan ia pada dasarnya bersetuju UMNO mengembangkan sayapnya ke Sabah. Sebanyak 30 daripada 48 bahagian menyatakan persetujuan. Ketetapan diambil supaya USNO dibubarkan dan dicantumkan dengan UMNO dengan persetujuan majoriti dua pertiga. Perhimpunan itu juga mahu Tun Mustapha dilantik sebagai ketua perhubungan negeri dan kerusi USNO dilantik sebagai salah seorang naib presiden UMNO.

Reaksi Bumiputera Islam Sabah

Sejak Berjaya gagal membentuk kerajaan dan USNO yang kini sudah menjadi *power base* Melayu Islam dan bukan lagi seluruh penduduk negeri itu seperti sebelum ini, orang-orang Islam mula mencari alternatif kepada kedua-dua parti itu. Mereka menyedari bahawa parti PBS itu dikuasai oleh bukan Islam dan parti itu tentulah tidak boleh diharapkan untuk menjaga kepentingan orang-orang Islam, walaupun dia mengaku boleh berbuat demikian. Malah mereka merasakan bahawa sejak PBS berkuasa, pekerja-pekerja Islam mula ditindas atau diketepikan. PBS sudah pasti menafikan keadaan itu berlaku kerana menurut parti itu jika pun benar berlaku pertukaran pekerja ia adalah proses biasa apabila sebuah kerajaan baru mengambil alih kuasa.

Dalam keadaan itu, apakah pilihan yang ada untuk mereka? Pertama, menggunakan parti-parti yang sedia ada untuk berjuang ke arah tujuan mengambil alih kuasa. Tetapi terdapat masalah besar di sini. USNO dengan pimpinan yang ada walaupun mendapat sokongan 60 peratus Melayu tidak mendapat sokongan dua kumpulan dominan lain dalam politik Sabah, iaitu Kadazan dan Cina. Bukan sahaja parti

tidak dapat diterima, tetapi pimpinannya juga. Itulah sebabnya Cina atau Kadazan yang bekerjasama dengan USNO untuk menentang PBS tidak berjaya. Misalnya, parti Cina pimpinan Francis Leong dan Michael Tan pernah bekerjasama dengan USNO tetapi gagal. Masalah Berjaya adalah lebih besar kerana ia tidak lagi mendapat sokongan tiga kumpulan utama dalam politik Sabah. Dalam keadaan itu, mereka melihat penyelesaian kepada masalah mereka terletak di tangan UMNO yang dianggap sebagai *big brother* yang ada kuasa. Sekiranya ia ke Sabah dan dapat menyatukan bumiputera Melayu dan Cina di Sabah, ia boleh menjadi satu tenaga kuat untuk melawan PBS. Sebagai kerajaan persekutuan, ia boleh menggunakan taktik memulas tangan untuk mempengaruhi PBS supaya diterima sebagai sebahagian daripada kerajaan negeri yang akan membolehkan orang-orang Islam mendapat pembahagian ekonomi yang sudah pasti tidak akan diperolehi sekiranya mereka berada di luar arus utama atau *mainstream* politik seperti sekarang ini. Orang-orang inilah yang ingin melihat UMNO menyegerakan rancangannya ke Sabah.

Bagi mereka UMNO tidak boleh datang dalam bentuk USNO kerana jika ini formulanya, maka nama USNO sahaja yang akan bertukar menjadi UMNO. Jika itu berlaku, orang-orang yang anti-USNO termasuk bumiputera, Cina tidak akan dapat bekerjasama dengan UMNO di Sabah. Orang-orang ini mahu menyertai atau bekerjasama dengan UMNO sekiranya datang menurut cara biasa dan tidak dikuasai oleh mana-mana pihak yang berada dalam politik Sabah. Mereka mahu kesetaraan dan tidak mahu ahli-ahli USNO diberi pampasan istimewa. Mereka juga melihat bahawa UMNO juga tidak boleh datang sekiranya USNO masih wujud. Langkah ini hanya akan memecahbelahkan lagi orang-orang Islam dan Melayu di negeri itu.

Masyarakat Islam Sabah juga berpendapat bahawa UMNO tidak boleh melambat-lambatkan kedatangannya ke Sabah kerana PBS kini sedang berusaha untuk menghancurkan kerusi-kerusi yang majoritinya terdiri daripada orang Islam dan Melayu. Ini dilakukan dengan membawa masuk orang-

orang bukan Islam ke sembilan belas buah kawasan negeri yang sekarang ini dikenali sebagai tempat selamat bagi orang Melayu dan Islam. Jika proses ini berterusan, dalam masa empat tahun selepas pilihanraya 1986, kerusi selamat bagi orang Melayu dan Islam akan tinggal 10 sahaja lagi. Apabila itu terjadi, harapan untuk menegakkan sebuah kuasa yang berasaskan Islam dan Melayu seperti yang berjaya dilakukan oleh USNO dan Berjaya sebelum ini akan berkecai. Bagi mereka inilah bahaya besar kiranya UMNO terus menanggungkan rancangannya ke Sabah.

Menyedari masa depan yang gelap itu seorang pemerhati politik Sabah yang pro-UMNO menyatakan bahawa Kuala Lumpur kini mempunyai dua alternatif dalam rancangan untuk mengembangkan sayapnya ke Sabah. Alternatif pertama untuk berpegang teguh kepada demokrasi walaupun ia boleh menghancurkan Melayu dan Islam. Jika ini pilihan mereka, kata beliau, bermakna para pemimpin UMNO menerima PBS dan membiarkan orang Melayu dalam kegelapan politik. Alternatif kedua ialah menolong orang-orang Melayu dan Islam walaupun terpaksa mengambil langkah-langkah yang mungkin bercanggah dengan demokrasi. Maksud mereka di sini ialah kerajaan pusat menggunakan kuasa yang ada termasuk taktik memulas tangan untuk mempengaruhi PBS supaya tidak mengabaikan kepentingan orang Melayu dan Islam. Ini boleh dilakukan jika UMNO berada di Sabah.

Pemerhati politik yang sama juga mengingatkan jika UMNO tidak membantu orang-orang Melayu Islam di Sabah menyelesaikan masalah mereka akibat penindasan PBS, mereka akan kecewa dengan Kuala Lumpur. Sikap ini boleh menghasilkan dua perkara: pertama, orang-orang Melayu mungkin akhirnya mengambil sikap tidak ambil berat dalam politik dan akan rentak PBS kerana tidak mahu menghadapi masalah. Mereka juga boleh mengambil pendirian antipersekutuan atau sikap permusuhan kerana Kuala Lumpur tidak membantu dan mengambil berat akan masalah yang mereka hadapi. Akhir

ya mereka mungkin terdorong untuk menyertai PAS yang sudah pun bertapak di Sabah sejak pilihanraya 1986 lalu.

UMNO ke Sabah: Reaksi Kuala Lumpur

Rancangan UMNO ke Sabah ini mula diperkatakan secara terang-terangan mulai akhir tahun 1986 oleh para pemimpin utama parti itu. Berjaya sudah terbukti tidak lagi boleh memerintah. Dalam bulan April 1987, UMNO akan mengadakan perhimpunan tahunan untuk memilih pucuk pimpinan parti. Lanjutan itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa kesempatan untuk mencari undi telah mendorong UMNO untuk mengemangankan sayapnya ke Sabah. Tetapi hal ini telah dinafikan oleh presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad. Pada 23 Disember di Kuantan, beliau menolak pandangan yang mengatakan kononnya UMNO tergesa-gesa berkembang ke Sabah kerana pucuk pimpinan mahu mencari pengaruh dan undi menjelang pemilihan parti dalam bulan April. Sebelum itu, pada 6 November selepas menemui rombongan USNO yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha di Kuala Lumpur, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa UMNO ke Sabah bukan untuk menelakan USNO tetapi menjadi alternatif bagi rakyat Sabah yang tidak memihak USNO atau PBS. Pada 19 Disember sebagai menjawab Datuk Joseph Pairin Kitingan yang tidak mahu UMNO ke negeri itu, presiden UMNO itu berkata, undang-undang negara tidak menghalang parti itu untuk berkembang ke Sabah. Sebaliknya beliau mencadangkan sekiranya PBS mahu ke Semenanjung Malaysia, ia juga boleh berbuat demikian.

Dalam UMNO sendiri terdapat tentangan terhadap rancangan parti itu. Veteran UMNO, Tan Sri Samad Idris, tidak setuju parti itu ke Sabah kerana keadaan politik Sabah yang unik tidak sesuai untuk UMNO (*Utusan Malaysia*, 14 Oktober 1986). Hajah Marina Yusof, seorang ahli majlis tertinggi juga tidak setuju kerana menurut hemat beliau kemasukan UMNO ke Sabah akan hanya menggugat kedudukan kuasa Melayu.

Datuk Musa menyokong dengan berkata UMNO ke Sabah untuk menawarkan khidmat. Bekas ahli majlis tertinggi, Syed Hamid Ja'afar Albar, berpendapat pemergian UMNO ke Sabah dan malah ke Sarawak akan melengkapkan parti itu sebagai sebuah pertubuhan politik kebangsaan, tetapi mengingatkan bahawa dalam berbuat demikian UMNO akan berdepan dengan banyak masalah seperti penerimaan parti yang berkuasa, budaya politik yang berbeza dan kemungkinan berlaku imbalan kuasa yang boleh merugikan pimpinan Melayu.

Walaupun terdapat pendapat yang berbelah bagi di kalangan ahli sendiri, Majlis Tertinggi UMNO dalam sidang pada 8 Disember akhirnya membuat keputusan untuk menubuhkan UMNO di Sabah. Salah seorang naib presiden ketika itu, Encik Ghafar Baba, yang juga timbalan perdana menteri telah diserahkan kuasa penuh untuk menguruskan pengembangan parti itu dan mengadakan rundingan penyatuan dengan USNO. Encik Ghafar, yang terkenal sebagai seorang perunding yang cekap dalam menyelesaikan masalah-masalah politik tidak mengambil masa yang lama untuk menyempurnakan tugas itu. Pada 18 Disember, dalam satu perhimpunan dengan ahli dan pemimpin USNO di Kota Kinabalu, Encik Ghafar mengisytiharkan bahawa 'mulai malam ini' UMNO telah berada di Sabah setelah mendapat kata sepakat USNO. Jawatan kuasa penaja USNO seramai 10 orang diketuai oleh pengerusi tetap UMNO, Datuk Haji Kassim Kamidin telah ditubuhkan pada waktu yang sama. Keputusan dibuat bahawa ahli-ahli USNO diterima secara automatik ke dalam UMNO melalui pendaftaran dan mereka tidak perlu mengisi borang.

Tetapi untuk menukar USNO terdapat satu masalah teknikal dari segi undang-undang tentang kedudukan 9 orang anggota USNO dalam dewan negeri. Ini kerana apabila PBS berkuasa, ia telah membuat satu undang-undang bahawa mana-mana ahli dewan yang melompat parti secara automatik membawa pengertian ia meletakkan jawatan mereka sebagai ahli dewan. Dalam keadaan itu, satu pertandingan baru akan diadakan. USNO nampaknya tidak mahu berbuat demikian.

Tidak syak lagi itulah satu punca yang menghalang UMNO ke Sabah walaupun sudah diisytiharkan berada di Sabah oleh Encik Ghafar pada 18 Disember. Malah di kalangan pimpinan USNO sudah terdapat perubahan sikap untuk membubarkan parti itu dan menjadi sebahagian daripada UMNO. Parti itu mempunyai kemampuan untuk disusun semula untuk menyayakan Melayu dan Islam di Sabah. Ekoran perkembangan itu, Dr. Mahathir mengeluarkan kenyataan bahawa majlis tertinggi parti akan membuat keputusan lain sama ada akan meneruskan rancangannya ke Sabah. Tetapi sejak kenyataan itu dibuat pada 22 Mac 1987, majlis tertinggi yang telah bersidang beberapa kali masih belum membuat sebarang keputusan.

UMNO ke Sabah: Masalah dan Prospek

Salah satu masalah yang berbangkit antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu merupakan punca utama mengapa sampai sekarang UMNO gagal mengembangkan sayapnya ke Sabah. Orang-orang Melayu dan Islam di negeri itu mahukan UMNO kerana mereka tidak boleh bergantung pada Berjaya, USNO, apalagi PBS untuk menjaga kepentingan mereka. Golongan ini mahu UMNO ke Sabah untuk mengajar PBS melalui penggunaan taktik memulas tangan kerajaan negeri itu. Tetapi UMNO pula membuat keputusan untuk ke Sabah dengan bergabung bersama USNO. Dengan kata lain, USNO akan menjadi *proxy*, tetapi para pemimpin USNO tidak begitu berminat. Kemasukan UMNO melalui USNO juga sudah pasti menimbulkan masalah lain. Mereka yang mahukan UMNO tetapi tidak sukakan USNO sudah pasti tidak menyokong dan memberikan kerjasama.

Jika itu keadaannya, UMNO di Sabah akan hanya menjadi seperti USNO, iaitu sebuah parti tempatan yang terpaksa bersaing dengan parti yang memerintah yang juga berada dalam Barisan Nasional. Ini dengan sendirinya bermakna UMNO tidak akan dapat memainkan peranan yang dominan seperti yang ia lakukan di Semenanjung Malaysia. Ini adalah

imej yang tidak baik untuk UMNO sebagai sebuah parti yang berkuasa. Tetapi dari segi lain ia pernah mengalami keadaan yang sama di Kelantan ketika PAS memerintah negeri itu sehingga tahun 1974. Tetapi kehadiran UMNO terbukti akhirnya telah membolehkan parti itu mengambil alih pemerintahan negeri. Mungkin formula yang sama boleh berkesan di Sabah jika parti itu ke sana.

Tetapi terdapat masalah-masalah lain dalam pemikiran orang-orang Kuala Lumpur berkait dengan rancangan UMNO ke Sabah. Pertama, ada kaitan dengan imbangan kuasa yang akan menentukan dasar dan pimpinan UMNO. Selama ini, pimpinan UMNO ditentukan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Tetapi sekiranya UMNO ke Sabah, sifat itu akan berubah. Kerana Sabah mempunyai 20 kerusi parlimen, maka akan wujud 20 bahagian UMNO yang menurut perlembagaan parti berhak menghantar sekurang-kurangnya 200 perwakilan. Ini bermakna perwakilan UMNO Sabah boleh menjadi broker kuasa dalam menentukan pucuk pimpinan parti di masa-masa depan. Para perwakilan ini mungkin sukar dikawal seperti yang boleh dilakukan dengan perwakilan Semenanjung Malaysia. Keadaan ini jika berlaku, boleh memporak-perandakan lagi UMNO terutama selepas perlawanan sengit pada 24 April.

Satu lagi masalah berkait dengan keanggotaan UMNO itu sendiri. Seperti kita ketahui UMNO ditubuhkan sebagai sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan Melayu dan Islam kerana tafsiran Melayu perlembagaan menetapkan bahawa mereka mesti Islam. Jika tidak bukan Melayu namanya. Tetapi untuk membolehkan bumiputera bukan Islam memasuki UMNO, perlembagaan parti telah dipinda bagi bumiputera—tidak kira Islam atau tidak boleh menyertai UMNO. Perubahan inilah yang telah membolehkan mereka yang dianggap bumiputera seperti orang Siam menyertai parti. Di Semenanjung Malaysia, hal itu tidak menjadi masalah kerana bumiputera yang menyertai UMNO tidak besar jumlahnya. Tetapi keadaan di Sabah berbeza. Sebahagian besar

bumiputera terdiri daripada bukan Islam. Jika UMNO ke Sabah dan mereka menjadi ahli parti, maka bumiputera bukan Islamlah yang akan menguasai parti itu. Ini boleh menimbulkan masalah apabila timbul perbahasan mengenai soal-agama. Selama ini apabila timbul isu agama dalam perimpunan parti, ia membawa maksud bahawa agama yang diperkatakan adalah Islam. Tetapi dengan kehadiran bumiputera bukan Islam, perbahasan mengenai Islam terpaksa dibuat lebih berhati-hati. Betapa pula kalau mereka membuat keputusan berkait dengan gereja dan sebagainya. Ini adalah satu masalah besar bagi UMNO jika berlaku.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh UMNO ialah peneamaan parti yang memerintah. Rancangan ke Sabah itu tampaknya tidak diterima oleh parti tempatan yang berkuasa. Ia bermakna bahawa dalam mencari pengaruh, UMNO terpaksa berlawan dengan PBS dan jika gagal kedudukannya mungkin tercabar. Ini juga bermakna bahawa UMNO yang sepatutnya mempunyai kedudukan yang dominan dalam Badan Nasional negeri mempunyai kedudukan dan taraf yang sama dengan PBS. Ini sudah pasti menjejaskan kepemimpinan parti. Lebih dari itu, jika kehadiran UMNO tidak mendapat persefahaman dari parti tempatan yang berkuasa, UMNO akan dianggap sebagai parti luar dan mungkin juga melengkapkan penjajahan pusat ke atas Sabah. Ini kerana semangat kekitaan sebagai satu antara Semenanjung dan Sabah serta rawak masih tipis.

Hakikat bahawa orang-orang Semenanjung yang bekerja di Sabah diterima dengan sikap permusuhan oleh penduduk elit tempatan membayangkan kesukaran-kesukaran dalam hubungan Kota Kinabalu—Kuala Lumpur. Hakikat bahawa orang-orang Semenanjung yang hendak pergi ke Sabah terpaksa melalui pemeriksaan imigresen dan mereka yang hendak bekerja terpaksa mendapatkan permit kerja telah membantut perasaan kekitaan itu. Dalam konteks ini, pemergian UMNO ke Sabah walaupun tujuannya baik untuk menjadikan parti itu sebagai sebuah pertubuhan yang benar-benar kebangsaan

sifatnya, mungkin diterima berdasarkan semangat itu. Lantaran itu, Syed Hamid Albar mengesyorkan bahawa kemasukan UMNO ke Sabah hendaklah dibuat dengan penerimaan total atau majoriti masyarakat negeri itu dan bukan dipaksakan ke atas mereka.

UMNO BERGOLAK

Lahir dan Lenyapnya 2M

APABILA Datuk (kini Tun) Hussein Onn membayangkan hasratnya untuk bersara daripada politik pada awal tahun 1981 selepas menjalani pembedahan *coronary bypass* di London, soal siapa yang menggantikan beliau sebagai presiden UMNO dan perdana menteri, tidak menimbulkan masalah. Dr. Mahathir Mohamad, sebagai timbalan presiden dan timbalan perdana menteri diterima sebulat suara oleh UMNO untuk menggantikan beliau. Tetapi siapa yang akan mengisi kedudukan nombor dua dalam parti yang bakal dikosongkan oleh Dr. Mahathir itu menjadi tanda tanya. Oleh kerana terdapat kekosongan, sebutan bagi kerusi itu memang tidak dapat dielakkan, walaupun tradisi UMNO biasanya ialah untuk memilih presiden dan timbalan presiden tanpa bertanding sebagai bukti sokongan padu dan bulat yang mereka berikan pada pucuk pimpinan parti.

Dr. Mahathir sendiri secara terbuka dan rasmi tidak menyayakan tokoh pilihannya untuk jawatan itu. Jika mahu, beliau boleh memberitahu bahawa beliau merancang untuk melantik tokoh tertentu sebagai timbalannya apabila beliau mengambil alih pimpinan negara dan kemudian meminta parti mengesahkan tokoh pilihannya di kedudukan nombor dua dalam parti. Ini dilakukan oleh Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn

selepas mereka menjadi perdana menteri. Tugas pertama mereka ialah untuk memilih seorang tokoh UMNO—biasanya salah seorang naib presiden menjadi timbalan perdana menteri dan kemudian diterima oleh para perwakilan UMNO sebagai timbalan presiden parti. Ini dilakukan oleh Tun Razak apabila beliau mengambil alih pimpinan negara daripada Tunku Abdul Rahman sebagai perdana menteri dengan menamakan Tun Dr. Ismail sebagai timbalan perdana menteri. Beliau kemudian diterima tanpa tentangan oleh UMNO sebagai orang nombor dua dalam parti. Hal yang sama juga dibuat oleh Tun Hussein setelah beliau menjadi perdana menteri ekoran kematian Tun Razak pada 14 Januari 1976. Walaupun beliau mengambil masa yang agak lama untuk mencari timbalan beliau, tetapi apabila salah seorang naib presiden waktu itu Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai timbalan perdana menteri dalam tahun itu, beliau diterima sebulat suara sebagai timbalan presiden dalam perhimpunan parti.

Barangkali suasana pada tahun 1981 itu tidak sama dengan tahun 1971 dan 1976. Perhimpunan agung parti sudah hampir waktu Tun Hussein menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan. Lagipun Dr. Mahathir hanya mengambil alih pimpinan negara selepas perhimpunan itu selesai. Jadi, beliau tiada pilihan kecuali menyerahkan kepada para perwakilan parti untuk menentukan pilihan mereka sebagai timbalan presiden yang kemudian, sekiranya konvensyen UMNO dipatuhi, akan dilantik oleh perdana menteri sebagai timbalan perdana menteri.

Sebaik sahaja bayangan Tun Hussein Onn difahami oleh ahli dan pemimpin UMNO, maka perlumbaan mencari timbalan presiden yang baru pun bermula. Bahagian-bahagian yang mengadakan mesyuarat mencalonkan pilihan masing-masing. Tetapi menjelang perhimpunan itu, jelas hanya dua calon utama iaitu dua orang naib presiden yang sedia ada iaitu menteri kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan menteri pelajaran (kini pendidikan), Datuk Musa Hitam. Malah antara mereka berdua, Tengku Razaleigh atau lebih dikenali

Sebagai Ku Li di kalangan para pengikutnya, menyatakan penirriannya secara tidak langsung terlebih dulu. Sejak April lagi, beliau yang mula menyertai UMNO pada tahun 1962, bertanding untuk kerusi negeri di Kelantan pada tahun 1969 dan kerusi parlimen pada tahun 1974 mengumumkan bahawa beliau akan bertanding hanya satu jawatan dalam perhimpunan UMNO dalam bulan Jun, dan jika kalah akan meletakkan jawatan menteri. Walaupun pada waktu ini, jawatan tunggal yang hendak dipertandingkan tidak dinyatakan, tetapi para pemerhati politik menyatakan bahawa kedudukan itu ialah timbalan presiden parti. Ini terbukti betul apabila pada 9 Mei secara rasmi dinyatakan bahawa beliau hanya akan bertanding timbalan presiden dan secara terbuka juga menyatakan jika kalah beliau akan meninggalkan kabinet dan bersara daripada politik. Pengumuman beliau ini dianggap oleh setengah-setengah pihak sebagai ancaman atau ugutan supaya para perwakilan benar-benar memilih beliau, walaupun beliau sendiri menafikan dakwaan itu.

Tidak seperti Tengku Razaleigh, Datuk Musa mengambil strategi yang berbeza. Walaupun beliau juga diketahui ghairah untuk menjadi timbalan presiden, namun beliau berjaya menyembunyikan keghairahannya itu. Pada 5 April, ekoran kenyataan Tun Hussein untuk bersara, Datuk Musa hanya memberitahu bahawa beliau akan bertanding semula jawatan naib presiden jika dicalonkan. Pada 24 Mei, beliau memberitahu beliau belum lagi dicalonkan untuk jawatan timbalan presiden yang kini disandang oleh Dr. Mahathir. Apabila pencalonan sudah diterima, Datuk Musa tidak seangkuh Tengku Razaleigh yang telah menyatakan bahawa beliau akan bertanding hanya satu jawatan. Sebaliknya beliau menyatakan kesediaannya untuk bertanding timbalan presiden dan kedudukan yang dipegang sebagai naib presiden. Tetapi ini cuma permainan politik Datuk Musa sahaja untuk menawan hati para perwakilan UMNO. Terbukti kemudian bahawa Datuk Musa, seperti juga Tengku Razaleigh, hanya bertanding bagi timbalan presiden sahaja. Gelanggang sudah dipersiapkan bagi persaingan sengit satu lawan satu antara dua tokoh terkemuka UMNO

yang pernah diramalkan oleh mingguan antarabangsa *Time* Julai 1974 sebagai rakyat Malaysia yang akan menjadi tokoh penting dalam politik nasional dan antarabangsa.

Bagi para perwakilan parti, mereka sebenarnya berdepan dengan kesulitan tentang calon yang mana satukah yang akan dijadikan timbalan presiden. Kedua-dua tokoh mempunyai kaliber yang lebih kurang sama walaupun mempunyai latar belakang yang berbeza. Tengku Razaleigh seorang putera raja, manakala Datuk Musa anak seorang pembaca meter air di Johor. Tetapi dalam politik, mereka telah mencapai kejayaan yang luar biasa hebatnya untuk memajukan bangsa mereka melalui kedudukan mereka dalam kerajaan.

Tengku Razaleigh sebagai pengurus kewangan negara telah dikaitkan dengan kejayaan yang telah dicapai oleh Bank Bumiputra, Pemas, Petronas dan kejayaan mengambil alih beberapa institusi kewangan yang lain sebagai milik bumiputera. Nama beliau juga dikaitkan dengan skim Amanah Saham Nasional yang baru dilancarkan dalam tahun 1980 serta menjadi tenaga penggerak bagi pembinaan bangunan UMNO yang baru berharga berjuta-juta ringgit. Dari segi politik juga, beliau telah dikaitkan dengan kerja-kerja menguatkan kedudukan UMNO di Kelantan yang sejak merdeka diperintah oleh PAS. Malah beliau dikatakan bertanggungjawab menumbangkan kerajaan PAS di Kelantan pada tahun 1977.

Selain daripada kejayaan, kelemahan Tengku Razaleigh juga ditonjolkan sewaktu berkempen. Beliau dituduh sebagai tokoh yang terlalu mementingkan perniagaan dan kebanyakannya kawan-kawan niaga beliau adalah bukan Melayu. Ini digambarkan bahawa jiwa Melayu Tengku Razaleigh agak tipis dan jika beliau dipilih menjadi timbalan presiden, orang-orang Melayu tidak akan mendapat manfaat besar.

Sekiranya Tengku Razaleigh dikatakan berjaya mengumpul poket orang Melayu, Datuk Musa Hitam pula dikatakan bertanggungjawab mengisi kepala orang Melayu dalam bidang pendidikan. Datuk Musa digambarkan seorang yang boleh menjaga kepentingan Melayu kerana ketegasan beliau menentang permintaan bukan Melayu supaya didirikan Universiti

Merdeka. Beliau juga dikaitkan dengan kemampuan untuk menggubal Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) serta menjadikan sekolah sebagai institusi pembelajaran yang menarik. Tetapi faktor utama yang membantu Datuk Musa ialah hubungan rapat beliau dengan Dr. Mahathir Mohamad. Beliau dikatakan orang yang sehaluan dengan bakal perdana menteri kerana telah melalui perjalanan politik yang sama selepas 13 Mei 1969. Kerana sikap kritikal beliau terhadap pimpinan Tunku Abdul Rahman yang mereka dakwa pro-Melayu, mereka berdua telah dipecat dari parti dan Datuk Musa kehilangan jawatannya sebagai timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah membawa diri ke luar negeri melanjutkan pelajaran dalam bidang hal-ehwal antarabangsa di Universiti Sussex, England. Seperti Dr. Mahathir, Datuk Musa hanya aktif semula dalam politik UMNO setelah orde baru pimpinan Tun Razak mengambil alih pemerintahan. Sekembalinya dari luar negeri, beliau menjadi pensyarah di Universiti Malaya, kemudian pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, yang beliau tukar namanya menjadi FELDA hinggalah sekarang. Beliau kemudian menjadi timbalan menteri perdagangan dan perindustrian, dinaikkan pangkat menjadi menteri perusahaan utama dalam kabinet pertama Tun Hussein Onn dan selepas menjadi naib presiden UMNO pada tahun 1978, beliau ditukarkan ke Kementerian Pendidikan sebagai menteri. Jika Dr. Mahathir terkenal dengan *Kelembagaan Melayu*, Datuk Musa pula dikenali dengan anjurannya supaya orang-orang Melayu sedikit kurang ajar dalam sikap mereka.

Sepanjang kempen berlangsung, Dr. Mahathir sendiri tidak menyatakan secara terbuka calon pilihan beliau. Beliau cuba memperlihatkan sikap berkecuali dengan tujuan untuk tidak mempengaruhi para perwakilan. Tetapi secara tidak langsung apakah calon yang lebih diutamakan oleh Dr. Mahathir tidak dapat disembunyikan. Beliau mahu kalau boleh Datuk Musa menjadi timbalan presiden. Itu sebabnya, gurka-gurka setia Dr. Mahathir seperti Datuk Seri Sanusi Junid, Datuk Abdullah Ahmad Badawi telah bekerja keras untuk memastikan keme-

nangan Datuk Musa. Mereka tentu tidak akan berbuat demikian sekiranya tidak mendapat restu Dr. Mahathir. Datuk Sanusi sewaktu ditemui mengakui bahawa beliau telah berkempen untuk Datuk Musa, tetapi tidak mahu memberitahu bahawa beliau berbuat demikian kerana arahan Dr. Mahathir. Malah Dr. Mahathir sendiri secara tidak langsung juga cuba menonjolkan kebaikan pimpinan Datuk Musa. Misalnya, apabila Tengku Razaleigh berkata beliau akan bertanding hanya jawatan timbalan presiden, beliau cuba menasihatkan Tengku Razaleigh supaya mengikut jejak Datuk Musa yang bersedia bertanding dua jawatan. Apabila ada desas-desus bahawa Tengku Razaleigh mendahului Datuk Musa dari segi undi pada satu ketika, Dr. Mahathir tanpa diminta berkata memenangi timbalan presiden tidak automatik menjadi timbalan perdana menteri. Ada pemerhati berkata, ulasan ini dibuat oleh Dr. Mahathir kerana ingin memberi bayangan andainya sekalipun Tengku Razaleigh menjadi timbalan presiden beliau tidak semestinya dilantik menjadi timbalan perdana menteri. Malah jika beliau mahukan Datuk Musa sebagai timbalan perdana menteri, beliau berhak berbuat demikian kerana kuasa melantik timbalan perdana menteri adalah prerogatif perdana menteri seperti yang diperuntukkan oleh perlembagaan negara.

Para perwakilan UMNO ke perhimpunan parti Jun 1981 ini nampaknya memahami hasrat terselindung Dr. Mahathir. Dalam pemilihan yang berlangsung, mereka telah memilih Datuk Musa, seorang yang rapat dengan Dr. Mahathir sebagai timbalan presiden. Beliau mendapat 722 undi, manakala Tengku Razaleigh pula 517 undi. Seperti yang diramalkan, kemenangan Datuk Musa itu telah membolehkan beliau dilantik menjadi timbalan perdana menteri. Tengku Razaleigh Hamzah yang menegaskan bahawa sekiranya kalah beliau akan melintakkan jawatan menghadapi tekanan dari pelbagai pihak—termasuk Dr. Mahathir dan Datuk Musa sendiri—supaya jangan meninggalkan kabinet dan bersara dari politik kerana perpecahan parti dan orang Melayu. Beliau bersetuju untuk menukarkan pendirian awalnya dan dikekalkan sebagai menteri kewangan dalam kabinet pertama Dr. Mahathir Mohamad sebagai pe-

mana menteri yang diumumkan beberapa hari selepas perhimpunan agung parti selesai.

Oleh sebab rapatnya hubungan Dr. Mahathir dengan Datuk Musa, pentadbiran baru yang mengambil alih pentadbiran negara pada tahun 1981 telah diberi nama jolokan 2M—rujukan sukannya kepada nama Mahathir Mohamad tetapi kepada Mahathir—Musa. Tindakan memberi nama ini sebenarnya tidak tepat kerana ia memberi gambaran bahawa kedua-dua orang itu mempunyai taraf yang sama. Sepatutnya pentadbiran yang ada dikenali sebagai pentadbiran Dr. Mahathir sahaja kerana beliau adalah kapten bagi kapal yang bernama Malaysia manakala menteri-menteri lain, termasuk timbalannya, hanya pembantu-pembantu yang akan menolong beliau menuju ke matlamatnya.

Hakikat itu bagaimanapun tidak menghalang pelbagai pihak untuk terus mempopularkan 2M, terutama akhbar-akhbar yang memberi gambaran seolah-olah Dr. Mahathir dan Datuk Musa berkongsi kuasa sebagai ketua eksekutif Malaysia. Adakalanya Dr. Mahathir sendiri menggunakan istilah itu untuk merujuk kepada pentadbirannya. Sama ada 2M yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir itu bermakna Mahathir Mohamad atau Mahathir—Musa sukar untuk dipastikan. Yang pasti ialah antara mereka terdapat kemesraan dalam memimpin negara. Mereka saling berunding dan berbincang mengenai dasar-dasar penting negara. Datuk Musa sendiri pernah memberitahu wartawan bahawa paling tidak beliau menghubungi Dr. Mahathir melalui telefon dua kali sehari. Apabila Dr. Mahathir berangkat ke luar negeri, beliau menyerahkan kepada Datuk Musa untuk memangku tugasnya itu.

Kepercayaan Dr. Mahathir kepada Datuk Musa bukan sesuatu yang diada-adakan. Misalnya, selepas lebih setahun Datuk Musa menjadi timbalan presiden, dan kedengaran ura-ura Tengku Razaleigh untuk bertanding semula dalam pemilihan 1984, Dr. Mahathir menggunakan perhimpunan agung tahunan UMNO 1983 untuk mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan parti kerana telah memilih Datuk Musa sebagai timbalannya. Beliau mengatakan bahawa Datuk Musa

telah bekerjasama dengan baik dan beliau membayangkan ke-sukaran jika orang lain selain dari Datuk Musa menjadi timbalan presiden. Kata-kata Dr. Mahathir ini ditafsirkan oleh pemerhati politik sebagai ditujukan kepada Tengku Razaleigh supaya mematikan sebarang niat atau hajat untuk menentang semula Datuk Musa bagi jawatan timbalan presiden dalam pemilihan tahun berikutnya apabila semua jawatan dalam parti dipertandingkan semula. Ia juga ditujukan kepada para perwakilan jika benar Tengku Razaleigh bertanding, Dr. Mahathir mahu mereka mengekalkan Datuk Musa Hitam sebagai timbalan presiden.

Terbukti benar bahawa dalam pemilihan 1984 itu, Tengku Razaleigh sekali lagi mencuba nasibnya untuk jawatan timbalan presiden apabila beliau membuat keputusan untuk bertanding. Para pemerhati politik UMNO sendiri tidak percaya hal itu berlaku kerana tradisi UMNO selama ini ialah membiarkan tokoh yang telah memenangi jawatan dalam pertandingan kali pertama memegang jawatan mereka sehinggalah mereka membuat keputusan untuk bersara. Pertandingan hanya berlaku jika ada kekosongan jawatan seperti yang berlaku pada tahun 1981. Tetapi sebaik jawatan diisi, *status quo* akan dipertahankan. Ini berlaku sejak UMNO ditubuhkan lagi. Misalnya, setelah Dato' Onn dipilih menjadi yang dipertama, tidak ada orang menentang beliau walaupun pemilihan jawatan dibuat setiap tahun ketika itu. Tetapi apabila Dato' Onn meletakkan jawatan, pertandingan berlaku antara Tunku Abdul Rahman, C.M. Yusof dan Haji Ahmad Fuad. Tetapi setelah Tunku Abdul Rahman menang, kedudukan beliau sebagai presiden UMNO tidak dicabar sehinggalah beliau meletakkan jawatan. Tradisi yang sama dibuat untuk jawatan timbalan presiden. Sebaik sahaja Tun Razak menjadi timbalan presiden, beliau kekal dengan jawatan itu. Malah sudah menjadi tradisi UMNO untuk membiarkan dua jawatan utama, iaitu presiden dan timbalan presiden diduduki tanpa bertanding. Bagaimanapun tradisi ini sudah berakhir.

Oleh itu, bagi Tengku Razaleigh, apabila beliau membuat keputusan untuk menentang Datuk Musa bagi timbalan pre-

en dalam pemilihan yang diadakan tiga tahun sekali pada tahun 1984, beliau sebenarnya bukan sekadar melawan Datuk Musa tetapi juga Dr. Mahathir yang menyokong Datuk Musa. ni kerana sebelah siapa perdana menteri berada dalam perbandingan kali ini memang tidak dapat disembunyikan. Misalnya, pada 22 Mei 1984 tatkala calon-calon untuk timbalan presiden sudah diketahui, Dr. Mahathir memberitahu Bernama bahawa sungguhpun UMNO milik semua, tetapi tidak ada siapa pun yang berhak memusnahkannya kerana keinginan peribadi. Beliau memetik kata-kata yang pernah dilafazkan oleh bekas perdana menteri Tunku Abdul Rahman yang berkata adalah lebih baik bekerja dengan orang jahat yang kita kenal daripada orang baik yang kita tidak kenal. Ada pemerhati menyatakan, ini membayangkan bahawa Dr. Mahathir lebih senang bekerja dengan timbalannya yang ada sekarang yang lebih beliau kenali, daripada orang baru yang mungkin beliau kurang kenali.

Tetapi kata-kata Dr. Mahathir tidak menghalang Tengku Razaleigh dan malah Datuk Harun Idris, salah seorang naib presiden ketika itu, untuk terus menentang Datuk Musa yang mempertahankan jawatannya. Dalam pemilihan Mei 1984 itu, Datuk Musa berjaya mempertahankan jawatannya dengan mendapat 744 undi manakala Tengku Razaleigh 501 undi dan Datuk Harun Idris 34 undi.

Seciranya pemilihan 1981 melahirkan 2M, keputusan pemilihan 1984 walaupun Datuk Musa berjaya, tetapi sebenarnya permulaan bagi berkuburnya hubungan mesra Mahathir—Musa yang terus berkesudahan dengan perletakan jawatan Datuk Musa sebagai timbalan perdana menteri, menteri hal-ewal dalam negeri dan juga timbalan presiden UMNO pada awal tahun 1986.

Kejayaan Datuk Musa itu sepatutnya menggembirakan beliau tetapi Datuk Musa juga telah membuat perhitungannya sendiri untuk menamatkan kerjaya politik Tengku Razaleigh. Beliau berharap dengan keengganan Tengku Razaleigh men-tingkar nasihat Dr. Mahathir supaya jangan bertanding timbalan presiden, perdana menteri yang juga presiden UMNO

akan mengambil langkah untuk mengetepikan Tengku Razaleigh dari jawatan menteri. Tetapi Dr. Mahathir tidak berbuat demikian. Seajar dengan janjinya dalam ucapan di perhimpunan 1984 itu bahawa 'yang menang tidak menang semua dan yang kalah tidak hilang semua' Tengku Razaleigh dikekalkan di dalam kabinet tetapi tidak sebagai menteri kewangan. Sebaliknya beliau telah dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dari segi kedudukan kementerian ini adalah lebih rendah sedikit daripada Kementerian Kewangan. Dr. Mahathir mempunyai perhitungan politiknya sendiri mengapa Tengku Razaleigh tidak dipecat sama sekali dari kabinet. Pertama, kerana beliau menghormati sokongan yang diberikan oleh para perwakilan kepada Tengku Razaleigh yang boleh dikatakan berjaya mempertahankan undi yang diperolehi dalam pertandingan 1981 dan 1984. Bagi Dr. Mahathir membuang Tengku Razaleigh dengan sokongan yang begitu banyak mungkin boleh meretakan perpaduan dalam UMNO. Lantaran itu beliau mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam kabinet, tetapi tidak dengan kedudukan yang sama. Ini juga satu bentuk pengajaran kepada Tengku Razaleigh supaya lain kali mendengar nasihat presiden. Walaupun jawatan menteri dikekalkan, tetapi kedudukan beliau sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan telah ditarik dan diberikan kepada menteri besar, Datuk Mohammad Yaacob. Tengku Razaleigh juga tidak dilantik menganggotai Majlis Tertinggi UMNO seperti yang dilakukan pada tahun 1981. Ini bermakna beliau kehilangan jawatan di peringkat negeri dan kebangsaan. Yang ada cuma kedudukan beliau sebagai Ketua Bahagian UMNO Gua Musang. Dengan ini banyak kegiatan politik Tengku Razaleigh telah dilenyapkan.

Perhitungan kedua Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam kabinet ialah untuk mengimbangi kuasa dan pengaruh Datuk Musa sendiri. Dr. Mahathir tahu bahawa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh merasakan satu sama lain sebagai halangan bagi cita-cita politik masing-masing yang lebih tinggi. Sekiranya Tengku Razaleigh tiada dalam kabinet, Datuk Musa mungkin lebih berani bertindak hingga boleh

mengancam kedudukan Dr. Mahathir sendiri. Tetapi kehadiran Tengku Razaleigh sudah pasti membuat Datuk Musa merasa tidak senang. Dari segi ini, Dr. Mahathir barangkali mengamalkan dasar 'pecah dan perintah' yang bertujuan untuk menjaga kepentingan politiknya sendiri dari ancaman mana-mana tokoh yang merasakan dirinya berpengaruh.

Keputusan Dr. Mahathir untuk mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet inilah yang menjadi punca retaknya gabungan Mahathir-Musa. Malah Datuk Musa menyatakan antahannya kepada Dr. Mahathir mengenai perlantikan Tengku Razaleigh sebagai menteri perdagangan dan perindustrian sebaik sahaja beliau mendapat tahu bahawa perdana menteri ingin berbuat demikian. Dua pucuk surat telah ditulis mengenai perkara itu—pertama, bertarikh 5 Julai 1984 sebelum perlantikan dibuat dan kedua pada 31 Julai 1984 selepas perlantikan dilakukan. Dalam surat pertama yang bertanda 'top secret dan personal' itu, tetapi telah disebar secara luas oleh pihak perdana menteri sewaktu Datuk Musa menyertai Tengku Razaleigh untuk bergabung tenaga menentang Dr. Mahathir dalam pemilihan parti 24 April 1987, Datuk Musa telah mengingatkan Dr. Mahathir tentang bahaya menjadikan Tengku Razaleigh, menteri perdagangan dan perindustrian. Apa yang dibimbangkan oleh Datuk Musa ialah kemungkinan Tengku Razaleigh menggunakan kedudukannya itu untuk menawarkan naungan politik kepada para penyokongnya bagi mendapatkan jawatan dalam UMNO. Secara khusus, dalam suratnya itu, beliau menyenaraikan tujuh implikasi andainya Tengku Razaleigh menerima perlantikan menteri perdagangan dan perindustrian.

Pertama, menurut Datuk Musa, Tengku Razaleigh akan menggunakan sepenuhnya kedudukannya untuk memberi faedah-faedah (perks) berikut kepada para penyokong dan bekas penyokongnya—permit-permit import (kereta, kebenaran dan sebagainya), lesen untuk perniagaan (kerana menteri perdagangan dan perindustrian mengawal pendaftaran perniagaan); lesen-lesen dan kawalan/penyeliaan usahasama perkilangan. Kedua, apa yang dibimbangkan oleh Datuk Musa ialah

Tengku Razaleigh akan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pengambil alih syarikat, pembelian, pengedaran, meluluskan syarikat-syarikat yang ingin memindahkan saham-saham sama ada secara biasa atau untuk menetapi Dasar Ekonomi Baru. Ketiga, Tengku Razaleigh akan memilih, merekomen dan mencadangkan orang-orang Malaysia (Melayu terutamanya) yang ingin menjadi rakan kepada pemodal asing yang ingin melabur di Malaysia. Keempat, menurut Datuk Musa Tengku Razaleigh akan mengawal kerja-kerja melesen dan menyelia perdagangan pengedaran. Kelima, Tengku Razaleigh akan memilih, merekomen nama-nama individu bagi pembahagian saham. Keenam, Tengku Razaleigh bukan sahaja akan mendapat sokongan kumpulan berwang tetapi akan meluaskannya kepada masyarakat peniaga (Melayu khususnya). Ketujuh, naungan atau *patronage* banyak boleh diberikan orang-orang pilihannya. Menurut Datuk Musa, kesempatan ini akan memberi peluang besar kepada Tengku Razaleigh untuk menyiapkan diri bagi masa depan politik lebih daripada kewangan. Menurut Datuk Musa, kewangan hanya memberi Tengku Razaleigh prestij, pengaruh dan kemampuan untuk membeli pedagang, lesen kepada sejumlah kecil peniaga yang bernasabah baik.

Datuk Musa seterusnya berhujah bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan memberi peluang kepada Tengku Razaleigh akses secara langsung kepada para pengundi UMNO kerana menurut Datuk Musa tidak seperti menteri perdagangan sebelum ini (Tun Hussein Onn, Tun Dr. Ismail, Datuk Hamzah Abu Samah, Tengku Ahmad Rithaudeen dan Dr. Mahathir sendiri) Tengku Razaleigh akan mempolitikkan kementerian itu, sama seperti Kementerian Kewangan, untuk kepentingan peribadinya. Atas sebab-sebab itu, Datuk Musa dalam suratnya itu telah menyatakan bantahan kerasnya mengenai rancangan perantikan Tengku Razaleigh sebagai menteri perdagangan dan perindustrian. Beliau juga memberi amaran, andainya Dr. Mahathir menyetujui rancangannya itu, beliau (Datuk Musa) akan mengkritik semula kedudukannya dalam politik sambil memberitahu

Beliau sebenarnya tidak berniat untuk mengacau pentadbiran Dr. Mahathir. Menurut Datuk Musa beliau hanya ingin mengemukakan Dr. Mahathir mengenai jenis personaliti yang beliau kenali tentang Tengku Razaleigh dan beliau percaya bahawa apa yang diperkatakannya itu akan terbukti benar di tahun-tahun akan datang.

Dalam membuat keputusan, jelas Dr. Mahathir telah mengetepikan segala pandangan Datuk Musa dalam suratnya bertarikh 5 Julai 1984 itu. Apabila Tengku Razaleigh dilantik juga oleh Dr. Mahathir sebagai menteri perdagangan dan perindustrian, Datuk Musa sekali lagi menulis kepada Dr. Mahathir. Dalam suratnya, Datuk Musa menyatakan, antara lain, 'adalah saya dengan perasaan begitu keberatan dan ducacitanya memaklumkan bahawa saya bercadang bersara daripada memegang jawatan timbalan perdana menteri bermula dari 1 Ogos 1985. Keputusan saya ini adalah muktamad. Saya memberi notis selama satu tahun ini semata-mata bertujuan supaya saudara akan dapat membuat apa juga proses mengambil alih dengan secara licin dan teratur oleh sesiapa jua yang saudara akan pilih nanti mengambil tempat saya.' Dalam suratnya itu, Datuk Musa memberi *option* kepada perdana menteri 'sekiranya saudara memutuskan saya perlu diberhentikan lebih awal lagi, saya serahlah kepada kebijaksanaan saudara sendiri.' Beliau juga meminta cuti bersara selama tiga bulan mulai 1 Mei atau pada mana-mana tarikh yang sesuai bagi membolehkan 'saya menggulung tikar dan mencari apa-apa kerja untuk menampung sara hidup saya kelak.'

Di peringkat ini, keretakan Mahathir—Musa yang berpunca dari Tengku Razaleigh ini hanya menjadi rahsia mereka berdua sahaja ataupun beberapa orang yang rapat dengan dua orang pemimpin utama UMNO dan kerajaan itu. Tetapi beberapa lama hal itu boleh menjadi rahsia tentu sukar dipertahankan, terutama kerana pemilihan 1984 itu juga melahirkan kekecewaan di kalangan pemimpin muda UMNO terhadap sikap Datuk Musa berkait dengan pemilihan naib presiden UMNO. Salah seorang penyokong Dr. Mahathir yang telah bekerja keras bagi memastikan kemenangan Datuk Musa bagi jawatan

timbangan presiden pada tahun 1981 dan 1984, Datuk Sanusi Junid mengharapakan sokongan Datuk Musa apabila beliau bertanding naib presiden pada tahun 1984. Sokongan Datuk Musa itu tidak beliau perolehi. Sebaliknya, Datuk Musa telah menyokong Datuk Abdullah Ahmad Badawi, menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk jawatan itu. Akibatnya Datuk Abdullah telah menang, manakala Datuk Sanusi Junid kalah. Kekecewaan inilah yang telah menimbulkan permusuhan antara Datuk Musa dengan Datuk Sanusi. Datuk Sanusi dikatakan mula bekerja bagi menjatuhkan Datuk Musa. Walaupun apa yang beliau buat di belakang tabir sukar untuk diketahui, tetapi permusuhan antara setiausaha agung UMNO dengan timbalan presidennya telah menyukarkan Datuk Musa dalam beberapa hal.

Selain itu, penyekutuan kuasa (power alignment) dalam UMNO selepas Datuk Musa dipilih sebagai timbalan presiden sudah banyak berbeza dengan apa yang wujud apabila Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan parti dan kerajaan pada tahun 1981. Ketika itu, orang yang paling rapat dengan Dr. Mahathir boleh dibilang dengan jari. Antaranya termasuklah Datuk Musa sendiri, Datuk Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Tetapi menjelang tahun 1984 senario politik itu sudah berubah. Kemasukan bekas pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982, yang memang dikenali rapat dengan Dr. Mahathir telah menukarimbangan kuasa di kalangan pengikut Dr. Mahathir. Dalam rombakan kabinet selepas pemilihan 1984, kemasukan seorang ahli perniagaan yang diketahui rapat dengan Dr. Mahathir, Daim Zainuddin sebagai menteri kewangan menggantikan Tengku Razaleigh, juga dikatakan tidak menyenangkan Datuk Musa. Beliau kini merasakan dirinya dikelilingi oleh orang-orang yang mempunyai hubungan rapat dengan Dr. Mahathir, tetapi tidak dengannya. Datuk Musa juga mendapati bahawa Dr. Mahathir sudah meluaskan orang-orang yang menjadi rujukan mengenai dasar-dasar penting negara. Anwar dirujuk atau diserahkan pelaksanaan projek-projek Islam; manakala Daim mengen-

ekonomi, perdagangan dan sebagainya. Menjelang waktu ini, Datuk Musa merasakan dirinya semakin jauh dari Dr. Mahathir dan beliau barangkali merasa terasing. Malah kini khabar-khabar angin tersebar luas—sama ada betul atau karut adalah soal lain—bahawa Dr. Mahathir sedang mempersiapkan Anwar Ibrahim sebagai pengganti beliau. Semua ini sudah pasti tidak menyenangkan Datuk Musa yang akhirnya membuat keputusan untuk meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti walaupun hampir setengah tahun lewat dari tarikh yang ditetapkan sendiri kepada Dr. Mahathir. Datuk Musa memberitahu Dr. Mahathir beliau ingin meletakkan jawatan pada Ogos 1985 dalam suratnya bertarikh 31 Julai 1984. Tetapi beliau hanya meletakkan jawatan pada 15 Mac 1986.

Tetapi jika Datuk Musa merasa dirinya tersisih dari Dr. Mahathir beliau sepatutnya menyalahkan dirinya sendiri. Ini kerana selepas menang sekali lagi sebagai timbalan presiden pada 1984, Datuk Musa sendiri sudah menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan dan meminta Dr. Mahathir membuat persiapan untuk memilih penggantinya. Inilah yang dilakukan oleh Dr. Mahathir selepas 31 Julai 1984. Selepas mengetahui Datuk Musa tidak lagi boleh bekerjasama dengannya, Dr. Mahathir mula mengagih-agihkan tugas yang ingin beliau laksanakan sebagai dasar-dasar kerajaan kepada menteri-menteri lain yang boleh beliau harapkan. Jadi, jika Datuk Musa tidak diberi kerja, atau tidak diminta pandangan mengenai dasar-dasar penting oleh Dr. Mahathir, keadaan itu sepatutnya tidak menimbulkan masalah. Datuk Musa patut menerima keadaan itu sebagai satu perkara biasa dan tidak menpolitikkannya seperti yang telah beliau lakukan dalam surat perletakan jawatannya itu. Tetapi inilah yang telah berlaku. Apabila Datuk Musa membuat keputusan menulis surat rasmi perletakan jawatannya kepada perdana menteri dan presiden UMNO, surat yang dicap rahsia telah turut sama didaftarkan kepada semua ahli majlis tertinggi parti pada 27 Februari 1986. Dalam surat itu beliau memberitahu perletakan jawatannya berkuatkuasa 15 Mac 1986 bagi kedudukan timbalan presiden, timbalan perdana menteri dan menteri hal-

chwal dalam negeri. Sehari sebelum surat itu diedarkan, Datuk Musa telah terbang ke Mekah untuk menunaikan umrah. Kemudian beliau bercuti ke London kerana beliau tidak mahu dihubungi bagi usaha memujuk beliau dan sebagainya.

Dalam surat perletakan jawatan itu, Datuk Musa tidak menyatakan sebab sebenar beliau berbuat demikian seperti yang telah beliau beritahu Dr. Mahathir dalam dua pucuk surat dalam bulan Julai 1984. Sebaliknya dalam surat itu beliau memberi gambaran bahawa beliau meletakkan jawatan kerana ingin membuktikan betapa tidak benarnya tohmah-tohmah yang dilemparkan oleh pihak tertentu yang beliau (Datuk Musa) merancang menggulingkan Dr. Mahathir dan tidak sabar untuk mengambil alih kuasa. Beginilah yang dituliskan oleh Datuk Musa kepada Dr. Mahathir dalam suratnya yang bertanda rahsia tetapi kini sudah tersebar luas sebagai sesuatu yang tidak lagi dianggap rahsia:

Seperti saudara YAB sedia termaklum, saya telah menyatakan hasrat saya meletakkan jawatan dalam percakapan kita pada 27 Januari 1986, iaitu sebelum saya bertolak ke Davos, Switzerland. Sekarang, setelah saya menggunakan waktu cuti saya dengan fikiran yang tenang, waras serta penuh keinsafan, saya dengan ini mengambil keputusan muktamad melepaskan jawatan saya sebagai timbalan perdana menteri dan semua berkaitan dengannya, iaitu termasuk menteri dalam negeri berkuatkuasa dari 16 Mac 1986. Surat rasmi saya sampaikan berasingan.

Saya menulis surat ini kepada saudara selaku presiden UMNO berkaitan dengan jawatan saya selaku timbalan presiden. Berlanjutan dengan perletakan jawatan saya selaku timbalan perdana menteri, saya dengan ini juga meletakkan jawatan saya sebagai timbalan presiden UMNO dan semua jawatan berkaitan dengannya, iaitu berkuatkuasa dari 16 Mac 1986.

Sungguhpun saya tidak menghuraikan sebab-sebab saya meletakkan jawatan-jawatan berkenaan dalam surat rasmi saya kepada saudara selaku perdana menteri, saya fikir perlu saya jelaskannya dalam surat saya ini kepada saudara selaku presiden UMNO.

Saudara tentu ingat bahawa malam sebelum perhimpunan agung UMNO tahun lalu (1985) saudara telah membangkitkan soal bagaimana ada di kalangan ahli-ahli majlis tertinggi yang kesetiiaannya kepada saudara dipersoalkan.

Bukan itu sahaja, berbagai-bagai cakap negatif dan tohmah telah dikatakan oleh saudara, telah dilemparkan kepada saudara sendiri.

semua, dikatakan oleh saudara, menimbulkan keadaan tidak sihat dan berpotensi perpecahan di kalangan parti kita UMNO sendiri. Kata-kata saudara begitu serius dan tegas, lebih-lebih lagi apabila saudara meminta ahli-ahli majlis tertinggi membuat kenyataan taat setia, hinggakan suasana begitu tegang dan resah di kalangan para anggota majlis.

Boleh dikatakan semua ahli tertanya-tanya siapakah yang dimaksudkan oleh saudara. Saya sendiri begitu juga dan cuba meramalkan siapakah yang dimaksudkan oleh saudara, dengan tidak terlintas langsung di hati saya penglibatan diri saya sendiri, berasas kepada perhubungan kita berdua yang saya percaya waktu itu begitu baik dan rapi.

Maka, berasas kepada keadaan sedemikianlah apabila saya diberi peluang berucap di perhimpunan agung yang berkenaan, saya memutuskan bahawa perlu saya bantu saudara dengan kenyataan sokongan penuh saya sendiri, majlis tertinggi dan para perwakilan ke atas kepimpinan saudara selaku presiden dan perdana menteri.

Kenyataan ini saya buat dengan spontan, ikhlas dan penuh kepercayaan diri sendiri atas sokongan saya kepada saudara. Pada 15 Januari 1986, dalam mesyuarat majlis tertinggi, sungguhpun sudah begitu larut malam, saudara telah sekali lagi menimbulkan keadaan dan suasana resah dan tanda tanya di kalangan ahli-ahli majlis apabila saudara membangkitkan soal berbagai-bagai tohmah ke atas diri saudara selaku perdana menteri.

Saudara telah lebih serius, tegas dan khusus lagi kali ini dibandingkan dengan dahulu.

Dalam kenyataan-kenyataan saudara, serta setelah ditanya oleh beberapa orang ahli, saudara menjelaskan bahawa di antaranya:

- 1. Tohmah-tohmah ini menyatakan kononnya saudara seorang perdana menteri yang 'diktator', 'korup' dan 'terkaya sekali di dunia'.
- 2. Tohmah-tohmah ini merupakan tekanan yang begitu berat ke atas saudara hingga ia menjejaskan kemampuan saudara dalam menjalankan tugas-tugas rasmi saudara yang lebih besar dan penting lagi memerlukan perhatian.

Begitu serius pada esok harinya saudara memberitahu saya bahawa pada malam itu juga *I was determined to resign.*)

- 3. Tohmah-tohmah ini kuat berbau politik dan bertujuan menjatuhkan saudara.

- 4. Dan, tohmah-tohmah ini datang dari kalangan orang-orang kanan dalam parti dan kerajaan yang tidak sabar hendak mengambil alih tempat saudara.

Selama ini saya penuh kepercayaan bahawa hubungan kita berdua begitu relaks, rapat dan mesra seolah-olah adik-beradik. Sungguhpun pada awal-awal waktu kita berdua bertanggungjawab selaku perdana menteri dan timbalan perdana menteri hinggalah akhir-akhir ini, saya berasa begitu mesra setiap kali selepas saudara menunjuk ajar atau

menegur saya dalam berbagai-bagai hal baik rasmi mahupun peribadi.

Apabila saya mendengar semua kenyataan saudara di malam 11 Januari itu dengan begitu teliti, saya lebih lagi tertanya-tanya malam itu juga atas siapakah yang dimaksudkan. Pada keesokan harinya bertanyalah saya pada saudara sama ada saya terlibat.

Kesimpulan jawab saudara ialah 'Ya.' Saya pada mulanya berasa sangat-sangat tersinggung, kecewa dan terperanjat serta tidak percaya mendengarnya. Dalam percakapan kita pada pagi itu yang agak hangat, saya telah menafikan sekeras-kerasnya tohmah-tohmah saudara ke atas diri saya itu.

Malangnya, tiap-tiap kali saya membuat penafian dalam percakapan itu, saudara berkali-kali juga menyatakan bahawa 'begitu banyak pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wartawan-wartawan' telah melaporkan saya (too many senior government officials and journalists. . .).

Implikasinya ialah bahawa saya terlibat dalam satu pergerakan bertujuan menjatuhkan saudara seperti diuraikan oleh saudara dalam mesyuarat majlis tertinggi itu.

Memandangkan kenyataan di atas, tentulah saudara sendiri dan, saya percaya, ahli-ahli majlis tertinggi bersependapat dengan saya bahawa saya tidak ada pilihan lain melainkan mengundur diri supaya meringankan beban tekanan-tekanan yang begitu serius ke atas diri saudara.

Ini juga akan membolehkan saudara mentadbirkan parti dan negara kita atas nama seluruh anggota parti dan rakyat dengan lebih berkesan lagi dalam keadaan pemikiran saudara yang tenang dan tidak diganggu-gugat oleh sesiapa juga, khususnya orang nombor dua saudara sendiri.

Soal pokok di sini ialah soal kesetiaan dan kepercayaan. Pastilah bahawa saudara mempersoalkan kesetiaan saya dan kepercayaan saudara atas diri saya menimbulkan tanda tanya pula. Sepertimana saudara mementingkan kepercayaan dan kesetiaan ini, saya juga sependapat dengan saudara.

Perlu juga saya sebutkan di sini—sungguhpun sekarang merupakan sejarah—bahawa saya berasa sangat megah di atas apa yang saya sangka sebagai hubungan rami kita berdua sebelum timbul tohmah-mentohmah ini.

Tiap-tiap kali disebut atau dipersoalkan oleh sesiapa pun hubungan kita—lebih-lebih lagi bila khabar-khabar angin begitu kencang menyatakan kita sudah renggang dan berbalah—saya sentiasa menafikannya serta menyatakan 'alhamdulillah', perdana menteri dan saya begitu rapat hubungannya. (Thank God PM and I are very close in our relationship.)

Percakapan kita pada pagi sebelum saya bertolak ke Davos, iaitu 11 Januari 1986, lebih tegang dan merenggangkan serta menekan kepada saya.

Saudara telah membangkitkan begitu banyak lagi perkara-perkara

wang saudara mengkritik saya. Khususnya, antara lain, beberapa orang yang saya rekomen begitu buruk prestasinya.

'Budak-budak saya (my boys)' begitu banyak mencemarkan nama saudara, dan lain-lain lagi.

Saya sengaja tidak menjawab oleh sebab ini akan cuma lebih memburukkan suasana dan perasaan negatif saudara atas diri saya.

Cuma saya mengambil kesempatan di sini mengingat kembali bahawa waktu kita berdua terkeluar daripada kerajaan/parti selepas 13 Mei 1969 dahulu, di antara faktor-faktor penting menyebabkannya ialah 'budak-budak dia', walaupun sekarang kita pasti bahawa perdana menteri waktu itu tidak tahu-menahu mengenainya.

Sepanjang masa saya dilantik sebagai timbalan perdana menteri, saya mengaku memanglah ada beberapa dasar serta cara-cara pelaksanaan dasar atas nama kerajaan pimpinan saudara yang saya sendiri persoalkan.

Tetapi banyak daripadanya saya beritahu kepada saudara sendiri dalam pertemuan-pertemuan yang begitu kerap kita adakan. Pada dasarnya, saya menerima hakikat bahawa saudaralah perdana menteri dan lagi, prinsip tanggungjawab bersama atau *collective responsibility* saya terima.

Saudara juga telah memaklumkan beberapa kali bagaimana saya ingin bersara oleh kerana bosan dengan 'politik wang' (di mana saya menyatakan saya tidak mampu bertanding lagi) dan penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan politik dan sebagainya.

Permintaan saya bersara, saudara minta tangguhkan dan saya mengormatinya.

Walau bagaimanapun nampaknya saudara lebih menjangka saya 'bertarung politik' bertujuan menjatuhkan saudara daripada benar-benar mahu bersara.

Tohmah saudara ke atas diri saya merupakan tamparan yang begitu hebat kepada maruah dan *credibility* saya, lebih-lebih lagi selama ini saya sebagai orang sokongan kedua kepada saudara. Adakah perletakan jawatan ini merupakan sabotaj kepada saudara atau parti? Adakah ia merupakan *excuse* saya berhenti? Terpulanglah kepada kematangan siapa yang memikir dan membincangkannya.

Tetapi walau apa pun dikatakan nanti, saya fikir perlu saya huraikan sebab-sebab saya memutuskan meletakkan jawatan sekarang juga. Antara yang penting ialah:

Prinsip saya berkhidmat dan menjalankan tugas kepada kepercayaan penuh (faith), komitmen dan dengan sukacita hati saya sendiri. Komitmen sudah merosot kerana tidak dipercayai dan sukacita hati sudah menjadi duka.

Walaupun saya berbuat sesuatu dengan cara apa pun, saya akan berbuatya dengan takut-takut ditohmah atas motif kepentingan politik saya sendiri.

Kenyataan-kenyataan umum beberapa menteri (saya percaya kebanyakan mereka cuba membantu saudara) dan saudara sendiri atas 'pihak-pihak tertentu' yang cuba 'memecah belah', 'menjatuhkan kerajaan' serta 'kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti' yang mencemarkan nama baik saudara sebagai perdana menteri dan kata-kata khusus '*Doc cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerful now*', semua ini menekan fikiran saya.

Tambah lagi aktiviti-aktiviti 'komando-komando' dengan rancangan khusus mereka merisau fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecah belah dan saya dilibatkan.

3. Selagi lama saya terus memegang jawatan, selagi hebat tohmah-menhohmah berterusan. Kalau saya terus bekerja kuat, saya ini akan di salah tafsir; kalau sebaliknya, lebihlah lagi.

Sebenarnya saya bercadang meletakkan jawatan sebaik sahaja pulang dari Davos. Tetapi, saya telah pun minta supaya jawatan saudara ke Johor pada 20 dan 21 Februari (1986) disambut secara besar-besaran dan dijayakan.

4. Dengan saya meletakkan jawatan sekarang, ini akan membolehkan saudara memilih orang yang saudara percaya penuh bagi membantu saudara berhadapan dengan rakyat nanti.

Ini akan mengekalkan juga perpaduan parti dengan saya sendiri tidak menentang saudara atau mengecam saudara. Dalam keadaan sebegini, saya ada dua pilihan, iaitu:

1. Berdiam diri dan bersabar (ini sudah dijawab di (3) di atas).
2. Beralah.

Saya memilih (2) sebab ia sebaik-baik untuk parti kita. Saya sedar dan insaf ahli-ahli parti, lebih-lebih lagi yang memang menentang saya akan mengecam saya menyatakan saya sabotaj, tak sayang parti dan sebagainya. Tetapi pada hemat saya, kalaulah saya hendak disalahkan kesalahan saya hanyalah bahawa saya sedia mengorbankan diri saya bagi membuktikan bahawa saya beralah dan tidak mahu difitnah mengancam kedudukan saudara.

Untuk membuktikan saya tidak bertujuan 'bermain politik' atau terus membebaskan saudara, saya akan berada di luar negeri sebentar sahaja saya menyerahkan surat ini.

Inilah bagi mengelakkan diri saya daripada ditanya atau dipujul rayu oleh 'orang-orang' atau 'budak-budak' saya. 'Orang-orang' atau 'budak-budak' saya ini semua pula tentulah akan kecewa kepada saya. Tetapi inilah nasib politik saya yang saya terpaksa hadapi sendiri.

Ketiadaan saya dalam negeri juga akan mengurangkan perlunya saya sendiri terlibat dalam perbincangan umum atas soal perletakan jawatan saya ini dan dengan itu mengelakkan kekeruhan suasana. Saya serahkan

baik buruk nama saya kepada kebijaksanaan saudara sendiri dan rakan-rakan lain. Cuma saya berdoa ke hadrat Ilahi janganlah hendaknya saya ditititnah atau dicari-cari salah pula nanti.

Saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, mengundur diri dengan rela hati.

Moga-moga Allah tenangkan hati saudara, kukuhkan iman saudara supaya dapat saudara terus memimpin parti dan negara kita yang kita cintai.

Saya akan senantiasa berdoa supaya niat baik saudara hendak memimpin negara kita ke arah satu negara yang maju, bermaruah dan teguh akan tercapai.

Akhir sekali mengikut adat Melayu dan ajaran agama suci kita, saya menuntut maaf di atas apa-apa jua yang tersalah silap saya lakukan kepada saudara sendiri, semua ahli Majlis Tertinggi UMNO dan seluruh anggota parti sepanjang masa saya berkhidmat.

t. Datuk Musa Hitam

Reaksi Musa Letak Jawatan

Keputusan Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan sepatutnya tidak menjadi satu isu. Ini kerana beliau berbuat demikian dengan kerelaannya sendiri, bukan atas paksaan oleh sesiapa termasuk Dr. Mahathir. Lagi-lagi dalam UMNO, perletakan jawatan memang menjadi perkara biasa. Dato' Onn Ja'afar, pengasas UMNO, pernah berbuat demikian. Allahyarham Syed Ja'afar Albar, Tun Dr. Ismail juga pernah meletakkan jawatan dan perletakan jawatan mereka tidak menjadi kontroversi; walaupun ada, tidak menjadi satu isu yang besar.

Tetapi tidak begitu halnya dengan perletakan jawatan Datuk Musa. Secara mendadak UMNO seperti melalui satu krisis ekoran keputusan beliau untuk bersara. Berbagai-bagai reaksi dikemukakan. Musuh-musuh Datuk Musa, yang memang tidak senang dengan kehadiran beliau di tempat nombor dua dalam UMNO kerana Datuk Musa menjadi penghalang kepada cita-cita politik mereka yang lebih tinggi, memang tidak dapat menyembunyikan kegembiraan mereka. Golongan inilah yang paling bersyukur kerana terkuburnya pimpinan 2M dalam

UMNO dan kerajaan. Malah ada di antara mereka sampai sekarang identiti mereka tidak diketahui siapa menyebarkan risalah menjawab dakwaan Datuk Musa dalam surat perletakan jawatannya kepada presiden parti. Golongan ini berpendapat bahawa sebab sebenar Musa berhenti bukan kerana beliau tidak mendapat kepercayaan Dr. Mahathir, tetapi kerana Datuk Musa memang tidak sebulu dengan kebanyakan dasar-dasar perdana menteri itu. Ini termasuklah mengenai Dasar Pandang ke Timur, industri berat, dasar penswastaan, penerapan nilai-nilai Islam dan sebagainya. Malah golongan ini mendakwa bahawa Datuk Musa juga tidak sehaluan dengan dasar Bersih, Cekap dan Amanah, kerajaan liberal dan terbuka, tetapi terpaksa menerimanya kerana kedua-duanya mendapat sokongan rakyat.

Dari satu segi dakwaan ini nampaknya boleh diterima. Ini kerana keghairahan Datuk Musa untuk bercakap mengenai Dasar Pandang ke Timur, penswastaan, industri berat dan penerapan nilai-nilai Islam tidaklah sehebat Dr. Mahathir. Malah tatkala Dr. Mahathir bercakap tentang soal-soal itu, Datuk Musa lebih tertarik dengan dasar yang agak kebaratan, industri ringan dan sebagainya. Bagi Datuk Musa sendiri, seperti yang diakui dalam satu perhimpunan UMNO apabila soal itu ditimbulkan, apa yang dibuatnya itu bukan bertujuan untuk mencanggah dasar-dasar utama Dr. Mahathir. Sebaliknya beliau melihat bahawa beliau mempunyai tanggungjawab untuk *complement* dan *supplement* dasar-dasar kerajaan. Lantaran itu, tatkala Dr. Mahathir bercakap tentang industri berat, Datuk Musa merasa perlu bercakap tentang industri ringan, tatkala Dr. Mahathir bercakap tentang penswastaan, Datuk Musa bercakap tentang negara kebajikan dan peranan negara dalam membela rakyat. Orang luar melihat sikap ini sebagai pemimpin yang tidak sehaluan kerana sebagai orang nombor dua, Datuk Musa sepatutnya memberi sokongan padu kepada segala dasar Dr. Mahathir. Tetapi Datuk Musa telah tidak berbuat demikian.

Lantaran itu, ada orang melihat sebab sebenar Datuk Musa meletakkan jawatan bukan kerana beliau tidak diper

...yayai oleh Dr. Mahathir atau kerana Tengku Razaleigh di-
...kalkan dalam kabinet, malah kerana perbezaan dasar dan
...insip. Tetapi ada juga yang melihat Datuk Musa bermain
...olitik: tujuannya lebih untuk memalukan Dr. Mahathir sen-
...iri. Itu sebabnya, kata mereka, Datuk Musa telah mengirim
...linan surat perletakan jawatan kepada semua ahli majlis
...tinggi parti dan tidak hanya kepada presiden seperti yang
...patutnya. Motif di sebaliknya strategi atau taktik ini ialah
...untuk mendapatkan simpati sebanyak mungkin dari para
...pimpin UMNO yang lain supaya seluruh jari menuding
...pada Dr. Mahathir, atau setidak-tidaknya golongan tertentu
...ang mengelilingi beliau, sebagai bertanggungjawab memaksa
...Datuk Musa meletakkan jawatan. Jika ini sebenarnya muslihat
...Datuk Musa, beliau hanya separuh berjaya sahaja, kerana
...majlis tertinggi yang mengadakan mesyuarat tergepar untuk
...membincangkan perletakan jawatan beliau telah tidak mene-
...ma ceritanya bulat-bulat.

Tetapi dari apa yang berlaku, Datuk Musa nampaknya
...empunyai penyokong yang memadai untuk menjadikan
...letakannya sebagai isu yang berpanjangan. Bagai-
...anapun pada keseluruhan, majlis tertinggi tidak tenggelam
...anca dalam menghadapi isu ini. Dalam mesyuaratnya pada
...Mac 1986, keputusan dibuat untuk memuaskan semua
...hak. Pertama, seluruh ahli majlis tertinggi mengikrarkan
...kongon yang tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir ekor-
...perletakan jawatan Datuk Musa itu. Ini bererti, soal untuk
...engusulkan undi tidak percaya kepada pimpinan Dr. Maha-
...ir tidak timbul. Kedua, rayuan dibuat kepada Datuk Musa
...tam supaya menarik balik perletakan jawatannya dalam
...rti dan kerajaan kerana 'tenaga Datuk Musa masih diperlu-
...n oleh parti dan negara'. Serentak dengan itu, satu rom-
...ngan yang terdiri daripada empat orang menteri besar—
...Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad (Terengganu), Datuk Najib
...n Razak (Pahang), Datuk Seri Ramli Ngah Talib (Perak)
...n Datuk Ajib Ahmad (Johor) telah dihantar ke London
...untuk memujuk Datuk Musa. Pemergian rombongan ini,
...alaupun dipersetujui oleh majlis tertinggi, tetapi tidak di-

biayai oleh UMNO tetapi ditanggung oleh keempat-empat orang menteri besar itu sendiri.

Dr. Mahathir sendiri tidak menentang usaha itu. Malah beliau memberitahu para wartawan pada 1 Mac 1986 bahawa beliau masih boleh bekerjasama dengan Datuk Musa sekiranya timbalannya itu menarik balik perletakan jawatannya. Menurut Dr. Mahathir beliau sebenarnya boleh bekerjasama dengan sesiapa pun kerana 'saya tidak pernah membiarkan perasaan peribadi mencampuri hal-hal kerja'. Datuk Seri Dr. Mahathir juga menolak dakwaan bahawa beliau percaya Datuk Musa terlibat dengan pakatan untuk menggulingkannya dan menyifatkan perkara itu sebagai salah faham. Beliau juga menegaskan bahawa antara beliau dengan Datuk Musa tidak ada perpecahan. Walaupun kenyataan awal Dr. Mahathir ini membayangkan kesediaannya untuk menerima semula Datuk Musa, tetapi beliau juga kemudian mempersiapkan negara tentang kemungkinan beliau memerintah tanpa Datuk Musa.

Pada satu ketika, Dr. Mahathir dilaporkan oleh akhbar akhbar sebagai berkata bahawa perletakan jawatan pemimpin dalam UMNO tidak patut menjadi isu kerana pemimpin datang dan pergi. Pada 11 Mac 1986, Dr. Mahathir memberitahu majlis makan malam Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia di Kuala Lumpur bahawa ketiadaan Datuk Musa dalam kerajaan tidak akan menjejaskan kewibawaan kerajaan. Katanya 'soal tergugat kewibawaan kerajaan tidak timbul kerana tidak bergantung pada saya atau Datuk Musa tetapi bergantung kepada seluruh pentadbiran negara. Kepimpinan Datuk Musa juga bukanlah dicipta oleh kerajaan atau saya sendiri atau Datuk Musa, tetapi oleh pihak akhbar'. Sebelum itu dalam satu wawancara dengan sebuah akhbar Indonesia di Jakarta perdana menteri menyatakan isu perletakan jawatan Datuk Musa bukan satu perkara besar yang tidak dapat diselesaikan dan beliau yakin ia tidak akan menimbulkan perpecahan dalam UMNO.

Jelas bahawa antara 1 Mac hingga 14 Mac, tempoh yang diperuntukkan oleh Majlis Tertinggi UMNO kepada ro-

ongan empat orang menteri besar itu memujuk Datuk Musa, Dr. Mahathir telah mempersiapkan negara dengan apa juga kemungkinan. Sekiranya Datuk Musa menarik balik perletakan jawatan, beliau bersedia menerimanya semula; sekiranya tidak, beliau tidak nampak perkara itu boleh memecahbelahkan UMNO. Malah berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dibuat kesimpulan boleh dibuat bahawa Dr. Mahathir menganggap perletakan jawatan Datuk Musa sebagai perkara biasa dan masalah mudah yang diperbesar-besarkan. Katanya, beberapa tokoh UMNO pernah berundur, tetapi perpaduan UMNO tetap utuh.

Tetapi kenyataan Dr. Mahathir ini nampaknya tidak menggalang mereka yang simpati dengan Datuk Musa untuk membesar-besarkan isu itu terutama para penyokong beliau. Misalnya, Datuk Adib Adam, menteri tanah dan kemajuan wilayah, yang memang diketahui rapat dengan Datuk Musa, pada hari Datuk Musa menyerahkan perletakan jawatan mengeluarkan kenyataan, yang kemudian ditarik balik, supaya UMNO mengadakan mesyuarat tergempar untuk membincangkan perletakan jawatan itu serta persoalan-peralasan yang ditimbulkan dalam surat Datuk Musa itu. Syed Amid Albar pula pada 3 Mac menggesa Majlis Tertinggi UMNO menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat sama ada benar atau tidak Datuk Musa meletakkan jawatan kerana tekanan golongan tertentu. Tengku Ahmad Rithauddeen pula meminta ahli-ahli UMNO supaya bersembahyang berjemaah untuk meminta Datuk Musa menarik balik perletakan jawatannya. Tengku Ahmad Rithauddeen mungkin tidak dapat dengan Datuk Musa, tetapi seruan ini dibuat untuk memelihara perpaduan UMNO barangkali.

Di luar UMNO, parti-parti pembangkang tidak terperanjat dengan keputusan Datuk Musa itu. Malah bagi naib presiden PAS, Haji Hadi Awang perletakan jawatan Datuk Musa itu adalah qada dari Allah kerana penyelewengan dan kezaliman yang telah beliau lakukan ke atas umat Islam yang lain. Dalam kes ini, Haji Hadi sebenarnya merujuk kepada Tragedi Malaya yang menurut beliau kerajaan telah bertindak zalim

mengakibatkan 18 orang terbunuh apabila pasukan polis menyerang rumah seorang pemimpin PAS Ibrahim Libya yang dianggap penjenayah pada akhir tahun 1985. Oleh kerana Datuk Musa ketika itu menteri dalam negeri, maka beliau bertanggungjawab terhadap peristiwa itu.

Pemerhati politik lain, ada yang melihat keputusan Datuk Musa itu sebagai tindakan seorang yang berpegang pada prinsip yang apabila tidak lagi mendapat kepercayaan penuh dari ketua akan meletakkan jawatan. Ada juga yang menganggap perbuatan itu sebagai satu tindakan bodoh yang bukan sahaja merugikan Datuk Musa sendiri, tetapi bangsa Melayu kerana mereka percaya bahawa apa yang dilakukan itu akan hanya memecahbelahkan serta melemahkan kepimpinan Melayu. Ada juga yang menganggap apa yang dilakukan oleh Datuk Musa itu mencerminkan sikap seorang yang merajuk yang tidak patut ada pada diri seorang pemimpin atau orang politik.

Walaupun ada harapan agar rombongan menteri besar itu akan berjaya memujuk Datuk Musa menarik balik perletakan jawatannya, tetapi harapan itu tidak menjadi kenyataan sepenuhnya. Apabila ketua rombongan, Datuk Wan Mokhtar pulang pada 14 Mac beliau mengumumkan bahawa Datuk Musa tetap meletakkan jawatan timbalan perdana menteri dalam negeri. Datuk Musa hanya bersetuju untuk kekal sebagai timbalan presiden UMNO. Alasan yang diberikan: jawatan timbalan presiden adalah jawatan yang beliau menangi dalam pertandingan manakala jawatan dalam kerajaan adalah jawatan anugerah. Beliau menyerahkan kepada Dr. Mahathir untuk mencari pengganti beliau dalam kerajaan. Dr. Mahathir tidak mengambil masa yang lama untuk mengisi jawatan itu. Pada 7 Mei 1986, beliau mengumumkan bahawa salah seorang naib presiden UMNO, Encik Abdul Ghafar Babu dilantik sebagai timbalan perdana menteri menggantikan Datuk Musa Hitam. Dengan perantikan itu bermakna bahawa buat pertama kali UMNO mempunyai seorang timbalan presiden yang tidak menjadi timbalan perdana menteri atas kehendaknya sendiri.

Kembali Sebagai Timbalan Presiden

Apabila Datuk Musa memutuskan untuk kembali sebagai timbalan presiden UMNO dan melepaskan jawatan kerajaan sebagai timbalan perdana menteri dan menteri dalam negeri, keputusan itu membawa dua pengertian yang bertentangan. Pertama, ada pemerhati berpendapat bahawa tindakan itu mencerminkan keikhlasan Datuk Musa meneruskan khidmatnya kepada parti sehingga tempoh beliau sebagai orang nombor dua dalam parti tamat dalam pemilihan 1987. Sebagai penghormati desakan ahli-ahli parti, maka beliau berasa kecewa untuk meneruskan khidmat.

Selepas ini, pemerhati ini membuat andaian bahawa Datuk Musa akan bersara daripada kegiatan aktif politik dengan gaya yang terhormat. Oleh kerana beliau tidak lagi mahu menjadi timbalan perdana menteri, menurut mereka, adalah wajar bagi Datuk Musa untuk mengosongkan jawatan itu untuk membolehkan seorang yang bersedia menjadi orang nombor satu kepada Dr. Mahathir di dalam kerajaan, menggantikan tempat beliau dalam parti. Kebiasaan dalam UMNO ialah jawatan timbalan presiden parti juga disandang oleh timbalan perdana menteri. Ini adalah tradisi yang diamalkan sejak UMNO mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Dengan kata lain, andaian yang dibuat ialah Datuk Musa tidak lagi akan mempertahankan jawatan yang dipegangnya sejak bulan 1981 itu.

Tetapi ada juga orang yang tidak setuju dengan pandangan golongan ini menyatakan, apabila Datuk Musa membuat keputusan untuk menarik balik perletakan jawatannya sebagai timbalan presiden, ini membayangkan beliau mempunyai ambisi politik kerana beliau ingin menggunakan kedudukan itu untuk mencari pengaruh bagi melawan Dr. Mahathir. Di peringkat ini, ada yang meramalkan bahawa Datuk Musa sendiri tidak akan mempertahankan jawatan timbalan presiden. Sebaliknya beliau akan mencuba jawatan presiden yang disandang oleh Dr. Mahathir.

Tetapi beberapa bulan selepas meletakkan jawatan dalam

kerajaan, jalan mana yang akan dipilih oleh Datuk Musa tidak begitu pasti bagi kebanyakan orang. Datuk Musa sendiri mengambil sikap tidak memperlihatkan keghairahan untuk bertanding apa-apa jawatan. Tetapi secara senyap-senyap beliau sebenarnya memikirkan sesuatu. Hanya menjelang akhir tahun 1986, baru rancangan sebenar Datuk Musa agak jelas. Walaupun secara rasmi beliau masih membisu, tetapi melalui para penyokong rapatnya beliau membayangkan keinginan untuk mempertahankan jawatan timbalan presiden. Malah waktu ini timbul cakap-cakap bahawa Datuk Musa akan bergabung tenaga dengan musuh ketat politiknya, Tengku Razaleigh Hamzah, untuk melawan pimpinan Datuk Mahathir Mohamad dalam pemilihan parti. Tengku Razaleigh menafikan wujudnya pakatan serupa itu kepada para pemberita pada 19 Januari 1986 (*Utusan Malaysia*, 20 Januari 1986). Menurut beliau, soal beliau bergabung tenaga merebut jawatan presiden atau timbalan presiden tidak timbul.

Tetapi terbukti bahawa ini adalah kenyataan politik. Dalam bulan April, menjelang pemilihan, Tengku Razaleigh mengakui bahawa idea untuk beliau bertanding presiden terdapat cetus ekoran pertemuan dengan Datuk Musa dalam bulan Januari tahun itu yang diadakan bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, termasuk masalah ekonomi. Dalam pertemuan itu, atas syor Datuk Musa menurut Tengku Razaleigh, beliau akan bertanding jawatan presiden manakala Datuk Musa mempertahankan jawatan yang dipegang.

Datuk Musa hanya mengesahkan berbuat demikian melalui bekas setiausaha politiknya, yang ketika itu menjadi menteri kabinet Mahathir pada 26 Januari 1987. Secara terbuka hal peratannya itu diumumkan lebih dua minggu kemudian pada 10 Februari di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selepas pengumuman kepada para penyokongnya beliau berkeinginan 'Atas asas kesedaran dan keinsafan saya masih boleh berkhidmat kepada parti, saya dengan ini mengesahkan saya akan bertanding mempertahankan jawatan saya'. Dengan per-

umman itu tamatlah teka-teki mengenai sama ada Datuk Musa akan bertanding atau tidak. Ada pemerhati berpendapat bahawa beliau terpaksa membuat pengumuman terlebih dahulu atas dua sebab: pertama, untuk membolehkan para penyokong mengemukakan pencalonannya, dan kedua, untuk menutup peluang Tengku Razaleigh bertanding sebagai timbalan presiden. Ini kerana dengan berbuat demikian, Tengku Razaleigh tiada pilihan, kecuali menentang Dr. Mahathir bagi kerusi presiden. Ini kerana sekiranya beliau bertanding sebagai timbalan presiden, maka beliau bukan sahaja terpaksa berdepan dengan Datuk Musa yang gagal ditewaskan dalam pemilihan 1981 dan 1984, tetapi juga terpaksa melawan Encik Ghafar Baba, timbalan perdana menteri yang sudah pasti akan bertanding timbalan presiden UMNO sekiranya tradisi parti ingin dipertahankan.

Ini seolah-olah mendorong Tengku Razaleigh supaya bertanding jawatan presiden. Datuk Musa dalam ucapan di perasmiannya perwakilan UMNO bahagiannya di Segamat secara terbuka menyuarakan sokongannya kepada Tengku Razaleigh sekiranya beliau ingin bertanding jawatan itu. Bukan itu sahaja, beliau juga menyatakan kesanggupan untuk berdiri teguh di belakang Tengku Razaleigh andainya beliau menjadi presiden dan perdana menteri. Tengku Razaleigh yang telah dijemput oleh Datuk Musa untuk merasmikan mesyuarat bahagian yang beliau ketua itu bagaimanapun tidak membuat sebarang pengumuman mengenai jawatan yang ingin dipertandingi dalam pemilihan 24 April. Sebaliknya beliau menjelaskan bahawa beliau dengan Datuk Musa adalah sahabat baik dan menolak dakwaan bahawa hubungan baiknya dengan Datuk Musa adalah jerat Datuk Musa untuk mendapat tempat dalam pemilihan tersebut.

Penjelasan terpaksa beliau buat kerana sebaik sahaja diketahui bahawa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh ingin bergabung tenaga, ada dakwaan bahawa kerjasama serupa itu lebih menguntungkan Datuk Musa sendiri daripada Tengku Razaleigh. Malah ada yang mengatakan bahawa kerjasama serupa itu tidak mungkin berlaku memandangkan permusuhan

serius antara kedua-dua tokoh dalam dua pertandingan timbalan presiden sebelum ini. Menjelang waktu ini, surat Datuk Musa kepada Dr. Mahathir selepas pertandingan 1984 yang menyatakan bantahan terhadap ura-ura perdana menteri untuk melantik Tengku Razaleigh sebagai menteri perdagangan dan perindustrian mula disebarkan. Tujuannya adalah jelas, iaitu untuk mematahkan sebarang kemungkinan kedua-dua tokoh itu mengadakan pakatan untuk menentang Dr. Mahathir. Tetapi jelas bahawa usaha ini tidak berjaya kerana bukan sahaja Datuk Musa yang menyertai Tengku Razaleigh untuk menentang Dr. Mahathir, tetapi beberapa orang menteri lain.

Dalam satu perhimpunan perpaduan di Terengganu dalam bulan April, Tengku Razaleigh mengumumkan bahawa beliau mendapat sokongan dari empat orang menteri, iaitu Datuk Rais Yatim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Najib Tun Razak serta empat orang timbalan menteri iaitu Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zain dan Datin Paduka Hajah Rahmah Osman. Secara terbuka, Datuk Rais merupakan menteri pertama yang menyertai Tengku Razaleigh apabila beliau mengumumkan jambatan yang menghubungkan beliau dengan Dr. Mahathir sudah pun dibakar dan beliau tidak akan jalan untuk menoleh ke belakang. Datuk Abdullah sendiri tidak membuat sebarang kenyataan terbuka tetapi kerana beliau, seperti juga Datuk Shahrir dan Datuk Ajib, mempunyai hubungan yang rapat dengan Datuk Musa, beliau dianggap memihak kepada regu Razaleigh-Musa. Datin Paduka Hajah Rahmah pada mulanya menafikan bahawa beliau menyertai kumpulan Razaleigh-Musa, tetapi beberapa hari kemudian membuat kenyataan terbuka menyokong. Datuk Najib membisu sehinggalah di saat-saat akhir pemilihan apabila beliau membuat keputusan untuk tidak bersama Tengku Razaleigh. Malah beliau telah dipertanggungjawab bagi kekalahan Tengku Razaleigh kerana secara senyap berjanji untuk mengirimi undi Pahang, tetapi di

at-saat akhir mengubah fikiran kerana kepentingan politik-

Jelas bahawa menjelang waktu itu, menteri mana menyong-
g calon mana sudah jelas. Dr. Mahathir yang akan mem-
ertahankan jawatan presiden memang sudah jelas sejak
ula lagi. Walaupun sebelum ini beliau beberapa kali mem-
yangkan isyarat untuk meletakkan jawatan sekiranya tidak
ndapat pencalonan padu dari para perwakilan, terbukti ini
alah mainan politik sahaja. Ini kerana apabila jelas beliau
lak akan mendapat sokongan seratus-peratus, beliau mem-
ritahu satu sidang akhbar sewaktu melawat Brunei Darus-
lam bahawa beliau akan terus menjadi presiden UMNO
alaupun menang dengan satu undi. Cuma yang ditunggu ia-
n keputusan Encik Ghafar sahaja kerana beliau nampaknya
engambil masa yang agak lama untuk menyatakan pendiri-
nya bertanding timbalan presiden. Sehingga pertengahan
ac beliau masih belum memberi kata putus. Malah peng-
numan bahawa Encik Ghafar akan bertanding timbalan pre-
den pertama kali diumumkan oleh Dr. Mahathir sendiri di
at Dagangan Dunia Putra ketika merasmikan mesyuarat
rwakilan tujuh bahagian Wilayah Persekutuan Kuala Lum-
r. Dr. Mahathir berkata, 'Ghafar sudah 25 tahun menjadi
ib presiden UMNO, eloklah beliau menjadi timbalan presi-
n UMNO. Ganggu sedikit jika timbalan perdana menteri
lak menjadi timbalan presiden UMNO.' Menurut beliau lagi,
dah sewajarnya timbalan perdana menteri memegang
watan nombor dua dalam parti untuk membantunya men-
dbirkan negara. Encik Ghafar sendiri tidak berkata apa
alaupun beliau selaku ketua UMNO Bahagian Seputeh turut
dir di upacara perasmian itu. Pengumuman rasmi hanya di-
aat pada 3 April 1987 dalam satu sidang akhbar di ibu
jabat UMNO di Kuala Lumpur apabila beliau menyatakan
putusannya untuk menentang Datuk Musa Hitam bagi
engekalkan tradisi parti—rujukan bahawa jawatan nombor
a dalam kerajaan dan parti biasanya dipegang oleh orang
ng sama. Jelas bahawa Encik Ghafar hanya membuat

pengumuman setelah pasti bahawa sebahagian besar bahagian mahukan beliau bertanding. Ini kerana selepas penamaan calon ditutup, beliau menerima 74 pencalonan berbanding dengan 50 pencalonan yang diterima oleh Datuk Musa.

Sehari selepas pengumuman Encik Ghafar itu, sebagai isyarat yang Dr. Mahathir ingin para perwakilan memilih Encik Ghafar, beliau secara terbuka mengumumkan bahawa sekiranya Encik Ghafar kalah, beliau akan kekal sebagai timbalan perdana menteri. Mesejnya di sinilah sekiranya para perwakilan ingin membantu Dr. Mahathir mentadbirkan parti dan negara, mereka mestilah memilih Encik Ghafar. Regu Mahathir-Ghafar ini pula mendapat sokongan dari menteri-menteri UMNO yang lain, antaranya termasuklah Anwar Ibrahim, yang bertanding naib presiden, Datuk Seri Sanusi Junid, setiausaha agung parti, menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Abu Hassan Omar, Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz, Encik Daim Zainuddin, bendahari UMNO dan menteri kewangan. Para menteri besar dan ketua menteri sebulat suara menyatakan sokongan kepada pimpinan Dr. Mahathir manakala Tengku Ahmad Rithauddeen merupakan menteri tunggal yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Pemilihan 24 April itu nyata telah melahirkan dua *team* dalam UMNO buat pertama kalinya untuk merebut kuasa dalam parti secara terang dan jelas. Tidak ada menteri, timbalan menteri serta pemimpin bahagian dalam UMNO yang berkecuali. Mereka yang memihak kepada Dr. Mahathir menjadi musuh kumpulan Razaleigh-Musa dan begitulah sebaliknya. Apa yang berlaku, kerana kepentingan politik atau peribadi, orang-orang UMNO yang tidak mendapat tempat dalam *team* Mahathir-Ghafar secara automatik menjadi orang Razaleigh-Musa. Kerana adanya perpecahan jelas ini, maka kumpulan Dr. Mahathir digelar *team* A manakala kelompok Tengku Razaleigh digelar *team* B. Gelaran ini diberikan di saat-saat akhir menjelang pemilihan. Siapa yang sebenarnya memberi gelaran itu pada mulanya tidak pasti. Tetapi label *team* A dan B ini diterima oleh kedua-dua pihak apabila merujuk kepada satu sama lain.

Mengapa Mahathir Ditentang

Kelahiran *team B* bermakna bahawa sudah wujud satu kuasa yang bertenaga untuk menentang pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Kumpulan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh bagaimanapun tidak menggambarkan diri mereka sebagai pasukan yang menentang presiden sebaliknya sebagai satu angkatan yang menawarkan pimpinan alternatif untuk pilihan para perwakilan. Gambaran yang diberikan di sini ialah seolah-olah *team B* dianggotai oleh tokoh-tokoh yang mempunyai pendirian yang sama. Gambaran ini sebenarnya tidak tepat dan malah mengelirukan. Seperti juga *team A* pimpinan Dr. Mahathir, *team B* juga wujud ekoran perkahwinan berbagai-bagai kepentingan yang tidak seragam. Yang menyatukan mereka ialah tentangan terhadap pimpinan Dr. Mahathir atau kerana mereka terpaksa menyertainya kerana tidak lagi mendapat tempat dalam kumpulan Dr. Mahathir bukan kerana mereka tidak sukakan Dr. Mahathir tetapi kerana kepentingan politik mereka adakalanya tidak secocok dengan mereka yang mengelilingi Dr. Mahathir. Bagi golongan ini, mereka tiada pilihan kecuali menyertai Tengku Razaleigh.

Malah *marriage of convenience* jelas terdapat dalam hubungan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Dari segi logik sebagai musuh politik, mereka mustahil boleh bekerjasama. Tetapi dalam pertandingan 1987, mereka mempunyai musuh bersama: Dr. Mahathir. Di bawah Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh sendiri, terutama selepas perlantikan Encik Ghafar sebagai timbalan perdana menteri, mempunyai masa depan politik yang tidak begitu jelas. Beliau dikatakan diperlukan oleh Dr. Mahathir untuk mengimbangi pengaruh Datuk Musa dalam parti dan kerajaan. Sekarang Datuk Musa sudah tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir, maka beliau barangkali melihat bahawa Dr. Mahathir tidak lagi memerlukan beliau. Tambahan pula waktu itu, tokoh yang sedang ditaja oleh Dr. Mahathir untuk menjadi pengganti beliau ialah Anwar Ibrahim. Malah Encik Ghafar dianggap sebagai mengisi kekosongan untuk sementara waktu sehingga menunggu waktu yang sesuai

untuk melantik Anwar sebagai timbalan perdana menteri. Setidak-tidaknya inilah gambaran yang cuba dilukiskan oleh para penyokong Anwar, walaupun dalam satu ucapan di Alor Setar dalam bulan April, Dr. Mahathir menafikan sedang menyediakan Anwar sebagai pengganti beliau. Senario politik ini, walaupun dikatakan tidak benar, sedikit sebanyak mempengaruhi Tengku Razaleigh untuk melupakan luka lamanya dengan Datuk Musa dan bersatu melawan pimpinan Dr. Mahathir.

Tokoh-tokoh lain yang menyertai Tengku Razaleigh juga dikatakan berada dalam kedudukan yang sama. Kita ambil Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai contoh. Beliau merupakan penyokong kuat Dr. Mahathir dan juga Datuk Musa. Ini terbukti apabila Dr. Mahathir membentuk kabinet pertama, beliau dan Datuk Seri Sanusi Junid merupakan dua orang yang telah dinaikkan pangkat menteri penuh. Tetapi hubungan baik Datuk Abdullah dengan Dr. Mahathir berubah berikutan kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982 dan seterusnya menjadi kesayangan Dr. Mahathir. Ini kerana dari segi politik, Datuk Abdullah dan Anwar adalah saingan. Kedua-duanya datang dari negeri yang sama, iaitu Pulau Pinang. Ini bermakna dari segi mencari pengaruh, mereka terpaksa berlawan antara satu sama lain. Persaingan ini bukan sekadar terbatas di Pulau Pinang, tetapi meliputi bidang-bidang lain termasuk siapa yang kelihatan lebih dekat dengan Dr. Mahathir. Kemungkinan mereka untuk berkompromi tidak ada kerana Anwar dan Datuk Abdullah berada di gelanggang yang berlainan dalam perjalanan masing-masing ke puncak kuasa. Anwar terkenal sebagai pemimpin pelajar dengan politik tunjuk perasaan yang menentang kerajaan semasa zaman kampusnya serta beberapa tahun berikutnya. Datuk Abdullah ketika itu, sudah menjadi pegawai tinggi kerajaan bertanggungjawab mengenai hal-chwal beliau dan antara yang dihadapinya termasuk Anwar sendiri.

Tetapi selepas kemasukan ke dalam UMNO, Anwar telah ditaja oleh Dr. Mahathir untuk mendapat kedudukan dengan cara yang pantas. Sebaik sahaja menang pilihanraya pada

ahun 1982, beliau dilantik menjadi timbalan menteri di jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab mengasaskan beberapa institusi keislaman seperti Universiti Islam Antarabangsa, bank Islam, takaful Islam dan sebagainya. Beliau juga memperjuangkan pengembalian bangunan Carcosa di Kuala Lumpur dari pihak British. Kira-kira setahun menjadi timbalan menteri, beliau dilantik menjadi menteri penuh di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kemudian berpindah ke Kementerian Pertanian dan akhirnya mengambil alih tugas Datuk Abdullah di Kementerian Pendidikan. Malah pada masa ini semua berlaku, para penyokong Anwar sudah mula bercakap bahawa beliau adalah bakal menjadi perdana menteri selepas Dr. Mahathir Mohamad. Senario ini dilihat oleh beberapa pemerhati politik sebagai punca renggangnya hubungan Datuk Abdullah dengan Dr. Mahathir Mohamad sehingga beliau terpaksa menyertai *team B* yang dipimpin oleh Raza-Raziff-Musa. Kata mereka, Datuk Abdullah melihat bahawa di bawah Dr. Mahathir masa depan dan peluang politiknya untuk naik lebih tinggi adalah muram dan kerana itu terpaksa mencari *option* lain sekiranya ingin bernafas dalam politik UMNO.

Datuk Abdullah sendiri, dalam satu temuramah, bagaimanapun menafikan bahawa faktor Anwar Ibrahim merupakan punca utama beliau menyekutukan dirinya dengan *team B*. Bagi beliau, sebab yang lebih besar ada kaitan dengan soal ekonomi dan kepimpinan Dr. Mahathir, atau ketiadaannya dalam menyelesaikan masalah itu. Menurut beliau, di saat-saat beliau membuat keputusan untuk menyertai *team B*, apa yang terbayang di gambarannya ialah kemelesetan ekonomi yang berpanjangan yang belum pernah dialami oleh negara. Fenomena ini, kata beliau, mengakibatkan pengangguran termasuk pengangguran siswazah meningkat; hutang negara bertambah sedangkan pelaburan asing tidak datang sebagaimana yang diharapkan. Ini mengakibatkan pendapatan rakyat yang sudah kecil menjadi bertambah kecil kerana nilai ringgit merosot. Usaha-usaha dibuat ke arah menyelesaikan masalah, menurut beliau, tanpa menampakkan hasil yang baik.

Datuk Abdullah mengakui bahawa masalah kemelesetan ini ada kaitan dengan apa yang berlaku di luar negeri, tetapi beliau melihat bahawa pengurusan dalam negeri juga tidak membantu menyelesaikan (mengatasi) ketenatan keadaan. Malah menurut beliau, pendapat umum telah mula memperlihatkan ketidakpuasan hati terhadap apa yang sedang berlaku dalam kerajaan, terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan projek-projek besar dan pengurusan ekonomi negara. Bahkan pendapat umum sudah mula mempercayai adanya tanda-tanda penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan hatta rasuah sedang berlaku dalam kerajaan. Menurut Datuk Abdullah, setelah sekian lama situasi ini berlaku, pendapat umum mula mengarahkan telunjuk ke arah pucuk pimpinan dan orang-orang tertentu yang dikatakan sebagai bertanggungjawab kepada kemunculan masalah-masalah ini dan dengan itu bermulalah hakisan keyakinan kepada kepimpinan negara ini. Datuk Abdullah berkata, sama ada pendapat umum itu benar atau salah, tetapi dalam politik ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap tindakan-tindakan rakyat. Sepatutnya dalam menghadapi situasi ini, kepimpinan negara hendaklah membuat *adjustment* tentang cara ia mengendalikan ekonomi negara tetapi nyata sekali dalam hal ini kepimpinan sedang menghadapi masalah perhubungan awam atau *public relation* yang serius.

Perkembangan ini telah mendorong Datuk Abdullah membuat tinjauan yang tersendiri di kalangan usahawan dan pengurus berwibawa dan 'saya dapati bahawa masalah yang dihadapi dalam ekonomi adalah disebabkan oleh kehilangan keyakinan terhadap pimpinan. Ini berupa satu bukti yang menyedihkan kepada saya, tetapi penyelesaiannya mesti dicari. Kalau benar Dr. Mahathir telah kehilangan kredibiliti, maka 24 April eloklah dijadikan ujian bagi menawarkan kepimpinan alternatif yang dianggap sebagai mempunyai kredibiliti dalam bidang ekonomi negara dan antarabangsa.' Bagi Datuk Abdullah, malah menteri-menteri yang menyertai *team B*, inilah sebab utama yang mendorong mereka menyokong Tengku Razaleigh dan Datuk Musa menentang Dr.

Mahathir, walaupun ada pemerhati yang tetap berpendapat bahawa itu adalah sebab yang ditonjolkan untuk melindungi sebab-sebab peribadi atau kerana kepentingan politik mereka tidak selari dengan kepentingan politik orang-orang yang mengelilingi Dr. Mahathir.

Pandangan ini barangkali tidak boleh ditolak seratus-peratus kerana memang ada antara pemimpin *team B* yang berada dalam dilema ini. Misalnya, Datuk Shahrir Samad dan Datuk Ajib telah ditaja ke kedudukan dalam kabinet oleh Datuk Musa Hitam kerana kedua-duanya adalah bekas pembantu politik beliau. Mereka sudah pasti terhutang budi, dan malah ada yang merasakan terikat dengan Datuk Musa. Jadi, apabila Datuk Musa menyertai Tengku Razaleigh, mereka menurut logiknya terpaksa juga berbuat demikian kerana mereka tidak mahu dilihat sebagai mengkhianati Datuk Musa.

Tetapi penyertaan yang memeranjatkan ke pihak *team B* ialah Datuk Rais Yatim. Sebelum beliau membuat pengumuman dramatik di Terengganu bagi membakar jambatan yang menghubungkan beliau dengan Dr. Mahathir, di sebelah mana Datuk Rais berada, apabila jelas wujud dua kem dalam UMNO, tidak begitu pasti. Ada pihak mengaitkan beliau dengan Dr. Mahathir; ada pihak pula menyatakan Datuk Rais sebagai orang Musa. Malah Datuk Rais sendiri merasakan tidak perlu mengisytiharkan siapakah pemimpin yang disokongnya kecuali apabila tiba masanya. Keadaan ini membuat beliau tidak begitu disenangi oleh para penyokong Dr. Mahathir dan Datuk Musa pada satu ketika. Faktor ini telah menimbulkan desakan untuk beliau mendapatkan kedudukan yang lebih tinggi dalam parti apabila beliau mencuba jawatan naib presiden pada tahun 1984 untuk kali keduanya. Dalam cubaan kali pertama, pada tahun 1981, beliau hanya tewas lima undi di belakang Datuk Harun Idris. Tetapi pada tahun 1984, beliau sekali lagi kalah, tetapi dengan margin yang lebih besar. Kelas bahawa Datuk Rais tidak mendapat tajaan dari pemimpin yang lebih atas seperti yang diperolehi oleh Datuk Abdulah Ahmad Badawi dan Anwar Ibrahim. Itu adalah keadaan dalam parti.

Dalam kerajaan juga barangkali Datuk Rais berasa beliau sukar untuk mendekati dirinya dengan pimpinan Dr. Mahathir kerana Datuk Rais tidak dianggap oleh perdana menteri sebagai salah seorang orang *inner circlenya*. Keistimewaan ini hanya dinikmati oleh pemimpin-pemimpin seperti Anwar Ibrahim, Daim Zainuddin, Datuk Seri Sanusi Junid dan Datin Paduka Rafidah Aziz serta hingga batas-batas tertentu di awal zaman Dr. Mahathir, Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Datuk Rais yang menyertai kabinet pusat pada tahun 1982 selepas menjadi menteri besar Negeri Sembilan dapat merasakan keadaan-keadaan yang telah membuat beliau turut tersisih dari pimpinan parti dan kerajaan. Seperti pemimpin UMNO yang lain, Datuk Rais dapat menyaksikan bahawa tradisi *apprenticeship* yang telah beliau lalui dalam tahun-tahun 1970-an yang membolehkan beliau naik langkah demi langkah dalam hierarki kerajaan dan parti telah diketepikan di bawah Dr. Mahathir. Ini sudah pasti mengecewakan beliau. Itu sebabnya dalam satu ucapan di Johor selepas mengisytiharkan dirinya sebagai anggota *team B*, Datuk Rais telah mengkritik pimpinan eksklusif Dr. Mahathir yang hanya membuka pintunya kepada segelintir pemimpin yang menurut beliau telah dipetik dari langit untuk dimasukkan ke dalam kabinet dan parti.

Walaupun waktu itu, Datuk Rais tidak menyebut siapa-siapa yang dimaksudkan, tetapi ahli-ahli UMNO tahu bahawa mereka termasuk Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin yang telah diberi jawatan lunak yang boleh mereka gunakan untuk memperkuat pengaruh dan kedudukan mereka di dalam parti. Di kala yang sama, Datuk Rais sendiri serta pemimpin-pemimpin UMNO lain seperti Datuk Musa dan Tengku Razaleigh, diperlukan menjalani ujian sebagai aprentis sebelum dinaikkan pangkat sedangkan Daim dan Anwar tidak perlu berbuat demikian. Lebih mengecewakan Datuk Rais ialah pemindahannya ke Kementerian Luar Negeri. Walaupun perpindahan ke kementerian ini disifatkan oleh setengah-setengah pemerhati sebagai satu kenaikan pangkat.

Tetapi Datuk Rais tidak boleh disalahkan kerana melihat keputusan Dr. Mahathir itu sebagai satu usaha untuk mengukuhkan pengaruh politiknya di dalam negeri. Ini kerana sebagai menteri luar, Datuk Rais terpaksa menghabiskan banyak masa di luar negeri. Bagi seorang tokoh yang mempunyai cita-cita politik yang lebih besar, tindakan itu adalah satu keputusan. Inilah skenario yang telah memberi sumbangan kepada Datuk Rais untuk menyertai Tengku Razaleigh dalam *team B*.

Maka jadilah Datuk Rais, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Ajib dan Datuk Shahrir sebagai tenaga dalam *team B* yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Mereka pula disertai oleh empat timbalan menteri yang lain, serta pemimpin-pemimpin UMNO lain di luar kerajaan seperti Datuk Adib Adam, Datuk Harun Idris untuk menjadi tenaga yang berpengaruh bagi menawarkan diri mereka sebagai barisan alternatif kepada pimpinan yang diketuai oleh Dr. Mahathir. Kelahiran *team B* ini, seperti juga halnya dengan *team A*, bukanlah sesuatu yang dirancang atau kerana disatukan kerana anggota-anggotanya mempunyai keperluan politik semasa untuk menentang Dr. Mahathir dalam satu kempen paling sengit pernah disaksikan dalam sejarah UMNO. Dalam kempen yang berlangsung, kenyataan kedua belah pihak telah mengheret perkara-perkara peribadi yang membuka pekungaran pemimpin Melayu itu sendiri.

Jelas bahawa dalam kempen-kempen, *team A* mempunyai faedah lebih besar kerana mereka mempunyai kawalan ke atas penggunaan media massa, khususnya akhbar berbahasa Malaysia harian yang memang dimiliki oleh UMNO. Tetapi oleh kerana UMNO waktu itu dikuasai oleh Dr. Mahathir, maka pihaknya yang telah menikmati faedah lebih besar untuk mendedahkan landasan perjuangan mereka dan menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh pemimpin *team B* terhadap mereka. Ini membuat seorang pemerhati yang mengulas bahawa membaca akhbar-akhbar waktu itu, kita hanya dapat membaca jawapan kepada tuduhan sedangkan

tuduhan *team B* tidak pernah dilaporkan oleh akhbar-akhbar kecuali satu dua akhbar nyamuk yang pengaruh mereka agak terbatas.

Jika sokongan dijadikan ukuran, *team A* sepatutnya menang besar atau menyapu bersih semua kerusi dalam pemilihan 24 April itu. Ini kerana dari segi pencalonan, Dr. Mahathir, Encik Ghafar mendapat jumlah yang besar dari bahagian-bahagian. Mereka juga mendapat sokongan bulat pemuda UMNO dan wanita UMNO serta kelab menteri besar dan ketua menteri UMNO yang secara terbuka telah menyatakan pendirian mereka meminta pimpinan Dr. Mahathir dipertahankan. Tengku Razaleigh dan Datuk Musa sebenarnya melawan arus. Prospek yang ada di depan mereka ialah mereka akan kalah teruk. Kemungkinan untuk menang, walaupun diramalkan oleh setengah-setengah pemerhati politik memang ada, tetapi agak tipis. Paling banyak mereka hanya mampu untuk mengurangkan majoriti *team A* untuk membuktikan kepada Dr. Mahathir bahawa sokongan parti kepada beliau tidaklah padu lagi. Jika ini matlamatnya, maka mereka sebenarnya berjaya kerana keputusan 24 April itu apabila diketahui sepenuhnya, adalah agak memeranjatkan. Dengan segala sokongan yang ada, Dr. Mahathir hanya menang dengan kelebihan 43 undi sahaja. Dari sejumlah 1479 perwakilan yang mengundi, 761 mengundi beliau sebagai presiden manakala Tengku Razaleigh mendapat 718 undi. Datuk Musa juga tewas, tetapi merasa puas kerana beliau masih mendapat sokongan 699 perwakilan manakala Encik Ghafar pula mendapat 739 undi. Ini bermakna hanya 40 undi sahaja yang membezakan mereka.

Para pemimpin *team A* juga gagal menyapu bersih kerusi-kerusi lain majlis tertinggi. Datuk Abdullah Ahmad Badawi berjaya mempertahankan jawatan naib presiden yang dimenangi pada tahun 1984. Beliau menang bersama Datuk Seri Amar Wan Mokhtar yang menduduki tempat pertama dan Anwar Ibrahim di tempat ketiga. Dua lagi calon *team B* untuk jawatan naib presiden ini, Datuk Rais Yatim tewas dengan mendapat 690 undi, manakala Datuk Harun Idris juga gagal. Bagi 25 kerusi biasa majlis tertinggi, lapan orang calon *team B*

menang. Mereka ialah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datin Paduka Hajah Rahmah Osman, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Hajah Marina Yusof, Haji Abdul Rahim Abu Bakar dan Datuk Ajib Ahmad.

Erti Keputusan 24 April

Kedua-dua *team A* dan *team B* menerima keputusan pemilihan 24 April 1987 itu sebagai sesuatu yang demokratik. Tidak ada dakwaan, baik secara rasmi atau tidak rasmi, yang menyatakan telah berlaku penyelewengan atau penipuan dalam kerangka undi. Kedua-dua pihak menerima hukum para perwakilan UMNO dengan sikap terbuka, tenang tanpa menimbulkan sebarang keraguan. Tetapi tafsiran yang dibuat oleh kedua-dua pihak nampaknya berbeza, adakalanya bak bumi dengan langit.

Bagi *team B*, dan pendapat ini dikongsi sama oleh sebilangan pemerhati politik bebas, keputusan itu mencerminkan keinginan para perwakilan yang mahukan kedua-dua pihak supaya berpadu. Kata mereka itu sebabnya, para perwakilan memberi kemenangan kepada Dr. Mahathir, tetapi dengan undi yang sedikit supaya beliau tidak terlalu angkuh dengan kejayaan yang diperolehi. Mereka mengharapkan bahawa kemenangan itu akan membolehkan Dr. Mahathir bekerja ke arah perpaduan dengan mengambil kira pandangan 49 peratus perwakilan yang juga sayangkan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Untuk memperkukuhkan andaian itu, orang-orang *team B* mengatakan bahawa hakikat para pemimpin utama kumpulan itu memenangi jawatan dalam majlis tertinggi adalah isyarat kepada Dr. Mahathir supaya jangan mengambil langkah-langkah yang boleh memecahbelahkan perpaduan secepat ini. Ini jelas terbayang dalam kenyataan-kenyataan pemimpin *team B* sebagai reaksi mereka terhadap keputusan yang telah diumumkan. Datuk Shahrir, ketika itu menteri bebajikan masyarakat berkata, bahawa kekalahan tipis Tengku Razaleigh dan Datuk Musa membuktikan para per-

wakilan UMNO masih memerlukan kepimpinan mereka bagi menguatkan perjuangan parti. Menurut beliau lagi, keputusan itu juga menandakan pucuk pimpinan parti itu perlu mengubah gaya atau stail kepimpinan ke arah musyawarah dan semangat kekeluargaan yang padu. 'Mestilah ada sedikit perubahan dari segi stail kepimpinan bagi mengelakkan berlakunya gejala yang tidak sihat seperti berpuak-puak', katanya kepada para wartawan seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* pada 25 April. Datuk Rais Yatim, yang kalah bagi jawatan naib presiden, juga menerima keputusan itu secara demokratik tetapi mengingatkan supaya jangan memandang ringan kehendak 49 peratus ahli yang menyokong Tengku Razaleigh. Akhbar *The Star* 27 April melaporkan beliau sebagai berkata bahawa para pemenang tidak harus membiarkan diri mereka digelumang dengan taktik menindas atau *Witchunting*. Mereka yang kalah jangan dibiarkan merasakan diri mereka terbuang, tersisih dan diperolok-olokkan. Kenyataan ini semua membayangkan bahawa mereka tidak mahu selepas kemenangan tipis, presiden parti mengetepikan orang-orang *team B* yang menang dan kalah dari kedudukan mereka di dalam kerajaan sekiranya perpaduan ingin dikekalkan.

Tetapi orang-orang *team A*, Dr. Mahathir khususnya, tidak melihat keputusan pemilihan itu dalam perspektif yang sama seperti *team B*. Beliau sendiri mempunyai *option* sama ada mahu menunjukkan kemurahan hati dalam tindak-tanduknya dalam menghadapi orang-orang *team B*. Ini bermakna beliau terpaksa berkompromi dan mengekalkan mereka di jawatan masing-masing. Pilihan ini bukan sesuatu yang biasa dalam demokrasi. Banyak pemimpin di Barat khususnya, setelah berjaya menewaskan musuhnya mengambil semula musuh dalam parti sebagai rakan kerjasama untuk mengekalkan perpaduan parti.

Dr. Mahathir bagaimanapun nampaknya tidak ada *mood* berbuat demikian. Malah hukuman yang bakal beliau kenakan terhadap mereka yang telah menentang beliau jelas terbayang dalam ucapan penangguhan pada 26 April. Dalam ucapan itu, yang beliau tekankan ialah yang kalah mesti

anggup menerima padahnya kerana 'saya juga sedar jika saya kalah, adalah mustahil untuk saya terus tinggal di Seri Perdana dan kekal sebagai perdana menteri.' Beliau juga membayangkan dalam membentuk kabinet selepas 24 April beliau akan memberi tempat kepada orang-orang yang boleh bekerjasama dengan beliau sebagai satu kumpulan. Soal setia kepada beliau tidak timbul. Beliau memberitahu bahawa seketika kempen berlangsung, ada antara mereka telah melanggar umpah jawatan dan mereka tentu tidak boleh dikekalkan di kedudukan mereka. Untuk menyatakan pendirian tegasnya, beliau telah memetik kata-kata terkenal Mark Anthony dalam *Julius Caesar* yang antara lain mengatakan bahawa 'kejahatan yang dilakukan oleh manusia kekal dalam ingatan hingga bila-bila, manakala kebaikan biasanya ditanam bersama tulang belulang orang berkenaan'. Kata-kata ini membayangkan bahawa operasi membersihkan parti dan kerajaan dari orang-orang yang menentang beliau pasti menyusul. Ini diperkukuhkan apabila dalam sidang akhbar di hari yang sama Dr. Mahathir menekankan bahawa seorang ahli majlis tertinggi yang dipilih tidak secara automatik menjadi anggota kabinet.

Terbukti bahawa apa yang dibayangkan oleh Dr. Mahathir itu segera menyusul. Seminggu selepas itu, serentak dengan menerima perletakan jawatan Tengku Razaleigh dan Datuk Rais, Dr. Mahathir mengumumkan penamatan khidmat tiga orang menteri dan empat orang timbalan menteri yang telah menyertai *team B* walaupun mereka semua memenangi kedudukan dalam majlis tertinggi. Tiga orang menteri itu ialah naib presiden Datuk Abdullah, ahli majlis tertinggi, Datuk Shahrir dan Datuk Ajib Ahmad. Empat timbalan menteri yang juga memenangi kerusi majlis tertinggi pula ialah Datuk Kadir Sheikh Fadzil, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zain dan Datin Paduka Hajah Rahmah Osman. Datuk Najib Tun Razak, yang pada mulanya berada dalam *team B*, tetapi berpaling tadah di saat-saat akhir, terselamat dalam tempen pembersihan ini. Bagaimanapun, sebuah jabatan kementerian beliau telah dipindahkan kepada sebuah kementerian baru, iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Jelas bahawa selain daripada berhasrat untuk mengetepikan tokoh-tokoh yang tidak boleh bekerjasama dengan beliau, Dr. Mahathir juga tertekan kerana terpaksa memberi anugerah kepada para penyokong yang telah bekerja keras untuk memastikan kemenangan beliau. Ini jelas terbukti bahawa apabila lima orang menteri baru yang dilantik, terdiri daripada tokoh-tokoh yang secara terbuka membantu beliau mematahkan tentangan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Dua orang tokoh dari Johor, Datuk Mohamad Rahmat, yang diketepikan oleh Dr. Mahathir dalam rombakan kabinet selepas pilihanraya 1982, telah diambil semula sebagai menteri penerangan. Timbalan menteri kerjaraya, Encik Mustaffa Mohamad yang tidak begitu cemerlang kejayaan politiknya, secara mendadak berpeluang menjadi menteri penuh di Kementerian Kebajikan Masyarakat. Datuk Dr. Yusof Nor yang memenangi undi terbanyak dalam majlis tertinggi juga dilantik menjadi menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri, manakala wanita UMNO yang telah menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir juga mendapat anugerah. Puan Napsiah Omar, yang memang rapat dengan Datin Paduka Rafidah Aziz, dilantik menjadi menteri perusahaan awam manakala Datin Paduka Rafidah Aziz sendiri dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang sebelum itu dipegang oleh Tengku Razaleigh—satu kementerian yang disifatkan oleh Datuk Musa, dalam salah satu suratnya kepada Dr. Mahathir, sebagai payung yang boleh digunakan untuk meluaskan pengaruh dalam UMNO kerana kuasa menterinya membolehkan beliau memberi permit, menentukan pembahagian saham, mengawal perdagangan, pengedaran dan sebagainya.

Tidak sia-sialah Datin Paduka Rafidah memihak kepada Dr. Mahathir walaupun pada satu ketika terutama dalam pertandingan 1981, beliau dikatakan menyokong Tengku Razaleigh. Nyata bahawa pemilihan 24 April ini telah berlaku satu penyekutuan kuasa baru dalam pimpinan Dr. Mahathir. Datuk Sabaruddin Chik, timbalan menteri kewangan juga, telah dinaikkan pangkat menjadi menteri kebudayaan dan pelancongan kerana sumbangannya memastikan undi Pahang diperolehi

oleh Dr. Mahathir apabila kesetiaan Datuk Najib menjadi
anda tanya. Perubahan juga dibuat di peringkat timbalan
menteri, setiausaha parlimen, pengerusi-pengerusi badan ber-
kanun serta anggota majlis mesyuarat negeri di setengah-
setengah negeri. Mereka yang secara terbuka memihak kepada
Razaleigh—Musa seperti Haji Ibrahim Ali telah diketepikan.
Tempat mereka digantikan oleh orang-orang dari *team* A yang
boleh menggunakan kedudukan naungan politik yang diberi-
kan untuk memampatkan pengaruh mereka dalam parti dan
kerajaan.

Tetapi keputusan 24 April itu tidak harus dilihat dari per-
pektif dan kepentingan *team* A dan B sahaja. Pada keseluruh-
annya, dalam membuat keputusan muktamad, para perwakilan
mampaknya masih mengutamakan tokoh-tokoh UMNO yang
berjawatan dalam kerajaan bagi diberi tempat dalam majlis
tertinggi. Mereka yang menang baik dari *team* A atau B
kecuali Hajah Marina Yusof dan Haji Rahim Bakar—terdiri
daripada sama ada menteri, timbalan menteri, pengerusi
badan berkanun atau menteri besar. Dari segi ini, ada pemer-
hati membuat kesimpulan bahawa dalam pemilihan yang di-
bandang oleh perwakilan ialah jawatan, bukan dari *team* mana.
Tetapi pandangan ini tidak begitu tepat memandangkan
bahawa antara mereka yang tidak berjawatan telah terpilih
sama. Ini juga terbukti kerana ada antara mereka yang ber-
banding mempunyai jawatan tetapi gagal mendapat sebarang
perusi. Ini termasuklah empat timbalan menteri, iaitu Moha-
med Kasim Ahmad (Kementerian Kemajuan Tanah dan Wila-
yah), Haji Daud Taha (Kementerian Perusahaan Awam), Puan
Napsiah Omar (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tem-
patan) dan Mustaffa Mohamad (Kementerian Kerjaraya).
Sedang jawatan dijadikan ukuran, mereka tentu dipilih
bukanlah Hajah Marina Yusof atau Haji Rahim Bakar.
Satu yang menarik ialah kerana adanya *teams* dari Perlis buat
pertama kali berjaya menonjolkan dua pemimpin negeri itu,
iaitu menteri besar Perlis, Dr. Abdul Hamid Pawanteh dan
Datuk Radzi sebagai anggota majlis tertinggi. Ini adalah satu
kejayaan bagi negeri yang selama ini mendapati sukar untuk

menonjolkan tokoh mereka ke peringkat nasional kerana ia hanya mempunyai dua bahagian UMNO sahaja.

Wanita UMNO yang keanggotaan mereka terdiri daripada 50 peratus, juga mencapai kejayaan luar biasa apabila tiga orang pemimpinnya terpilih buat pertama kalinya ke majlis tertinggi. Mereka termasuklah Datin Paduka Hajah Rahmah, Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Hajah Marina Yusof.

Dari segi lain pertandingan 24 April itu juga memperlihatkan kematangan demokrasi dalam UMNO. Selepas menjalani kempen yang sengit yang mengheret soal-soal peribadi, para perwakilan membuktikan kemampuan mereka menunaikan tanggungjawab demokrasi mereka tanpa sebarang pergaduhan atau kekecohan dan kemudian menerima keputusan dengan tenang tanpa sebarang keraguan. Ini adalah luar biasa kerana selepas lebih 40 tahun wujud, UMNO masih berjaya mempertahankan mekanisme menentukan pucuk pimpinan tanpa melibatkan pembunuhan atau pergaduhan atau setidak-tidak peristiwa membaling kerusi seperti yang pernah dialami oleh parti MIC pada satu ketika. Barangkali lidah pengarang akhbar *The Sunday Star* 26 April dengan tepatnya menggambarkan kematangan UMNO itu apabila antara lain ia mengulas: pengajaran dari pilihanraya UMNO ini adalah jelas—berterus terang tidak harus dikhuatiri dalam politik dan kehidupan publik. Mengakui hakikat ini bermakna bahawa yang sebenarnya menang dalam pertandingan ini ialah demokrasi Malaysia.

Walaupun *The Star* mungkin menganggap pertandingan UMNO ini satu kejayaan bagi demokrasi, tetapi UMNO sendiri terpaksa berdepan dengan 'perpecahan dalam sebuah pertubuhan' ekoran pertandingan 24 April itu. Dr. Mahathir sendiri terpaksa menelan kepahitan kerana hanya mendapat separuh sahaja sokongan dari partinya sedangkan tatkala kempen sedang memuncak pada 14 Mac 1987 beliau memberitahu mesyuarat perwakilan UMNO Hulu Selangor di Kuala Kubu Baru bahawa 'seorang pemimpin akan menjadi pemimpin yang lemah jika dia hanya mendapat sokongan 55 peratus partinya'. Dalam kes Dr. Mahathir, beliau sekadar mendapat 51 peratus sahaja, tetapi terpaksa bertahan kerana

Selepas kenyataan di Kuala Kubu Baru itu beliau telah membuat perubahan dalam pendiriannya. Dalam satu sidang akhbar di Brunei Darussalam pada 29 Mac, barangkali setelah mengejutkan bahawa beliau tidak akan mendapat sokongan UMNO, beliau menegaskan bahawa beliau akan terus menjadi presiden UMNO dan perdana menteri walaupun menang dengan majoriti satu undi sahaja. Pendirian ini kemudian dinyatakan berulang kali dan disokong oleh para penyokong beliau termasuk Encik Ghafar, Anwar dan Datuk Mohd. Isa Abdul Samad (menteri besar Negeri Sembilan) walaupun perubahan pendirian itu nampaknya membingungkan Haji Ibrahim Ali yang bertindak sebagai pengurus kempen Tengku Razaleigh. Memandangkan bahawa beliau menang dengan majoriti lebih daripada satu, maka Dr. Mahathir bukan sahaja membuat keputusan untuk terus berkuasa, tetapi mencari *alignment* baru dalam politik bagi memperkuatkan kedudukannya.

Tetapi tindakan beliau mengetepikan orang-orang *team B* yang menang dari kedudukan kerajaan dan parti di peringkat Badan Perhubungan Negeri telah terus menjauhkan sebahagian daripada ahli-ahli UMNO dari beliau. Menyedari hakikat itu, lima bulan selepas pertandingan sengit berlalu, Dr. Mahathir berasa perlu mengadakan gagasan ke arah mewujudkan perpaduan dalam UMNO dengan secara terbuka mengisytiharkan bahawa dalam UMNO sekarang tidak ada *team A* atau *team B*, yang ada hanyalah *team UMNO*. Ini diikuti dengan lawatan perpaduan ke negeri-negeri untuk bertemu dengan para pemimpin parti.

Usaha Perpaduan Mahathir

Tidak syak lagi daya usaha Dr. Mahathir ini membayangkan pesukaran untuk mengembalikan perpaduan UMNO ekoran pertandingan sengit yang pada mulanya disangka tidak akan diperpanjang. Selepas keputusan diketahui ramai yang mengesahkan bahawa para pemimpin dan ahli parti yang telah bergasak antara satu sama lain beberapa bulan menjelang pemilihan tersebut akan merapatkan barisan dan kembali

kepada tradisi parti seperti dalam pertandingan-pertandingan lain sebelum ini. Tetapi apa yang diharapkan itu nampaknya jauh daripada menjadi kenyataan. Selepas pemilihan dalam UMNO itu, kata lidah pengarang *Utusan Malaysia*, terdapat keadaan yang terawang-awang; telah timbul perasaan curiga-mencurigai, syak-mengesyaki antara para pemimpin dan pengikut apa yang digelar *team A* dan *team B*. Jalan ke arah penyatuan semula nampaknya tidaklah semudah yang dijangkakan. Malah setelah lima bulan berlalu, walaupun bahang kata-mengata antara satu sama lain telah reda dan perpecahan dalam erti kata sebenarnya tidak berlaku, tetapi antara dua kumpulan dalam UMNO itu terdapat tembok pemisahan yang seolah-olah tidak boleh diruntuhkan. Ini terbukti bahawa selepas lima bulan berlalu, presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir, ketua *team A* yang berjaya mempertahankan jawatan dengan majoriti yang tipis, masih lagi menyeru ahli-ahli UMNO supaya merapatkan barisan masing-masing dan meminta mereka mengisytiharkan bahawa dalam UMNO sekarang tidak ada *team A* atau *team B*, tetapi yang wujud hanya sebuah *team*, iaitu *team UMNO*.

Sejak 24 April, inilah kali pertama Dr. Mahathir Mohamad bercakap dengan nada serupa ini. Pada mulanya, gagasan perpaduan Dr. Mahathir ini yang pertama kali diucapkan kepada ahli-ahli UMNO bahagian Labuan, Wilayah Persekutuan pada 11 September dianggap oleh setengah-setengah pihak sebagai satu mainan politik beliau untuk mendapatkan sokongan padu dari ahli-ahli parti yang telah tidak mengundi beliau dalam pemilihan pimpinan. Malah ada yang mengatakan bahawa usaha beliau itu membayangkan keresahan seorang pemimpin yang khuatir kerana sokongan dari *teamnya* sendiri, iaitu *team A* tidak lagi bulat seperti sebelum dan beberapa ketika selepas pemilihan. Ini juga merupakan sebagai persediaan beliau mula berbaik-baik semula dengan orang-orang *team B* supaya jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, beliau masih lagi boleh berkuasa dengan sokongan kumpulan atau sebahagian daripada kumpulan yang pernah menentang beliau satu ketika dulu.

Andaian serupa ini boleh jadi benar, boleh jadi tidak. Tetapi keikhlasan beliau untuk tidak mahu melihat UMNO terus berpecah dua dalam satu pasukan tidak boleh dipertikaikan. Untuk membuktikan keikhlasan dan kesungguhan beliau mewujudkan perpaduan dalam parti, ucapan di Labuan itu, telah diulangi sehari kemudian dalam satu majlis dengan pemuda UMNO di Kuala Lumpur pada 12 September. Dr. Mahathir memberitahu mereka bahawa beliau memerlukan sokongan penuh ahli-ahli UMNO. Jika separuh ahli parti menyokong orang lain dan separuh lagi menyokong saya, maka susahlah sikit. Tema yang sama diulangi dalam lawatannya ke Pulau Pinang. Malah beliau bukan sahaja bercakap tentang perlu merapatkan barisan, tetapi mengadakan pertemuan dengan pemimpin utama *team B* yang menjadi musuh beliau dalam pemilihan 24 April itu. Pertemuan pertama ialah dengan Datuk Musa Hitam di Kuala Lumpur selama dua jam dan akhbar-akhbar pada 25 September pula melaporkan kenyataan Dr. Mahathir yang mengesahkan beliau telah menemui Tengku Razaleigh Hamzah, orang yang beliau tewaskan untuk jawatan presiden. Sama ada pertemuan begini boleh menghasilkan buah yang diinginkan, sukar untuk dipastikan, tetapi tidak diragukan bahawa para pemimpin parti yang satu ketika berpecah lidah sudah mula berdialog antara satu sama lain, sudah pasti membawa tanda yang baik ke arah penyatuan semula UMNO.

Proses ke arah itu sebenarnya memakan masa. Ia tidaklah mudah yang digambarkan oleh peribahasa Melayu yang bererti 'biduk lalu kiambang bertaut'. Ini kerana dalam masa beberapa bulan selepas pemilihan sehingga kenyataan perpaduan Dr. Mahathir di Labuan, kedua-dua belah pihak telah melakukan tindak-tanduk yang telah melukai hati satu sama lain. Sebagai contoh, bagi *team B*, tindakan Dr. Mahathir mengetepikan orang-orang kumpulan itu yang telah memenangi jawatan tertinggi dalam majlis tertinggi parti dari kedudukan mereka dalam kerajaan, baik sebagai menteri, timbalan menteri, ahli majlis mesyuarat negeri atau pengerusi badan-badan berkanun dan kedudukan mereka dalam badan perhubungan negeri telah

tidak membantu usaha menyatukan semula parti. Apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir itu telah dilihat oleh *team B* bahawa beliau sebenarnya membantutkan perpaduan. Tetapi tentu tidak adil jika beliau sahaja telah dituduh tidak mahu menyatukan semula parti. *Team B* sendiri juga patut disalahkan. Ini kerana ada di antara mereka seolah-olah tidak demokratik enggan menerima keputusan yang telah dibuat oleh perwakilan dan terus-menerus mengadakan pertemuan dengan penyokong-penyokong mereka mengecap Dr. Mahathir sebagai orang yang tidak menghormati keputusan yang telah dibuat. Malah ada di antara ahli UMNO terlalu kecewa lalu menggunakan pihak ketiga, iaitu mahkamah untuk memperjuangkan apa yang mereka mahukan. Ini dilakukan oleh 12 (pada mulanya, kemudian 11) ahli UMNO yang mendakwa bahawa dalam pemilihan 24 April itu telah terdapat para perwakilan 'haram', iaitu dari cawangan-cawangan yang kononnya tidak berdaftar dengan pejabat pendaftar pertubuhan. Mereka menuntut mahkamah mengisytiharkan pemilihan 24 April itu sebagai tidak sah.

Soal yang menarik di sini ialah mengapakah selepas lima bulan pemilihan selesai baru presiden parti mengusulkan ahli-ahli parti supaya merapatkan barisan secara serius? Sebahagian daripada jawapannya sudah pun diberikan sendiri oleh Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan Pemuda UMNO di Kuala Lumpur, iaitu beliau mahukan sokongan bulat dari ahli-ahli parti untuk memerintah. Sokongan ini perlu sekiranya beliau ingin berkuasa secara berkesan. Ini kerana sekiranya beliau hanya mendapat sokongan separuh parti, maka musuh-musuh UMNO akan menganggap beliau sebagai seorang pemimpin yang lemah. Malah kelantangan parti-parti lawan dan kawan dalam Barisan Nasional serta kumpulan pendesak dan golongan yang tidak boleh ditegur dan disentuh untuk menyuarakan tuntutan masing-masing dikatakan berpunca dari 'perpecahan' yang berlaku dalam UMNO.

Dr. Mahathir tentu tidak mahu sendirian menghadapi tentangan kumpulan-kumpulan di luar UMNO yang semakin berani itu. Tetapi berkait dengan soal pindaan perlembagaan

peranan kumpulan pendesak minoriti sepanjang bulan Agustus dan September, itulah nampaknya yang terjadi. Beliau terpaksa memerangi mereka sendiri. Tugas ini sepatutnya dilakukan oleh seluruh ahli UMNO. Tetapi oleh kerana UMNO sudah berpecah kepada dua kumpulan, maka orang-orang yang tidak sepasukan dengan Dr. Mahathir hanya membisu. Tak ap mereka itu memang boleh dimaafkan kerana mereka bukan sebahagian daripada kerajaan. Yang sepatutnya bersama Dr. Mahathir dalam perang dengan kumpulan pendesak itu ialah orang-orang dalam *team*nya, iaitu kerajaan yang memerintah. Tetapi barangkali kerana mereka baru dan tidak berpengalaman, mereka tidak dapat memberi sokongan yang diharapkan. Mereka yang boleh diharapkan untuk membantu beliau dan berkebolehan berbuat demikian nampaknya lebih banyak membisu kerana mereka barangkali mempunyai sebab tersendiri. Ada di antara mereka yang kini menjadi penyokong kuat Dr. Mahathir, misalnya, Anwar, pernah bersahabat dengan para pemimpin kumpulan pendesak yang cuba diperangi oleh Dr. Mahathir itu. Lantaran itu, beliau tidak merasa perlu untuk menyertai perdana menteri untuk mengkritik kumpulan-kumpulan tersebut. Barangkali beliau juga mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi kumpulan pendesak yang kecil dan berpengaruh itu. Sebagai bekas seorang pemimpin kumpulan pendesak sendiri, Anwar menerima bahawa mereka mempunyai peranan yang boleh memperkayakan demokrasi dan adalah perkara yang mengaibkan sekiranya pandangan mereka ditindas dengan cara yang tidak demokratik dan penuh emosi.

Keadaan ini tentu berbeza sewaktu beliau menghadapi isu pindaan perlembagaan 1983 yang bertujuan untuk menjelaskan lagi definisi raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Pada waktu itu, oleh kerana tidak ada *teams* dalam UMNO, kempen beliau untuk mendapat sokongan rakyat bagi pindaan itu adalah padu dan jitu. Ke sana sini, beliau telah diarak oleh penyokong-penyokong beliau yang terdiri daripada mereka yang boleh berhujah dan mematahkan hujah. Beliau waktu itu mendapat khidmat dari orang-orang yang

dianggap mempunyai kemampuan berfikir dan intelek yang terbaik dalam partinya. Tetapi perang menentang kumpulan pendesak seperti Aliran serta golongan yang tidak boleh ditegur dan disentuh, beliau telah tidak mendapat sokongan itu. Dari satu segi, beliau seolah-olah kelihatan lemah tanpa sokongan penuh dari pengikut-pengikutnya.

Menyedari bahawa sokongan padu dan jitu dari *teamnya* sendiri dalam UMNO tidak boleh diharapkan pada waktu-waktu tertentu barangkali telah mendorong Dr. Mahathir untuk memanjangkan tangan persahabatan kepada orang-orang UMNO dalam *team B* yang boleh dan malah pernah bekerjasama dengan beliau (seperti Datuk Musa dan Datuk Abdullah) sebelum ini. Ini tidak syak lagi merupakan satu sebab mengapa lima bulan selepas pemilihan selesai barulah beliau mengajak ahli-ahli parti tidak kira dari *team* mana supaya bersatu.

Tetapi yang menjadi pendorong sudah pasti bukan kepentingan peribadi sahaja. Ketidakinginan untuk melihat UMNO terus terawang-awang sudah pasti menjadi penggerak utama. Bagi Dr. Mahathir sendiri tidak ada apa yang rugi jika beliau menyeru ahli-ahli parti supaya merapatkan barisan. Pertama, beliau sendiri sudah memampatkan kedudukannya dalam parti dan kerajaan dengan menempatkan orang-orang beliau. Kedua, kebanyakan mereka yang kalah—walaupun tidak semua sudah menerima kekalahan mereka. Dalam keadaan itu, tidak guna jika api perpecahan terus ditiup. Sebaliknya dengan cara ini, Dr. Mahathir boleh menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang baik yang tidak mahu melihat UMNO terus kucar-kacir. Andainya gagasan perpaduan beliau tidak diterima oleh *team B*, maka merekalah yang akan dianggap jahat, dan bukan beliau. Dari segi ini, Dr. Mahathir sudah pasti mendapat manfaat politik atau *political mileage* sebagai orang yang inginkan perpaduan. Mereka yang menentang pula akan dianggap sebagai pengkhianat oleh ahli-ahli parti. Dengan ini, Dr. Mahathir boleh melepaskan diri dari sebarang tanggungjawab bahawa beliau tidak inginkan perpaduan seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak.

Walaupun gagasan perpaduan beliau tidak membawa pengertian untuk memberi tempat kepada orang-orang *team B* dalam kerajaan, ini tidak pula bermakna kemungkinan itu tidak ada. Buat sementara ini kemungkinan itu memang jauh ganggang dari api. Soal yang ditekankan di sini ialah kerjasama. Mereka tidak diberi jawatan kerana mereka tidak boleh bekerjasama. Tetapi apabila beliau melihat bahawa ada di antara mereka boleh memberi kerjasama, mereka sudah pasti boleh diterima barangkali untuk menggantikan tempat orang-orang *team*nya sendiri yang mungkin tidak lagi boleh bekerjasama dengan beliau.

Ini kerana dalam politik, macam-macam boleh berlaku. Yang tidak terfikir berlaku juga telah berlaku dalam UMNO. Misalnya, siapa pernah menduga bahawa Tengku Razaleigh dan Datuk Musa yang bermusuhan pada satu ketika boleh berganding bahu untuk melawan Dr. Mahathir sedangkan pada satu ketika hubungan Datuk Musa dan Dr. Mahathir adalah ibarat kuku dengan isi sehingga apabila mereka menjadi presiden dan timbalan presiden UMNO pada tahun 1981, pentadbiran mereka diberi nama jolokan 2M. Tetapi yang tidak terfikir itu sudah berlaku kerana dalam politik terdapat terlalu banyak apa yang disebut oleh orang Inggeris *marriage of convenience* yang membolehkan pihak-pihak yang bermusuhan bersatu sekiranya berdepan dengan musuh bersama. Tetapi selepas musuh bersama berjaya dihadapi, penyatuan mereka tidak boleh dipertahankan.

Tidak syak lagi *team A* dan *team B* yang lahir ekoran *marriage of convenience* mengalami proses yang sama. Mereka yang bersatu mendapati bahawa selepas 24 April, mereka sebenarnya tidak mempunyai banyak persamaan. Mereka bertu untuk mempertahankan kepentingan diri masing-masing dalam politik. Itu sebabnya dalam politik terdapat satu pengkapan bahawa tidak ada ikatan abadi (*permanent relationship*) antara dua pihak tidak kira betapa baik sekalipun mereka. Ikatan abadi hanya kekal sekiranya kepentingan mereka masih boleh dipelihara melalui ikatan itu. Sebaik sahaja ikatan itu tidak memberi khidmat, maka mereka akan

berpisah kerana dalam politik yang abadi ialah kepentingan individu dalam politik itu sendiri. Seorang pemimpin utama UMNO dalam satu ceramahnya kepada Pemuda UMNO di zaman Datuk Harun di Banting pernah berkata bahawa berkawan dalam politik adalah ibarat menyeberang sebuah sungai yang deras. Sekiranya kita mendapati, kata beliau, bahawa kawan seperjuangan kita berkemungkinan dihanyutkan oleh arus, apa yang kita patut buat ialah bukan untuk menyelamatkan beliau tetapi menolak beliau supaya dihanyutkan oleh arus deras itu. Ini kerana menurut beliau sekiranya kita cuba menolong mereka kita belum pasti boleh menyelamatkan mereka. Malah ada kemungkinan kita sendiri yang turut hanyut. Oleh itu, kata beliau, adalah lebih baik kita menyelamatkan diri sendiri supaya tidak hanyut kerana ingin berbuat baik kepada orang lain, walaupun kawan kita.

Mengharapkan usaha perpaduan presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuahkan hasil sepenuhnya dalam waktu yang singkat memang agak keterlaluan. Tetapi sejak beliau mengisytiharkan di Labuan pada 12 September 1987 bahawa dalam UMNO tidak ada *team A* dan *team B* yang ada hanya *team UMNO* dan banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha merapatkan semula barisan parti itu yang 'berpecah' ekoran pertandingan merebut pimpinan pada 24 April. Walaupun imej wujudnya *team A* atau *team B* tidak lenyap sepenuhnya, tetapi ada tanda-tanda positif bahawa mereka yang dulunya menentang Dr. Mahathir sudah bercakap semula dengan beliau. Lawatan perpaduan beliau ke setiap negeri mendapat sambutan yang positif.

Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin-pemimpin lain dari *team B* sudah kelihatan tidak kekok untuk berbual dengan Dr. Mahathir. Yang ada masalah barangkali Tengku Razaleigh yang hanya sempat berbual dengan Dr. Mahathir dalam acara rasmi ketika Dr. Mahathir melawat Kelantan. Tetapi antara mereka masih terdapat tembok pemisah yang belum diruntuhkan sepenuhnya. Ini boleh menghalang usaha sebenar mewujudkan perpaduan kerana Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir adalah *leading actor* yang

emimpin *team* masing-masing dalam perlawanan tempoh
ari. Sekiranya tali komunikasi antara mereka berdua tidak
wujudkan, selagi itulah penyatuan semula UMNO tidak ter-
apai. Malangnya kedua-dua mereka masih belum bersedia
gi untuk duduk dan membincangkan masalah atau perbe-
an yang mereka hadapi seperti yang telah dilakukan oleh
r. Mahathir dengan Datuk Musa.

Kemunculan mereka berdua di khalayak ramai terutama di
ota Bharu di mana Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh ber-
lam mesra hanyalah sekadar untuk tujuan perhubungan
am atau *public relation* sahaja. Tidak lebih dari itu. Dr.
Mahathir ingin dilihat beliau telah berusaha untuk berbaik-
aik dengan Tengku Razaleigh manakala Tengku Razaleigh
ala ingin dilihat sebagai memberi sambutan yang positif
rhadap usaha itu.

Tetapi menurut seorang wartawan *Mingguan Malaysia* yang
lah meliputi lawatan Dr. Mahathir ke Kelantan, kunjungan
erpaduan Dr. Mahathir itu tidak menghasilkan apa-apa. Ke-
mpulan beliau ialah Dr. Mahathir pulang ke Kuala Lumpur
ngan tangan kosong. Tetapi Dr. Mahathir tidak patut berasa
cewa kerana beliau sendiri pergi ke Kelantan dengan
ngan kosong. Jadi, jika beliau pulang dengan tangan kosong,
watannya itu adalah pulang modal. Lainlah halnya kiranya
eliau pergi dengan tangan berisi. Jika beliau pulang dengan
ngan kosong, beliau tentu merasa kecewa.

Malah kalau diamati sungguh-sungguh, Dr. Mahathir yang
ergi dengan tangan kosong, sebenarnya tidak pulang dengan
ngan kosong. Sekurang-kurangnya dari segi imej, beliau
dah memperlihatkan kesungguhannya untuk menonjolkan
at baiknya untuk merapatkan semula barisan UMNO. Beliau
ntu tidak boleh dipersalahkan sekiranya perpaduan yang
eliau usahakan tidak mencapai matlamatnya.

Tetapi dilihat dari segi lain, kerja-kerja untuk mengembali-
n UMNO kepada keadaan asal seolah-olah tidak pernah
erlaku persaingan merebut kuasa, tentu mustahil. Dr. Maha-
thir sendiri yang mempunyai kesempatan keemasan untuk
enyatukan semula UMNO selepas keputusan pemilihan

24 April itu diketahui, tidak menggunakan peluang itu. Sekiranya beliau tidak menyingkirkan para pemimpin *team B* yang memenangi jawatan dalam majlis tertinggi parti, kerja-kerja menyatupadukan semula UMNO tentulah tidak begitu sukar. Tetapi apabila beliau memutuskan bahawa orang-orang itu perlu dipecat dari kerajaan atas alasan tidak lagi boleh bekerjasama dengan beliau, maka tindakan itu bolehlah dianggap sebagai meruntuhkan perpaduan UMNO itu sendiri. Seperti halnya dengan rumah dan bangunan, kita akan dapati bahawa melakukan kerja-kerja pembinaan adalah lebih susah daripada merobohkannya. Malah membina semula rumah atau bangunan yang sudah dirobuhkan di sana sini adalah lebih sukar. Membina rumah baru di sebuah kawasan baru adalah lebih mudah. Jika analogi ini dikaitkan dengan UMNO, inilah yang terjadi. Sejak 24 April, perpaduan UMNO itu telah dirobuhkan sedikit demi sedikit. Hanya selepas Labuan barulah pembinaan semula itu dibuat. Kerja ini tentulah berat.

Yang perlu untuk mewujudkan perpaduan bagi kedua-dua pelakon utama dalam drama UMNO ini ialah berbincang dan duduk bersama. Soal siapa yang memulakan undangan bagi majlis serupa itu tidak penting. Yang sudah pasti ialah antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh terdapat masalah-masalah psikologi yang mustahil dihapuskan. Bagi Dr. Mahathir, beliau tentu merasa kecewa kerana pimpinan beliau sebagai presiden UMNO yang dipilih secara demokratik tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dari Tengku Razaleigh. Setidak-tidaknya segala tindak-tanduk Tengku Razaleigh selepas pemilihan 24 April dapat dilihat oleh Dr. Mahathir dalam konteks ini. Keadaan ini pula diperburukkan oleh adanya kes 11 orang ahli UMNO (pada mulanya 12) menggunakan mahkamah untuk mengisytiharkan keputusan 24 April itu sebagai tidak sah kerana mereka mendakwa terdapat para wakil yang tidak sah telah turut sama mengundi. Tindakan ini bagi Dr. Mahathir adalah usaha untuk mempersoalkan keesahan (legitimacy) beliau sebagai pemimpin UMNO yang tidak patut dipertikaikan.

Dari segi lain pula, kongkongan psikologi yang menyelubungi

ngi Tengku Razaleigh setelah kalah kepada Dr. Mahathir engan undi yang terlalu tipis, tidak begitu difahami oleh Dr. Mahathir sendiri. Seperti orang yang tewas dalam apa juga pertarungan, terutama selepas pertarungan itu ada dakwaan mengatakan telah berlaku penyelewengan, Tengku Razaleigh benarnya tidak sabar untuk menunggu peluang paling awal untuk bertarung semula. Dalam hal UMNO ini, beliau tidak sabar menunggu 1990. Dr. Mahathir tidak faham masalah psikologi orang kalah ini dan lantaran itu beliau tidak melihat dari segi ini untuk mendekati masalah yang dihadapi. Tetapi dari segi Dr. Mahathir, tindakan itu memang difahami kerana sebagai presiden UMNO dan perdana menteri, beliau ialah tokoh yang paling berkuasa. Atas sifat itu, beliau tentu mahu orang lain melihat masalah UMNO seperti beliau mentafsirkannya. Tetapi ini gagal difahami oleh Tengku Razaleigh yang merasakan jika tidak ada wakil-wakil yang didakwa tidak sah, maka beliau lah yang sepatutnya memenangi presiden UMNO pada 24 April.

Mengapa UMNO Bergolak

Peristiwa yang telah menyebabkan UMNO bergelora tidak sukar untuk dihuraikan. Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam dalam tahun 1986 sebagai timbalan perdana menteri, timbalan presiden UMNO (perletakan jawatan ini bagaimanapun ditarik balik selepas dipujuk), keputusan beliau untuk mempertahankan jawatan itu dan bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan 1987, telah dikaitkan dengan pergolakan yang akhirnya telah membawa UMNO diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah.

Bagi UMNO, pergolakan yang berlaku itu adalah sesuatu yang luar biasa. Dalam sejarah parti itu, belum pernah berlaku pertandingan sengit antara dua kumpulan yang cuba mempertahankan kuasa di satu pihak dengan yang cuba merebut kuasa di pihak satu lagi. Lantaran itu, berbagai-

bagai penjelasan telah diberikan untuk menerangkan mengapa fenomena itu terjadi.

Penjelasan yang paling popular ialah untuk melihat pergolakan itu berpunca dari cita-cita dan kepentingan peribadi tiga aktor utama yang terlibat dalam pemilihan 24 April 1987 itu. Mereka ialah Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Datuk Musa yang menjadi orang penting menimbulkan pergolakan tersebut—menurut mereka bahawa beliau meletakkan jawatan bukan kerana perbezaan dasar, tetapi kerana hubungan beliau dengan Dr. Mahathir sudah mula renggang. Pandangan beliau supaya menisihkan Tengku Razaleigh daripada kabinet selepas menang kali kedua pada tahun 1984 sebagai timbalan presiden, telah tidak diendahkan oleh Dr. Mahathir. Sebaliknya Tengku Razaleigh dikekalkan dalam kabinet walaupun tidak di Kementerian Kewangan. Datuk Musa tidak senang dengan tindakan itu kerana beliau melihat bahawa kehadiran Tengku Razaleigh dalam kabinet sebagai menteri perdagangan dan perindustrian akan menjadi penghalang kepada cita-cita beliau untuk naik lebih tinggi dalam parti. Sudahlah syor beliau berkait dengan Tengku Razaleigh tidak diambil perhatian berat oleh Dr. Mahathir, kemasukan Daim Zainuddin ke dalam kabinet sebagai menteri kewangan membuat Datuk Musa merasa tersisih daripada Dr. Mahathir. Beliau tidak boleh disalahkan sekiranya pengekelan Tengku Razaleigh, kemasukan Daim dan juga kehadiran Anwar Ibrahim, yang juga rapat dengan perdana menteri, ditafsirkan sebagai usaha sengaja untuk mengecilkan peranan beliau sebagai timbalan perdana menteri dan timbalan presiden UMNO. Kekecewaan ini beliau bayangkan dalam surat perletakan jawatan kepada Dr. Mahathir.

Selain dari menonjolkan dirinya sebagai seorang yang berprinsip kerana melepaskan jawatan setelah tidak lagi mendapat kepercayaan dan kerjasama dari perdana menteri, inilah juga peluang Datuk Musa untuk mengukur popularitinya. Kerana menyedari bahawa beliau punya pengikut yang agak besar, keputusan dibuat untuk menarik balik perletakan

awatan sebagai timbalan presiden parti yang kemudian digu-
akan untuk mencabar pimpinan Dr. Mahathir bersama
Tengku Razaleigh. Jadi, motif peribadi Datuk Musa di sini
bukan sekadar untuk melawan pimpinan Dr. Mahathir, tetapi
untuk membunuh Tengku Razaleigh sekaligus kerana Datuk
Musa tahu bahawa adalah tidak mungkin bagi Tengku Raza-
leigh menewaskan Dr. Mahathir sebagai presiden. Selepas
Tengku Razaleigh kalah, Datuk Musa tahu bahawa Dr. Maha-
thir akan mengetepikan beliau dan dengan itu tamatlah riwa-
yat politik putera dari Kelantan yang telah dua kali men-
cabar beliau untuk timbalan presiden parti.

Tengku Razaleigh juga mempunyai cita-cita peribadi untuk
naik lebih tinggi dalam parti dan kerajaan. Tetapi cita-cita
beliau ini tidak boleh dipenuhi selagi Dr. Mahathir masih
memimpin parti. Beliau merasakan bahawa ekoran perletakan
jawatan Datuk Musa, Dr. Mahathir tidak lagi memerlukan
hidmat beliau. Ini kerana beliau barangkali turut terasa
bahawa beliau dikekalkan sebagai menteri kerana Dr. Mahathir
ingin mengimbangi Datuk Musa. Oleh kerana Datuk Musa
sendiri sudah meletakkan jawatan, maka peranan beliau juga
tidak diperlukan sedangkan beliau masih mempunyai cita-
cita politik. Lantaran itu, beliau membuat keputusan untuk
menentang Dr. Mahathir bagi jawatan presiden kerana menu-
ut segala perhitungan, beliau tidak kerugian apa-apa jika
kalah. Sebaliknya jika menang, beliau akan menjadi presiden
dan sekaligus menjadi perdana menteri Malaysia. Walaupun
perubangan Tengku Razaleigh dengan Dr. Mahathir baik tetapi
tidak boleh dikatakan mesra. Kedua-dua mereka sama-sama
berlumba untuk menjadi perdana menteri. Tengku Razaleigh
merasakan oleh kerana beliau seorang naib presiden yang
lebih kanan daripada Dr. Mahathir apabila berlaku kekosong-
an jawatan timbalan perdana menteri dalam tahun 1976,
beliaulah yang lebih layak memegang jawatan itu. Malah
ketika itu ada khabar-khabar angin bahawa beliau telah di-
wasiatkan oleh Allahyarham Tun Razak supaya dilantik ke-
awatan itu. Tetapi Tun Hussein Onn yang menjadi perdana
menteri selepas kematian Tun Razak, telah menamakan Dr.

Mahathir sebagai timbalan perdana menteri.

Tetapi untuk mengatakan bahawa cita-cita dan kepentingan peribadi sahaja yang mendorong Datuk Musa dan Tengku Razaleigh mencabar pimpinan Dr. Mahathir, juga tidak tepat. Ini kerana sepanjang kempen berjalan, walaupun cita-cita peribadi menonjol, tetapi kedua-dua tokoh itu serta para penyokong mereka juga menimbulkan gambaran bahawa antara mereka dengan Dr. Mahathir seolah-olah wujud perbezaan dalam soal dasar. Misalnya, Tengku Razaleigh dalam ucapannya yang berjudul 'Kemungkarannya Ekonomi dan Politik' telah mengkritik dasar-dasar ekonomi Dr. Mahathir terutama mengenai projek-projek mewah seperti Dayabumi dan Jambatan Pulau Pinang. Dasar industri berat juga dipertikalkan. Datuk Musa juga melakukan tindakan yang sama. Malah sewaktu menjadi timbalan perdana menteri, Datuk Musa kerap dituduh tidak memperlihatkan keghairahan untuk melaungkan dasar-dasar utama Dr. Mahathir. Beliau didakwa terlalu kurang bercakap tentang Dasar Pandang ke Timur. Malah tatkala Dr. Mahathir bercakap tentang industri berat, Datuk Musa bercakap tentang industri ringan; tatkala Dr. Mahathir bercakap tentang penswastaaan jabatan-jabatan kerajaan, Datuk Musa seolah-olah menyepi tentang perkara itu. Beberapa persoalan tentang penyelewengan atau penyalah-urusan ekonomi negara telah juga ditimbulkan secara terbuka oleh Datuk Musa yang beberapa bulan sebelum itu, adalah orang nombor dua dalam kerajaan. Misalnya, dalam satu ucapan di Johor Bahru pada 2 April 1986, akhbar-akhbar memetik Datuk Musa mengesyorkan supaya sistem pemberian tender di bawah Dr. Mahathir diperluaskan. Beliau mengesyorkan supaya satu sistem terbuka diadakan. Gambaran diberikan seolah-olah sistem yang diamalkan oleh kerajaan boleh disalahgunakan dan mungkin telah berlaku penyelewengan. Serentak dengan itu beliau juga mencadangkan supaya dasar-dasar utama kerajaan seperti Dasar Pandang ke Timur dasar penswastaaan, amalan mencampuradukkan politik dan perniagaan, dikaji semula.

Di sini barangkali Datuk Musa ingin menonjolkan kepada

umum bahawa tentangan beliau dan Tengku Razaleigh bukan sekadar bersifat peribadi kerana gilakan kuasa, tetapi juga meliputi soal dasar dan usaha untuk menawarkan pimpinan alternatif kepada UMNO dan negara. Bagaimanapun ada pemerhati yang tidak setuju dengan pandangan serupa itu. Mereka berkata bahawa soal-soal dasar sengaja ditimbulkan untuk menutup cita-cita dan kepentingan peribadi mereka. Dr. Mahathir adalah antara orang yang beranggapan demikian kerana beliau melihat bahawa tentangan terhadap pimpinan beliau tidak ada kena-mengena dengan isu, tetapi berpunca dari cita-cita pencabar beliau yang tidak sabar menunggu giliran untuk menjadi orang nombor satu dalam parti. Malah secara terbuka, Tengku Razaleigh telah disalahkan oleh Dr. Mahathir kerana dikatakan terlalu ghairah untuk menjadi Perdana menteri.

Tetapi tidak semua melihat bahawa pergolakan dalam UMNO itu berkisar pada cita-cita peribadi atau perbezaan dasar. Ada antara mereka melihat bahawa gelora itu berpunca dari krisis nilai yang mula wujud dalam UMNO setelah ia memasuki usia 30 tahun. Mereka melihat bahawa krisis nilai itu boleh dikesan melalui dua sumber. Pertama, kerana wujudnya satu generasi dalam UMNO anggota-anggota yang tidak mempunyai *emotional attachment* pada semangat 1946 yang telah melahirkan parti itu. Generasi ini dikatakan tidak lagi meminati UMNO kerana ingin berkhidmat seperti yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin awal UMNO. Sebaliknya, mereka memasuki UMNO untuk mendapat kedudukan dan tempat dalam parti dan kerajaan. Kemasukan mereka dikatakan telah menyebabkan berlaku pergeseran antara mereka dengan golongan UMNO yang naik dalam parti setelah melalui sistem aparentis yang agak ketat. Orang-orang baru ini masuk dengan mudah, mendapat tempat dalam pimpinan parti.

Sumber kedua yang telah mencetuskan krisis nilai dalam UMNO ialah kesan Dasar Ekonomi Baru yang juga diilhamkan oleh para pemimpin UMNO itu sendiri. Dasar itu bertujuan untuk membantu dan menaja orang Melayu supaya berjaya dalam perniagaan dan memastikan bahawa mereka

menguasai 30 peratus ekuiti ekonomi Malaysia menjelang 1990. Ia diperkenalkan dalam tahun 1971 dengan dua tujuan utama, iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Matlamat muktamad dasar itu ialah untuk mewujudkan perpaduan kaum supaya bangsa-bangsa di negara ini tidak dikenali dengan kerja-kerja stereotaip yang dilakukan selama ini—orang Melayu sebagai petani, Cina sebagai pedagang dan India sebagai pekerja estret. Dalam proses pelaksanaan dasar itu, orang-orang UMNO menikmati manfaat besar. Banyak orang parti menjadi kaya-raya melalui sistem naungan politik atau *political patronage*. Malah ada tanda bahawa siapa yang rapat dengan pemimpin, lebih mudah mendapat berbagai-bagai tender, kontrak atau pinjaman bank. Kedudukan parti di berbagai-bagai peringkat seolah-olah memberi mereka pasport untuk mendapat habuan dan berbagai-bagai kemudahan. Tatkala ekonomi berkembang, masalah untuk mengagih-agihkan kekayaan tidak menjadi satu masalah. Tetapi apabila ekonomi meleset seperti yang berlaku tatkala Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan, maka timbul rasa tidak puas hati mengenai pembahagian kontrak dan tender kerajaan. Mereka yang tidak dapat, mula mengkritik pimpinan parti dan mencari tokoh yang boleh digunakan untuk melawan Dr. Mahathir.

Malah bagi Kassim Ahmad, pada satu ketika menganggotai Parti Sosialis Rakyat Malaysia, dan selepas dibebaskan dari tahanan menyertai UMNO, apa yang beliau sebut sebagai politik wang dalam UMNO merupakan punca pergolakan parti itu. Ini kerana, beliau melihat bahawa mereka yang menyertai UMNO menggunakan parti itu untuk mencari kekayaan dan kemewahan dan bila mereka tidak memperolehnya mereka menggoncang parti itu. Malah bahaya politik wang dalam UMNO ini bukan Kassim yang pertama menimbulkan. Datuk Musa sendiri lebih awal telah membangkitkan soal itu. Dr. Mahathir sendiri dalam ucapan di perhimpunan 1984 dan 1985 telah menimbulkan soal itu dan memintakan para ahli supaya jangan menyokong mereka yang menggunakan wang untuk mencari kedudukan dalam parti, terutama

datuk menjadi ketua bahagian. Tetapi nasihat para pemimpin parti itu nampaknya tidak diindahkan dan politik wang ditandakan telah turut sama bertanggungjawab menggelorakan MNO.

Ada juga yang berpendapat bahawa pergolakan dalam MNO berlaku akibat pergeseran antara golongan liberal/kular dengan golongan yang ingin mendekati UMNO pada perjuangan Islam yang diwakili oleh Anwar Ibrahim yang mendukung Dr. Mahathir Mohamad. Mereka yang berggapan demikian melihat bahawa UMNO di bawah Dr. Mahathir kononnya dipengaruhi oleh pujukan dan desakan Anwar mula bertukar karektor dari sebuah parti nasionalis layu kepada parti yang lebih merapatkan diri kepada Islam walaupun matlamat Islam yang dituju tidaklah seradikal PAS. Kononnya juga, Dr. Mahathir banyak mengalah kepada desakan Anwar itu. Sebagai bukti mereka menimbulkan bahawa sar-dasar penerapan Islam dalam kerajaan, penubuhan universiti Islam Antarabangsa, pembentukan bank Islam dan kaful Islam, penekanan kepada Islam dalam sistem pendidikan adalah mencerminkan kejayaan golongan Anwar. Golongan liberal dalam UMNO merasakan bahawa sekiranya gerakan ke arah Islam itu tidak disekat, mereka akan menjadi *disfit* dalam parti mereka sendiri.

Lantaran itu mereka merasa bimbang dan bergabung tenaga untuk menamatkan pimpinan Dr. Mahathir yang telah dipengaruhi oleh golongan Islamis dalam UMNO itu. Mereka merasakan inilah satu-satunya cara untuk mengekalkan MNO sebagai sebuah parti yang sekular dan liberal. Sekali bas, pandangan ini boleh diterima kerana mereka yang bergabung tenaga di bawah *team* B pimpinan Tengku Razaleigh memang mempunyai latar belakang pendidikan sekular, tetapi kebenaran pendapat ini boleh diragui. Ini kerana kesimpulan yang mereka tentang, tidak semuanya terdiri dari golongan agama. Malah kebanyakan mereka juga mempunyai latar belakang pendidikan sekular seperti Tengku Razaleigh atau Datuk Musa sendiri. Malah untuk mengatakan Anwar berjaya mempengaruhi Dr. Mahathir dengan program-

program Islamnya juga barangkali tidak berapa tepat. Anwar boleh jadi seorang yang berjaya menggambarkan dirinya sebagai seorang pejuang Islam dalam UMNO. Tetapi dalam UMNO bukan beliau seorang yang menjadi rujukan program-program Islam Dr. Mahathir kerana dalam parti itu terdapat tokoh-tokoh yang *islamic content* mereka, terutama dari segi pendidikan, jauh mengatasi Anwar yang terdidik dalam pengajian Melayu di Universiti Malaya. Mereka ini termasuklah Datuk Dr. Yusof Nor yang kini menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal Islam serta Datuk Wan Mokhtar Ahmad. Masing-masing mempunyai pendidikan dalam bidang Islam dari universiti di Asia Barat.

Jadi, sekiranya Tengku Razaleigh atau Datuk Musa mempercayai bahawa golongan yang diwakili oleh Anwar begitu berpengaruh terhadap Dr. Mahathir dalam mengislamkan UMNO, mereka sebenarnya membuat tafsiran yang kurang tepat. Lantaran itu, andaian bahawa pergolakan dalam UMNO itu merupakan pergeseran antara puak liberal di satu pihak dengan golongan agama di pihak lain, tidak boleh dipegang, malah mengelirukan. Yang pasti ialah Anwar Ibrahim, seperti tokoh-tokoh lain dalam politik, menggunakan kerapatan beliau dengan Dr. Mahathir, untuk mengemukakan diri beliau sebagai seorang pemimpin UMNO yang juga bercita-cita tinggi. Beliau melihat bahawa hanya dengan sokongan Dr. Mahathir yang mempunyai kuasa sebagai perdana menteri sahaja yang boleh menaja beliau untuk memenuhi cita-cita beliau itu. Malah kejayaan beliau dalam parti dan kerajaan yang dicapai dalam waktu yang singkat mustahil dicapai sekiranya tidak ditaja oleh perdana menteri yang juga presiden parti. Lantaran itu adalah munasabah untuk Anwar, malah siapa sahaja, untuk memastikan beliau mempunyai hubungan baik dengan perdana menteri kerana tanpa sokongan beliau, mereka yang bercita-cita tinggi dalam politik tidak boleh pergi ke mana.

Selain itu, ada juga pemerhati politik yang beranggapan bahawa UMNO bergolak kerana disiplin dan tradisi parti telah tidak dihormati oleh mereka yang bertelagah. Golongan ini

melihat bahawa salah satu faktor yang telah membawa kepada ketidakstabilan parti ialah kesediaan pemimpin-pemimpin utama parti mematuhi tradisi tertentu yang menjadi masalah sejak tahun 1946. Antara tradisi itu termasuklah para pemimpin parti apabila mereka mendapat isyarat bahawa mereka tidak lagi mendapat sokongan jitu parti, mereka hendaklah berundur diri. Dato' Onn, misalnya, setelah mendapati bahawa gagasan beliau supaya UMNO membuka keanggotaan parti kepada bukan Melayu dalam tahun 1951, telah membuat keputusan untuk melepaskan pimpinan parti dan menyerahkan kepada ahli-ahli menentukan pucuk pimpinan. Beliau tidak membubarkan UMNO. Begitu juga dengan Tunku Abdul Rahman, presiden kedua UMNO. Setelah menyedari bahawa pimpinan beliau tidak lagi mendapat sokongan popular selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, beliau membuat keputusan untuk meletakkan jawatan. Walaupun perletakan jawatan itu tidak dilakukan serta-merta, tetapi beliau akhirnya melepaskan kedudukannya dalam tahun 1971 kepada Tun Razak. Tun Hussein Onn juga begitu. Setelah menyedari bahawa di dalam parti ada unsur-unsur yang terus menentang pimpinan beliau berkaitan dengan cara dia menyelesaikan masalah Datuk Harun Idris, beliau juga mengambil keputusan mengundurkan diri dari politik dengan alasan sebab-sebab kesihatan.

Dr. Mahathir sendiri sewaktu mengambil alih pimpinan UMNO juga memberitahu bahawa sekiranya pimpinan beliau tidak lagi dikehendaki, beliau meminta ahli-ahli UMNO memberikan isyarat kepadanya. Ada pemerhati melihat bahawa bergolakan yang berlaku ekoran perletakan jawatan Datuk Musa itu adalah isyarat kepada Dr. Mahathir supaya berhenti. Dr. Mahathir sendiri ingin mendapat kepastian apakah itu benar lalu mengelilingi negara. Dalam lawatan itu, beliau mendapati bahawa sokongan untuk beliau masih meluas. Malah majlis tertinggi sendiri memberi sokongan seratus-peratus kepada pimpinan beliau. Jadi, beliau membuat kesimpulan bahawa tentangan yang diajukan terhadap pimpinan beliau adalah isyarat-isyarat yang diadakan oleh pihak-pihak tertentu yang ingin merampas kuasa daripada beliau. Dalam

keadaan itu, sudah tentu beliau tidak akan berhenti begitu sahaja kerana beliau merasakan pimpinan beliau masih dikehendaki. Beliau juga membiarkan pimpinan beliau dicabar. Dengan itu tradisi UMNO bahawa presiden dan timbalan presiden diberi kemenangan tanpa bertanding telah tidak dihormati.

Tradisi ini menjadi amalan sebagai memberi sokongan padu dan jitu kepada pemimpin tertinggi parti untuk mendapatkan mandat rakyat serta parti-parti komponen yang lain untuk memerintah. Jika pun ada pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalannya, ia hanya berlaku apabila ada kekosongan seperti yang dialami oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1951. Ekoran perletakan jawatan Dato' Onn Ja'afar, tiga calon, iaitu Tunku Abdul Rahman, C.M. Yusof dan Haji Ahmad Fuad telah menawarkan diri untuk kedudukan itu. Mereka berlawan tetapi setelah Tunku menang, pimpinan beliau tidak pernah dicabar oleh sesiapa secara terbuka sehinggalah beliau meletakkan jawatan pada tahun 1971. Pada tahun 1951, Tun Abdul Razak telah dipilih sebagai timbalan presiden tanpa bertanding. Sejak itu, inilah tradisi dan demokrasi yang menjadi amalan UMNO. Presiden dan timbalan presiden yang memegang jawatan tidak akan dicabar sehinggalah mereka secara sukarela meletakkan jawatan.

Tetapi dalam pertandingan pada 24 April 1987 dalam UMNO itu sudah muncul nilai-nilai baru pemilihan dalam mana ahli-ahli parti yang hendak menyertai pertandingan atau mereka yang punya hak untuk menentukan nasib pemimpin, secara terbuka sudah berani menyatakan pendirian masing-masing terhadap calon-calon manakah yang mereka sokong atau tidak. Cabaran terhadap pimpinan sekarang bukan sahaja disokong oleh mereka yang ingin mendapat pelbagai anugerah politik—jawatan serta pengagihan kekayaan negara sekiranya pihak yang mereka sokong menang. Malah pemimpin-pemimpin yang sudah mempunyai kedudukan sebagai menteri, atau timbalan menteri sanggup mengambil risiko memperjudikan nasib mereka dengan menentang pimpinan yang telah menganugerahkan mereka jawatan itu. Golongan

ini tahu bahawa sekiranya kumpulan yang mereka sokong malah, kemungkinan mereka terpaksa melepaskan segala jabatan yang ada. Malah inilah yang telah dilakukan oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Rais. Ini jugalah yang dialami oleh Datuk Abdullah, Datuk Shahrir, Datuk Ajib, Datuk Adzi, Datuk Kadir, Datuk Zainal Abidin dan Datin Paduka Hajah Rahmah Osman yang telah ditamatkan khidmat mereka oleh Dr. Mahathir.

Ini semua membuktikan bahawa pemimpin UMNO bukan sahaja memburu kedudukan yang lebih baik seperti yang dilakukan oleh Dr. Mahathir, tetapi juga berani meletakkan masa depan politik mereka sekurang-kurangnya buat sementara waktu dalam keadaan terumbang-ambing atau mungkin juga nyap untuk selama-lamanya. Kesediaan berbuat demikian tidak dapat dinafikan adalah satu perkembangan baru dalam UMNO yang wujud hanya selepas 24 April 1987. Sebelum ini tidak ramai, atau malah tidak ada, tokoh UMNO yang berani dan sanggup memperjudikan nasib mereka kerana ingin menentang pucuk pimpinan yang ada. Kebanyakan mereka hanya ini apabila mengetahui yang kedudukan mereka terancam kiranya mereka tidak menyokong pucuk pimpinan, mereka akan berusaha untuk memastikan keadaan itu tidak berlaku. Akibatnya, mereka menurut sahaja kehendak pucuk pimpinan kerana kedudukan mereka dalam kerajaan dan politik ditentukan oleh tokoh yang paling berkuasa dalam parti. Mereka seolah-olah tidak lagi dapat membezakan kongsi pada perjuangan UMNO dengan perjuangan tokoh yang diamanahkan untuk memimpin UMNO. Tetapi dalam menghadapi pemilihan 1987 keadaan sudah berbeza. Mereka sanggup mengkritik pimpinan parti dan kerajaan dengan mempertikai dasar ekonomi sebuah kerajaan yang turut sama mereka anggotai.

MEMPERTAHANKAN KETUANAN MELAYU

KEGAGALAN Dr. Mahathir Mohamad untuk mendapatkan sokongan padu (mempertahankan jawatan presiden dan Encik Ghafar untuk merebut timbalan presiden) UMNO telah dilihat oleh kalangan tertentu di luar UMNO, terutamanya pihak bukan Melayu sebagai petanda bahawa bangsa Melayu mempunyai pimpinan yang dianggap lemah. Malah ada yang menganggap bangsa Melayu yang selama ini jitu perpaduan mereka di bawah payung UMNO sudah mula berpecah. Tidak syak lagi keadaan inilah yang telah mendorong pihak-pihak tertentu untuk menguji pimpinan Melayu. Ini dilakukan, antara lain, dengan adanya pihak mengambil kesempatan untuk mempersoalkan dasar-dasar kerajaan dalam bentuk yang keterlaluan. Malah keadaan inilah juga yang telah mendorong bukan Melayu mengheret sama soal-soal asas yang telah dipersetujui bersama oleh Melayu dan bukan Melayu sewaktu negara ini merdeka pada tahun 1957^{1/2}, sehingga memaksa Dr. Mahathir menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) pada 28 Oktober 1987 untuk menahan lebih 100 orang pemimpin politik, pertubuhan-pertubuhan sosial, orang perseorangan untuk menenangkan keadaan yang menurut polis agak tegang. Mereka yang telah ditahan bukan sahaja yang berada di luar

erajaan, tetapi ahli-ahli parti komponen juga termasuk dari MCA dan UMNO sendiri.

Apa yang jelas sejak pemilihan UMNO 24 April 1987 ialah pihak-pihak bukan Melayu telah menjelmakan isu-isu yang dianggap perkauman dengan rentak dan nada yang belum pernah dibuat sebelum ini. Sekiranya yang berbuat demikian terdiri daripada parti-parti pembangkang seperti DAP, perkara itu tentu boleh difahami kerana sebagai sebuah parti politik yang lahir sebagai anak kandung Parti Tindakan Rakyat (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew sewaktu Singapura berada dalam Malaysia (antara September 1963 hingga Ogos 1965), Parti Tindakan Demokratik (DAP) memang menentang pendekatan dan perjuangan Barisan Nasional yang diasaskan kepada Perlembagaan 1957. Perlembagaan itu adalah hasil kompromi antara pemimpin Melayu dan bukan Melayu waktu itu yang mewakili dalam Perikatan yang menyatukan UMNO, MCA dan MIC. Waktu itu persetujuan dicapai bahawa Tanah Melayu berdeka menjadi sebuah negara pelbagai kaum yang menjamin bahawa 'ketuanan Melayu' sebagai pemilik asal negara juga dipertahankan, walaupun tidak dalam bentuk yang utlak.

Sebagai balasan kepada persetujuan bangsa Melayu menentang bukan Melayu yang bertaraf imigran ketika itu menjadi warganegara dengan cara yang agak liberal, para pemimpin bukan Melayu dalam Perikatan juga bersetuju untuk menyertai perjuangan UMNO menjunjung kedaulatan raja-raja Melayu, mendaulatkan perlembagaan negara, bahasa Melayu, Islam sebagai agama negara serta beberapa peruntukan tertentu yang membolehkan orang-orang Melayu menikmati hak istimewa, terutama dalam mendapatkan kemudahan bagi bidang pendidikan, menyertai perkhidmatan awam, angkatan polis dan bersenjata serta langkah-langkah ekonomi untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi orang Melayu. Keistimewaan hak-hak ini bagi bangsa Melayu dan bumiputera yang lain dilihat oleh mereka sebagai masih adanya ketuanan Melayu di negara ini, walaupun jika diteliti ia tidaklah dalam bentuk seratus-

peratus. Ini kerana selain dari diwujudkan peruntukan itu, kegiatan bukan Melayu dalam bidang ekonomi tidak dihalang atau disekat.

Begitu juga halnya dengan bahasa dan agama. Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara, tetapi penggunaan bahasa-bahasa lain masih diizinkan. Dalam bidang agama pula, kegiatan agama-agama lain anutan rakyat negara ini, tidak disekat. Malah konsep ketuanan Melayu itu sendiri adakalanya mengelirukan dan tidak begitu tepat seperti yang ditafsirkan oleh orang-orang Melayu. Ini kerana secara disedari atau tidak, persetujuan mereka menerima bukan Melayu sebagai warganegara dengan hak politik yang sama dengan mereka sebenarnya bercanggah dengan konsep ketuanan Melayu itu sendiri. Dengan menjadi warganegara, bukan Melayu juga mempunyai hak ke atas negara ini. Malah dari segi politik, mereka mempunyai undi yang sama, boleh menyertai pilihanraya, jika menang menjadi ahli parlimen, jika berada di pihak kerajaan menjadi menteri. Malah jika mereka boleh menguasai parlimen, mereka boleh membentuk kerajaan dan menjadi perdana menteri kerana perlembagaan negara tidak menetapkan bahawa hanya orang-orang Melayu sahaja yang layak menjadi perdana menteri.

Parti-parti pembangkang seperti DAP memang lama sedar hakikat itu. Nampaknya yang menghalang mereka menuju cita-cita itu ialah kewujudan hak-hak istimewa orang Melayu. Lantaran itu, tidak seperti parti bukan Melayu dalam Perikatan pada mulanya dan sejak tahun 1974 Barisan Nasional, DAP telah meneruskan perjuangan Lee Kuan Yew yang didasarkan kepada konsep Malaysian Malaysia yang bertekad untuk menghapuskan sebarang layanan istimewa yang diberikan kepada mana-mana bangsa di negara ini. Ini bermakna, parti itu terikat pada perjuangan menentang kehadiran hak istimewa orang Melayu yang telah menyebabkan ia gagal mendapat sokongan dari bangsa Melayu. Lantaran itu, walaupun DAP dibentuk sebagai sebuah parti pelbagai kaum, sokongan hanya diperolehi dari orang-orang Cina kerana dari segi perjuangan, orang Melayu merasakan mereka tidak

mendapat manfaat dari perjuangan DAP. Dalam politik Malaysia, DAP-lah yang secara konsisten telah memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina dengan cara yang berbeza dengan MCA yang berada dalam kerajaan.

Tetapi sepanjang tahun 1986 dan 1987, MCA juga namanya terpengaruh dengan cara DAP berjuang dengan menunjukkan keberanian mempersoal pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang ia anuti jika didapati bahawa orang-orang Cina tidak berpuas hati. Pola-pola perjuangan ini jelas kelihatan selepas parti itu berjaya mengatasi krisis pimpinan ekoran perletakan jawatan Datuk Lee San Choon sebagai presiden parti kira-kira setahun selepas Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan negara dan parti. Perletakan jawatan Datuk Lee telah membolehkan timbalannya, Datuk Neo Yee Pan mengangku jawatan itu. Tetapi belum sempat beliau disahkan sebagai presiden MCA, telah berlaku perebutan kuasa antara puak Datuk Neo di satu pihak dengan puak Tan Koon Swan, yang ialah seorang naib presiden waktu itu, di pihak yang lain. Krisis pimpinan itu berpunca dari dakwaan adanya ahli-ahli dalam parti yang dikatakan menguntungkan Datuk Neo. Datuk Neo enggan menyasat perkara itu tetapi sebaliknya menyingkirkan Tan Koon Swan serta para penyokong dari MCA. Tindakan itu telah memburukkan lagi krisis pimpinan sehingga pemimpin UMNO terpaksa campur tangan dengan Datuk Ghafar Baba sebagai orang tengah. Malah pada satu ketika, UMNO mengesyorkan MCA supaya meninggalkan kerajaan sebentar untuk menyelesaikan krisis itu, tetapi cadangan itu telah disalah faham oleh setengah-setengah pemimpin MCA sebagai usaha UMNO untuk melemahkan kedudukan parti itu. Apabila Datuk Neo gagal menyelesaikan masalah, Dr. Mahathir telah memecat beliau dari kabinet.

Krisis itu bagaimanapun selesai pada 24 November 1985 apabila dalam perhimpunan agung yang diadakan, puak Tan Koon Swan mengambil alih pimpinan MCA. Pemilihan beliau sebagai presiden telah mengembalikan kekuatan MCA yang mewakili kepentingan Cina dalam kerajaan. Tetapi belum sempat beliau menunjukkan taringnya sebagai seorang pe-

mimpin Cina, beliau terlibat dalam satu kes jenayah di Singapura yang telah menyebabkan beliau merengkuh dalam penjara dan kehilangan jawatan presiden parti. Ketiadaan beliau bagaimanapun tidak membuat MCA memasuki krisis baru. Sebaliknya, jawatankuasa pusat parti mengesahkan Datuk Ling Liong Sik, timbalan presiden dilantik sebagai presiden manakala Lee Kim Sai salah seorang naib presiden, sebagai timbalan presiden. Perlantikan-perlantikan ini dibuat sejajar dengan peruntukan baru perlembagaan yang membolehkan jawatankuasa pusat melantik presiden dan timbalan presiden tanpa menunggu perhimpunan agung.

Pemilihan Datuk Ling Liong Sik dan Lee Kim Sai sebagai pemimpin utama MCA pula berlaku serentak dengan apa yang kelihatan sebagai perpecahan dalam UMNO. Keadaan ini tidak syak lagi telah membantu MCA untuk bertindak lebih lantang lagi dalam menuntut kepentingan Cina kerana mereka tahu bahawa pimpinan Melayu berada di tahap yang paling lemah, walaupun secara terbuka mereka tidak menganggap keadaan dalam UMNO itu begitu. Ini dinyatakan oleh Ketua Pemuda MCA, Datuk Yap Pian Hon, dalam satu temuramah dengan saya sebelum beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Namun begitu, pemerhati politik melihat bahawa tindak-tanduk para pemimpin MCA, terutama timbalannya, iaitu Lee Kim Sai sebagai tidak selaras dengan pendirian yang dinyatakan oleh Datuk Yap Pian Hon. Malah di kalangan pemimpin MCA, dua orang tokoh inilah yang lantang kenyataan mereka mempertikai dasar-dasar kerajaan seolah-olah mereka bukan anggota parti kerajaan yang memerintah.

Kelantangan MCA

Kelantangan MCA di bawah pimpinan Datuk Dr. Ling Liong Sik dan Lee Kim Sai memperjuangkan kepentingan kaum Cina yang mereka wakili dalam politik Malaysia memang tidak dapat disembunyikan lagi. Malah sejak mengambil alih pimpinan parti itu dari Tan Koon Swan yang terpaksa mele-

askan jawatan presiden kerana beliau menjalani hukuman penjara di Singapura setelah didapati bersalah kerana bersusahat pecah amanah dalam skandal kewangan syarikat Pan Electric, mereka berusaha untuk menonjolkan MCA sebagai parti yang akan menjuarai kepentingan orang-orang Cina, bukan lagi DAP seperti sebelum ini. Hasrat ini jelas terbayang dalam ucapan sulung Datuk Ling di perhimpunan agung MCA September 1986 apabila beliau menyatakan bahawa MCA tidak akan membiarkan hakisan terhadap kedudukan orang-orang Cina di negara ini berlanjutan.

Tidak lama selepas kenyataan itu dibuat, MCA membuktikan bahawa apa yang dimaksudkan itu bukan main-main. Dalam bulan November 1986 konvensyen MCA Selangor telah membuat satu ketetapan yang memperlihatkan keganjangan dengan mencabar kedudukan orang-orang Melayu sebagai penduduk asal negara yang satu waktu dulu dikenali sebagai Tanah Melayu. Ketetapan konvensyen yang dipengesahkan oleh Lee Kim Sai itu mengisytiharkan pada 2 November bahawa semua bangsa utama yang ada di Malaysia, iaitu Melayu, India dan Cina adalah terdiri daripada orang-orang pendatang. Lantaran itu, menurut implikasi konvensyen itu, orang-orang Melayu tidak boleh dianggap sebagai tuan di negara ini. Ketetapan ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan orang-orang Melayu, terutama di kalangan pemuda UMNO yang telah menuntut Lee Kim Sai supaya meminta maaf secara terbuka kerana telah menghina orang Melayu. Lee Kim Sai tidak berbuat demikian. Hanya satu ketetapan yang dikeluarkan oleh kabinet dua minggu kemudian yang telah menamatkan kontroversi itu yang antara lain menegaskan status orang Melayu dan kaum peribumi yang lain sebagai penduduk asal Malaysia. Selain itu, kenyataan kabinet juga menegaskan bahawa penduduk imigran Cina dan India yang sudah diterima sebagai warganegara Malaysia tidak boleh dianggap sebagai pendatang asing atau pendatang haram dan mereka berhak mendapat layanan yang sama seperti warganegara yang lain. Dari segi ini, kejayaan MCA ialah mendapatkan satu jaminan hitam putih tentang kedudukan mereka

sebagai rakyat yang tidak boleh dianggap sebagai pendatang, apalagi sebagai pendatang haram.

Ini kerana ada di kalangan masyarakat Melayu terdapat kecenderungan untuk menganggap orang-orang Cina sebagai orang asing seperti yang terbayang dalam perbahasan yang timbul ekoran ucapan kontroversial ahli parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad di Singapura dalam bulan Ogos mengenai ketuanan Melayu di Malaysia. Ucapan itu telah menimbulkan bantahan dari orang-orang Cina, termasuk MCA sendiri yang telah membuat aduan kepada polis kerana menganggap ucapan Datuk Abdullah itu melanggar akta hasutan. Malah ketetapan konvensyen MCA Selangor itu adalah reaksi lanjut dari ucapan Datuk Abdullah kerana kerajaan telah tidak menyatakan pendiriannya mengenai perkara itu.

MCA tidak dapat memberi reaksi yang lantang lebih awal lagi kerana parti itu menghadapi krisis pimpinan ekoran dakuwaan yang dikenakan terhadap presidennya ketika itu dalam kes jenayah di Singapura.

Walaupun ada sangkaan bahawa kelantangan MCA memperjuangkan kepentingan Cina akan berakhir dengan soal peribumi dan bukan peribumi, tetapi terbukti sangkaan itu tidak tepat. Menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti pada Julai 1987, parti itu sekali lagi memperlihatkan kegarangannya. Kali ini perkara yang diperjuangkan ialah nasib yang menimpa 558 000 orang penyimpan wang dalam Koperasi Penerima Deposit (KPD) kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Cina. MCA tahu bahawa apa yang berlaku dengan KPD itu berpunca dari penyelewengan yang dilakukan oleh para pengurus koperasi berkenaan yang ada di antara mereka terdiri daripada tokoh-tokoh MCA sendiri. Mereka telah menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pengarah atau pengurus untuk menyeleweng wang yang tersimpan untuk kepentingan mereka. Akibatnya, KPD ketiadaan wang dan ada di antara mereka yang bankrap. Kerajaan sebenarnya tidak boleh membantu para penyimpan itu kerana mereka menyimpan wang mereka dalam institusi kewangan yang tidak dijamin oleh kerajaan. MCA tahu hakikat ini. Tetapi ia tidak

mengendahnya. Sebaliknya mereka membuat desakan dengan ugutan sekiranya kerajaan enggan menolong, MCA keluar dari Barisan Nasional. Batas waktu sehingga Mei 1990 telah diberikan untuk kerajaan berbuat demikian.

Perjuangan MCA dalam hal ini sekali lagi mencapai kejayaan. Walaupun permintaannya supaya kerajaan menjamin bahawa para penyimpan KPD itu mendapat semula setiap gigit simpanan mereka menjelang 1990 tidak dipenuhi ratus-peratus, tetapi kerajaan yang pada mula bertegas tidak bertanggungjawab untuk membantu, akhirnya mengalah. Beberapa hari sebelum berlangsung pemilihan jawatan dalam MCA kabinet mengumumkan formula yang dirangka oleh Bank Negara, untuk memastikan para penyimpan mendapat semula simpanan mereka dalam dua bentuk, iaitu 50 peratus tunai dan 50 peratus lagi dalam bentuk ekuiti atau saham. Peretujuan inilah yang tidak syak lagi membolehkan Datuk Ong Liong Sik mempertahankan jawatan presiden dengan majoriti yang besar kerana di bawah pimpinannya orang-orang Cina kini melihat bahawa parti itu berjaya mempertahankan kedudukan bangsa mereka. Sesuatu yang tidak boleh dilakukan oleh kerajaan dalam keadaan biasa telah berjaya diperolehi melalui tekanan dan ugutan.

Kegarangan perjuangan MCA nampaknya tidak habis di situ sahaja. Berkait dengan pembahagian kekayaan negara, iaitu dasar terbuka sudah menyatakan tentangan terhadap cadangan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas dasar itu tamat pada tahun 1990. Alasannya: walaupun dasar itu, bertujuan baik tetapi menguntungkan satu pihak sahaja, iaitu orang Melayu. Malah syor Encik Hafar Baba supaya kekayaan negara ini dibahagi sama rata, iaitu 50-50 antara Melayu dan bukan Melayu, telah ditolak mentah-mentah oleh MCA sebagai tidak adil.

MCA seolah-olah tidak mahu mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan dalam tahun-tahun 1970 itu masih belum lagi memenuhi matlamatnya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Malah matlamat dasar itu untuk membolehkan bumiputera menguasai

30 peratus pelbagai kegiatan ekonomi masih jauh lagi. Tetapi hakikat ini tidak diambil kira oleh MCA dan lantas mengesyorkan supaya Dasar Ekonomi Baru dihentikan pelaksanaannya seolah-olah orang-orang Cina tidak langsung mendapat manfaat darinya.

Kegarangan MCA mempersoalkan dasar kerajaan tidak tamat dengan persoalan DEB sahaja. Selepas itu, timbul pula isu bahasa Cina atau ketiadaannya di satu pesta makanan anjuran kerajaan Johor pada pertengahan tahun 1987. Ketiadaan bahasa Cina itu telah dijadikan satu isu seolah-olah ia akan menentukan hidup atau mati bangsa Cina di negara ini. Soal larangan membesar-besarkan tulisan Cina dalam papan iklan juga ditimbulkan; begitu juga halnya dengan pemakaian songkok dan tudung dalam upacara konvokesyen di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun. Tetapi pada tahun 1987, perkara yang tidak mendapat bantahan dari graduan bukan Melayu UTM sendiri telah dijadikan satu isu perkauman sedangkan MCA tahu bahawa pemakaian songkok dan tudung sudah diterima oleh siswazah universiti itu sebagai pakaian rasmi konvokesyen sejak beberapa ketika. Ini sama halnya seperti para menteri, timbalan menteri bukan Melayu yang diwajibkan untuk memakai pakaian seragam mereka lengkap dengan songkok di upacara-upacara rasmi atau sewaktu mengangkat sumpah. Soal ikrar/doa di sekolah-sekolah juga dibantah kerana dikatakan terdapat unsur-unsur Islam sedangkan MCA sebagai parti komponen Barisan Nasional menerima dasar penerapan nilai-nilai Islam kerajaan dalam pentadbiran.

Bagaimanapun dua isu yang nampaknya menjerat MCA sehingga memaksa kerajaan yang liberal menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ialah soal penukaran bahasa pengantar kursus-kursus elektif di Jabatan Pengajian Tamil dan Cina, Universiti Malaya dari bahasa-bahasa Tamil dan Mandarin ke bahasa Malaysia. Perubahan ini adalah sejajar dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang memastikan bahawa sekolah-sekolah menengah ke atas menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Proses ini telah

dimulakan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1969 apabila semua sekolah jenis kebangsaan dalam bahasa Inggeris, Cina dan Tamil telah ditukarkan menjadi sekolah yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Ini termasuklah institusi pengajian tinggi yang tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Universiti dan Universiti Kolej yang ada. Bagaimanapun, sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bahasa Cina dan Tamil dikecualikan. Peruntukan 21(2) Akta Pelajaran 1961 memberi kuasa kepada menteri pendidikan untuk menukar sekolah-sekolah itu menjadi sekolah kebangsaan jika dirasakan perlu. MCA, sejak pilihanraya 1986 berusaha untuk memujuk kerajaan meminda peruntukan itu untuk membatalkan kuasa menteri berbuat demikian. Parti itu mahu menteri dibolehkan menukar sekolah-sekolah itu hanya jika mendapat izin dari ibu bapa dan guru-guru. Kerajaan melalui perdana menteri dan menteri pendidikan sudah berjanji untuk mengkaji perkara itu. Komitmen kerajaan terhadap sekolah rendah Cina dan Tamil tidak berubah seperti yang ditegaskan oleh timbalan perdana menteri Encik Ghafar dalam satu ucapan di Melaka pada Oktober 1987.

Walaupun reaksi kepada kursus elektif di Universiti Malaya yang diperjuangkan juga oleh MCA dan DAP tidak menimbulkan kemarahan besar bangsa Melayu, tetapi soal kenaikan pangkat guru-guru Cina yang tidak terdidik dalam bahasa Melayu menjadi guru besar dan guru penolong kanan telah hampir-hampir membawa Malaysia ke kancah satu lagi perpecahan kaum. Soal kenaikan pangkat itu adalah perkara biasa di Kementerian Pendidikan yang diperakukan oleh sebuah badan bebas di kementerian itu yang dimulakan pada tahun 1987. Tetapi tindakan badan bebas itu menaikkan pangkat guru-guru Cina yang berpengalaman antara 10 hingga 15 tahun di sekolah-sekolah Cina sendiri telah mendapat bantahan besar dari MCA sendiri. Orang Melayu sendiri tidak paham mengapa MCA berkelakuan demikian kerana guru-guru yang terlibat adalah dari bangsa mereka dan bukannya orang Cina. Tetapi MCA menyatakan bantahan secara terbuka mulai akhir September 1987 kerana mereka mahukan jawatan

guru besar dan guru penolong kanan di sekolah rendah Cina diberikan kepada mereka yang terdidik dalam bahasa Mandarin sahaja.

Pertemuan dengan menteri pendidikan gagal meyakinkan MCA supaya menerima keputusan itu. Tekanan MCA itu tidak dilayan oleh Anwar Ibrahim yang secara terbuka menyatakan beliau tidak akan menarik balik keputusan yang telah dibuat dan tidak akan tunduk kepada ugutan dari mana-mana pihak. Dalam pendirian ini, Anwar Ibrahim mendapat sokongan dari pelbagai lapisan Melayu sehingga beliau tersepit. Sekiranya beliau mengikut kehendak MCA kewibawaannya sebagai pemimpin yang tidak pernah dilihat berkompromi dengan mana-mana pihak akan tercemar.

Apa yang nampaknya memarahkan bangsa Melayu ialah dalam menghadapi soal kenaikan pangkat ini, dua parti Cina dalam Barisan Nasional, iaitu MCA dan Gerakan telah bergabung tenaga dengan musuh politiknya DAP. Dalam satu perhimpunan Cina yang dihadiri oleh ketiga-tiga buah parti politik serta pertubuhan Cina yang lain, di sebuah kuil di Kuala Lumpur, pada 11 Oktober 1987, mereka bersetuju dengan satu keputusan untuk menyeru para pelajar Cina memulaukan kelas jika perkara perlantikan guru besar dan penolong kanan itu tidak diselesaikan menjelang 14 Oktober. Ini bermakna MCA dan Gerakan sebagai anggota kerajaan, memberi tempoh dua hari kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu.

Ini adalah mustahil kerana pada waktu itu menteri pendidikan dan perdana menteri berada di luar negeri. Keputusan itu juga bermakna bahawa MCA dan Gerakan tidak lagi mahu menggunakan mekanisme Barisan Nasional dalam menyelesaikan tuntutan mereka berkait kepentingan masyarakat Cina. Sebaliknya ia merelakan dirinya bergabung dengan DAP yang telah mempromosikan para pemimpin Melayu (lihat laporan akhbar-akhbar mulai 13 Oktober dan hari-hari berikutnya). Kabinet dalam sidang pada 14 Oktober cuba meredakan keadaan dengan melantik sebuah jawatankuasa lima menteri yang dipengerusi oleh menteri pendidikan untuk menyelesaikan

an masalah itu. Seorang menteri MCA, Lee Kim Sai turut sama menyertai jawatankuasa itu. Tetapi keputusan itu sudah terlambat untuk merayu pelajar-pelajar Cina supaya jangan memulaukan kelas. Pemulauan berterusan dan ini barangkali kejayaan terbesar kerjasama MCA-Gerakan-DAP. Peristiwa ini juga bagi masyarakat Melayu memperlihatkan bahawa antara parti-parti Cina dalam dan di luar kerajaan, mereka sebenarnya mempunyai perjuangan yang sama, walaupun Gerakan dan MCA melakukannya dalam konteks Barisan Nasional. Bangsa Melayu sudah pasti tersinggung dan marah dengan perbuatan MCA itu. Desakan-desakan dibuat oleh orang-orang UMNO supaya perdana menteri memecat Lee Kim Sai dari kabinet. Pergerakan Pemuda UMNO telah mengadakan satu perhimpunan besar di Stadium Raja Muda di Kuala Lumpur dalam mana ucapan-ucapan berapi-api yang marah-marah bangsa Cina mencabar maruah dan ketuanan Melayu telah dikumandangkan oleh Datuk Najib, Datuk Muhammad Haji Muhammad Taib dan beberapa orang lain. Keputusan dibuat oleh perhimpunan yang dihadiri oleh 15 000 orang itu mendesak perdana menteri, Dr. Mahathir yang pada waktu itu sedang berada di Vancouver menghadiri sidang puncak ketua-ketua kerajaan Komanwel, supaya memecat Lee Kim Sai.

Tindakan Pemuda UMNO itu tidak syak lagi telah menaikkan suhu politik negara. Khobar-khobar angin bahawa satu pergaduhan kaum seperti 13 Mei mula tersebar. Kegiatan membeli makanan sebagai persiapan bermula. Malah ada laporan yang mengatakan bahawa orang-orang Melayu sudah mengasah parang sebagai persiapan bagi apa juga kemungkinan. Keadaan semakin tegang apabila pada malam 18 Oktober seorang perajurit yang telah lari dari kemnya di Ipoh telah mengamuk di Kuala Lumpur. Cubaan beliau membakar sebuah stesen minyak Shell di Jalan Raja Alang, Kuala Lumpur yang memisahkan Kampung Baru dan Jalan Chow Kit tidak berjaya. Tetapi tembakan yang dilepaskan oleh Adam Ja'afar telah menyebabkan seorang maut dan tiga yang lain cedera. Keadaan menjadi kelam-kabut apabila Adam lari ke Kampung Baru satu kawasan sensitif dari segi perkauman kerana di

sanalah pada tahun 1969 tragedi berdarah 13 Mei bermula. Seluruh hari Isnin 19 Oktober keadaan agak tegang, tetapi rakyat Malaysia yang sudah matang lebih percaya kepada kenyataan polis yang mengatakan bahawa perbuatan Adam tidak ada kena-mengena dengan pergaduhan kaum, tetapi jenayah biasa.

Tetapi apabila polis mengepung kawasan Chow Kit ada di antara mereka menjadi cemas, walaupun kebanyakan mereka bekerja seperti biasa. Hanya selepas Adam tertangkap pada petang 19 Oktober baru keadaan lega sedikit. Tetapi rasa resah yang ditimbulkan oleh perhimpunan MCA dan pemuda UMNO masih ada. Dr. Mahathir, sekembalinya dari Kanada, memberi amaran kepada semua pihak, orang-orang politik khususnya, supaya menghentikan kenyataan-kenyataan yang provokatif. Tetapi hakikat ini pula tidak menghalang Sultan Selangor dengan keputusannya untuk melucutkan gelaran (Datuk) Lee Kim Sai pada 23 Oktober kerana menurut baginda, Lee Kim Sai telah dengan sengaja menimbulkan isu-isu yang menyinggung perasaan orang Melayu dan raja. Baginda telah memberi amaran kepadanya supaya jangan berbuat demikian selepas beliau mempersoalkan status orang Melayu sebagai penduduk peribumi Malaysia pada tahun 1986—satu amaran yang jelas telah tidak diendahkan oleh Lee Kim Sai.

Walaupun beberapa tindakan diambil, tetapi keadaan politik tetap tegang dan UMNO pula akan mengadakan satu perhimpunan perpaduan umat Melayu pada 1 November 1987 di Stadium Merdeka. Lima ratus ribu ahli UMNO serta penyokongnya dijadualkan hadir dalam pertemuan yang diadakan sempena memperingati kelahiran UMNO ke-41, yang telah dirancang sejak beberapa ketika. Presiden parti, Dr. Mahathir akan menyampaikan amanat penting. Bila perhimpunan itu dirancang, soal kenaikan pangkat guru-guru Cina belum bertukar menjadi isu perkauman; pemuda UMNO juga tidak ada cadangan mengadakan perhimpunan. Tetapi dua peristiwa itu nampaknya telah memberi makna baru kepada perhimpunan 1 November kerana perhimpunan sebegitu ramai

anusia boleh menimbulkan masalah keselamatan dan mene-
ngkan lagi keadaan. Atas nasihat polis, Dr. Mahathir atas
fatnya sebagai menteri dalam negeri telah membatalkan per-
mpunan 1 November itu. Serentak dengan itu, beliau juga
ngumumkan penahanan pada mulanya 55 orang, kemu-
an menjadi 63 dan selepas itu angka tersebut melebihi 100
ang, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau
emberitahu sidang parlimen yang penuh sesak pada 28 Ok-
ber, tindakan menahan dan membatalkan perhimpunan
olitik itu diambil kerana kerajaan perlu bertindak cepat bagi
encegah rusuhan dari berlaku untuk menyelamatkan negara
ripada bahaya dan bencana yang mungkin dihadapi ekoran
berapa pergolakan yang tegang.

Tindakan itu, walaupun diakui tidak selari dengan dasar
eral Dr. Mahathir, terpaksa diambil kerana kerajaan mem-
nyai kewajiban untuk menjamin kestabilan dan ketente-
man negara. Dalam ucapan itu, Dr. Mahathir telah meny-
nkan kedua-dua parti pembangkang dan kerajaan kerana
lah menimbulkan ketegangan kaum kerana telah menjadi
berbagai-bagai isu sebagai asas ujian tentang siapa lebih
at perkauman. Antara isu-isu yang telah disenaraikan oleh
r. Mahathir itu termasuklah soal tarian singa, soal koperasi,
al papan tanda dan iklan; soal bahasa Cina, soal Bukit Cina,
al pakaian, soal ikrar murid sekolah, soal mata pelajaran
ektif di Universiti Malaya, KBSR, soal peribumi/bumiputera
n soal guru sekolah Cina. Menurut Dr. Mahathir, dalam
apan-ucapan yang dibuat sewaktu membincangkan isu ini,
nyak kata kesat yang boleh ditakrif sebagai hasutan disuara-
n dengan lantang. Menurut Dr. Mahathir kebanyakan isu-
t yang disentuh itu adalah menjadi asas kepada kemerdeka-
dan perlembagaan negara berkait dengan kedudukan hak
imewa orang Melayu, kedudukan Islam dan bahasa Malay-
serta hak kerakyatan bagi bukan Melayu yang layak dan
lah memilih negara ini sebagai negara mereka. Tegas Dr.
hathir bahawa perkara-perkara ini tidak boleh disoal.
ka ada mana-mana pihak menyoal hak sesuatu kaum, maka
um itu akan menyoal balik hak kaum yang mencabarnya.

Maka akan meningkatlah soal-meny soal, caci-mencaci dan cabar-mencabar. Dengan itu, keadaan menjadi keruh dan tegang dan kestabilan negara akan terganggu.

Walaupun antara menteri-menteri MCA dan UMNO secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan kegiatan yang boleh menghuru-harakan negara ini, tetapi tidak ada seorang pun antara mereka yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Lee Kim Sai, pemimpin MCA yang paling lantang, sehari sebelum tangkapan dibuat telah diberi cuti oleh presiden parti dan beliau berlepas ke Melbourne, Australia, pada malam itu juga. Penyokong kerajaan yang ditangkap, termasuk ketua Pemuda MCA, Datuk Yap Pian Hon, yang juga anggota EXCO kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan, timbalannya serta naib ketuanya. Di pihak UMNO pula, tiga orang Exco Pemuda, iaitu Haji Ibrahim Ali, Fahmi Ibrahim dan Tajuddin Abdul Rahman telah ditahan. Di pihak pembangkang pula, Lim Kit Siang serta beberapa orang ahli parlimen DAP yang lantang telah ditahan. Tahanan itu juga mengheret sama para pemimpin pertubuhan sosial dan *pressure group* yang lain. Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar yang mencadangkan supaya perlembagaan negara dikaji semula sempena ulang tahun ke-30 kemerdekaan, turut ditahan. Yang lain-lain termasuk aktivis dari CAP, Insan, Pertubuhan Perlindungan Alam Sekitar dan sebagainya. Sehingga 6 November, polis menyatakan 93 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Langkah menahan ini tidak syak lagi telah menimbulkan kelegaan bagi kebanyakan pihak dan keadaan kembali aman. Dengan itu juga, kerjasama antara elit-elit yang memerintah, yang pada satu ketika hampir roboh, telah berjaya dipertahankan. Ketuanan Melayu yang telah diselamatkan dari masa depan yang gelap oleh Tun Razak selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 dulu, kini telah ditegaskan semula oleh Dr. Mahathir seperti yang jelas terkandung dalam ucapan beliau di parlimen itu sewaktu beliau mengingatkan semula semua pihak tentang perkara-perkara bersama yang telah dipersetujui dan termaktub dalam perlembagaan negara. Dengan kata

in, dalam menghadapi tahun-tahun 1980-an dan cabaran-cabaran yang diajukannya, Dr. Mahathir tidak berganjak dari menggunakan *instrument* dan institusi yang diwujudkan pada tahun 1950-an sebagai rangka penyelesaian. Ini kerana 30 tahun selepas merdeka, Malaysia kini dihuni oleh satu generasi yang mungkin tidak mempunyai *emotional attachment* kepada semangat merdeka 1957 yang telah mendorong setengah-setengah pihak terutama ahli akademik untuk menyatakan bahawa institusi tahun 1950-an sebenarnya sudah lapuk dan tidak mampu untuk menghadapi masalah semasa sekarang ini.

Latar belakang ini telah mendorong pihak-pihak tertentu mencadangkan supaya pendekatan baru dicari bagi menghadapi cabaran yang dihadapi oleh negara. Tidak syak lagi, keadaan inilah yang telah mendorong beberapa pihak termasuk penganalisis, mengesyorkan supaya perlembagaan dikaji semula. Keadaan ini jugalah yang tidak syak lagi mencetuskan usaha untuk menolak ketuanan Melayu kerana konsep itu hanya sesuai di tahun-tahun awal kemerdekaan. Sekarang ini, kata mereka, konsep ketuanan Melayu sudah tidak lagi sesuai kerana orang-orang Melayu itu sendirilah yang telah menjadikan negara ini sebuah negara-bangsa pelbagai kaum dengan memberi bukan Melayu kewarganegaraan yang akan menubar ketuanan Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO.

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan inilah yang telah membuat MCA semakin berani mempersoalkan kebanyakan dasar kerajaan, walaupun dasar-dasar itu dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin mereka sebelum ini. Yang jelas, selain dari apa yang dilihat sebagai perpecahan dalam UMNO, dua faktor lain boleh dikemukakan untuk menjelaskan mengapa MCA di bawah pimpinan Datuk Dr. Ling Liong Sik mengambil pendekatan yang berbeza dalam membela kepentingan masyarakat Cina yang beliau wakili dalam kerajaan.

Pertama, kerana berlakunya perubahan pimpinan dalam MCA yang kini dikuasai oleh tokoh-tokoh yang tidak ada kaitan dengan pemimpin parti yang telah bersama-sama UMNO memperjuangkan kemerdekaan berasaskan kedudukan politik yang tidak sama rata. Kedua, kerana adanya saingan mencari

pengaruh dari DAP sebagai wakil Cina yang telah digunakan dengan bijaknya oleh para pemimpin MCA untuk memujuk para pemimpin UMNO supaya memberi konsesi dalam tuntutan yang dikemukakan.

Ada baiknya kedua-dua faktor ini ditinjau secara terperinci untuk membolehkan kita memahami apa yang dimaksudkan.

PERALIHAN PIMPINAN

Jelas bahawa pimpinan MCA 1980-an terdiri daripada tokoh-tokoh baru yang tiada kaitan dengan pemimpin MCA lebih awal yang terlibat dalam menuntut kemerdekaan. Lantaran itu, mereka melihat hubungan MCA dengan UMNO bukan berdasarkan semangat kompromi di mana hegemoni politik orang Melayu diakui oleh MCA sebagai balasan bagi persetujuan Melayu memberi taraf kewarganegaraan kepada keturunan imigran Cina dan India. Persetujuan inilah yang telah membolehkan negara ini merdeka dengan orang Melayu terus menguasai politik dan bukan Melayu diterima sebagai warganegara. Persetujuan ini jugalah yang kerap menghantui pemimpin-pemimpin awal MCA supaya jangan terlalu lantang atau garang dalam perjuangan membela masyarakat mereka. Mereka menerima bahawa perjuangan mereka hendaklah dibuat dalam bentuk kompromi yang mereka berikan tanpa mempersoalkan terlalu banyak akan keistimewaan orang Melayu, soal bahasa, kebudayaan dan sebagainya kerana mereka tidak disekat dalam kegiatan ekonomi mereka. Kerana adanya rasa malu alah ini para pemimpin MCA yang lebih sederhana sikap mereka berjaya membendung kelahiran pemimpin yang radikal daripada menguasai pimpinan parti itu.

Sebelum ini beberapa kali ada usaha puak yang tidak begitu prokompromi merdeka cuba menguasai parti, tetapi berjaya dipatahkan oleh puak yang prokompromi. Misalnya, kemenangan Dr. Lim Chong Eu dalam pemilihan presiden MCA pada tahun 1958 dengan mengalahkan Tan Cheng Lock telah menimbulkan krisis dalam MCA. Ini kerana Dr. Lim mewakili kumpulan yang mahukan pendidikan Cina dijamin oleh kerajaan, sedangkan di bawah dasar pelajaran kebangsaan ini tidak

oleh dilakukan. Akibatnya tercetus konfrontasi dengan Tunku Abdul Rahman. Tetapi krisis itu tidak berpanjangan kerana puak pro-Tunku Abdul Rahman diketuai oleh Tun Siew Sin berjaya mengambil alih pimpinan MCA dan kembali kepada perjuangan yang menerima ketuanan Melayu sebagai pemimpin politik negara ini. Tetapi dengan berunduranya Tun Tan dari MCA pada April 1974, MCA secara beransur-ansur berpindah tangan kepada generasi baru. Di bawah Datuk Lee San Choon rasa hormat terhadap pimpinan UMNO masih ada lagi kerana beliau telah diasuh oleh Tun Tan supaya berlagak dalam konteks kompromi merdeka itu. Tetapi selepas ketiadaan Datuk Lee San Choon parti itu dipimpin oleh tokoh-tokoh yang tidak memahami persetujuan merdeka dari segi semangat dan tersirat atau kalau faham pun mereka buat tak faham. Itulah sebabnya dalam ucapan Datuk Ling di perhimpunan MCA Julai 1987, yang beliau tekankan ialah persembaan setiap warganegara tidak kira Melayu atau bukan Melayu seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 8 perlembagaan negara yang menjamin bahawa 'semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang'. Perkara 8 itu juga menyatakan 'kecuali dibenarkan dengan nyatanya oleh perlembagaan ini, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan, atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh atau menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan'.

Juga kerap ditekankan oleh Dr. Ling ialah Artikel 11 dan 152 perlembagaan negara berkait dengan kebebasan agama dan bahasa. Artikel 11 menjamin setiap orang berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya, serta mengembangkannya tertakluk kepada Fasal 4, manakala Artikel 152 pula selain daripada menjamin kedudukan bahasa kebangsaan se-

bagai bahasa rasmi juga tidak melarang penggunaan, baik tujuan mengajar atau belajar, bahasa-bahasa lain untuk tujuan tidak rasmi.

Jelas bahawa di bawah Dr. Ling dan Lee Kim Sai, MCA tidak lagi mahu mengasaskan hubungan parti itu dengan UMNO berasaskan semangat kompromi merdeka yang menekankan hegemoni politik Melayu di mana orang-orang Cina patut mengenang budi pada orang-orang Melayu yang telah bersetuju menerima mereka sebagai warganegara. Yang mereka tekankan ialah persamaan dan kebebasan beragama dan mengembangkan bahasa Cina seperti yang dijamin oleh perlembagaan. Lantaran adanya perubahan dari segi ini, maka MCA kini menjadi lebih lantang dan garang dalam perjuangan mereka kerana mengetahui apa yang dilakukan tidak bercanggah dengan perlembagaan negara yang menjadi asas pemerintahan negara ini. Sikap ini tentu berbeza dengan pendirian para pemimpin awal MCA yang merasa malu alah dengan pemimpin Melayu menyebabkan mereka tidak kritikal atau berani membuat tuntutan secara ugutan.

SAINGAN CARI PENGARUH

MCA ditubuhkan sebagai sebuah politik khusus untuk mewakili kepentingan orang-orang Cina di Malaysia. Tetapi ia bukanlah sebuah parti khusus untuk berbuat demikian. Sejak mula lagi MCA terpaksa bersaing dengan parti-parti Cina yang lain untuk mencari pengaruh dan sokongan. Tidak seperti parti-parti lain, MCA menghadapi dilema untuk melakukan tugas ini kerana ia merupakan salah satu pihak yang menyetujui kompromi merdeka. Ini bermakna MCA tidak boleh berjuang untuk membela kepentingan Cina seratus-peratus seperti yang boleh dilakukan oleh saingan-saingannya seperti Parti Komunis Malaya (PKM) pada mulanya, Parti Buruh, dan kemudiannya Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Gerakan Rakyat Malaysia. Parti-parti itu boleh berjuang tanpa mengambilkira kepentingan Melayu kerana mereka tidak terikat dengan sebarang kompromi yang membuat mereka mengalah dalam soal bahasa, budaya, pendidikan dan sebagainya. MCA

tidak boleh berbuat demikian kerana komitmennya untuk menegakkan sebuah negara berasaskan cara Perikatan dan kemudiam Barisan Nasional.

Di sinilah dilema MCA. Di satu pihak ia terpaksa mendapat sokongan dari orang-orang Cina sekiranya ingin menjadi wakil yang berwibawa bagi masyarakatnya; di pihak satu lagi ia perlu mendapat kepercayaan dari para pemimpin Melayu UMNO yang tidak memberi gambaran bahawa parti itu bukan sebahagian organisasi politik yang terlalu *chauvinistic* kecinaannya dalam perjuangannya.

Di peringkat awal, MCA tidak menghadapi masalah untuk melakukan tugas ini. Ini kerana bila ditubuhkan dalam bulan Februari 1949, ia sebenarnya hanya bersaing dengan PKM yang telah diharamkan oleh pihak British. Malah penubuhannya bertujuan untuk mematahkan keghairahan orang-orang Cina ketika itu untuk menyertai PKM yang berjuang bagi menegakkan sebuah kerajaan komunis secara bersenjata yang mendapat sokongan semangat dan kebendaan dari kejayaan komunis di China.

MCA tidak berjuang ke arah orientasi yang berkiblatkan kepada orang Cina. Sebaliknya ia adalah untuk orang-orang Cina yang merasakan bahawa masa depan mereka adalah di Tanah Melayu bersama-sama orang-orang Melayu. Dengan kata lain, ia menolak perjuangan revolusioner PKM yang mendapat sokongan besar masyarakat Cina waktu itu. Lantaran itu, pimpinan parti itu di peringkat awal dikuasai oleh tokoh-tokoh Cina sederhana yang bukan sahaja antikomunis, tetapi berorientasikan Barat, mempunyai kepentingan perniagaan serta kaitan dengan orang-orang Cina yang ada kaitan dengan pihak British melalui berbagai badan perundingan yang ditubuhkan oleh penjajah. Malangnya, satu kajian menunjukkan bahawa jawatankuasa pertama MCA yang pertama dianggotai oleh kesemua 16 orang wakil masyarakat Cina dalam Majlis Perundangan Kebangsaan. Tokoh-tokoh inilah yang selepas negara ini merdeka melancarkan kerjasama sederhana mereka dengan para pemimpin Melayu dalam UMNO untuk membentuk kerajaan. Kerana tidak ada saingan yang serius, MCA tiada masalah untuk mendapat

sokongan dari masyarakat Cina. Tetapi penyertaan Singapura ke dalam Malaysia pada tahun 1963 telah mengubah keadaan itu. Parti Tindakan Rakyat (PAP) telah menjadi saingan kepada pengaruh MCA. Slogan Malaysian Malaysia PAP yang menentang pemberian sebarang keistimewaan kepada rakyat negara ini nampaknya lebih menarik masyarakat Cina daripada perjuangan MCA yang mengakui hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Kemasukan Singapura telah memberi peluang kepada PAP untuk mengambil alih kedudukan MCA sebagai juara orang Cina sehingga menakutkan Tunku Abdul Rahman dan para pemimpin yang lain. Tidak syak lagi faktor inilah yang telah mendorong Tunku untuk memecat Singapura dari Malaysia pada tahun 1965.

Tetapi pemecatan Singapura, tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh MCA. Ini kerana PAP mungkin sudah tidak ada, tetapi sebagai gantinya terdapat pula DAP yang berjuang atas asas yang sama seperti PAP. Selain dari itu terdapat juga Gerakan yang juga mencabar status MCA sebagai wakil tunggal orang Cina. Apa yang ditakuti itu terbukti benar berlaku. Dalam pilihanraya 1969, MCA kehilangan pengaruh. Kerajaan Pulau Pinang yang dikuasai oleh MCA jatuh ke tangan Gerakan yang dipimpin oleh salah seorang bekas pemimpin MCA, iaitu Dr. Lim Chong Eu. Di peringkat parlimen pula, beberapa kerusi yang dipegang oleh parti itu, terutama di kawasan-kawasan kota, jatuh sama ada ke tangan DAP atau Gerakan. Kekalahan ini gagal ditebus oleh MCA dalam setiap kali pilihanraya sejak tahun 1969. Malah di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Seremban, Ipoh dan Pulau Pinang, orang-orang Cina memilih DAP. Misalnya, dalam pilihanraya 1986, DAP telah memenangi 24 kerusi semuanya di kawasan Cina; manakala MCA memenangi 17 kerusi dan hampir separuh di kawasan luar bandar di mana undi orang-orang Melayu telah membantu kemenangan calon dari parti itu. (Perbincangan lanjut lihat, *Politik Kompromi*, Chamil Wariya, 1987.)

Kegagalan MCA untuk memenangi pengaruh pengundi

ina inilah yang telah mendorong pimpinan parti yang ada untuk lebih lantang dan garang dalam perjuangan mereka. Mereka berhujah bahawa kegagalan parti itu berpunca dari tindak-tanduk MCA yang terlalu mengalah dalam membela kepentingan masyarakat Cina dari para pemimpin Melayu. Mereka berpendapat sekiranya parti itu ingin mengembalikan aruahnyanya, ia tiada pilihan kecuali berjuang dengan nada yang lebih berani dan terbuka mengenai hal-hal yang menjadi su dalam masyarakat Cina. Keadaan inilah yang telah membolehkan para pemimpin MCA bertemu dengan pimpinan Melayu menuntut dilaksanakan perkara-perkara yang tidak berani dilakukan oleh pemimpin MCA sebelum ini seperti yang jelas terkandung dalam memorandum parti itu kepada Mr. Mahathir Mohamad sebelum pilihanraya bulan Ogos 1986. Ia pula diikuti dengan tindakan berani oleh Lee Kim Sai mempersoalkan status peribumi orang-orang Melayu dalam bulan November 1986 dan pada tahun 1987 menggertak kerajaan yang MCA akan meninggalkan Barisan Nasional jika masalah 558 000 penyimpan KPD gagal dibayar setiap senapan mereka.

Logik di sebalik tindak-tanduk ini ialah untuk menonjolkan MCA sebagai sebuah parti politik yang benar-benar memperkatakan kepentingan masyarakat Cina, dan bukannya DAP. Para pemimpin Melayu UMNO yang nampak dilema MCA mencari sokongan itu terpaksa memenuhi apa yang diminta kalau tidak sepenuhnya dapat sedikit pun sudah memadai. Ini kerana para pemimpin UMNO juga tidak mahu melihat MCA, sebagai rakan setianya dalam Barisan Nasional terus-menerus mengalami kehilangan pengaruh di kalangan orang-orang Cina terhadap DAP. Lantaran itu, mereka terpaksa membuat apa yang boleh untuk melayan tuntutan MCA supaya ia tidak terus kalah kepada DAP dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang. Bagi UMNO, MCA diperlukan untuk memprojek imej berbagai-bagai kaum kerajaan Barisan Nasional, dan sebab itu kehadirannya terpaksa dipertahankan. Kerana tidak mahu yang menganggap bahawa MCA adalah untuk hiasan sahaja,

maka para pemimpin Melayu terpaksa dilihat memenuhi tuntutan-tuntutan MCA dengan harapan imejnya akan bertambah di kalangan bukan Melayu.

Dalam keadaan itu, tidak dapat tidak, kerana tidak mahu beralah kepada DAP, maka timbullah MCA sebagai sebuah parti yang lantang dan garang. Gambaran ini seolah-olah tepat apabila setiap kali ia menuntut sesuatu dengan cara yang bukan konvensional yang melibatkan ugutan atau gertakan, kerajaan yang ada membuat konsensi.

Apakah ini memberi gambaran bahawa kegarangan MCA ini berlaku kerana para pemimpin Melayu dalam UMNO gagal menjinakkan mereka? Tidak dapat tidak, ada pihak yang membuat kesimpulan demikian kerana di bawah Dr. Lim Chong Eu dan Tun Tan Siew Sin, MCA juga pernah melakukan tindakan yang sama di belakang tabir, tetapi telah berjaya diketepikan oleh Tunku Abdul Rahman.

Krisis pertama antara pimpinan MCA dengan UMNO mengenai soal-soal asas yang dipersetujui bersama dalam konsensus merdeka berlaku pada tahun 1959. Setahun sebelum itu, Dr. Lim Chong Eu yang mewakili golongan Cina dalam MCA yang inginkan kerajaan memainkan peranan dalam memajukan pendidikan Cina, telah mengambil alih kuasa dalam parti dengan mengalahkan presiden pertama MCA, Tan Cheng Lock. Beliau telah mendesak Tunku Abdul Rahman dalam sepucuk surat terbuka supaya memenuhi tuntutan itu. Tetapi Tunku menolaknya. Berlaku krisis antara dua parti itu kerana beliau tidak boleh bekerjasama. Tetapi dalam MCA waktu itu ada golongan yang pro-Tunku. Merekalah yang akhirnya berjaya mengambil alih pimpinan MCA.

Hal yang sama juga berlaku selepas pilihanraya 1969. Kerana kekalahan teruk yang dialami, Tun Tan Siew Sin membuat keputusan untuk menarik MCA dari kabinet—satu tindakan yang telah dibiarkan oleh para pemimpin Melayu yang akhirnya telah membolehkan UMNO mengambil alih kementerian-kementerian penting seperti kewangan dan perdagangan yang sejak merdeka berada dalam tangan MCA. UMNO, walaupun menganggap tindakan MCA itu sebagai

itu ugutan, telah merelakan pemergian MCA yang hanya bertindak keluar dari kabinet, bukan Perikatan pada keseluruhannya. Ini menjelaskan bahawa MCA juga tidak berani untuk mengambil tindakan yang keterlaluan kerana takutkan kehilangan pengaruh.

Tetapi persamaan zaman Tunku Abdul Rahman barangkali tidak boleh dibuat dengan zaman Dr. Mahathir. Ini kerana waktu itu, MCA dan UMNO masing-masing ada saingan dalam mencari pengaruh dan sokongan dari masyarakat yang ia wakili. UMNO terpaksa bersaing dengan PAS yang lebih nasionalistik perjuangannya berkait dengan kepentingan Melayu. Keadaan ini sudah pasti menakutkan MCA kerana sekiranya ia tidak memberi kerjasama kepada UMNO yang lebih moderat, maka orang-orang Melayu sudah pasti pergi ke PAS. Kerana itu, MCA tidak boleh menuntut dalam bentuk yang keterlaluan berkait dengan kepentingan Cina kerana merekaimbang dengan berbuat demikian orang-orang Melayu akan pergi kepada PAS. Jika itu berlaku, orang-orang Cina akan terugian kerana PAS waktu itu berkempen atas landasan untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negara untuk orang-orang Melayu sahaja.

Keadaan sekarang adalah berbeza. UMNO sejak pilihanraya 1974, tidak lagi menghadapi saingan yang serius dari PAS. Dalam pilihanraya 1986, PAS hanya mampu memenangi satu kerusi parlimen sahaja. Ini membuat setengah-setengah pihak berpendapat bahawa orang-orang Melayu sekarang ini tiada arti alternatif untuk mewakili kepentingan mereka kecuali UMNO.

Orang-orang Cina berbeza ceritanya. Selain daripada MCA, terdapat DAP dan Gerakan. Masing-masing terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk pengaruh dan kerusi parlimen dan negeri. MCA mendapati bahawa kedudukannya terancam kerana ikatan dengan Barisan Nasional yang mengakui hegemoni politik dan keistimewaan orang-orang Melayu. Malah kedudukannya sebagai wakil eksklusif Cina yang dinikmati sebelum tahun 1969 gagal ditebus. Setiap kali pilihanraya, ia menghadapi masalah untuk mempertahankan status itu. Di

masa lalu parti itu berusaha untuk mengembalikan maruah-nya melalui cara-cara yang tidak mengancam atau menggugat. Tun Tan Siew Sin selepas kalah teruk dalam tahun 1969 melancarkan gerakan perpaduan Cina, penubuhan pasukan petugas di Perak khusus untuk menebus kekalahan, serta mengadakan rundingan dengan DAP kemungkinan menyatukan kedua buah parti ke dalam satu pergerakan untuk mewakili kepentingan Cina. Usaha ini terbukti gagal. Malah usaha perpaduannya yang menggalakkan lebih ramai profesional ke dalam MCA menimbulkan masalah terhadap pimpinan beliau dengan munculnya golongan reformis dalam MCA yang dipimpin oleh pemimpin muda, Dr. Lim Kheng Yaik yang mencabar sikap terlalu berkompromi Tun Tan Siew Sin dalam hubungannya dengan para pemimpin Melayu. Akhirnya beliau terpaksa menyingkir golongan reformis ini dari MCA dan menyokong Datuk Lee San Choon sebagai presiden MCA apabila beliau bersara dari politik dalam tahun 1974.

Menyedari bahawa cara Tun Tan Siew Sin dan Datuk Lee San Choon tidak begitu berkesan untuk mengembalikan maruah MCA inilah tidak syak lagi telah mendorong parti itu di bawah pimpinan Datuk Ling Liong Sik dan Lee Kim Sai untuk lebih lantang dan garang dalam perjuangan mereka. Kegarangan mereka pula menonjol kerana pemimpin Melayu dalam UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir gagal menjinakkan MCA seperti yang berjaya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Barangkali pimpinan MCA itu sedar bahawa sekarang adalah masa untuk mengambil kesempatan untuk mengemukakan tuntutan dengan cara yang telah dilakukan kerana UMNO sendiri sedang menghadapi masalah dalaman setelah wujudnya dua kumpulan dalam parti itu, iaitu *team A* dan *team B*.

DILEMA PIMPINAN MAHATHIR

PABILA Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri pada tahun 1981, tiada siapa menyangka bahawa dalam waktu yang singkat pimpinan beliau akan berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan beliau dikelilingi oleh lebih banyak 'musuh' daripada kawan. Tetapi inilah yang berlaku kira-kira enam tahun selepas mengambil alih pimpinan negara dan UMNO. Pada tahun 1981, beliau menjadi presiden UMNO tanpa berunding dan pada tahun 1987 beliau telah ditentang hebat sehingga kehilangan separuh sokongan para perwakilan. Ini berlaku tidak sampai setahun selepas beliau memimpin UMNO mencapai kejayaan besar dalam pilihanraya 1986. Kemenangan beliau sebagai presiden UMNO yang sah tidak dipertikai. Persoalan yang menyusul ialah apakah dengan sokongan itu beliau boleh memerintah dengan berkesan.

Beberapa pertubuhan di dalam dan luar kerajaan merasakan keputusan itu telah menjadikan Dr. Mahathir pemimpin yang tidak efektif. Mereka merasakan Dr. Mahathir telah kehilangan semangat. Lantaran itu mereka memberanikan diri mengemukakan berbagai-bagai kritik terhadap dasar-dasar kerajaan, secara lisan atau melalui buku dan risalah yang diterbitkan sehingga menyentuh perkara-perkara asas yang telah dipersetujui bersama sewaktu merdeka. Golongan yang tidak

boleh ditegur dan disentuh juga mengambil kesempatan dengan mengemukakan berbagai-bagai cadangan yang menurut Dr. Mahathir telah melampau bidang tugas mereka yang seolah-olah ingin mencabar cabang eksekutif dan legislatif negara. Parti-parti komponen dalam Barisan Nasional juga turut sama mempertikaikan dasar-dasar dan keputusan kerajaan. Semua tindakan ini, walaupun pernah dibuat sebelum tahun 1987, tetapi semakin lantang selepas tahun 1987.

Tulisan ini bertujuan untuk meninjau perkembangan-perkembangan mengapa seorang tokoh yang mengambil alih pemerintahan negara dengan sokongan semua pihak dan dengan cita-cita besar untuk negara, tiba-tiba dimusuhi oleh sebilangan pihak. Secara khusus, perbincangan di sini akan melihat dua faktor yang dipercayai telah memberi sumbangan dalam menimbulkan masalah kepada pimpinan Dr. Mahathir. Pertama, faktor-faktor luaran seperti kemelesetan ekonomi, kehadiran mereka yang tidak faham dengan apa yang hendak dibuat oleh Dr. Mahathir dan sebagainya. Kedua, faktor dalaman yang telah mengakibatkan kemerosotan populariti di kalangan pihak-pihak tertentu, terutama di dalam UMNO dan kumpulan-kumpulan pendesak terhadap Dr. Mahathir. Yang dimaksudkan dengan faktor dalaman di sini ialah gaya pimpinan Dr. Mahathir itu sendiri. Tetapi untuk memahami ini semua, ada baiknya kita meninjau cita-cita besar Dr. Mahathir sewaktu mengambil alih kuasa.

Cita-cita Besar Mahathir

Tiada siapa boleh menafikan bahawa Dr. Mahathir menjadi perdana menteri dengan sokongan yang popular. Di dalam UMNO beliau diterima sebagai presiden parti dengan sokongan jitu dan padu. Di luar UMNO pula, dasar-dasar baru yang beliau perkenalkan telah menarik sokongan yang meluas dari pihak-pihak yang sebelum Dr. Mahathir menjadi perdana menteri mendapati sukar untuk menyokong kerajaan.

Semua sokongan ini diberikan kerana Dr. Mahathir tidak menjadi perdana menteri dengan tangan kosong. Lama sebe-

am beliau mengambil alih pimpinan negara, beliau sudah menjadi jaguh bangsa Melayu kerana kelantangan beliau mengkritik pimpinan Tunku Abdul Rahman yang didakwa tidak melaksanakan program-program politik, sosial dan ekonomi yang menguntungkan mereka. Pendirian pro-Melayu beliau ini memberi dua kesan yang bertentangan. Di satu pihak sikap beliau itu memastikan sokongan Melayu untuk beliau, tetapi pendirian itu juga menyebabkan beliau digelar oleh bukan Melayu sebagai ultra.

Tetapi selepas masuk ke dalam kabinet, Dr. Mahathir membuktikan bahawa ketakutan bukan Melayu terhadap beliau adalah tidak berasas. Setelah menjadi perdana menteri, Dr. Mahathir, selain dari memperjuangkan kepentingan orang Melayu, tidak pula mengabaikan bukan Melayu. Dalam ucapannya beliau menekankan soal Malaysia sebagai negara berbilang kaum, berbagai-bagai kebudayaan dan agama. Tindakan ini telah melenyapkan kebimbangan bukan Melayu terhadap pimpinan beliau, walaupun tidak sepenuhnya. Sebahagian kebimbangan mereka terhadap pendirian pro-Melayu Dr. Mahathir masih ada dan dipendam untuk disuarakan kemudian seperti yang dibuat apabila mereka merasakan pimpinan Dr. Mahathir berada di tahap yang lemah selepas beliau gagal mendapat sokongan penuh perwakilan UMNO dalam pemilihan 24 April (perbincangan lanjut lihat 'Sikap Bukan Melayu').

Komitmen beliau untuk mewujudkan dasar-dasar yang lebih liberal dan sebuah kerajaan terbuka telah menarik sokongan kumpulan-kumpulan yang selama ini merasa tertindas kerana sikap kritikal mereka terhadap kerajaan. Untuk membuktikan bahawa Dr. Mahathir benar-benar inginkan keliberalan, tindakan pertama beliau setelah mendapat kuasa ialah untuk membebaskan tahanan-tahanan politik di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN). Hanya mereka yang jumlahnya tidak banyak yang benar-benar mengancam keselamatan negara sahaja yang diletakkan di bawah tahanan. Kebanyakan mereka terdiri daripada *hard core* komunis. Yang lain termasuk mereka yang ditahan kerana mengkritik kerajaan, telah dibebaskan.

Sokongan moral kepada Dr. Mahathir juga diberikan kerana komitmen beliau untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Ini membayangkan bahawa beliau benar-benar ingin membersihkan kerajaan dari amalan-amalan rasuah atau korup ke arah mewujudkan sebuah kerajaan yang lebih berwibawa dengan kakitangan yang cekap bekerja. Kewatan birokrasi kerana halangan pita merah ingin dihapuskan. Rakyat yang berurusan dengan kerajaan yang selama ini terpaksa turun naik pejabat, tidak lagi akan melalui pengalaman serupa itu. Tidak akan ada lagi barisan panjang di pejabat-pejabat kerajaan untuk membayar bil elektrik, atau air kerana adanya sebuah pentadbiran yang licin. Pegawai-pegawai awam kini boleh dikesan melalui kedatangan dan kepulangan mereka bekerja melalui kad perakam waktu untuk semua peringkat kakitangan, iaitu dari budak pejabat membawalah kepada ketua-ketua pejabat dan para menteri. Gambaran yang ada dalam kepala rakyat ialah kesenangan mereka berurusan dengan kerajaan yang dapat mereka saksikan dalam wayang-wayang di kaca televisyen. Mereka berasa bahagia kerana di bawah pimpinan Dr. Mahathir lahirlah sebuah negara Malaysia yang lebih bersih, cekap dan amanah.

Mereka yang meragui komitmen kerajaan terhadap Islam juga menyokong Dr. Mahathir. Ini kerana Dr. Mahathir menjadi pemimpin UMNO yang pertama mengumumkan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang mereka rasa selama ini tidak begitu diberi perhatian. Dengan adanya dasar ini, penekanan bukan sahaja diberikan kepada pembinaan masjid atau surau yang digunakan sebagai tempat ibadat, tetapi institusi seperti bank Islam, universiti Islam, takaful Islam, sistem faraid dan sebagainya. Di bawah pimpinan Dr. Mahathir, orang-orang Islam mempunyai pilihan sama ada ingin terus bergelumang dengan sistem kafir yang diperkenalkan oleh Barat atau Yahudi yang mereka katakan zalim, atau berpindah kepada sistem Islam dalam mendapatkan pinjaman, membeli rumah, belajar dan sebagainya yang lebih bertimbang rasa dan berperikemanusiaan. Dasar-dasar yang lebih menarik untuk golongan peniaga juga diperkenalkan. Ini termasuk penswastaan

syarikat-syarikat milik kerajaan yang memberi peluang kepada usahawan untuk membeli saham-saham syarikat kerajaan yang menguntungkan. Di bawah rancangan ini, saham-saham MAS, syarikat perkapalan MISC, *Sports Toto* telah disenaraikan di pasaran Saham Kuala Lumpur dan Jabatan Telekom juga di-swastakan, tetapi dalam cara menguruskannya ia tidak lagi ditadbirkan sebagai sebuah jabatan kerajaan, tetapi sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Pejabat Pos, Lembaga Letrik Negara juga diumumkan akan di-swastakan. Senarai jabatan-jabatan kerajaan yang bakal mengalami proses yang bertentangan dengan pemilikan-negaraan ini agak panjang. Jabatan Penyiaran yang mengendalikan stesen televisyen dan radio bagaimanapun tidak termasuk dalam senarai ini.

Di bawah dasar penswastaaan itu, sebuah lesen telah diberikan kepada sekumpulan syarikat yang rapat dengan kerajaan dan UMNO untuk memulakan sebuah stesen televisyen swasta. Syarikat tersebut ialah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) yang mengendalikan TV3. Pada mulanya, stesen ini bergerak bebas tanpa perlu mematuhi garis panduan penyiaran kerajaan. Tetapi oleh kerana elit-elit pemerintah mendapati bahawa TV3 berkemungkinan menyiarkan program-program yang boleh mematahkan usaha *nation building* RTM, maka satu akta penyiaran telah digubal untuk membolehkan TV3 juga diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Akta Penyiaran 1987 yang dibentangkan di parlimen oleh menteri penerangan dalam sidang November/Disember 1987 itu memperuntukkan kuasa kepada menteri penerangan untuk menentukan bahan-bahan yang boleh dan tidak boleh disiarkan oleh TV3 supaya segala rancangan stesen swasta itu tidak sahaja selari dengan aspirasi nasional, tetapi tidak mematahkan usaha-usaha memupuk sebuah bangsa Malaysia oleh pihak RTM.

Menyedari bahawa pasaran dalam negeri Malaysia agak kecil untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi dalaman, menjadi penggerak kepada perkembangan ekonomi negara pada keseluruhannya, Dr. Mahathir membuat keputusan untuk

meningkatkan penduduk Malaysia menjadi 70 juta orang dalam masa kira-kira 100 tahun mulai 1985. Rasional di sebalik gagasan ini ialah untuk menjadikan negara ini cukup besar bagi membolehkan ekonominya berkembang tanpa bergantung kepada pasaran luar negeri seperti yang berlaku di Jepun dan Amerika Syarikat. Walaupun matlamat ini disambut sinis oleh setengah-setengah kalangan, tetapi kerajaan berazam untuk meneruskannya. Ini kerana ada kalangan merasa bahawa pertambahan penduduk sahaja tidak memadai sekiranya tidak diiringi oleh dasar-dasar pembahagian kekayaan yang sama rata. Menurut mereka, tiada gunanya Malaysia mempunyai bilangan penduduk yang besar sekiranya mereka terdiri daripada orang-orang miskin yang tidak mempunyai kuasa beli yang boleh mendorong pertumbuhan dalam negeri ini. Mereka merasakan bahawa dasar-dasar ekonomi kerajaan sekarang ini yang lebih memberi manfaat kepada golongan pemilik modal dari pekerja, akan hanya menjadikan Malaysia seperti India atau Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai, tetapi miskin. Akibatnya, mereka bukan menjadi penggerak ekonomi, tetapi menimbulkan masalah.

Dr. Mahathir sedar akan masalah ini. Lantaran itu beliau cuba membasmi kemiskinan melalui beberapa cara. Antaranya termasuklah gerakan untuk memodenkan sektor pertanian negara ini. Dalam bidang ini, amalan pertanian cukup makan yang tidak ekonomik, hendaklah dihentikan. Sebaliknya, sistem tani bercorak komersial melalui penggabungan tanah-tanah yang diusahakan dalam bentuk mini estet dicadangkan. Di bawah program ini, para petani di luar bandar digalakkan untuk mengusahakan tanah-tanah mereka secara kelompok melalui koperasi untuk mengeluarkan hasil bagi keperluan dalam negeri dan juga luar negeri. Siswazah-siswazah menganggur juga digalakkan untuk menjadi petani moden menggunakan ilmu yang mereka perolehi semasa di universiti. Berbagai-bagai kemudahan disediakan untuk mereka yang ingin men-ceburi bidang ini.

Oleh sebab adanya dasar-dasar yang memuaskan setiap pihak ini, tidaklah menghairankan Dr. Mahathir berjaya

emikat sokongan kumpulan-kumpulan yang selama ini tidak bersama kerajaan. Tetapi bukan ini sahaja yang membuat mereka menyokong kerajaan dan Dr. Mahathir. Sebab yang lebih besar ialah kerana sebagai perdana menteri, Dr. Mahathir mempunyai cita-cita besar untuk negara. Beliau ingin menjadikan Malaysia sebuah negara dan bangsa yang bermartabat yang tidak lagi dipandang rendah oleh bangsa-bangsa lain di muka bumi ini. Untuk tujuan ini, Dr. Mahathir memperkenalkan beberapa perubahan dalam ekonomi negara. Beliau mempunyai cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri kerana beliau tahu selagi ekonomi negara ini bergantung kepada pertanian selagi itulah ia akan diperkotak-katikkan oleh negara-negara maju.

Sebagai negara yang bergantung pendapatan kepada komoditi, Dr. Mahathir tahu bahawa harga bahan-bahan itu boleh dimanipulasikan oleh negara-negara pembeli yang kebanyakannya terdiri daripada negara industri. Harganya tidak stabil dan tertakluk kepada permintaan dan bekalan yang boleh dimainkan oleh mereka. Kerana itu beliau ingin mencontohi Jepun yang telah berjaya menjadikannya sebagai negara maju yang boleh melawan Eropah dan Amerika Syarikat dalam bidang perusahaan. Untuk tujuan ini, Dasar Pandang ke depan diperkenalkan. Dasar khusus memberi perhatian kepada industri berat juga disertai pada mulanya dalam pembuatan simen, kemudian besi waja dan akhir sekali pembuatan kereta nasional yang diberi nama Proton Saga. Untuk meningkatkan lagi kecekapan bekerja, dasar penswastaan jabatan-jabatan kerajaan dikuatkuasakan. Dasar ini juga boleh meringankan beban kewangan kerajaan. Sistem pengurusan *goshosha* Jepun juga digalakkan melalui pensyarikatan di Malaysia.

Dalam bidang antarabangsa pula, Dr. Mahathir mengambil sikap berani untuk menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang tidak akan tunduk kepada tekanan mana-mana kuasa, termasuk kuasa-kuasa besar. Beliau sanggup meyakinkan arus mengkritik sikap *double standard* negara-negara maju yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, te-

tapi mengenakan berbagai-bagai halangan kepada kemasukan barangan dari negara membangun yang merugikan Malaysia. Beliau juga menganjurkan perubahan dalam cara mentadbirkan Antartika yang kini diuruskan oleh satu perjanjian yang hanya menghadkan benua ber ais yang kaya dengan sumber-sumber mentah itu kepada negara-negara yang terletak berdekatan dengannya serta kuasa-kuasa besar sahaja. Dr. Mahathir mencadangkan supaya Antartika dijadikan sebagai warisan bersama semua bangsa di muka bumi ini di mana semua orang mempunyai hak yang sama. Cadangan beliau ini mendapat sokongan dari negara-negara kecil yang lain, walaupun dipandang sepi oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Rusia. Kerana menyedari bahawa negara-negara membangun perlu bekerjasama sesama mereka untuk menghadapi dunia maju, Dr. Mahathir memainkan peranan yang penting dan instrumental dalam pembentukan Suruhanjaya Selatan-Selatan yang telah beliau umumkan pembentukannya di sidang puncak berkecuali di Harare, Zimbabwe pada akhir tahun 1986.

Jelas bahawa dalam masa yang singkat, Dr. Mahathir membuktikan bahawa beliau mempunyai program yang baik yang sepatutnya mendapat sokongan di dalam dan di luar negeri yang tidak dimiliki oleh pemimpin-pemimpin Malaysia sebelum ini. Kerana idea-idea bernasnya ini, ada kalangan menganggap Dr. Mahathir sebagai seorang ahli politik yang terbaik pernah dihasilkan oleh negara ini. Tetapi malangnya, program-program yang baik ini yang sepatutnya menjadikan beliau lebih popular, telah memberi kesan yang sebaliknya kepada beliau. Di dalam negeri pimpinan beliau dicabar, bukan sahaja oleh kalangan dalam parti beliau sendiri, tetapi oleh para pemimpin kumpulan pendesak yang telah membawa kesulitan terhadap pimpinan beliau. Ini kerana mereka telah mengambil kesempatan dari dasar liberal dan terbuka Dr. Mahathir untuk memainkan peranan lebih daripada sepatutnya dengan menimbulkan soal-soal yang didakwa oleh pihak polis boleh menghuru-harakan negara sehingga memaksa Dr. Mahathir mengambil tindakan keras di bawah Akta Keselamatan Dalam

egeri, mengetatkan lagi Akta Rahsia Rasmi serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan 1984) yang antara lain memberi kuasa kepada menteri dalam negeri untuk melarang penerbitan yang boleh membuat orang ramai gempar. Selain itu, kuasa menteri juga dalam membuat keputusan menahan penerbitan adalah muktamad. Ini bermakna mereka yang terlibat tidak boleh membawa kes mereka ke mahkamah seperti sebelum ini.

Soalnya: Mengapa pimpinan Dr. Mahathir yang begitu popular pada mulanya, dicabar dan dimusuhi oleh kalangan tertentu hanya selepas lima tahun beliau menjadi perdana menteri? Apakah kerana Dr. Mahathir sudah berubah, tidak lagi liberal dan bersikap terbuka, atau kerana antara tahun 1981 hingga 1986 telah berlaku perubahan-perubahan yang radikal di luar kawalan Dr. Mahathir yang telah menyulitkan beliau melaksanakan program-program politik, ekonomi dan sosial yang bercita-cita besar untuk meninggikan maruah bangsa itu? Jawapan kepada persoalan ini boleh dilihat dari berbagai-bagai perspektif dan perkara ini akan cuba dilakukan dengan melihat iklim yang berubah di dalam dan di luar negeri sesudah Dr. Mahathir menjadi perdana menteri.

Kesan Kemelesetan Ekonomi

Perubahan pertama yang ketara berlaku sebaik sahaja Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan negara ialah kemelesetan ekonomi. Walaupun fenomena ini mula dirasakan oleh kebanyakan negara maju sejak tahun 1979 lagi, tetapi negara ini mula mengalaminya mulai awal tahun 1980-an. Seperti negara-negara membangun yang lain, Malaysia juga mengalami masa-masa untuk menjual komoditi akibat permintaan yang berkurangan. Akibatnya, dunia mendapati bahawa bekalan bagi bahan-bahan mentah mengatasi permintaan. Logik mudah ekonomi ialah harga komoditi termasuk minyak mentah, menurun dengan banyaknya. Harga minyak yang pada satu ketika sebelum 1985 berada di paras tertinggi (AS \$30 setong), menjunam ke paras AS\$10 setong menjelang pertengahan

tahun 1986. Bagi negara-negara yang bergantung pada komo-
diti sebagai sumber utama, pendapatan mereka berkurangan.
Malaysia juga terlibat. Akibatnya, banyak program pemban-
gunan, terutama yang besar-besarnya terpaksa ditangguhkan
buat sementara. Bagi Dr. Mahathir, kemelesetan ekonomi
telah menjejaskan kemampuannya untuk meneruskan perusahaan
berat dengan cara yang agresif. Dalam keadaan kekurangan
wang itu, usaha Dr. Mahathir untuk membelanjakan wang
bagi perusahaan berat mula dilihat sebagai membuang wang
ke dalam longkang kerana hasilnya tidak dapat dilihat
dalam waktu yang singkat.

Pimpinan beliau mula digugat oleh mereka yang merasa
bahawa Dr. Mahathir telah meletakkan prioriti yang silap
dalam rancangan ekonominya. Masalah ini pula dirumitkan
oleh hakikat bahawa setelah projek kereta nasional menge-
luarkan hasil, ia mendapati sukar untuk menembusi pasaran-
pasaran mewah di Eropah dan Amerika Syarikat. Apabila
hanya Sri Lanka dan Bangladesh sahaja yang menunjukkan
minat untuk mengimport kereta Proton Saga, maka ada tu-
duhan, yang mengatakan bahawa Malaysia mengeluarkan
kereta yang *suspect* yang hanya sanggup dibeli oleh negara-
negara miskin sahaja. Pengkritik Dr. Mahathir seolah-olah
ingin menafikan hakikat bahawa untuk menembusi pasaran
negara-negara maju, yang juga mengeluarkan kereta mereka
sendiri, adalah sukar kerana amalan-amalan halangan yang
mereka laksanakan untuk melindungi industri kereta mereka
sendiri. Tetapi kesediaan dua syarikat di Amerika Syarikat
dan London untuk memasarkan kereta Proton Saga di kedua-
duanya negara itu mulai tahun 1988 membuktikan dakwaan
bahawa kereta nasional adalah *suspect* sebenarnya tidak benar.
Ini kerana di bawah rancangan itu nanti, kereta nasional
akan dijual di pasaran Amerika Syarikat sahaja sebanyak
40 000 buah setahun. Sekiranya ini betul, maka keputusan
Dr. Mahathir untuk membuat kereta sendiri menggunakan
teknologi Jepun tidak sia-sia. Ribuan ringgit yang sudah dila-
burkan dalam industri itu akan membawa pulangan yang
menguntungkan.

Kemelesetan ekonomi juga menimbulkan masalah sosial yang tidak pernah dihadapi oleh perdana menteri-perdana menteri sebelum beliau. Antaranya termasuklah masalah pengangguran, terutama di kalangan siswazah. Anwar Ibrahim, dalam satu ucapan kepada para pelajar Malaysia di Washington pada akhir tahun 1986 menganggarkan bahawa jumlah siswazah menganggur mulai Julai 1987 ialah kira-kira 35 000 orang. Jumlah itu sudah pasti meningkat memandangkan bahawa selepas tahun 1987, kerajaan tidak lagi dapat mengambil pekerja seperti yang pernah dilakukan pada tahun 1970-an. Yang menghadapi masalah besar dalam mencari pekerjaan ini ialah siswazah Melayu kerana tidak seperti siswazah Cina, mereka selama ini bergantung kepada sektor awam untuk pekerjaan selepas menamatkan pengajian masing-masing. Sehingga awal 1980-an, pekerjaan untuk mereka yang pulang adalah automatik, tetapi akibat kemelesetan ekonomi, mereka terikat dengan biasiswa kerajaan juga terpaksa dilepaskan untuk mengusahakan pekerjaan sendiri. Kegagalan menyediakan pekerjaan ini juga diletakkan di atas bahu Dr. Mahathir.

Kemelesetan ekonomi juga menyebabkan kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan dalam negeri. Ini bermakna mengurangkan banyak peluang untuk usahawan bumiputera yang selama ini bergantung pada projek-projek dan tender kerajaan untuk hidup. Kebanyakan mereka tidak bersedia untuk menghadapi penderitaan ini kerana di kalangan mereka, termasuk para penyokong Dr. Mahathir, sudah wujud kesetiaan ekonomi yang tinggi akibat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sejak tahun 1971. Kurangnya peluang mendapatkan tender dan kontrak inilah yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan usahawan terhadap pimpinan Dr. Mahathir. Lantaran itu dakwaan ditimbulkan bahawa dalam menghadapi kekris ekonomi di zaman meleset ini, beliau hanya memilih mereka yang rapat dengannya sahaja. Yang terhimpit oleh kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja usahawan Melayu yang ditaja oleh Dasar Ekonomi Baru, tetapi juga kakitangan awam yang juga kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu. Semakan gaji untuk mereka yang di masa lalu diada-

kan setiap lima tahun sekali, telah tiba untuk disemak semula sebaik sahaja Dr. Mahathir mengambil alih kuasa. Tetapi kerana pendapatan negara berkurangan, Dr. Mahathir tidak dapat berbuat demikian. Sebaliknya, kerajaan terpaksa mengurangkan elaun pegawai-pegawai kanan termasuk para menteri.

Kecadaan inilah yang telah digunakan oleh kakitangan sektor awam untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap pimpinan Dr. Mahathir. Lantaran itu usaha Dr. Mahathir kerap ke luar negeri tatkala negara mengalami kemelesetan sama ada untuk mencari pelabur atau mewakili Malaysia dalam sidang-sidang antarabangsa, digunakan oleh setengah-setengah pihak sebagai peluru untuk menuduh bahawa Dr. Mahathir tetap hidup mewah walaupun kewangan negara tenat. Mereka lupa bahawa lawatan Dr. Mahathir setiap kali ke luar negeri sebenarnya berjaya menarik pulangan yang menguntungkan negara dari segi pelaburan atau pelaburan semula oleh syarikat-syarikat multinasional yang sedia ada. Tetapi para pengkritik Dr. Mahathir tidak mahu menerima hakikat itu. Sebaliknya mereka terus membuat tohmah yang bertujuan untuk menggugat pimpinan beliau dan melemahkan pimpinan beliau.

Jelas di sini, suka atau tidak, kemelesetan ekonomi telah menimbulkan masalah kepada Dr. Mahathir untuk meneruskan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan maruah bangsa bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri seperti Jepun atau Korea. Dari segi ini, ada pemerhati melihat bahawa segala cita-cita besar Dr. Mahathir tidak dapat dipenuhi kerana masa ia dilaksanakan tidak kena kerana Malaysia sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang disebabkan oleh faktor-faktor yang beliau tidak berupaya mengawalinya.

Tidur Sebantal Mimpi Lain-lain

Selain daripada kemelesetan, ada kalangan melihat bahawa cita-cita besar Dr. Mahathir untuk negara turut menjadi mangsa, kerana dalam meneruskan cita-cita itu beliau tidak mendapat sokongan dari orang-orang yang telah menyokong

beliau. Ada di antara mereka, mengatakan bahawa Dr. Mahathir telah bergerak terlalu laju, dan mereka tidak memahami apa yang cuba dibuat oleh Dr. Mahathir. Ada juga yang membuat tafsiran yang silap tentang apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Dr. Mahathir. Sebab itu, mereka tidak dapat menerangkan idea Dr. Mahathir kepada rakyat dengan cara yang meyakinkan mengenai dasar industri berat, Dasar Pandang ke Timur dan sebagainya. Ini jelas jika diteliti dalam ucapan sebilangan menteri beliau, apa yang dikehendaki tidak timbul. Keadaan ini pula memaksa Dr. Mahathir mengejutkan negara untuk menerangkan apa yang beliau mahu. Keadaan ini membuat seorang pemerhati mengatakan bahawa Dr. Mahathir dan sebilangan penyokong beliau sebenarnya hanya tidur sebantol, tetapi mempunyai mimpi lain-lain.

Ada di antara penyokong beliau yang faham dengan apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir, tetapi tidak berkongsi segala cita-cita besar beliau itu. Secara terbuka mereka tidak menyuarakan tentangan terhadap program besar Dr. Mahathir terutama bagi penyokong yang berada dalam kabinet kerana mereka tertakluk dengan prinsip tanggungjawab bersama dan Ketuhanan Rasmiah. Tetapi secara tidak langsung pendirian mereka dinyatakan melalui ucapan-ucapan yang tidak memperlihatkan keghairahan untuk bercakap mengenai industri berat, kereta Proton Saga, Dasar Pandang ke Timur, penyesuaian Malaysia dan dasar penswastasaan. Tatkala Dr. Mahathir bercakap itu semua, ada di antara penyokong beliau bercakap tentang industri ringan, dasar kebajikan dan sebagainya. Apabila ditanya mengapa mereka bersikap demikian, mereka mengatakan bahawa tujuannya untuk saling melengkapi dasar-dasar lain yang mungkin tidak disentuh oleh Dr. Mahathir.

Akan tetapi sebab sebenarnya ialah mereka tidak memperdayakan program-program Dr. Mahathir yang dianggap tidak menguntungkan Malaysia. Malah secara bisik-bisik ada yang berkata, adalah lebih baik untuk negara ini mengeksport tenaga-pohon hijau ke Asia Barat daripada kereta Proton Saga yang belum tentu mendapat pasaran. Pandangan mengejutkan kehadiran anggota kabinet yang tidak setuju dengan

program industri berat Dr. Mahathir ini jelas kelihatan apabila beliau ditentang oleh mereka yang berada dalam *team B*. Tengku Razaleigh, serta beberapa orang menteri kabinet yang lain telah menimbulkan soal kemungkar politik dan ekonomi Dr. Mahathir.

Kesan Dasar Liberal dan Terbuka

Sikap liberal dan demokratik Dr. Mahathir juga menimbulkan masalah kepada cara beliau bertindak kerana setiap tindakan kerajaan akhirnya dipersoalkan sehingga membangkitkan masalah oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang kecil tetapi kelihatan berpengaruh dalam masyarakat. Jelas di sini bahawa tafsiran liberal Dr. Mahathir dengan kumpulan-kumpulan pendesak lain di dalam masyarakat yang berbilang kaum berbeza. Bagi Dr. Mahathir, dasar liberal beliau hendaklah dilakukan dalam konteks realiti politik Malaysia—sebagai negara berbilang kaum—dan tidak terkeluar dari perkara-perkara asas yang ditetapkan oleh perlembagaan. Bagi kumpulan pendesak pula, mereka melihat liberal dalam konteks pengertian Barat yang menggalakkan sikap kritikal dengan mencabar setiap dasar kerajaan dengan memberi gambaran ia tidak adil dan menguntungkan golongan kapitalis yang mendukung pimpinan Dr. Mahathir.

Kumpulan pendesak sosial ini seperti Aliran pimpinan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia, Dr. Chandra Muzaffar, Institut Analisa Sosial (INSAN) pimpinan profesor dari Universiti Malaya, Jomo K. Sundram, CAP, Majlis Peguam, Persatuan Perlindungan Alam Sekitar dan lain-lain menggunakan dasar liberal Dr. Mahathir ini untuk mengemukakan berbagai-bagai cadangan alternatif untuk pertimbangan kerajaan. Berbagai-bagai buku dan risalah dihasilkan. Ini termasuklah *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir* yang diedit oleh Dr. Jomo K. Sundram yang memuatkan kritik-kritik pedas terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Pada keseluruhannya rencana-rencana yang dimuatkan dalam buku itu menggambarkan bahawa dasar-

Dasar Dr. Mahathir memberi keuntungan kepada golongan pemilik modal sahaja. Dasar penswastaaan menurut mereka hanya memberi faedah kepada golongan berada yang menegenangi Dr. Mahathir; Dasar Pandang ke Timur hanya membolehkan syarikat-syarikat Jepun menyerang negara ini untuk mendapat keuntungan kerana kebanyakan projek besar seperti pembinaan Daya Bumi, Bangunan UMNO, Jambatan Pulau Pinang telah diberikan kepada syarikat Jepun atau Korea. Tidak ada pemindahan teknologi berlaku dalam proses ini.

Di bawah dasar liberal Dr. Mahathir juga, penggunaan mahkamah untuk mencari keadilan dari sebarang keputusan kerajaan juga menjadi satu trend baru. Mahkamah digunakan untuk mencabar keputusan menteri mengenai sesuatu perkara yang selama ini dianggap muktamad. Misalnya, apabila kerajaan memutuskan untuk menamatkan permit kerja wartawan *Asian Wall Street Journal* kerana laporan-laporan anti-Malaysia wartawan berkenaan, mahkamah telah digunakan untuk mencabar keputusan yang telah dibuat oleh menteri dalam negeri, Dr. Mahathir sendiri. Mahkamah membuat keputusan yang memihak kepada wartawan tersebut dan kerajaan terpaksa memberi balik permit kerja yang membolehkan wartawan itu tinggal di negara ini. Begitu juga halnya apabila aliran menerima surat bahawa permohonannya untuk mendapatkan permit KDN sebagai sebuah penerbitan telah ditolak tanpa sebab oleh menteri dalam negeri. Aliran telah menggunakan mahkamah untuk mencabar keputusan itu apabila hakim yang bersidang, Datuk Harun Hashim membuat keputusan bahawa kerajaan mesti memberi permit yang dipohon. Bertentak dengan keputusan itu sindiran yang tajam diberikan kepada kerajaan apabila hakim mengingatkan bahawa kerajaan tidak perlu bimbang kemungkinan permit itu disalahgunakan kerana kerajaan mempunyai banyak undang-undang untuk memastikan penyalahgunaan tidak berlaku. Ini termasuklah Akta Hasutan, Akta Cetak dan Penerbitan serta Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dr. Mahathir berasa semua keputusan mahkamah itu telah mencampuri urusan eksekutif dan men-

dorong beliau memperingatkan konsep pembahagian kuasa antara eksekutif, legislatif dan badan kehakiman.

Cabaran yang diajukan oleh pihak-pihak di luar kerajaan, oleh kumpulan pendesak, golongan yang disifatkan oleh Dr. Mahathir tidak boleh disentuh dan ditegur, tidak begitu menjejaskan kepimpinan Dr. Mahathir. Tetapi apabila anggota-anggota kerajaan sendiri cuba mempertikaikan keputusan kerajaan, ceritanya lain sedikit. Tetapi inilah yang berlaku apabila ada sekumpulan dalam UMNO yang terdiri daripada bekas timbalan perdana menteri, Datuk Musa Hitam dan beberapa orang menteri kanan kerajaan cuba menimbulkan persoalan mengenai dasar-dasar ekonomi, politik dan sosial yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir. Apabila orang-orang UMNO sendiri yang pernah duduk semeja dalam kabinet Mahathir membangkitkan soal industri berat sebagai membazir wang, soal dasar pandang ke timur merugikan negara, sikap kritikal Dr. Mahathir menyebabkan pelaburan asing berkurangan dan komoditi Malaysia dipulaukan di luar negeri, maka kepimpinan Dr. Mahathir sebenarnya berada dalam dilema besar. Walaupun kewibawaan pimpinan beliau diasak dari berbagai-bagai sudut, tetapi hingga ke satu peringkat Dr. Mahathir bersikap toleran terhadap apa yang berlaku.

Beliau membiarkan perbahasan mengenai hal-hal yang di zaman Tunku dianggap sensitif tanpa sebarang tindakan. Ini termasuk kecenderungan akhbar-akhbar yang lebih banyak jumlahnya di zaman beliau berbanding dengan zaman-zaman perdana menteri yang lain, untuk menimbulkan seolah-olah kerajaan tidak adil atau pro-Melayu. Di bawah Dr. Mahathir juga MCA dan Gerakan, dua parti komponen dalam Barisan Nasional, telah bersatu dengan DAP di sebuah kuil untuk menyatakan bantahan terhadap soal kenaikan pangkat guru-guru Cina yang tidak terdidik dalam bahasa Mandarin oleh Kementerian Pendidikan. Tindakan itu telah menimbulkan kemarahan orang Melayu dalam UMNO yang melihat tindakan MCA dan Gerakan itu sebagai provokatif. MCA berani berbuat demikian kerana apabila salah seorang pemimpinnya, Lee Kim Sai, menimbulkan soal yang amat sensitif bagi orang

elayu mengenai status peribumi mereka, beliau telah tidak menghadapi apa-apa hukuman. Lantaran itu, beliau menjadi lebih berani dan mewakili MCA duduk semeja dengan DAP untuk menentang kerajaan secara tidak langsung. Tetapi kali ini Dr. Mahathir jelas tidak akan membiarkan perkara itu berlaku begitu sahaja. Inilah keadaan yang telah mendorong beliau bertindak tegas menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan mereka yang menurut polis boleh mengancam keselamatan negara.

Tindakan Dr. Mahathir mempersetujui polis menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA itu telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi. Ramai orang merasakan bahawa tindakan itu memperlihatkan Dr. Mahathir seorang yang tegas. Tetapi ada pihak tidak setuju. Tunku Abdul Rahman dalam kenyataan yang dipetik oleh akhbar-akhbar luar negeri melaporkan telah berkata bahawa akibat tindakan Dr. Mahathir itu telah mengancam sistem berparlimen Malaysia. Kebanyakan akhbar Barat menjerit dengan tajuk berita 'Malaysia on the way to dictatorship'. Bagaimanapun, Dr. Mahathir telah membetulkan gambaran silap itu melalui temuramah yang beliau berikan yang telah disiarkan secara meluas antara lain oleh akhbar *The Times*, London pada 7 November 1987; diikuti oleh akhbar-akhbar Indonesia pada 9 November dan minggu *Asiaweek* keluaran November 1987. Antara lain dalam temuramah itu Dr. Mahathir menerangkan bahawa tindakan beliau itu tidak membawa pengertian bahawa demokrasi sudah mati di Malaysia dan bahawa sistem berparlimen Malaysia masih berjalan dengan baik.

Dr. Mahathir juga membayangkan bahawa selepas tanggapan itu, Malaysia lebih aman dan tenang. Ini pula diperkuatkan oleh hakikat bahawa para pelabur asing terus mengumumkan pelaburan masing-masing di negara ini selepas peristiwa itu. Ini termasuklah Shell yang mengumumkan pelaburan hampir \$200 juta bagi projek kilang penapis di Port Jackson, syarikat-syarikat elektronik Amerika Syarikat yang mengumumkan pelaburan lebih \$300 juta sehingga 1990 dan Sony \$40 juta. Saudagar-saudagar Arab juga memperlihatkan

keyakinan apabila sekumpulan peniaga selepas satu seminar di Kuala Lumpur mengumumkan penubuhan sebuah syarikat dengan modal berbayar \$250 juta. Sekiranya mereka tidak yakin dengan pimpinan Dr. Mahathir dan kestabilan yang beliau janjikan, para pelabur itu tentu tidak datang ke negara ini.

Perkembangan ini semuanya membayangkan bahawa orang-orang luar masih mempunyai keyakinan terhadap pimpinan Dr. Mahathir. Barangkali jika tidak berlaku kemelesetan ekonomi yang telah mengakibatkan pendapatan negara berkurangan sehingga menjejaskan kemampuan kerajaan untuk mengagih-agihkan kekayaan negara—dalam bentuk kontrak, projek dan tender untuk usahawan, gaji dan elaun yang lebih untuk kakitangan awam dan cita-cita besar beliau untuk negara mungkin lebih mudah dilaksanakan. Tetapi apabila fenomena itu terjadi, dan adanya dasar penswastan dan sikap kerajaan mentadbirkan negara berdasarkan soal untung dan rugi dari segi perniagaan sahaja, telah menyebabkan pimpinan beliau dicabar dari dalam oleh para pemimpin parti nya sendiri sehingga beliau kehilangan separuh sokongan para perwakilan. Keadaan itu pula diperburukkan oleh kerana Dr. Mahathir mentadbir negara tatkala Dasar Ekonomi Baru berada di penghujung pelaksanaannya yang telah terbantut akibat kemelesetan. Beliau terhimpit oleh rasa tidak puas hati orang Melayu dan bukan Melayu. Orang-orang Melayu tidak puas hati kerana matlamat Dasar Ekonomi Baru masih belum tercapai untuk membolehkan mereka menguasai kegiatan ekonomi sebanyak 30 peratus menjelang tahun 1990. Bukan Melayu pula, yang juga mendapat manfaat dari Dasar Ekonomi Baru juga tidak puas hati kerana mereka merasakan pencapaian mereka dalam bidang ekonomi sudah pasti lebih tinggi jika tiada halangan dari dasar tersebut yang mereka dakwa menguntungkan bumiputera sahaja. Lantaran itu mereka mendesak dasar itu dihentikan pelaksanaan selepas tahun 1990.

Untuk menyokong desakan tersebut, mereka menarik perhatian dengan jaminan hak sama rata yang terkandung dalam

erlembagaan—satu kecenderungan yang jelas menunjukkan bahawa generasi bukan Melayu yang ada di zaman pemerintahan Dr. Mahathir menolak kompromi merdeka yang diasaskan kepada ketuanan Melayu. Mereka semakin berani memperlangkan apa yang mereka anggap sebagai hak mereka yang sebenarnya, kerana mereka mentafsirkan bahawa kegagalan Dr. Mahathir mendapat sokongan padu UMNO sebagai petanda bahawa pimpinan Melayu kini berada di tahap yang lemah dan tidak berkesan. Tetapi melalui penahanan pada 28 Oktober itu, Dr. Mahathir membuktikan bahawa pandangan itu tidak seratus-peratus tepat. Beliau memperlihatkan bahawa kesabaran beliau ada batasnya. Tetapi malangnya tindakan tegas beliau itu juga, walaupun dikagumi oleh kebanyakan rakyat Malaysia, tidak disenangi oleh pihak yang lain.

Bagi Dr. Mahathir inilah dilema kepimpinan beliau. Apabila beliau cuba bersikap liberal dan demokratik dengan membiarkan kumpulan-kumpulan dalam masyarakat mengkritik kerajaan dan mengemukakan herbagai-bagai pandangan yang olah-olah ingin melampaui tugas kerajaan, dan beliau tidak berbuat apa-apa, pimpinan beliau dikatakan teragak-agak dan tidak tegas. Apabila beliau bertegas menghentikan perbincangan yang melampau mengenai perkara-perkara yang dianggap 'settled' demi keselamatan negara, beliau dituduh pula cuba membunuh demokrasi dan tidak liberal lagi.

Tetapi ada juga penganalisis politik yang berpendapat bahawa masalah pimpinan Dr. Mahathir yang terjejas akibat faktor-faktor di luar kawalan beliau, tidak begitu teruk menekan beliau sekiranya beliau boleh mendapat sokongan padu dari UMNO. Golongan ini berpendapat bahawa sekiranya beliau mengambil alih pimpinan negara pada tahun 1981, dengan menyatakan secara terbuka pilihan beliau untuk jawatan nombor dua dalam kerajaan, pertandingan dalam UMNO untuk jawatan timbalan presiden, boleh dielakkan. Tetapi dengan membiarkan berlangsung pertandingan kerana ingin membuktikan beliau seorang yang demokratik bagi jawatan nombor dua dalam parti, Dr. Mahathir sebenarnya telah membuka pintu kepada cabaran-cabaran lanjut terhadap ke-

pimpinan UMNO yang telah mengakibatkan beliau sendiri ditentang.

Bagaimanapun oleh kerana Dr. Mahathir tidak memperlihatkan ketegasannya menghalang Tengku Razaleigh menentang Datuk Musa untuk kali pertama tahun 1981 dan kedua tahun 1984, secara tidak langsung bermakna bahawa Dr. Mahathir telah membiarkan tradisi UMNO bagi kedudukan nombor satu dan dua tidak dicabar berkubur begitu sahaja. Tetapi ada pula pihak yang mengatakan, Dr. Mahathir sebenarnya tidak boleh disalahkan bagi pertandingan yang berlaku antara Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Dr. Mahathir, kata golongan ini, telah secara langsung dan tidak langsung meminta pihak-pihak yang bertanding supaya menghormati tradisi parti, tetapi telah tidak diendahkan. Menurut mereka, Dr. Mahathir tentu tidak boleh menyekat Tengku Razaleigh dari bertanding kerana demokrasi parti membenarkan beliau berbuat demikian dan beliau juga tidak mahu dituduh autokratik dalam memimpin UMNO. Sebagai orang yang lantang mengkritik pimpinan Tunku Abdul Rahman yang telah menyebabkan beliau pada satu ketika disingkirkan dari UMNO, Dr. Mahathir tahu erti kebebasan. Lantaran itu beliau bersikap demokratik, walaupun akhirnya pimpinan beliau sendiri yang dicabar. Apa yang berlaku pada 24 April 1987 itu, menurut pemerhati-pemerhati politik, tidak akan berlaku sekiranya Dr. Mahathir bukan presiden UMNO. Ini kerana presiden-presiden UMNO sebelum beliau memperlihatkan ketegasan menghadapi tentangan terhadap pimpinan dari dalam di peringkat awal sebelum ia menjadi satu tenaga yang mengancam. Ini dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman dalam menghadapi Aziz Ishak dan Dr. Mahathir sendiri serta Tun Hussein Onn yang memperlihatkan keberanian menyingkir Datuk Harun Idris yang amat popular di dalam parti ketika itu. Tetapi di bawah Dr. Mahathir tidak ada penyingkiran atau pemecatan. Apakah ini lambang bahawa pimpinan Dr. Mahathir benar-benar demokratik dan liberal, atau beliau seorang pemimpin yang teragak-agak dan tidak tegas bergantung pada siapa yang melihatnya.

Memimpin atau Dipimpin

Memang diakui bahawa faktor-faktor luaran seperti kemeleutan ekonomi, telah memberi sumbangan ke arah melahirkan bibit-bibit tidak puas hati terhadap pimpinan Dr. Mahathir. Tetapi aspek-aspek luaran bukan merupakan faktor tunggal yang menyebabkan populariti pimpinan Dr. Mahathir merosot dan *power basenya* mengecil di dalam UMNO. Gaya atau trail kepemimpinan beliau sejak menjadi perdana menteri turut memainkan peranan.

Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, tidak seperti pemimpin yang lain sebelum ini, yang bersedia menjadi popular dengan mengikut arus atau melayan kehendak popular. Dr. Mahathir tidak begitu. Beliau terkenal sebagai pemimpin yang bebas berfikir dan membuat keputusan. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang mempunyai cara bertindak tersendiri yang tidak mudah dihasut atau mengikut telunjuk mana-mana pihak. Bagi beliau menjadi pemimpin sesebuah pertubuhan bermakna memimpin, bukan dipimpin. Pendirian ini beliau gaskan sewaktu beliau mengambil alih jawatan presiden UMNO dan perdana menteri daripada Tun Hussein pada tahun 1981. Ketika itu beliau menegaskan bahawa beliau menjadi presiden UMNO untuk memimpin bukannya dipimpin.

Inilah yang telah cuba beliau lakukan sejak tahun 1981, iaitu menterjemahkan banyak ideanya sebelum mengambil alih kuasa terlebih dulu dan kemudian mendapatkan persetujuan dari perhimpunan agung. Segala perubahan beliau, dimumkan terlebih dulu, kemudian dimaklumkan kepada perhimpunan parti. Sekiranya beliau berdepan dengan masalah seperti halnya dengan pindaan perlembagaan 1983 yang bertujuan untuk menjelaskan lagi takrif raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, barulah beliau mencari sokongan partinya. Ekoran peristiwa itu, ada kenyataan dibuat oleh sebilangan perwakilan yang memberi gambaran bahawa seolah-olah Dr. Mahathir telah membelakangkan parti dalam tindak-tanduknya. Kepada kenyataan serupa itu, Dr. Mahathir menjawab bahawa beliau akan buat apa yang beliau

hendak buat dan bukannya membuat apa yang orang lain suruh buat.

Tatkala pendirian dan keberanian Dr. Mahathir menyatakan pendapat dan pendiriannya secara terus terang ini dikagumi dan disanjung, tetapi stail kepimpinan beliau itu boleh membuat orang lain marah dan melarikan sokongan dari Dr. Mahathir. Tetapi Dr. Mahathir tidak mpedulikan itu. Beliau pernah memberitahu bahawa beliau bukan seorang diplomat dan tidak tahu menggunakan kata-kata untuk mempopularkan diri beliau. Jika beliau tidak bersetuju, beliau akan berkata begitu.

Walaupun Dr. Mahathir menjadi perdana menteri dengan imej yang tersendiri, tetapi pada mulanya beliau cuba memuaskan semua pihak dengan mengumumkan dasar-dasar yang menarik dan belum pernah dibuat sebelum ini. Ini termasuklah dasar liberal, cekap, bersih dan amanah, penerapan nilai-nilai Islam, pimpinan melalui teladan, menghapuskan rasuah dan sebagainya. Bagi pemerhati-pemerhati politik, inilah 'kesilapan' pertama Dr. Mahathir kerana dalam usahanya untuk memuaskan setiap pihak, beliau sebenarnya tidak memuaskan sesiapa pun. Sebaliknya, beliau pula dimusuhi kerana apa yang ingin dilakukan oleh Dr. Mahathir ditafsirkan dengan definisi yang berbeza oleh pihak-pihak yang tertarik dengan beliau itu. Mereka yang ingin melihat wujudnya sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah mendapati tidak banyak perubahan dalam cara birokrasi memberi layanan kepada orang ramai. Sebahagiannya bukan salah Dr. Mahathir kerana mengubah nilai lama yang lapuk kepada nilai baru yang lebih progresif dan inovatif memakan masa. Rakyat mengharapkan perubahan sekelip mata. Ini tentulah mustahil. Mereka yang mengharapkan penerapan nilai-nilai Islam secara progresif juga turut kecewa kerana mereka melihat tidak ada perubahan yang radikal. Mereka bercakap mewujudkan sebuah negara Islam dengan perlembagaan dan undang-undang Islam. Dr. Mahathir lebih menekankan nilai-nilai Islam seperti amanah, kerja kuat, jujur dan sebagainya selain daripada mewujudkan institusi keislaman seperti Bank

Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Takaful dan sebagainya. Begitu juga dengan kumpulan-kumpulan pendesak yang menentang fahaman dasar liberal Dr. Mahathir bukan seperti fahaman liberal Barat. Mereka juga akhirnya memusuhi Dr. Mahathir dan melihat beliau tidak ada bezanya dengan pemimpin-pemimpin sebelum ini. Kakitangan sektor awam pula, selain daripada kecewa kerana tidak mendapat pelarasan gaji, juga mula berangut dengan usaha Dr. Mahathir mendisiplinkan mereka melalui kad perakam waktu datang dan pulang pejabat. Di bawah Dr. Mahathir juga, institusi penting seperti Unit Perancangan Ekonomi mempunyai peranan yang lebih kecil. Menubuhkan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) banyak mengambil alih peranan sebilangan institusi sektor awam.

Di dalam parti pula, Dr. Mahathir juga memperlihatkan bahawa beliau tidak mahu jentera pembuat dasar parti seperti perhimpunan agung atau majlis tertinggi mengikat kebebasan beliau untuk membuat perubahan. Beliau tidak takut untuk memberi tempat kepada orang-orang baru dalam pucuk pimpinan parti dan (kerajaan) sekiranya beliau merasakan bahawa mereka berkebolehan dan boleh diamanahkan untuk melaksanakan program dan cita-cita beliau untuk negara. Berdasarkan latar belakang inilah beliau telah membawa masuk Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin ke dalam UMNO dan kerajaan dan menaja mereka ke kementerian-kementerian penting dan peranan sehingga membuat pihak lain pula merasa kecil hati dengan Dr. Mahathir.

Tetapi Dr. Mahathir tidak kisah itu semua. Yang penting bagi beliau ialah beliau merasakan Anwar Ibrahim adalah lebih baik berada di dalam UMNO dan kerajaan kerana jika bekas pemimpin ABIM itu berada di luar, beliau boleh menimbulkan masalah. Kemasukan Anwar Ibrahim ini dilihat oleh banyak pihak sebagai satu kejayaan terbesar Dr. Mahathir kerana beliau memujuk Anwar Ibrahim menyertai UMNO yang ketika itu juga sedang dipinang oleh PAS. Dari satu segi, kemasukan Anwar Ibrahim ini tidak patut menjadi satu isu kerana sebelum ini pun pemimpin UMNO yang lain pernah

memujuk beliau memasuki UMNO. Tun Razak dikatakan pernah berbuat demikian dengan menawarkan kerusi parlimen kepada Anwar Ibrahim sebelum itu sebagai wakil kerajaan ke Pertubuhan Pertanian Dunia. Tetapi ketika itu, Anwar Ibrahim menolak dan lebih suka memainkan peranan sebagai pengkritik kerajaan sehingga pada satu ketika beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1974.

Ketika itu, Anwar Ibrahim barangkali merasakan bahawa adalah lebih baik beliau menjadi penentang kerajaan kerana beliau sendiri tidak setuju dengan banyak dasar kerajaan yang beliau dakwa korup, tidak adil dan menindas. Sekiranya beliau masuk juga dalam UMNO, beliau tidak akan berjaya membuat sebarang perubahan kerana beliau tidak dijanjikan kedudukan dalam kerajaan. Beliau melihat bagaimana Datuk Sanusi Junid yang telah menyertai UMNO dan menjadi ahli parlimen pada tahun 1974 terpaksa melalui sistem latihan atau perantis UMNO sebelum diberi jawatan. Melihat perkembangan itu barangkali beliau tidak tertarik memasuki UMNO kerana bimbang beliau akan menjadi salah seorang yang berbudaya UMNO ketika itu.

Tetapi di bawah pimpinan Dr. Mahathir keadaannya berlainan. Anwar Ibrahim melihat bahawa Dr. Mahathir seorang yang boleh menaja beliau ke jawatan yang beliau ingini kerana sebagai presiden UMNO dan perdana menteri, Dr. Mahathir adalah tokoh yang berkuasa untuk memberi jawatan kepada orang-orang kepercayaan beliau. Setelah melihat kesungguhan Dr. Mahathir mengamalkan dasar liberal dan kerajaan terbuka dengan membebaskan tahanan-tahanan AKDN atau ISA serta ketegasan beliau dalam menentang rasuah, komitmen terhadap Islam, Anwar Ibrahim merasakan bahawa sudah tiba masanya beliau menamatkan peranan beliau sebagai ketua *pressure group* dan menyertai UMNO dan kerajaan. Inilah keputusan beliau pada tahun 1982. Dalam waktu yang singkat, tanpa menjalani sebarang perantisan seperti yang terpaksa dilalui oleh pemimpin-pemimpin muda UMNO sebelum beliau, Anwar Ibrahim telah diberi kerusi parlimen, selepas menang menjadi timbalan menteri, lebih

tahun kemudian menjadi menteri penuh. Tanpa tajaan Dr. Mahathir adalah mustahil bagi Anwar Ibrahim naik begitu mendadak dalam parti dan kerajaan.

Segala yang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu sebenarnya bukanlah luar biasa. Perdana menteri sebelum beliau juga pernah berbuat demikian. Tun Hussein Onn, Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Ghazali Shafie semuanya menjadi menteri penuh tanpa terlebih dulu melalui sistem perantis UMNO. Tetapi kenaikan mendadak tokoh-tokoh ini tidak menimbulkan masalah kerana mereka merupakan tokoh-tokoh parti yang memang sudah terkenal dan diuji pimpinan mereka. Tetapi Anwar tidak begitu. Sewaktu di luar UMNO, beliau menganggap UMNO sebagai musuh. Pemuda UMNO yang ketika itu terpaksa menangkis segala tentangan Anwar Ibrahim dan ABIM. Tetapi dengan kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, tokoh-tokoh pemuda UMNO melihat betapa tokoh yang dulu mereka perangi tiba-tiba berada di kedudukan yang lebih tinggi daripada mereka sedangkan dari segi perjuangan, mereka mungkin merasa bahawa mereka telah berjasa kepada UMNO daripada Anwar. Dr. Mahathir tahu implikasi kemasukan Anwar itu, tetapi oleh kerana beliau bersedia menjadi tidak popular, maka beliau sanggup menghadapi apa juga risikonya termasuk kehilangan sokongan. Malah selepas Anwar, Dr. Mahathir memberi tempat kepada seorang lagi tokoh yang rapat dengan beliau sebagai menteri penuh dalam kerajaan. Beliau ialah Daim Zainuddin, pitawan dan seorang peniaga Melayu yang berjaya, yang menjadi menteri kewangan pada tahun 1984 menggantikan Tengku Razaleigh.

Di sini jelas bahawa Dr. Mahathir memperlihatkan keazamannya untuk membawa tenaga-tenaga baru membantu beliau melaksanakan program-program beliau. Keputusan Dr. Mahathir yang bertujuan untuk menguatkan kedudukan kerajaan dan parti dengan tenaga-tenaga yang berkebolehan telah ditafsirkan oleh sebilangan mereka yang dulunya menyokong Dr. Mahathir. Mereka melihat tindakan itu sebagai usaha Dr. Mahathir untuk membelakangkan mereka. Gambaran ini

seolah-olah betul apabila mereka melihat bahawa dalam meng-agih-agihkan tugas penting seperti penubuhan Bank Islam, Universiti Islam dan sebagainya diserahkan kepada tokoh yang Dr. Mahathir amat percayai. Malah apabila rombakan kabinet dibuat, orang-orang ini ditaja ke kementerian-kementerian yang penting. Lalu timbullah kononnya Dr. Mahathir mengamalkan pimpinan yang bercorak eksklusif yang hanya terbuka kepada tokoh-tokoh tertentu. Maka timbullah dakwaan kononnya Dr. Mahathir mengamalkan pilih kasih. Mereka menggunakan tokoh-tokoh ini untuk menentang Dr. Mahathir seperti yang jelas berlaku dalam pemilihan 24 April 1987 itu. Apabila berlaku keadaan serupa itu, dengan Dr. Mahathir sendiri mengetuai satu *faction* dalam parti untuk mempertahankan jawatan, maka hilanglah tempat bagi ahli-ahli UMNO untuk mengadu jika mereka berdepan dengan masalah. Mereka terutama yang pernah menentang Dr. Mahathir, mustahil untuk pergi mengadu kepada beliau. Bila itu keadaannya, maka apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir dengan mudah disalahtafsirkan.

Apabila beliau hanya memberi jawatan dalam kerajaan kepada orang-orang yang telah menyokong beliau, maka pimpinan beliau dituduh telah kehilangan unsur-unsur kebapahan dan beliau hanya menjadi ketua kepada *faction*nya sahaja. Keadaan ini pula dikatakan terus menjauhkan Dr. Mahathir dari ahli-ahli parti yang menentang beliau dulu. Tetapi masalah bagi Dr. Mahathir ialah jika orang-orang yang tidak sebulu diberi kedudukan, mereka akhirnya menikam diri beliau sendiri seperti yang pernah terjadi sebelum ini. Tidak syak lagi, apabila Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet selepas kalah kali kedua dalam pertarungan timbalan presiden pada tahun 1984, walaupun ditentang oleh Datuk Musa, tujuan beliau ialah untuk menyatupadukan parti.

Tindakan ini diambil kerana beliau melihat bahawa Tengku Razaleigh walaupun tewas, masih mendapat sokongan hampir separuh perwakilan. Tentu beliau tidak boleh mengetepikan Tengku Razaleigh begitu sahaja. Tetapi tindakan ini juga di-

Jah tafsir oleh para penyokong Datuk Musa bahawa Tengku Razaleigh dikekalkan sebagai menteri, bukan kerana hendak menyatupadukan parti tetapi kerana kepentingan politik Dr. Mahathir sendiri yang ingin mengimbangi kedudukan Datuk Musa yang tanpa ketiadaan Tengku Razaleigh mungkin mengancam kedudukan Dr. Mahathir sendiri akhirnya. Lalu Dr. Mahathir dituduh mengamalkan dasar pecah dan perintah antara Datuk Musa dan Tengku Razaleigh. Kedua-dua tokoh itu kemudian bergabung tenaga untuk menentang Dr. Mahathir. Barangkali selepas pengalaman itu, Dr. Mahathir menyedari betapa pentingnya beliau memberi kedudukan dalam kerajaan kepada orang-orang UMNO yang bukan sahaja sejalan dengan beliau, tetapi tidak berminat untuk menggunakan kedudukan yang diberi untuk membina kekuatan bagi menentang beliau. Tetapi keputusan ini juga menimbulkan masalah kepada pimpinan Dr. Mahathir kerana beliau telah menafikan tokoh-tokoh UMNO lain yang berkebolehan tetapi tidak bersama beliau lagi.

Apabila ini terjadi, apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir disisirkan oleh setengah-setengah pemerhati politik dari dua sudut. Pertama, ada pihak melihat bahawa tindakan beliau itu mencerminkan hasrat beliau untuk menjadi pemimpin yang dipimpin dan bukannya pemimpin yang memimpin. Kedua, ada juga orang melihat bahawa apabila Dr. Mahathir memberi tempat kepada orang-orang baru sehingga menyisihkan penyokong-penyokong lama adalah bukti kegagalan beliau mengekalkan kawan lama dalam menambah kawan baru. Secara khusus, golongan ini melihat bahawa kemasukan Anwar Ibrahim telah menyisihkan Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan kemasukan Daim Zainuddin dilihat telah menjauhkan Datuk Musa Hitam. Tetapi pandangan kedua ini boleh dicitikanya kerana ada kalangan melihat bahawa masalah Datuk Musa dan Datuk Abdullah tersisih tidak ada kena mengena dengan Dr. Mahathir, tetapi kerana kegagalan kedua-dua orang pemimpin itu memahami Dr. Mahathir. Mereka sendiri yang merasakan bahawa Dr. Mahathir telah menyisihkan mereka sedangkan Dr. Mahathir tidak. Ini terbukti kerana

seorang kawan lama Dr. Mahathir, Datuk Seri Sanusi Junid tidak menghadapi masalah yang dihadapi oleh Datuk Musa atau Datuk Abdullah. Hubungan beliau dengan Dr. Mahathir tetap baik, sekalipun Dr. Mahathir sudah mendapat kawan baru dalam politik. Tetapi oleh kerana Datuk Seri Sanusi pandai membawa diri dan memahami perangai Dr. Mahathir, beliau tetap rapat dengan Dr. Mahathir. Malah beliau mendakwa bahawa beliaulah merupakan satu-satunya penyokong Dr. Mahathir yang komited.

Dakwaan ini memang sukar untuk diketepikan. Dalam pemilihan 24 April, penyokong-penyokong Dr. Mahathir yang lain, termasuk Anwar, bertanding untuk jawatan naib presiden sedangkan Datuk Seri Sanusi tidak. Datuk Seri Sanusi pernah memberitahu para wartawan bahawa beliau tidak bertanding bukan kerana takut kalah atau dilarang oleh Dr. Mahathir, tetapi kerana ingin menumpukan segala tenaga dan perhatian untuk berkempen bagi pihak Dr. Mahathir. Ini kerana menurut beliau sekiranya beliau bertanding juga, beliau sudah pasti berkempen lebih banyak untuk dirinya sendiri daripada berkempen untuk kemenangan Dr. Mahathir.

Sikap Bukan Melayu

Dr. Mahathir menyertai kabinet pada tahun 1974 dan menjadi perdana menteri pada tahun 1981 dengan imej bahawa beliau adalah ultra Melayu di kalangan bukan Melayu. Imej ini tidak berjaya dikikiskan sepenuhnya walaupun selepas menjadi menteri, beliau cuba mengikut jejak pemimpin-pemimpin UMNO yang lain untuk menjadi pemimpin kepada semua rakyat Malaysia, bukan orang Melayu sahaja. Walaupun pada keseluruhannya beliau dihormati, tetapi tidak semua bukan Melayu menyukai beliau.

Ini tidak menghairankan kerana sewaktu berada di luar kerajaan, Dr. Mahathir merupakan satu-satunya intelek Melayu yang paling bijak merumuskan kepentingan orang Melayu yang tidak begitu mendapat perhatian pemimpin kerajaan waktu itu dan kemudian menyuarakannya dengan

ra yang lantang dan berkesan baik melalui tulisan ataupun ucapan. Tekanan beliau adalah sedikit sebanyak yang telah mempengaruhi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dilihat oleh orang Melayu sebagai program ekonomi yang menguntungkan orang-orang Melayu. Desakan beliau jugalah yang telah membuat kerajaan Tun Razak melancarkan program-program politik dan sosial yang bertujuan untuk menyelamatkan kelestarian Melayu di negara ini yang pada satu ketika hanya menjadi catatan dalam perlembagaan sahaja. Menyedari peranan Dr. Mahathir itu bukanlah sesuatu yang luar biasa kiranya bukan Melayu, masyarakat Cina khususnya menentang pimpinan beliau dengan tidak sepenuh hati.

Pada mula rasa marah mereka terhadap Dr. Mahathir tidak diungkapkan secara terbuka kerana beliau mendapat sokongan kuat dari orang Melayu. Segala kebencian terhadap pimpinan beliau dipendam. Tetapi apabila Dr. Mahathir hanya mendapat sokongan separuh parti beliau sendiri, berbagai-bagai cara dilakukan untuk menggugat pimpinan Dr. Mahathir. Akhbar harian milik MCA, *The Star* digunakan untuk melaksanakan sebahagian tugas ini dengan mengemukakan laporan-laporan yang mendedahkan banyak kegagalan kerajaan atau ketidakadilan pemimpinnya. Ini dilakukan dalam pemberitaan berkaitan dengan soal BMF dan KPD. Skandal BMF cuba digambarkan sebagai kegagalan pimpinan Melayu manakala skandal KPD yang melibatkan pimpinan Cina cuba diperkecilkan. Malah kerajaan pula diberi gambaran tidak mahu membantu koperasi yang mengalami masalah kewangan akibat penyelewengan pengurusan. Keluh-kesah masyarakat Cina berkaitan dengan rancangan membangunkan Bukit Cina di Melaka, soal pendidikan, kebudayaan semuanya ditimbulkan seolah-olah kerajaan yang ada anti-Cina dan tidak memberi keadilan kepada mereka. Setengah-setengah orang melihat bahawa pakatan MCA, Gerakan dan DAP di sebuah kuil di Kuala Lumpur merupakan kemuncak kepada usaha untuk menggugat pimpinan Melayu di bawah Dr. Mahathir Mohamad. Dalam bidang ekonomi pula, Dr. Mahathir menghadapi masalah kerana keengganan sektor swasta yang dikuasai oleh

peniaga-peniaga bukan Melayu untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Sejak mengambil alih pucuk pimpinan, beliau menyeru supaya sektor swasta memainkan peranan penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi daripada sektor awam. Tetapi seruan ini tidak mendapat sambutan yang positif sehingga memaksa kerajaan meneruskan peranan itu. Sektor swasta tidak memperlihatkan minat sama ada untuk menambah pelaburan yang ada, atau membuat pelaburan-pelaburan baru. Secara senyap-senyap mereka melaburkan segala keuntungan yang diperolehi di luar negeri. Australia dan Kanada menjadi tumpuan penghijrahan masyarakat Cina Malaysia yang tidak lagi mempunyai kepercayaan terhadap negara ini. *Far Eastern Economic Review* keluaran 26 November 1987 melaporkan bahawa sepanjang tahun-tahun 1980-an sejak Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, jumlah orang-orang Cina meninggalkan Malaysia adalah *steady* dan *constant*. Purata, majalah mingguan itu menganggarkan bahawa antara 2000 hingga 3000 orang Cina berhijrah ke Australia sahaja. Tahun 1984-85, Suruhanjaya Tinggi Australia mengatakan bahawa 2300 orang Cina Malaysia telah pergi ke negara itu untuk tinggal di sana. Pada tahun 1985-86, jumlahnya ialah 2200 manakala 1986-87 bilangannya ialah 3900 dari sejumlah 11 400 yang memohon untuk berbuat demikian. Penghijrahan ke Kanada, Amerika Syarikat dan Eropah Barat tidak pula diketahui. Tetapi jumlah yang melabur wang mereka di tempat lain dianggarkan agak besar. Ini terbukti kerana dalam usaha untuk menggalakkan keuntungan yang mereka perolehi dari pelaburan di luar negeri dibawa pulang ke Malaysia. Menteri kewangan dalam belanjawan 1986 telah menawarkan amnesti kepada mereka yang membawa wang keuntungan dari pelaburan di luar negeri itu dari sebarang cukai. Berapa ramai yang mengambil kesempatan dari tawaran itu tidak pula diketahui, tetapi satu sumber kerajaan mengatakan, jumlahnya tidaklah menggalakkan.

Walaupun ada pihak melihat tindakan para pelabur swasta dalam negeri enggan melaburkan wang mereka di dalam negeri sebagai satu tindakan ingin mensabotaj pimpinan Dr.

Mahathir, pihak lain melihat perbuatan itu sebagai perkara biasa di kalangan orang *business*. Bagi mereka, golongan ini berhujah, mereka terpaksa melabur di luar negeri kerana di sana mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih besar. Keadaan dalam negeri yang menurut mereka tidak menentu dan tidak stabil, telah menjadikan iklim ekonomi Malaysia tidak begitu menarik bagi para pelabur swasta tempatan. Selain itu, mereka juga merasakan bahawa pelaburan mereka bertakluk kepada Dasar Ekonomi Baru dan ini bermakna mereka perlu mematuhi pengambilan pekerja Melayu sekurang-kurangnya 30 peratus.

Di kala yang sama, mereka melihat bahawa para pemodal asing mulai tahun 1986, melalui satu dasar baru yang dinamakan oleh Dr. Mahathir di New York, telah dikecualikan dari peraturan itu apabila diumumkan bahawa para pemodal asing boleh memiliki ekuiti seratus-peratus. Ini bermakna mereka tidak lagi perlu mematuhi garis panduan Dasar Ekonomi Baru yang mewajibkan mereka memberi sebahagian daripada ekuiti itu kepada bumiputera tempatan. Memanfaatkan ada diskriminasi dalam layanan ini, menurut seorang pensyarah ekonomi di Universiti Malaya, telah mendorong para pelabur dalam negeri menanam modal di tempat lain di mana peraturan yang menyekat kebebasan mereka tidak ada. Jadi, negara-negara kapitalis seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand menjadi negara sasaran mereka. Apabila ini berlaku, pelaburan oleh pihak swasta di dalam negeri tidak bertambah. Akibatnya, kerajaan terpaksa memainkan peranan utama sebagai penggerak ekonomi sedangkan ia sendiri menghadapi kesulitan ekoran kemelesetan yang menyebabkan pendapatannya berkurangan. Dari segi ini barangkali sukar untuk mengatakan apakah penghijrahan masyarakat Cina itu kerana mereka ingin mencari peluang yang lebih baik di luar, atau mereka sengaja berbuat demikian kerana ingin mensabotaj pimpinan Melayu di bawah Dr. Mahathir Mohamad.

✓UMNO BARU

WALAUPUN usaha dibuat, tetapi kumpulan 11 orang yang merancang untuk mengambil tindakan undang-undang mencabar kesahihan pemilihan UMNO yang telah memberi kemenangan kepada Dr. Mahathir Mohamad gagal dipujuk supaya membatalkan rancangan mereka. Mereka tetap berkeras mahu mahkamah mengisytiharkan pemilihan itu tidak sah kerana mereka mendakwa telah berlaku beberapa penyelewengan yang telah menimbulkan keraguan mengenai kemenangan tipis Dr. Mahathir. Mereka mendakwa bahawa 30 cawangan dalam empat bahagian yang turut menghantar wakil dalam perhimpunan agung pada 24 April, tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan. Kehadiran cawangan-cawangan ini kata mereka adalah menyalahi Akta Pertubuhan 1966. Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa ada antara wakil pemuda UMNO ke perhimpunan itu telah melebihi had umur yang telah ditetapkan, iaitu 40 tahun. Ini juga, menurut mereka, menyalahi peraturan UMNO. Lantaran itu, kumpulan 11 orang itu berkata, kerana aduan mereka kepada parti telah tidak dipedulikan, mereka mahu menggunakan mahkamah untuk menegakkan kebenaran. Apa yang mereka minta apabila kes mereka didengar kepada mahkamah ialah supaya pemilihan 24 April 1987 diisytiharkan tidak sah dan satu perintah dikeluarkan supaya satu pemilihan baru diadakan.

Dari satu segi, kegagalan mendapatkan kumpulan 11 orang untuk membatalkan rancangan mereka memang sudah diduga. Pimpinan UMNO sendiri sebenarnya tidak mengambil usaha yang serius untuk memujuk mereka. Malah, sebaik sahaja rancangan 11 orang itu diketahui, mereka telah dikritik dan ditentang. Majlis Tertinggi UMNO tidak menghantar orang untuk bertemu mereka. Usaha hanya dibuat setelah agak terlewat setelah kes itu dikemukakan ke mahkamah tinggi dan selepas 11 orang itu menjadi kumpulan *hard core* yang sukar untuk dipujuk. Majlis Tertinggi UMNO hanya membentuk sebuah jawatankuasa yang berusaha untuk menyelesaikan kes itu di luar mahkamah dalam bulan Oktober 1987 sedangkan kes itu pertama kali disebut di mahkamah tinggi pada 25 Jun 1987. Tidak ada kuasa tertentu diberikan kepada jawatankuasa itu tentang bagaimana untuk menyelesaikan masalah. Malah siapa pengerusi jawatankuasa itu tidak diketahui. Timbalan presiden UMNO, Encik Ghafar Baba pada mulanya mengumumkan bahawa Datuk Sanusi Junid ialah pengerusi-nya. Tetapi fakta ini dibetulkan kemudian bahawa Datuk Sanusi bukan pengerusi. Bila jawatankuasa yang turut dianggotai oleh naib presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Penerangan, Senator Hussein Ahmad, Pengerusi Biro Perpaduan UMNO ketika itu, Datuk Napsiah Omar dan Datuk Adzir Sheikh Fadzir, Datuk Abdullah mempengerusikan mesyuarat.

Sebuah jawatankuasa yang tidak mempunyai kuasa, memang diharapkan untuk tidak mencapai kejayaan. Inilah yang berlaku. Jawatankuasa itu cuma bertemu sekali sahaja dengan tujuh daripada 11 orang yang mendakwa UMNO itu. Malah mereka tidak mahu membuat sebarang penyelesaian di luar mahkamah. Mereka tidak mahu bertolak ansur. Dr. Mahathir memberitahu kemudian bahawa dalam pertemuan yang diadakan itu, kumpulan 11 telah tetap tegas dengan pendirian mereka mahukan satu pemilihan baru pucuk pimpinan diadakan. Malah Dr. Mahathir pada 14 Februari 1988 mendedahkan bahawa 11 orang itu hanya bersetuju membatalkan kes mahkamah sekiranya Dr. Mahathir berhenti men-

jadi presiden UMNO dan tokoh pilihan mereka dijadikan presiden parti menggantikan Dr. Mahathir. Mereka tidak mahu orang lain kecuali tokoh pilihan mereka, kata Dr. Mahathir.

Dilihat dari segi ini, barangkali pucuk pimpinan parti waktu itu tidak boleh disalahkan kerana tidak mengambil usaha yang sungguh-sungguh untuk menyelesaikan soal itu di luar mahkamah. Ini kerana pucuk pimpinan meragui tujuan sebenar kumpulan 11 orang yang beliau rasakan didalangi oleh orang tertentu untuk menjatuhkan Dr. Mahathir setelah gagal mencapai matlamat mereka melalui proses demokrasi. Selain itu, kumpulan 11 orang itu telah mengemukakan aduan mereka dengan cara yang tidak mengikut peraturan. Mereka sepatutnya membawa ke pengetahuan Majlis Tertinggi UMNO mengenai sebarang penyelewengan dalam pemilihan cawangan dalam masa 14 hari selepas pemilihan berlangsung untuk tindakan bagi siasatan lanjut diadakan. Dr. Mahathir mendakwa, ini telah tidak dilakukan oleh mereka. Sebaliknya, perkara itu mereka timbulkan berbulan-bulan selepas mesyuarat selesai. Kumpulan 11 orang itu bagaimanapun mendakwa bahawa adalah tidak benar mereka telah tidak memberitahu ibu pejabat UMNO mengenai kehadiran cawangan-cawangan yang tidak berdaftar itu. Aduan, kata mereka, telah dibuat, tetapi telah tidak diambil berat oleh ibu pejabat.

Dalam kes mereka, kumpulan 11 orang itu hanya meminta mahkamah mengisytiharkan pemilihan 24 April sebagai tidak sah dan satu pemilihan baru pucuk pimpinan UMNO diadakan semula. Tetapi apabila kes itu diputuskan oleh hakim mahkamah tinggi, Datuk Harun Hashim pada 4 Februari 1988, yang diisytiharkan melebihi apa yang diminta oleh kumpulan 11 orang itu. Dalam keputusannya, hakim itu telah mengisytiharkan bahawa oleh kerana terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan, maka UMNO pada keseluruhannya adalah juga sebuah pertubuhan yang tidak sah di segi undang-undang. Ini kerana menurut beliau, Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966—akta yang dibuat sendiri oleh parlimen—menyatakan bahawa apabila sesebuah pertubuhan menubuhkan cawangan dan cawangan itu tidak

berdaftar dengan pendaftar pertubuhan, maka yang tidak sah bukan sahaja cawangan berkenaan, tetapi badan induk pertubuhan itu juga. Berdasarkan undang-undang itu, kata Datuk Harun, UMNO sewaktu pemilihan 24 April 1987 berlangsung adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah. Lantaran itu, tamahnya, soal memenuhi permintaan kumpulan 11 orang untuk mengisytiharkan pemilihan 24 April itu sebagai tidak sah, tidak timbul kerana pada waktu pemilihan itu berlangsung, UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah.

Dari satu segi, kumpulan 11 orang itu secara tidak langsung mendapat lebih daripada apa yang dimintanya dengan implikasi yang lebih besar kepada UMNO. Ini kerana setelah mahkamah mengisytiharkan sesebuah pertubuhan itu tidak sah, maka proses menghidupkan semula terlalu rumit kecuali tindakan dibuat pada Akta Pertubuhan 1966 dan penguatkuasaannya dibelakangkan ke tahun itu. Dalam kes UMNO, pengisytiharan mahkamah itu bermakna UMNO yang diasaskan pada 11 Mei 1946 itu telah lenyap di sisi undang-undang. Sebagai gantinya, Dr. Mahathir telah menaja parti baru, yang diberi nama UMNO (Baru) kira-kira dua minggu selepas UMNO diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah.

Tetapi sebelum UMNO (Baru) ditubuhkan, reaksi pertama Dr. Mahathir ialah kepada dua perkara: pertama, beliau menegaskan bahawa pengharaman UMNO yang menyebabkan beliau tidak ada lagi parti untuk diketuai, tidak menjejaskan kedudukan beliau sebagai perdana menteri; kedua, beliau menyalahkan kumpulan 11 orang itu sepenuhnya sehingga menyebabkan UMNO diisytiharkan tidak sah. Dalam kenyataan awalnya, beliau sedikit pun tidak membayangkan rancangannya untuk menghidupkan semula UMNO. Beliau pernah berkata bahawa beliau mempunyai banyak pilihan dan kami tahu apa yang kami buat dan rakyat tidak perlu bimbang.' Dr. Mahathir sebenarnya mempunyai strateginya sendiri, tetapi kali ini beliau tidak mahu mengelilingi negara memukul canang seperti yang kerap dilakukan sebelum ini apabila beliau berdepan dengan masalah. Ini dilakukannya ketika menghadapi krisis perlembagaan 1983; ketika pimpin-

annya dicabar dan ketika krisis perletakan jawatan Datuk Musa Hitam, Dr. Mahathir telah mengelilingi negara memberitahu rancangannya kepada rakyat dan ahli-ahli parti. Tetapi kali ini beliau tidak berbuat demikian.

Sebaliknya, melalui pejabatnya di Kuala Lumpur, beliau menegaskan bahawa 'perdana menteri tetap perdana menteri'. Sesungguhnya kedudukan beliau sebagai ketua kerajaan memang tidak terjejas. Tidak ada usul undi tidak percaya terhadap pimpinan beliau dalam parlimen. Ini kerana seperti yang ditetapkan oleh Perkara 43 perlembagaan negara, kedudukan perdana menteri ditentukan oleh ahli-ahli parlimen. Selagi beliau diberi kepercayaan oleh ahli-ahli parlimen yang lain, beliau boleh meneruskan tugasnya sebagai perdana menteri. Kedudukan beliau juga tidak terjejas kerana ketua negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah melantik beliau, tidak memecat Dr. Mahathir atau memaksa beliau meletakkan jawatan. Malah Dr. Mahathir terus diberi kepercayaan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk memerintah. Dalam pertemuan sehari selepas UMNO diisytiharkan tidak sah, dengan Yang di-Pertuan Agong di Johor Bahru, Dr. Mahathir telah diminta untuk meneruskan khidmatnya sebagai perdana menteri. Secara terbuka pada 14 Februari di Kuala Lumpur, Seri Paduka sekali lagi meminta rakyat dan parti komponen Barisan Nasional supaya terus menyokong 'perdana menteri yang telah saya pilih' untuk mentadbirkan negara.

Di kalangan ahli-ahli parlimen Barisan Nasional sokongan untuk Dr. Mahathir juga tidak terjejas. Kesemua parti komponen mengikrarkan sokongan kepada beliau untuk terus memimpin kerajaan dan negara. MCA yang suatu ketika menghadapi masalah pimpinan pernah diminta oleh UMNO supaya keluar daripada Barisan Nasional, juga menyokong Dr. Mahathir. Presidennya, Dr. Ling Liong Sik, dengan nada yang agak sinis dan seolah-olah menyindir berkata: 'Saya berasa sedih dengan perkembangan dalam UMNO dan perlu saya tegaskan bahawa kami bukanlah jenis yang lari daripada sahabat apabila mereka menghadapi masalah.' Setengah-setengah ahli

UMNO menerima kenyataan ini dengan rasa tersinggung se- lah-olah Dr. Ling ingin memulangkan paku buah keras ke- pada UMNO kerana telah meminta MCA meninggalkan Barisan Nasional apabila ia menghadapi kekecohan pimpinan dalam pertengahan tahun 1980-an. Para pemimpin 12 parti kom- ponen yang lain dalam Barisan Nasional juga mengikrarkan sokongan kepada Dr. Mahathir, pada mulanya secara ber- sngin dan kemudian sokongan kolektif disampaikan melalui imbalan perdana menteri, Encik Ghafar Baba. Kemuncak sokongan ahli parlimen dan dewan negeri ialah pada 14 Feb- ruary 1988. Seluruh wakil rakyat, senator, ahli dewan negeri Barisan Nasional—berjumlah kira-kira 600 orang—secara ter- buka mengikrarkan sokongan dan kesetiaan kepada Dr. Mahathir dalam satu majlis di bangunan parlimen, tetapi di luar sesi parlimen.

Dengan sokongan yang penting itu, kebimbangan Dr. Ma- hathir bahawa undi tidak percaya terhadap pimpinan beliau akan dilakukan di dalam parlimen, juga lenyap. Kedudukannya kembali kuat. Ini kerana selepas ketiadaan UMNO, dari segi teori kedudukan Dr. Mahathir adalah lemah. Dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan, kedudukan perdana menteri sebenarnya bergantung pada parti yang beliau wakili dalam parlimen. Selepas ketiadaan parti itu, beliau sebenarnya jika mahu boleh ditumbang dengan mengusulkan undi tidak percaya terhadap beliau, atau beliau diminta berhenti oleh ketua negara yang telah melantik beliau. Tetapi dalam kes Dr. Mahathir, beliau telah tidak me- lalui pengalaman ini. Sebaliknya, kedudukan beliau semakin teguh. Sokongan untuk beliau bukan sahaja diberi oleh ahli- ahli parlimen. Selepas UMNO diharamkan, berbagai-bagai per- ubuhan penting, sama ada secara sedar dan sukarela, telah mengikrarkan sokongan kepada Dr. Mahathir. Jabatan Per- ana Menteri yang dalam keadaan biasanya sukar dimasuki, telah kelihatan barisan kumpulan-kumpulan elit dalam masyarakat menyatakan ikrar sokongan dan menyanyikan lagu 'Setia'. Antara sokongan yang diterima termasuklah dari- pada para pekebun kecil, para nelayan, para guru, para pekerja

sektor awam dan swasta, ahli-ahli perniagaan dan sebagainya. Melalui kesatuan masing-masing, ikrar taat setia dilafazkan.

Sokongan-sokongan pelbagai pertubuhan di luar parlimen ini penting kerana ia memberi gambaran bahawa ketiadaan UMNO telah tidak menyebabkan berlakunya keruntuhan dalam orde sosial di negara ini. Ini bermakna keadaan masih tenang dan kerajaan mendapat kepercayaan rakyat. Ini kerana dalam sistem demokrasi berparlimen, parti politik merupakan institusi yang paling tersusun untuk mengambil alih kuasa. Jika parti politik gagal berbuat demikian kerana berlaku krisis dalaman seperti yang telah dialami oleh UMNO, maka akan berlaku kekacauan. Keadaan itu pula boleh menyebabkan sistem sosial menjadi kacau-bilau. Apabila ini terjadi, ia mendorong kepada alat-alat negara yang lain terutamanya angkatan bersenjata dan polis untuk campur tangan dalam pentadbiran negara bagi menstabilkan semula keadaan. Hal ini bagaimanapun tidak berlaku selepas UMNO diisytiharkan tidak sah. Sebahagiannya ini kerana orde sosial tidak roboh kerana kerajaan pimpinan Dr. Mahathir mendapat sokongan dari 'orang-orang penting' dalam sistem pemerintahan negara ini. Sokongan daripada Yang di-Pertuan Agong, para pemimpin 12 buah parti komponen Barisan Nasional yang lain, pemimpin-pemimpin pertubuhan penting dalam masyarakat yang lain untuk Dr. Mahathir terus menjadi perdana menteri telah memastikan tidak berlaku kacau-bilau yang boleh menggugat kedudukan beliau. Melihat kestabilan itu, kumpulan yang tersusun dalam mana-mana masyarakat selepas parti-parti politik—tentera dan polis—tidak berminat untuk campur tangan. Lainlah soalnya kalau keadaan kacau-bilau seperti yang terjadi selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Sokongan untuk Dr. Mahathir tidak sahaja diperolehi dari rakyat dalam negara. Para pelabur asing juga mengikrarkan kepercayaan kepada pimpinan beliau. Ikrar taat setia bagaimanapun tidak dilakukan dengan menyanyi lagu 'Setia', tetapi dengan memberi jaminan untuk mengekalkan pelaburan mereka di sini atau menambah pelaburan yang sedia

la. Misalnya, pada 29 Februari 1988, sekumpulan pelabur yang mewakili Amerika Syarikat dan Jerman Barat dalam permuatan dengan timbalan perdana menteri, Encik Ghafar Baba menyatakan persetujuan untuk menanam modal sebanyak 2.5 bilion kerana mereka yakin kepada suasana pelaburan dan kestabilan politik negara ini. Pada 2 Mac, Sarawak Shell pula mengumumkan bahawa ia akan membelanjakan \$6 bilion dalam tempoh lima tahun di Malaysia. Semua komitmen ini tentu tidak dibuat sekiranya mereka tidak yakin dengan pimpinan Dr. Mahathir.

Walaupun pihak-pihak tertentu di Barat mungkin tidak menyenangi kelantangan Dr. Mahathir menyatakan panangannya, tetapi mereka mengakui bahawa Dr. Mahathir boleh diharapkan untuk menjaga kepentingan mereka di negara ini. Hakikat bahawa Dr. Mahathir bersedia melonggarkan syarat-syarat pelaburan asing di Malaysia pada tahun 1986 di New York apabila beliau mengumumkan bahawa penanam modal luar negeri tidak lagi perlu mematuhi syarat-syarat dasar Ekonomi Baru yang melarang mereka memiliki ekuiti syarikat mereka seratus-peratus, tentu menggembirakan mereka. Mereka tahu sekiranya mereka tidak menyokong Dr. Mahathir dan membiarkan UMNO berpecah, mereka juga akan rugi akhirnya. Ini kerana apabila UMNO berpecah, yang untung ialah parti-parti Melayu yang lain terutama PAS yang mereka tidak boleh bergantung harap untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur luar negeri di negara ini seperti yang boleh dilakukan oleh UMNO dan pemimpin-pemimpinnya. Bahaya perpecahan UMNO ini jelas terbayang dalam pilihanraya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Johor, Tanjung Puteri. Dalam pilihanraya pada 5 Mac 1988, Barisan Nasional yang diwakili oleh calon UMNO (Baru) berjaya mempertahankan kerusinya, tetapi hanya dengan majoriti 1 undi. Ini adalah kejayaan yang telah dicapai setelah semua pemimpin utama Barisan Nasional, termasuk Dr. Mahathir dan Encik Ghafar, turut berkempen di sana.

Serentak dengan lafaz setia yang diterima Dr. Mahathir dan para penyokongnya menggunakan kesempatan itu mengecam

perbuatan kumpulan 11 orang itu sebagai bertanggungjawab memamatkan UMNO. Anwar Ibrahim menganggap mereka sebagai pengkhianat dan mahu mereka yang mendalangi itu ditelanjangi. Dr. Mahathir sendiri menganggap perbuatan mereka sebagai durjana dan tidak boleh dimaafkan. Dalam hubungan ini beliau juga mendapat sokongan daripada sebahagian pemimpin *team B* yang pernah mencabar kepimpinan beliau pada 24 April. Antara yang awal-awal lagi menyebelahi Dr. Mahathir ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang secara terbuka menyokong dan mengecam mereka yang hendak menyusahkan pimpinan Dr. Mahathir. Datuk Musa Hitam yang selama lima tahun menjadi timbalan kepada Dr. Mahathir dalam kerajaan dan parti, menyatakan sokongan terbuka kepada Dr. Mahathir seminggu selepas UMNO diisytiharkan tidak sah. Selain daripada menyatakan bahawa pucuk pimpinan yang ada sekarang harus diberi peluang untuk menyelesaikan masalah, Datuk Musa juga membuat kenyataan yang seolah-olah ingin mengajar Dr. Mahathir bagaimana masalah itu harus diatasi. Datuk Musa berkata, UMNO sekarang sudah benar-benar sesat, tetapi belum sampai kepada keadaan yang *hopeless* atau *lost case* kerana bagi beliau semangat perjuangan UMNO tetap hidup di hati sanubari tiap-tiap ahli UMNO.

Dalam kenyataan di Segamat pada 12 Februari Datuk Musa mengibaratkan UMNO seperti benang yang kusut. Kata beliau, 'Benang yang kusut tidak boleh dibetulkan dengan satu pihak menggenggamnya dengan keras dan banyak pula pihak yang lain yang cuba merampas benang itu dengan berebut-rebut dan dengan cara yang kasar. Hujung dan pangkal benang itu perlu dipastikan terlebih dulu. Selepas itu hendaklah dengan tangan yang *steady* dan tidak menggeletar dengan keghairahan atau ketakutan, kekusutan itu diperbetulkan. Sesiapa juga boleh memberi bantuan, tetapi hendaklah dengan kesedaran yang sama tenang.' Sokongan Datuk Musa yang memberi makna yang dalam dan menyindir ini tentu tidak disenangi, walaupun tidak oleh Dr. Mahathir sendiri, oleh orang-orang yang mengelilingi beliau.

Walaupun Dr. Mahathir menyalahkan kumpulan 11 orang

sehingga UMNO yang berusia 42 tahun itu luput dari dunia ini, tetapi tidak semua setuju dengan beliau. Tunku Abdul Rahman, seorang pengkritik lantang Dr. Mahathir berpendapat bahawa Dr. Mahathir—malah setiap pemimpin dan ahli UMNO yang lain turut bertanggungjawab bagi nasib yang telah menimpa parti mereka. Tunku Abdul Rahman, dalam suatu kenyataan sempena hari jadinya yang ke-85 di Pulau Langkat pada 8 Februari 1988 berkata: 'Dalam masalah undang-undang ini, kuasa ada di tangan pemimpin UMNO untuk membetulkannya. Sepatutnya pemimpin tertinggi UMNO memasihati kerajaan supaya mengambil beberapa tindakan yang terbuka untuk mengatasi masalah ini seperti menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 70, Akta Pertubuhan yang boleh mengecualikan UMNO bukan sahaja daripada Seksyen 12(3) dan Seksyen 41 tetapi daripada keseluruhan akta tersebut sekiranya perlu. Jikalau langkah ini diambil, walaupun di saat-saat terakhir sebelum perbincaraan bermula, UMNO yang kita cintai akan terselamat. Kenapakah tindakan seperti ini tidak diambil?'

Tunku Abdul Rahman juga berhujah bahawa UMNO sengaja dibiarkan diisytihar tidak sah menerusi peguam UMNO sendiri. Menurut beliau: 'Menurut berita yang saya baca, peguam bagi pihak 11 orang itu merayu mahkamah supaya tindakan mengisytiharkan UMNO tidak sah, tetapi 11 orang itu dikutuk, dimaki dan dituduh menghancurkan UMNO. Sebenarnya ini bukan kesalahan mereka, mereka tidak berkuasa oleh kerana mereka tidak ada kuasa. Yang berkuasa ialah pucuk pimpinan. Oleh itu, orang yang berkuasalah yang menghancurkan UMNO. Oleh kerana begitu khayal dengan kuasanya lalu lupa untuk menyelamatkan UMNO.'

Tunku Abdul Rahman juga menyalahkan pimpinan UMNO bagi segala masalah yang dihadapi kerana menurut beliau orang-orang yang selama ini berjasa dan berkorban untuk kepentingan parti dan bangsa disisihkan. Pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh ahli-ahli juga diketepikan tanpa menghiraukan perasaan penyokong-penyokong mereka. Perasaan memalas dendam ini tidak berhenti setakat membuang menteri-

menteri ini sahaja. Malah sampai kepada pegawai kecil dan kerani pun menjadi mangsa. Ahli-ahli perniagaan juga diambil tindakan keras dan segala usaha dibuat untuk membankrapkan mereka supaya tidak lagi boleh bergerak dan berjuang. Bank-bank yang dahulunya ditubuhkan untuk membantu peniaga-peniaga Melayu sekarang digunakan untuk membunuh *entrepreneurship* orang Melayu. Tidak cukup dengan itu, akhbar-akhbar yang benar-benar menyuarakan kebenaran dan suara rakyat diharamkan. Sebaliknya yang dibenarkan sekarang scolah-olah *Government Gazette*.

Dilihat dari satu segi, Tunku Abdul Rahman kelihatan ingin menggunakan kesempatan itu untuk membalas dendam kepada Dr. Mahathir yang telah bertanggungjawab menjatuhkan pimpinan Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei 1969, dan menyusahkan pentadbiran beliau semasa beliau menjadi perdana menteri. Dr. Mahathir bukan sahaja menganggap Tunku Abdul Rahman sebagai telah mengabaikan kepentingan Melayu sehingga mereka marah dan bangkit melancarkan tentangan yang berkemuncak dengan pergaduhan yang membawa kepada pertumpahan darah. Malah sewaktu Tunku Abdul Rahman menjadi perdana menteri, Dr. Mahathir telah menuduh beliau mengamalkan nepotisme dan membelakangkan jentera penting parti UMNO dalam membuat keputusan-keputusan dan dasar-dasar penting negara. Kritik pedas Dr. Mahathir terhadap pimpinan Tunku Abdul Rahman itu jelas dalam buku beliau *Malay Dilemma* yang diterbitkan selepas Mei 1969. Antara lain Dr. Mahathir dalam buku itu telah menimbulkan bahawa Tunku Abdul Rahman sebagai presiden parti telah menjadi begitu berpengaruh kerana kedudukannya sebagai perdana menteri telah mengakibatkan parti menjadi pak turut kepada pimpinannya. Bukan itu sahaja. Menurut Dr. Mahathir juga Tunku Abdul Rahman kerap menangguhkan perhimpunan agung, majlis kerja pusat tidak dipanggil untuk membincangkan dasar kerajaan, malah dasar parti. Menurut beliau, parti itu berjaya disatukan bukan kerana anggota-anggotanya mempunyai idea politik yang sama pada umumnya, tetapi melalui sistem *patronage* dan

kuasa halus berdasarkan kuasa kerajaan, bukan kuasa parti. Hak perdana menteri untuk melantik jemaah menteri pada zaman beliau juga dikritik oleh Dr. Mahathir ketika itu. Walaupun Dr. Mahathir tidak menafikan bahawa hak berbuat demikian memang hak mutlak perdana menteri, tetapi yang timbulkan ialah mengapa keanggotaan kabinet dijadikan sebagai satu anugerah kerana kesetiaan kepada pemimpin-pemimpin parti dan mereka yang sesuai dengan perdana menteri. Dalam buku itu Dr. Mahathir juga menimbulkan betapa lepas zaman merdeka hingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969, undang-undang telah diluluskan secara tergesa-gesa tanpa berunding terlebih dulu dengan para wakil yang terpaksa 'menjual' undang-undang ini kepada rakyat.

Jelas bahawa antara Tunku Abdul Rahman dengan Dr. Mahathir terdapat satu permusuhan sejak dulu lagi. Semasa Tunku menjadi perdana menteri, Dr. Mahathir secara lantang ialah mengkritik pimpinan Tunku. Dan sekarang apabila Dr. Mahathir menjadi perdana menteri, Tunku pula menjadi mengkritik pada pimpinan Dr. Mahathir. Beliau seolah-olah ingin memberitahu Dr. Mahathir bahawa setelah berkuasa, mereka sebenarnya tidak mempunyai perbezaan. Tunku Abdul Rahman seolah-olah ingin memberitahu bahawa amalan-amalan beliau sewaktu menjadi perdana menteri yang ditentang oleh Dr. Mahathir juga diamalkan oleh Dr. Mahathir sekarang. Menyedari sejarah hubungan antara mereka berdua, sewajarnya hati-hati menerima kritikan-kritikan Tunku terhadap pimpinan Dr. Mahathir. Tidak semuanya salah dan tidak semua boleh ditolak mentah-mentah begitu sahaja.

Selain Tunku, ada juga pihak-pihak lain yang melihat bahawa pimpinan UMNO lama telah tidak bertindak positif terhadap aduan yang ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin kecil. Misalnya, ada yang berkata, pimpinannya patut menyiasat makwaan yang ditimbulkan oleh kumpulan 11 orang itu mengenai kehadiran cawangan-cawangan yang tidak berdaftar dan bukannya menempelak mereka. Sekiranya benar cawangan-cawangan itu wujud dan kewujudannya bercanggah dengan Akta Pertubuhan serta boleh mengancam kewujudan

UMNO, maka langkah-langkah haruslah diambil untuk membetulkannya. Sekiranya pemilihan baru perlu diadakan, pimpinan perlu mengusahakan pemilihan itu. Tetapi ini tidak dilakukan dan mereka mempersalahkan pimpinan kerana telah tidak memelihara parti seperti yang sepatutnya menurut perjalanan undang-undang. Tetapi pendapat ini seolah-olah ingin mengetepikan bahawa motif sebenarnya kumpulan 11 orang itu bukannya hendak memperbaiki parti tetapi untuk menjahanamkan parti. Ada golongan berhujah bahawa sekiranya kumpulan 11 orang itu sebenarnya ingin menegakkan kebenaran, mereka sepatutnya menyalurkan aduan mereka dengan cara yang telah ditetapkan. Hakikat bahawa mereka menggunakan undang-undang untuk memperjuangkan kes mereka, memperlihatkan bahawa mereka sebenarnya tidak jujur dan mempunyai motif lain, iaitu ingin menggulingkan pimpinan yang ada. Mereka juga dituduh bukan bertindak sendirian seperti yang didakwa, tetapi didalangi oleh orang-orang UMNO yang kecewa setelah gagal menewaskan pimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam pemilihan 24 April 1987. Orang-orang ini, kata mereka, tidak sayangkan parti dan merekalah yang bertanggungjawab menghancurkan UMNO. Soal siapa betul siapa salah ini akan terus menjadi perbincangan. Hanya sejarah akan membuat penghakiman yang muktamad kemudian hari nanti selepas segala maklumat mengenai apa yang sebenarnya terjadi diketahui.

Penubuhan UMNO Malaysia

Oleh kerana Dr. Mahathir lebih memberi perhatian pada kedudukannya sebagai perdana menteri yang acapkali beliau tegaskan tidak terjejas selepas UMNO diisytiharkan tidak sah, dan tidak begitu memberi perhatian secara terbuka sekurang-kurangnya kepada usaha untuk menghidupkan semula UMNO, maka usaha dilakukan oleh orang-orang UMNO yang tidak sebulu dengan beliau untuk menghidupkan semula parti. Oleh kerana Dr. Mahathir sendiri telah memberitahu dalam sidang akhbar pada 5 Februari bahawa siapa sahaja boleh mengambil

inisiatif, maka Tunku Abdul Rahman telah mempelopori usaha menghidupkan semula UMNO dengan pengumuman penajanan UMNO Malaysia pada 8 Februari 1988.

Pengumuman ini dibuat sempena dengan hari jadi Tunku yang ke-85 di rumahnya di Pulau Pinang. Tunku sendiri menjadi presiden penajanya manakala seorang lagi bekas perdana menteri, Tun Hussein Onn menjadi timbalannya. Bekas menteri luar, Datuk Rais Yatim menjadi naib presiden dan setiausaha agung manakala bekas timbalan menteri tenaga, post dan telekom, Datuk Zainal Abidin Zain menjadi ketua penandingan. Mereka yang disenaraikan sebagai anggota majlis tertinggi kebanyakan terdiri daripada tokoh-tokoh *team B* yang pernah menentang Dr. Mahathir. Mereka termasuklah Datuk Amanan Othman, Datin Paduka Rahmah Osman, Ibrahim Ali, Datuk Radzi Sheikh Ahmad. Beberapa orang lama seperti Datuk Harun Idris dan Tan Sri Khir Johari, juga dikaitkan dengan penubuhan UMNO Malaysia tajaan Tunku ini. Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Hamad, Datuk Ajib Ahmad, tidak terlibat dengan penubuhannya. Malah mereka, Datuk Abdullah Ahmad Badawi khususnya, adalah pengkritik lantang penubuhan UMNO Malaysia yang menurut mereka menyulitkan usaha memulihkan UMNO.

Jelas bahawa penubuhan UMNO Malaysia ini secara terbuka melihat perpecahan kepada *team B* yang boleh dikatakan bermula sebaik sahaja pemilihan 24 April itu selesai. Ini kerana, separuh pemimpin *team B* seperti Datuk Musa dan Datuk Abdullah, secara terbuka menerima keputusan secara demokratik. Tengku Razaleigh Hamzah seolah-olah tidak melepaskan pemilihan selesai, beliau masih ingin menunjukkan kekuatan dengan menjelajah seluruh negara atas alasan ingin mengucapkan terima kasih pada para penyokong yang telah mengundi beliau. Datuk Musa dan Datuk Abdullah juga secara terbuka menentang kumpulan 11 orang membawa kes UMNO ke mahkamah. Tengku Razaleigh, Datuk Rais tidak membuat sebarang ulasan. Ini dilihat oleh setengah-setengah pihak bahawa mereka merestui tindakan 11 orang itu. Keabsaharan Hajah Marina Yusof seorang yang diketahui rapat de-

ngan Tengku Razaleigh, setiap kali kumpulan 11 orang itu ke mahkamah, juga dikaitkan dengan Tengku Razaleigh. Datuk Musa dan Datuk Abdullah menyokong usaha perpaduan Dr. Mahathir untuk menghapuskan kewajipan *teams* di dalam UMNO selepas pemilihan. Mereka menghadiri pertemuan yang diadakan dengan Dr. Mahathir di negeri-negeri mereka. Tengku Razaleigh tidak. Malah sewaktu Dr. Mahathir ke Kelantan, Tengku Razaleigh hanya tiba setelah Dr. Mahathir sampai di Kota Bharu. Mereka juga bertemu di majlis makan dan tidak menghasilkan sesuatu yang positif.

Dari satu segi, perpecahan dalam *team* B ini memang sudah diduga. Ini kerana pembentukan *team* B itu sendiri (lihat UMNO bergolak) diasaskan kepada *marriage of convenience* antara tokoh-tokoh yang tidak sekepentingan, tetapi di waktu itu mempunyai matlamat yang sama, iaitu cuba menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad. Lantaran itu adalah natural bahawa selepas tugas itu gagal dicapai, mereka berpecah kepada asal. Perpecahan ini menguntungkan Dr. Mahathir kerana sebahagian daripada tokoh-tokoh *team* B yang dulu menentang beliau, kini menyokong beliau. Kedudukannya menjadi lebih teguh. Tengku Razaleigh sendiri tidak mempunyai sebarang jawatan dalam UMNO Malaysia tajaan Tunku Abdul Rahman itu. Menurut Tunku Abdul Rahman, sebaik sahaja UMNO diisytiharkan tidak sah, beliau meminta Tengku Razaleigh Hamzah mengambil daya usaha supaya menghidupkan UMNO. Tetapi menurut Tunku: 'Tengku Razaleigh sebaliknya meminta saya sebagai Bapa Malaysia untuk memegang teraju berusaha bagi menyelamatkan dan menghidupkan semula UMNO serta berusaha untuk menyatupadukan semua ahli UMNO dan umat Melayu dan seluruh rakyat Malaysia.'

Walaupun Datuk Harun Idris, Datuk Radzi, Datin Paduka Rahmah sewaktu menafikan penglibatan mereka dalam penubuhan UMNO Malaysia menceritakan bagaimana hari jadi Tunku bertukar menjadi majlis pelancaran UMNO Malaysia, tetapi cerita ini tidak sepenuhnya tepat. Benar, UMNO Malaysia dilancarkan sempena hari jadi Tunku. Tetapi menurut minit mesyuarat yang dilampirkan oleh peguam Shafee

Abdullah untuk mendapatkan pendaftaran parti itu, terbukti bahawa perancangan UMNO Malaysia telah dibuat lebih awal. Malah menurut minit itu, mesyuarat pertama membincangkan soal itu telah diadakan di rumah Tunku Abdul Rahman pada hari Ahad 7 Februari. Antara yang dicatatkan hadir, selain dari Tunku Abdul Rahman sendiri ialah Tengku Razaleigh Hamzah, Hajah Marina Yusof, Datuk Rais Yatim, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Manan Othman, Hajah Ilani Ishak, Ibrahim Ali, Fauzun Abdul Samad, Haji Ibrahim Ahmed, Ibrahim Azmi, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin, Datuk Yusof Latif, Hajah Rahmah Osman, Datuk Zainal Abidin Ghari dan Kamaruddin Haji Awang Teh.

Walaupun penubuhan UMNO Malaysia bertujuan untuk menghidupkan semula UMNO yang sudah diisytiharkan tidak sah, tetapi kerana ia tidak melibatkan para pemimpin UMNO yang berkuasa dan hanya dikendalikan oleh mereka yang dianggap memusuhi Dr. Mahathir, maka parti itu telah diterima secara negatif. Usaha Tunku Abdul Rahman itu telah dikritik oleh semua pihak—akhbar-akhbar, orang ramai, pemimpin melayu antaranya. Mereka meragui motif sebenar usaha itu yang menurut mereka bukan bertujuan untuk menghidupkan semula UMNO, tetapi untuk menyulitkan usaha Dr. Mahathir. Kerana UMNO Malaysia, tidak ada organ yang kuat untuk mengemukakan mesejnya, maka usaha itu secara mudah untuk diperkotak-katikkan. Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn (pada mulanya menafikan terlibat, kemudian mengaku), Datuk Rais menjelaskan motif sebenar mereka sekadar untuk memulihkan semula UMNO, tetapi pandangan mereka tenggelam dalam kecaman dan maki hamun. Tunku juga menjelaskan bahawa Dr. Mahathir sudah diundang menjadi anggota penaja UMNO Malaysia. Dr. Mahathir mengakui menerima surat undangan itu tetapi tidak dapat bersama kerana beliau nasih menjadi ahli UMNO yang sudah tidak lagi wujud, tetapi belum dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan.

UMNO Malaysia bagaimanapun tidak menjadi kenyataan kerana pendaftar pertubuhan menolak permohonan mereka pada 12 Februari 1988.

UMNO Baru

Sebenarnya Dr. Mahathir enggan menerima undangan Tunku Abdul Rahman untuk menjadi anggota penaja UMNO Malaysia kerana beliau mempunyai rancangannya sendiri. Serentak dengan UMNO Malaysia memohon pendaftaran, Dr. Mahathir sendiri juga memohon pendaftaran sebuah parti baru yang diberi nama UMNO 88 atau nama lengkapnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu 88 atau *United Malays National Organization 88*. Malah bukti menunjukkan bahawa permohonan untuk mendaftar UMNO 88 dibuat selepas UMNO Malaysia mengemukakan permohonan. Itu sebabnya, rekod Pendaftar Pertubuhan menurut Warta Kerajaan 15 Februari, mencatatkan bahawa permohonan UMNO Malaysia didaftarkan dengan nombor 214/88 manakala UMNO 88 didaftarkan dengan nombor 215/88. Bagaimanapun permohonan UMNO 88 tajaan Dr. Mahathir Mohamad, seperti juga permohonan UMNO Malaysia tajaan Tunku Abdul Rahman, telah ditolak pada hari yang sama. Alasan penolakannya ialah Pendaftar Pertubuhan masih belum lagi mengeluarkan sijil mati untuk UMNO lama yang didaftarkan dengan nombor 457/46 itu. Selagi UMNO belum diisytiharkan mati, selagi itulah pendaftaran pertubuhan yang mempunyai nama yang lebih kurang sama, tidak akan dibenarkan. Para penaja UMNO Malaysia tidak ada cara untuk mendapatkan maklumat itu. Tetapi penaja UMNO 88 dapat mengetahui maklumat itu. Ini kerana Dr. Mahathir adalah menteri dalam negeri yang juga mengawal Pendaftar Pertubuhan. Dr. Mahathir juga adalah presiden UMNO dan sebarang pemberitahuan mengenai pembatalannya akan diberitahu oleh pihak pendaftar. Malah maklumat ini beliau perolehi pada 12 Februari, iaitu dua hari selepas permohonan UMNO Malaysia dan UMNO 88 ditolak.

Pada 12 Februari itu, Pendaftar Pertubuhan mengisytiharkan bahawa UMNO yang diasaskan pada 11 Mei 1946 sudah dibatalkan pendaftarannya. Sebaik sahaja maklumat itu diperolehi, Dr. Mahathir segera mengemukakan permohonan

agi mendaftarkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Baru) atau *United Malays National Organization* (UMNO). Pendaftaran itu dikemukakan pada 13 Februari dan sijil pendaftaran dikeluarkan pada 15 Februari. Para penajanya terdiri daripada Dr. Mahathir sebagai presiden, Encik Ghafar Baba sebagai timbalan presiden, Datuk Mohamad Rahmat sebagai setiausaha dan Datuk Paduka Daim Zainuddin sebagai bendahari. UMNO (Baru) diterima sebagai anggota ke-13 Barisan Nasional pada 16 Februari selepas Barisan Nasional bermesyuarat selama tiga minit dipengerusikan oleh Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik. Dengan penerimaan itu, maka kedudukan Dr. Mahathir sebagai pengerusi Barisan Nasional dipulihkan semula.

Sewaktu mengumumkan penubuhan UMNO (Baru) pada 6 Februari, Dr. Mahathir memberitahu bahawa penerimaan 1.4 juta anggota UMNO ke dalam UMNO (Baru) bukan secara automatik. Beliau berkata, keanggotaan baru akan didasarkan kepada kesetiaan kepada parti lama. Mereka yang tidak setia, dan di sini ditafsirkan sebagai telah menentang pimpinan Dr. Mahathir, walaupun kemudian menyokong beliau, tidak ada tempat dalam UMNO (Baru). Datuk Musa sendiri yang telah menyokong Dr. Mahathir, tidak dijamin akan diterima sebagai anggota. 'Beliau boleh membuat permohonan' kata Dr. Mahathir, tetapi terpulang kepada majlis tertinggi penaja untuk membuat keputusan. Kalau Datuk Musa tidak mendapat jaminan menjadi anggota, maka kedudukan mereka yang secara terus-menerus menentang beliau seperti Tengku Razaleigh, Datuk Rais, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Zainol Johari dan lain-lain, lebih sukar untuk dipastikan. Malah Hajah Marina Yusof siang-siang lagi sudah menyatakan bahawa dirinya sudah pasti tidak akan diterima sebagai anggota UMNO (Baru). Soalnya di sini ialah kesetiaan pada parti lama UMNO ditafsirkan oleh Dr. Mahathir dan bukannya oleh Tengku Razaleigh. Bagi Dr. Mahathir, mereka yang menentang beliau adalah tidak setia kepada UMNO, walaupun orang-orang parti yang menentang beliau mungkin berhujah bahawa mereka juga seperti Dr. Mahathir mempunyai kesetiaan yang kental

terhadap UMNO. Mereka cuma menentang pimpinan Dr. Mahathir dan ini tidak bermakna mereka tidak setia pada parti.

Bentuk UMNO (Baru) tajaan Dr. Mahathir lebih jelas apabila beliau mengumumkan anggota-anggota majlis tertinggi selepas mesyuarat pertamanya pada 21 Februari. Kecuali Datuk Abdullah Ahmad Badawi, lain-lain anggota majlis tertinggi yang dipilih pada 24 April, yang memenangi jawatan masing-masing kerana bertanding atas tiket *team B*, telah digugurkan daripada menjadi anggota penaja UMNO (Baru). Mereka termasuklah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datin Paduka Hajah Rahmah, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Hajah Marina Yusof dan Haji Abdul Rahim Bakar.

Ahli-ahli majlis tertinggi yang lain yang dikenali sebagai 'orang-orang presiden' yang telah memenangi majlis tertinggi atas tiket *team A* dikekalkan. Mereka termasuklah sembilan orang menteri besar, seorang ketua menteri, lapan orang menteri, lima orang timbalan menteri dan empat orang ahli yang dilantik. Menteri serta timbalan menteri yang gagal memenangi kerusi majlis tertinggi seperti Menteri Kebajikan Masyarakat, Encik Mustapha Mohamad, tidak dilantik.

Selain Dr. Mahathir, Encik Ghafar, Datuk Mohamad dan Datuk Paduka Daim, senarai penuh 34 orang anggota Majlis Tertinggi UMNO Baru adalah seperti berikut: Menteri Besar—Dr. Abdul Hamid Pawan Teh (Perlis), Datuk Paduka Osman Aroff (Kedah), Datuk Seri Ramli Ngah Talib (Perak), Datuk Muhammad Haji Muhammad Taib (Selangor), Datuk Mohd. Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan), Haji Muhyiddin Yassin (Johor), Datuk Khalil Yaakob (Pahang), Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad (Terengganu) dan Datuk Haji Mohamad Yaacob (Kelantan); Ketua Menteri: Datuk Abdul Rahim Tamby Chik (Melaka); Menteri-menteri pula: Anwar Ibrahim (Pendidikan), Datuk Najib Tun Razak (Belia dan Sukan), Datuk Sabaruddin Chik (Kebudayaan dan Pelancongan), Datuk Dr. Yusof Nor (Jabatan Perdana Menteri), Datin Paduka Rafidah Aziz (Perdagangan dan Perindustrian), Datuk

eri Sanusi Junid (Pertanian), Tengku Ahmad Rithauddeen (Pertahanan), Datuk Abu Hassan Omar (Luar Negeri). Timbalan timbalan menteri ialah: Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman (Majlis Perdana Menteri), Datuk Khalid Yunus (Kemajuan Tanah dan Wilayah), Datuk Wan Abu Bakar (Buruh), Datuk Megat Junid (Dalam Negeri), Datuk Tajol Rosli (Pembangunan Negara dan Luar Bandar) Datin Paduka Zaleha Ismail (Pengangkutan) dan Senator Hussein Ahmad (Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Lima orang ahli Majlis Tertinggi UMNO (Baru) yang tidak mempunyai jawatan rasmi dalam kerajaan termasuklah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Khalid Abdullah (Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu), Datuk Shamuri Salleh (bekas ahli parlimen dari Pulau Pinang), Mohd. Nor Mohd. Dom (ahli dewan negeri Johor) dan Ahmad Sahibuddin Haji Mohamad Nor (ahli dewan negeri Kelantan). Kesemua menteri besar dan menteri dilantik menjadi pengerusi badan penasihat perhubungan negeri. Encik Anwar dilantik mengetuai UMNO Pulau Pinang manakala Encik Ghafar Baba memperkerusi badan perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan.

Antara UMNO asal dengan UMNO (Baru) tidak terdapat perbezaan yang besar. Malah boleh dikatakan tidak ada perbezaan langsung kerana ia mewarisi bukan sahaja perjuangan UMNO asal tetapi juga lambang dan bendera UMNO 1946 dengan beberapa perubahan kecil. Setiausaha Agung UMNO (Baru), Datuk Mohamad Rahmat dalam satu ucapan di Taiping, Perak pada 19 Mac 1988 menggariskan tujuh perjuangan utama parti itu. Ini termasuklah: mewujudkan kerjasama antara kaum-kaum di negara ini bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia, mendukung perlembagaan Malaysia dan perlembagaan negeri-negeri, menegak dan mempertahankan serta mengembangkan Islam sebagai agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama, mengamalkan sistem demokrasi, iaitu demokrasi berparlimen dan mengekalkan kedaulatan raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan, berjuang bagi meningkatkan darjat dan martabat bangsa yang kukuh dan padu dengan menjamin kedudukan bahasa kebang-

saan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan tunggal dan mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berasaskan kebudayaan Melayu dan meningkatkan ekonomi bangsa Melayu, bumiputera dan rakyat Malaysia amnya.

Jelas bahawa dari segi arah dan aliran perjuangan UMNO (Baru) meneruskan perjuangan UMNO. Meskipun dalam merangka perlembagaan UMNO (Baru), penekanan diberikan kepada mengurangkan berpolitik dalam parti, tetapi ia tetap kekal sebagai sebuah parti yang demokratik. Semua jawatan dalam UMNO (Baru) kecuali Ketua Pemuda dan Wanita nasional boleh dipertandingkan. Malah apabila ada khabar-khabar angin bahawa kedudukan Dr. Mahathir sebagai presiden dalam perlembagaan UMNO (Baru) ditetapkan seumur hidup, salah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO (Baru), Tengku Ahmad Rithauddeen segera menafikan perkara itu.

Walaupun pada mulanya presiden penaja UMNO (Baru), Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa anggota-anggota UMNO lama tidak automatik menjadi ahli UMNO (Baru), tetapi terbukti kemudian bahawa kebanyakan mereka dibenarkan menyertainya. Bagaimanapun mereka yang dianggap pengacau dan pengkhianat yang telah menyebabkan UMNO lenyap telah diharamkan menyertai UMNO (Baru). Jumlah mereka, menurut Dr. Mahathir, tidak sampai seratus orang. Antara mereka termasuklah kumpulan 11 orang yang telah membawa kes mereka ke mahkamah, Tengku Razaleigh Hamzah serta penyokong-penyokong beliau yang telah mengasaskan UMNO Malaysia. Bagaimanapun tidak semua yang telah mengasaskan UMNO Malaysia telah diketepikan. Mereka yang telah diperdaya untuk mengasaskan penubuhannya, atau insaf diberi peluang untuk menyertai UMNO (Baru) walaupun tidak diberi tempat sebagai penaja di peringkat negeri, bahagian atau cawangan.

Untuk membuktikan bahawa 1.4 juta bekas ahli UMNO dialu-alukan menyertai UMNO (Baru), sebanyak 1.4 juta borang keahlian telah dicetak dan diedarkan. Tetapi mereka dikehendaki mematuhi dua syarat: pertama, mengikrarkan taat setia kepada parti dan bersetuju menyerahkan harta UMNO

ama kepada UMNO (Baru). Syarat kedua ini diperlukan bagi membolehkan UMNO (Baru) mewarisi harta UMNO lama yang dianggarkan bernilai \$1,000 juta. Ini termasuklah bangunan ibu pejabat UMNO lama di Kuala Lumpur yang dibina dengan harga \$300 juta yang telah diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya untuk diuruskan seperti yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966. Akta itu menetapkan bahawa mana-mana pertubuhan yang sudah diisytiharkan tidak sah, hartanya hendaklah dirampas dan diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya.

Walaupun UMNO sebuah pertubuhan politik, tetapi ia mempunyai kepentingan perniagaan yang luas. Ia merupakan pemilik saham terbesar dalam beberapa syarikat yang kebanyakan sahamnya dipegang secara *nominee* oleh para pemimpin utamanya. UMNO berasa perlu menyertai sektor perniagaan kerana ia memerlukan pendapatan yang besar untuk menjalankan kegiatannya termasuk membiayai pilihanraya. Sebelum menyertai perniagaan, parti itu bergantung pada sumbangan pihak-pihak yang menyokongnya sebagai pendapatan. Malah pada satu ketika, terutama tatkala dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman, UMNO bergantung pada MCA dari segi kewangan. Tetapi di bawah Allahyarham Tun Razak, langkah-langkah diambil untuk memperbaiki kedudukan kewangan bagi membolehkan parti itu bebas dari dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang telah memberi derma. Sekarang ini ada dakwaan bahawa UMNO merupakan salah sebuah parti yang kaya di rantau ini. Malah penglibatan UMNO dalam dunia perniagaan bukan menjadi satu rahsia lagi. Para pemimpin UMNO mungkin tidak mahu menghebohkannya atau membentangkan perincian lanjut perniagaan yang diceburi kepada perhimpunan agung. Tetapi menteri kerja raya, Datuk Samy Vellu pernah memberitahu bahawa pembinaan projek Lebuh Raya Utara-Selatan yang bernilai \$3.4 bilion telah diserahkan kepada sebuah syarikat yang UMNO mempunyai kepentingan besar. Syarikat itu ialah United Engineers Malaysia yang sahamnya dimiliki oleh UMNO secara *nominee*. Memandangkan jumlah harta yang

terlibat besar nilainya, maka pimpinan UMNO (Baru) ingin memastikan bahawa parti baru itu mewarisi harta dan saham UMNO lama dengan persetujuan ahli-ahli UMNO lama yang ingin menyertai UMNO (Baru).

Jelas bahawa memang menjadi matlamat para penaja UMNO (Baru) untuk mengembalikan parti kepada bentuk asalnya, baik dari segi jumlah keanggotaan, mahupun dalam mewarisi harta serta perjuangan. Lantaran itu sebahagian besar, iaitu 1.4 juta orang bekas ahli UMNO dipelawa untuk menyertai UMNO melalui cawangan-cawangan (jumlahnya 8000) serta bahagian-bahagian (jumlahnya 133—termasuk di Labuan). UMNO (Baru) yang telah dihidupkan semula dengan jawatankuasa-jawatankuasa penaja yang kebanyakannya dipimpin oleh bekas ahli-ahli UMNO itu sendiri yang telah diberi lampu hijau oleh pimpinan tertinggi untuk melakukan tanggungjawab menaja UMNO (Baru) di berbagai-bagai peringkat.

9 EPILOG

PEMILIHAN 24 April 1987 memperlihatkan bahawa protagonis-protagonis dalam UMNO mempunyai pengaruh dan kekuatan yang lebih kurang sama. Ujian sama ada sokongan yang diberikan kepada mereka bertambah atau berkurangan oleh ditentukan dalam pemilihan 1990 apabila pemilihan untuk pimpinan UMNO tiga tahun sekali berlangsung lagi. Tetapi pengisytiharan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah dan pembatalan pendaftarannya serta ketiadaan usaha untuk menghidupkan UMNO dalam bentuk asalnya bermakna bahawa kesempatan untuk melakukan ujian itu sudah tidak wujud lagi. Sebaliknya, keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988 itu memberi kesan dan nasib yang berbeza bagi Dr. Mahathir, Encik Ghafar, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam. Para pemerhati sependapat bahawa kedudukan politik Dr. Mahathir dan Encik Ghafar dikatakan semakin teguh.

Melalui penubuhan sebuah parti baru bernama UMNO (Baru), mereka berdua nampaknya berjaya mengukuhkan kedudukan masing-masing dan sekaligus mengetepikan musuh-musuh politik mereka atau mereka yang berpotensi menjadi musuh. Hanya pemimpin UMNO lama yang diketahui menyokong pimpinan mereka diterima menerajui UMNO (Baru) sebagai penaja di berbagai-bagai peringkat—nasional, negeri,

bahagian dan cawangan. Masa depan politik Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam menjadi tanda tanya. Tengku Razaleigh lebih buruk nasibnya. Bukan sahaja beliau diharamkan oleh Dr. Mahathir untuk menganggotai UMNO (Baru), tetapi dituduh sebagai pengkhianat yang telah memecahbelahkan bangsa Melayu. Datuk Musa Hitam lebih bernasib baik. Kerana sokongan yang beliau berikan kepada Dr. Mahathir selepas 4 Februari, beliau diterima menganggotai UMNO (Baru). Walaupun tidak ada peranan diberikan sebagai penaja di peringkat nasional, tetapi beliau dilantik menerajui UMNO (Baru) di bahagian Segamat yang beliau pimpin sebelum ini. Kedudukan itu memberi beliau tempat dalam badan perhubungan UMNO (Baru) Johor. Bagi Datuk Musa buat sementara waktu ini, beliau masih dalam arus utama politik di pihak yang ada kuasa. Kedudukan ini bagaimanapun belum menjamin masa depan politik yang cerah. Mereka yang mengelilingi Dr. Mahathir tentu tidak ingin melihat Datuk Musa naik semula kerana pemulihan politik Datuk Musa bermakna akan menjejaskan pula peluang mereka. Lantaran itu segala usaha akan dibuat untuk memastikan bahawa Datuk Musa tidak diberi peranan besar dalam UMNO (Baru), apalagi kerajaan.

Bagi Tengku Razaleigh ceritanya lain sedikit. Beliau pernah memberitahu selepas kalah dalam pemilihan 24 April dan tatkala ada khabar-khabar angin bahawa beliau akan meninggalkan UMNO bahawa beliau akan hidup dan mati bersama UMNO 1946. Kini UMNO sudah boleh dianggap mati. Apakah ini bermakna bahawa riwayat politiknya juga sudah mati? Setengah-setengah pemerhati politik nampaknya ada yang berkesimpulan demikian. Mereka melihat bahawa oleh kerana Tengku Razaleigh tidak akan diterima menganggotai UMNO (Baru) bersama para penyokongnya, maka riwayat politik beliau juga sudah lenyap. Sekali lalu nampaknya begitulah. Tetapi ada juga pemerhati yang tidak setuju. Mereka melihat bahawa masa depan politik Tengku Razaleigh bergantung pada tindak-tanduk beliau selanjutnya, sambutan terhadap UMNO baru dan faktor Dr. Mahathir sendiri.

Dalam keadaan sekarang, Tengku Razaleigh terus berusaha

untuk menghidupkan sebuah parti yang bernama UMNO. Keputusan dibuat untuk meminta mahkamah mengisytiharkan bahawa pendaftaran UMNO (Baru) pimpinan Dr. Mahathir adalah tidak sah kerana permintaan beliau untuk mendaftarkan UMNO Malaysia terlebih dulu sepatutnya diterima. Pendaftaran Pertubuhan dicabar bahawa keputusan beliau untuk menolak pendaftaran UMNO Malaysia sebagai tidak sah.

Pilihan Tengku Razaleigh

Dalam keadaan itu, apakah pilihan yang ada bagi Tengku Razaleigh? Para pemerhati politik mengatakan, beliau mempunyai dua pilihan. Pertama, menjadi anggota bebas yang tidak menyertai mana-mana parti politik sekiranya ingin mengekalkan sebarang harapan untuk menyertai UMNO baru yang didakwa menggantikan UMNO lama. Golongan ini melihat bahawa sekiranya ini pilihan Tengku Razaleigh, bermakna beliau perlu menunggu sehingga Dr. Mahathir tidak lagi memimpin UMNO baru. Sekiranya ini dilakukan, maka peluang beliau menyertai UMNO baru masih ada. Ini samalah seperti yang telah dialami oleh Dr. Mahathir selepas dipecat dari UMNO pada tahun 1969. Selagi Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO, selagi itulah peluang Dr. Mahathir menyertai UMNO tidak ada. Tetapi sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman tidak lagi memimpin parti itu, Dr. Mahathir tidak banyak masalah menyertai semula UMNO. Menurut pemerhati politik, Tengku Razaleigh juga jika mahu boleh melalui pengalaman yang serupa. Selepas ketiadaan Dr. Mahathir nanti, beliau barangkali tidak keberatan untuk diterima sebagai ahli UMNO (Baru). Tetapi segala-galanya bergantung pada berapa lama Dr. Mahathir mahu memimpin UMNO (Baru). Berdasarkan kedudukan yang teguh sekarang, Dr. Mahathir boleh memimpin UMNO (Baru) untuk beberapa tahun lagi. Kedudukan beliau tidak dicabar. Malah ada syor supaya beliau dijadikan presiden UMNO (Baru) seumur hidup. Jika ini keadaannya, Tengku Razaleigh terpaksa menunggu

lama. Sanggupkah orang yang bercita-cita besar seperti Tengku Razaleigh berbuat demikian?

Ini membawa kepada pilihan kedua bagi Tengku Razaleigh, iaitu menubuhkan parti politik baru atau menyertai mana-mana politik yang sedia ada. Desas-desus bahawa Tengku Razaleigh berhasrat menubuhkan parti baru memang ada. Utusan Malaysia pernah melaporkan bahawa Tengku Razaleigh dan gengnya yang tidak diterima menganggotai UMNO (Baru), akan menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Semanjung atau Perkasa. Tetapi ura-ura ini segera dinafikan oleh Datuk Rais Yatim dan menuduh bahawa spekulasi yang dibuat oleh *Utusan Malaysia* itu berniat jahat.

Kemungkinan Tengku Razaleigh menyertai parti-parti politik yang sedia ada juga nampaknya tidak ada. Dengan imej liberal dan sekular, adalah mustahil untuk Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) menerima beliau. Kerana beliau seorang nasionalis Melayu, Parti Tindakan Demokratik (DAP), sudah pasti bukan pilihan beliau. Parti-parti politik yang lebih kecil ada. Tetapi Tengku Razaleigh tahu bahawa mengambil alih parti-parti nyamuk hanya akan memberi imej yang kurang popular pada dirinya.

Sekiranya beliau menubuhkan pula parti baru, apakah peluang yang ada untuk beliau? Dalam hubungan ada dua pendapat yang bertentangan—satu optimistik dan satu lagi pesmistik. Mereka yang pesmistik berkata, sebuah parti baru tidak akan memberi sebarang impak kepada masa depan politik Tengku Razaleigh. Andaian ini dibuat berdasarkan nasib yang dialami oleh parti-parti yang dibentuk akibat perpecahan dalam UMNO. Pengalaman Dato' Onn Ja'afar meninggalkan UMNO untuk menubuhkan pada mulanya IMP, kemudian Parti Negara; penubuhan PAS oleh ulama-ulama yang pada satu ketika berada dalam UMNO adalah bukti betapa kumpulan yang berpecah daripada UMNO dan menubuhkan parti sendiri telah tidak mendapat sambutan. Para pemerhati politik percaya bahawa Tengku Razaleigh, sekiranya benar dia menubuhkan sebuah parti baru, dikatakan akan mengalami nasib yang sama seperti Dato' Onn.

Tetapi ada pula pemerhati politik yang optimistik bahawa mungkin Tengku Razaleigh menubuhkan parti baru, beliau mempunyai potensi untuk mendapat sambutan. Malah ada yang berkata, parti baru itu boleh menjadi alternatif kepada UMNO baru bagi politik Melayu. Mereka yang mengemukakan pendapat ini merasakan bahawa pergolakan dalam UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir tidak boleh disamakan dengan pergolakan tahun lima puluhan semasa zaman 'Mato' Onn. Menurut mereka, ketika itu, yang berpecah cuma di kalangan pimpinan sahaja mengenai soal membuka pintu keahlian UMNO kepada bukan Melayu. Tetapi pergolakan sepanjang 1987 dalam UMNO adalah lebih hebat lagi. Ini kerana berdasarkan pemilihan 24 April 1987 itu, UMNO berpecah di tengah-tengah dari atas ke bawah. Lantaran itu, kata mereka, sekiranya sebuah parti baru ditubuhkan, maka hampir 50 peratus ahli UMNO lama dikatakan akan memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh. Tetapi pandangan ini juga boleh dipertikai kerana andaian itu dibuat sekiranya sokongan *team B* yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh tidak berpecah. *Team B* sekarang sudah berpecah kerana ada antara pemimpinnya telah mengembalikan sokongan kepada Dr. Mahathir.

Ada juga pemerhati politik memberikan sebab lain mengapa parti baru sekiranya ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh, akan mendapat sambutan. Faktor itu ialah sejauh mana anggota-anggota UMNO lama akan menyertai UMNO (Baru) pimpinan Dr. Mahathir. Golongan ini melihat bahawa oleh kerana UMNO (Baru) juga sebuah parti baru yang ditubuhkan dengan tujuan utama untuk menyelamatkan kedudukan Dr. Mahathir, maka tidak semua ahli UMNO lama akan menyertainya. Malah kenyataan untuk tidak menyertai UMNO baru oleh tokoh-tokoh UMNO lama memang sudah ada. Datuk Shahrir Samad, yang telah tidak dilantik untuk menjadi ketua penaja UMNO (Baru) bahagian Johor Bahru yang pernah beliau ketuai, sudah pun menyatakan secara terbuka bahawa beliau tidak akan memohon untuk menyertai UMNO baru. Ketua-ketua bahagian UMNO lama yang juga telah

digugurkan mungkin mengambil tindakan yang sama. Sekiranya ramai yang berbuat demikian, maka Tengku Razaleigh dengan parti barunya mungkin mendapat sambutan. Ada antara ketua-ketua bahagian UMNO lama yang digugurkan dari menaja UMNO baru itu seperti Datuk Shahrir, Datuk Rais, Tengku Razaleigh sendiri, Haji Ibrahim Ali, Datuk Kamaruzaman Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Zainol Johari terdiri daripada ahli-ahli parlimen. Mereka mungkin menjadi asas atau *core* kepada pembentukan parti baru yang tanpa melalui sebarang pilihanraya sudah mempunyai perwakilan di Dewan Rakyat dan mungkin juga di Dewan-dewan Negeri.

Kedudukan Datuk Musa

Bagaimana pula dengan masa depan politik Datuk Musa Hitam yang telah bergabung dengan Tengku Razaleigh menentang Dr. Mahathir pada 24 April 1987? Apakah beliau mempunyai masa depan politik? Datuk Musa selepas pertandingan selesai tidak lagi bersama Tengku Razaleigh dalam kempen menentang Dr. Mahathir. Malah beliau menentang secara terbuka tindakan kumpulan 11 orang membawa kes mereka ke mahkamah. Apabila UMNO diisytiharkan tidak sah, Datuk Musa telah memberi sokongan—walaupun tidak sepenuhnya—kepada Dr. Mahathir untuk menyelesaikan masalah. Barangkali kerana peranannya itu, Datuk Musa tidak disenaraikan oleh Dr. Mahathir sebagai 'pengacau-pengacau' yang tidak boleh menyertai UMNO (Baru). Malah Datuk Musa bernasib baik kerana beliau diberi kebenaran untuk terus menjadi ketua penaja UMNO (Baru) bahagian Segamat yang beliau ketuai sebelum ini. Dengan kedudukan itu, beliau juga mendapat tempat sebagai penaja Badan Perhubungan Negeri UMNO (Baru). Di peringkat nasional, Datuk Musa tidak diberi sebarang peranan sebagai penaja.

Apakah kedudukan beliau dalam UMNO (Baru) itu akan membantu masa depan politik beliau? Ini sukar untuk diramalkan. Tetapi yang pasti melalui pergolakan UMNO, Datuk

Musa berjaya membunuh musuh politik beliau, Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun pada satu ketika beliau bergaduh dengan Dr. Mahathir, tetapi pergaduhan itu sekurang-kurangnya di permukaan, sudah diperbaiki. Hakikat bahawa Datuk Musa tidak ditentang oleh Dr. Mahathir menganggotai UMNO (Baru) boleh dijadikan bukti kepada kepercayaan ini.

Yang penting bagi Datuk Musa barangkali ialah beliau terus menjadi ahli UMNO (Baru) dan boleh meneruskan perjuangan dengan cara yang lebih berkesan dari dalam. Setidak-tidaknya buat sementara waktu riwayat politik beliau belum berakhir. Beliau sendiri tahu bahawa peluang beliau untuk kembali ke kedudukannya yang pernah dimiliki dalam parti dan kerajaan adalah mustahil dalam keadaan yang ada. Malah masa depan Datuk Musa juga banyak bergantung pada Dr. Mahathir. Kemungkinan beliau berbaik-baik semula dengan Dr. Mahathir memang terbuka. Tetapi sama ada beliau boleh bekerjasama dengan perdana menteri, setelah kata-mengata antara satu sama lain sepanjang kempen menjelang 24 April 1987, sukar untuk dipastikan. Tetapi politik, kata orang adalah satu seni yang memungkinkan yang mustahil. Tidak ada persahabatan dan perseteruan yang berkekalan. Dua tokoh yang bermusuhan hari ini, boleh menjadi sekutu esoknya. Begitulah seterusnya.

Datuk Musa Hitam secara terbuka memberitahu satu peremuan di Singapura selepas beliau diterima sebagai penaja UMNO (Baru) bahagian Segamat pada 19 Mac 1988 bahawa antara beliau dengan Dr. Mahathir memang mempunyai perbezaan pendapat atas beberapa dasar dan pelaksanaannya. Tetapi menurut beliau, keadaan demikian tidak harus ditonjolkan sebagai luar biasa dalam negara yang mengamalkan demokrasi. Barangkali kenyataan Datuk Musa itu adalah awapan yang dicari oleh siapa yang ingin tahu mengapa Datuk Musa menentang Dr. Mahathir: bahawa beliau berbuat demikian atas soal prinsip bukan kepentingan peribadi. Atau apakah ini bayangan dari Datuk Musa bahawa kemungkinan beliau bekerjasama dengan Dr. Mahathir adalah sesuatu yang mustahil selagi Dr. Mahathir memimpin UMNO?

Tidak syak lagi kenyataan itu akan menjadi teka-teki. Atau barangkali juga tidak kerana Datuk Musa menerima hakikat bahawa beliau membuat keputusan menyokong Dr. Mahathir dan menyertai UMNO (Baru) kerana beliau merasakan dengan cara itulah beliau boleh meneruskan khidmat dalam politik untuk bangsa Melayu. Barangkali beliau juga menerima hakikat bahawa peluang beliau untuk naik lebih tinggi tidak ada bukan kerana Dr. Mahathir menghalang beliau tetapi kerana peluang beliau sudah diisi oleh orang lain. Keadaan ini jika pun tidak menutup masa depan politiknya, setidak-tidaknya menipiskan harapan untuk memanjat tangga lebih tinggi. Ini kerana dalam politik biasanya jika seseorang itu sudah ketinggalan, amat sukar untuk mereka mendapat semula peluang yang sudah terlepas itu.

Tetapi sekali lagi dalam politik, segala yang tidak mungkin dan mustahil boleh menjadi kenyataan. Siapa pernah meramalkan bahawa apabila Tun Hussein Onn meninggalkan UMNO dalam tahun 1951 untuk menyertai perjuangan ayahnya dalam IMP dan Parti Negara, beliau akan kembali ke dalam UMNO untuk menjadi presiden parti itu pada tahun 1976 dan seterusnya menjadi perdana menteri? Siapa pernah terfikir apabila Dr. Mahathir dan Datuk Musa sendiri dipecat dari UMNO dalam tahun 1969, beliau boleh diterima semula ke dalam UMNO dan seterusnya menerajui parti itu? Siapa juga pernah menduga bahawa apabila Encik Ghafar Baba enggan menyertai kabinet Tun Hussein Onn pada tahun 1976 kerana merajuk tidak dilantik sebagai timbalan perdana menteri, boleh kembali ke dalam kabinet untuk memegang jawatan itu? Juga siapa pernah menduga bahawa apabila Datuk Mohamad Rahmat tidak dilantik semula sebagai menteri dalam rombakan kabinet pada tahun 1982, beliau akan kembali semula sebagai menteri dan seterusnya menjadi setiausaha agung UMNO (Baru)? Tanyalah pada siapa pun ketika itu, semua orang berkata bahawa kerjaya politik Dr. Mahathir, Encik Ghafar dan Datuk Mohamad Rahmat sudah berakhir. Tetapi sekarang tokoh-tokoh yang pada satu ketika dianggap sudah mati dalam politik tanahair yang kini menerajui poli-

Malaysia. Sejarah yang dilalui oleh Tun Hussein, Dr. Mahathir, Encik Ghafar dan Datuk Mohamad ini barangkali memaksa kita semua supaya jangan membuat kesimpulan yang akan-bukan mengenai masa depan politik Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Mereka masih mempunyai masa depan. Sekiranya mereka bernasib baik, mereka akan menjadi seperti Dr. Mahathir, Encik Ghafar dan Datuk Mohamad. Sekiranya tidak, mereka tidak perlu diingatkan apa yang terjadi pada 'Mato' Onn Ja'afar, Aziz Ishak dan beberapa pemimpin yang lain.

Tetapi tatkala masa depan politik Tengku Razaleigh dan Datuk Musa terlalu banyak jika dan kalau, kedudukan politik Dr. Mahathir sekurang-kurangnya buat sementara waktu ini, kelihatan semakin teguh dan kukuh. Beliau yang pada 4 April 1987, hanya berupaya menarik separuh sokongan perwakilan UMNO, tidak dinafikan lagi kini merupakan pemimpin yang mustahil untuk dijatuhkan. Malah cara beliau memampatkan kedudukannya selepas mahkamah mengisytiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah mengagumkan lawan dan kawan politik beliau. Dr. Mahathir membuktikan kegeligaannya bermain politik. Beliau membuktikan kata-kata bijak pandai betapa politik itu sesungguhnya *the arts of impossible*.

Sikap Mahathir

Pemimpin lain mungkin panik atau mengelabah apabila pertubuhan yang dipimpinnya diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah. Dia mungkin merasakan kedudukannya terancam. Tetapi tidak begitu halnya dengan Dr. Mahathir Mohamad. Pengisytiharan mahkamah ini yang diikuti dengan pembatalannya oleh Pendaftar Pertubuhan tidak syak lagi merupakan satu tamparan hebat terhadap pimpinannya. Ia adalah satu usaha yang boleh membawa kejatuhan kepadanya jika tidak dikendalikan dengan betul. Ini kerana kedudukan beliau sebagai perdana menteri dan kerana sifat beliau sebagai pengemudi Barisan Nasional dan presiden UMNO. Selepas 4 Februari

1988, UMNO sudah tiada. Kedudukannya dalam parlimen juga dalam bahaya.

Tetapi dalam menghadapi keadaan cemas itu, Dr. Mahathir memperlihatkan ketangkasannya bermain politik. Beliau adalah seorang yang bijak menggunakan kuasanya sebagai perdana menteri untuk memastikan sokongan untuknya daripada 12 buah parti komponen Barisan Nasional tidak lari. Walaupun tidak ada ura-ura untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadap pimpinan beliau dalam Dewan Rakyat, tetapi beliau berusaha memastikan bahawa ahli-ahli parlimen Barisan Nasional bersama-samanya. Juga dipastikan bahawa sokongan Yang di-Pertuan Agong yang telah melantik beliau sebagai perdana menteri, tidak terjejas. Setelah dipastikan bahawa sokongan daripada wakil rakyat Barisan Nasional dan ketua negara ini berada di pihaknya, Dr. Mahathir menggunakan kuasa perdana menterinya untuk memampatkan kedudukannya di kalangan pemimpin-pemimpin utama UMNO lama. Ini beliau perolehi kerana menteri-menteri, menteri besar-menteri besar serta kebanyakan ahli parlimen UMNO yang juga bergantung kedudukan mereka kepada naungan politik Dr. Mahathir secara spontan menyatakan sokongan dan taat setia kepada beliau. Di kala yang sama, beliau seolah-olah sengaja memasang perangkap untuk menjerat musuh-musuh politik beliau. Ini dilakukan dengan merahsiakan sebarang rancangan beliau tentang memulihkan UMNO yang telah disyitiharkan tidak sah itu.

Beliau sebenarnya mempunyai rancangan untuk menghidupkan semula UMNO, tetapi tidak menghebahkannya kepada umum. Kerana musuh-musuh politik beliau merasakan ada kekosongan dan Dr. Mahathir tidak mengambil daya usaha untuk menyambung nyawa UMNO dan hanya ghairah menegaskan kedudukannya sebagai perdana menteri tidak terjejas dengan ketiadaan UMNO, maka mereka mempelopori penubuhan UMNO Malaysia tanpa berunding dengan Dr. Mahathir. Mereka yang mendalangi kelahiran UMNO Malaysia ini jelas sudah masuk perangkap beliau kerana setelah permohonan bagi UMNO Malaysia untuk didaftarkan ditolak, Dr.

Mahathir mengumumkan penubuhan UMNO (Baru). Sekiranya mereka yang terlibat dengan penubuhan UMNO Malaysia melupakan sahaja rancangan mereka setelah UMNO (Baru) menjadi kenyataan, Dr. Mahathir mungkin berdepan dengan masalah sama ada hendak menerima mereka atau tidak.

Lantaran itu, apabila pengumuman mengenai penajaan UMNO (Baru) dibuat, beliau memberitahu bahawa 1.4 juta orang ahli UMNO lama tidak secara automatik akan diterima menjadi anggota UMNO (Baru). Mereka yang mengasaskan penubuhan UMNO Malaysia yang telah ditolak pendaftarannya merasakan peluang mereka untuk menyertai UMNO baru tidak ada. Lalu mereka menggunakan undang-undang untuk meneruskan perjuangan mereka. Pada 10 Mac 1988, setiausaha agung penaja UMNO Malaysia, Datuk Rais Yatim mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur meminta mahkamah membatalkan pendaftaran UMNO (Baru) pimpinan Dr. Mahathir, dan serentak dengan itu cuba menamatkan perintah membatalkan keputusan pendaftar pertubuhan menolak pendaftaran UMNO Malaysia. Dalam affidavit kepada mahkamah, Datuk Rais menyatakan bahawa sewaktu menolak permohonan untuk mendaftarkan UMNO Malaysia, pendaftar telah gagal melaksanakan budi bicara dengan sebaik-baiknya menurut akta pertubuhan dan bahawa pendaftar juga telah mengelirukan dirinya sendiri dengan mengatakan bahawa permohonan itu tidak boleh diluluskan kerana terdapat perkataan UMNO di dalam nama pertubuhan yang hendak didaftarkan itu. Beliau juga berhujah bahawa pihak pendaftar telah bersikap tidak menentu kerana tidak mempersoalkan perkataan UMNO yang turut digunakan dalam nama pertubuhan UMNO (Baru) yang telah didaftarkan. Hakim Datuk Mohamad Yusoff menangguhkan sebarang keputusan sementara menunggu keputusan rayuan UMNO Malaysia mengenai penolakan pendaftarannya.

Tetapi bagi Dr. Mahathir, tindakan undang-undang selanjutnya di kalangan penaja UMNO Malaysia memberikan peluru kepada beliau untuk mengumumkan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah yang didakwa oleh Dr. Mahathir sebagai

orang kuat di belakang penubuhan UMNO Malaysia serta anggota-anggota penaja UMNO itu, tidak akan diterima menganggotai UMNO (Baru). Dr. Mahathir tidak lagi perlu mencari sebarang sebab lain mengapa para penaja UMNO Malaysia itu perlu disisihkan daripada menjadi anggota UMNO (Baru). Ini bermakna belum pun lagi Tengku Razaleigh Hamzah, secara terbuka menyatakan pendiriannya sama ada ingin menyertai UMNO (Baru) atau tidak, permohonan beliau telah ditolak terlebih dulu. Nasib bekas anggota UMNO yang telah mengasaskan penubuhan UMNO Malaysia ketika Dr. Mahathir mengusahakan penubuhan UMNO 88 yang telah ditolak pendaftarannya, kemudian UMNO (Baru), juga sama seperti Tengku Razaleigh. Jumlah mereka menurut Dr. Mahathir tidak sampai 100 orang dan mereka tidak akan diberi tempat dalam UMNO (Baru). Ini bermakna tidak semua mereka yang bersama Tengku Razaleigh menentang Dr. Mahathir telah diketepikan. Sebahagian besar daripada mereka termasuk tokoh-tokoh seperti Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan lain-lain yang telah menyatakan sokongan pada Dr. Mahathir selepas keputusan mahkamah itu, diberi peluang untuk menyertai UMNO (Baru).

Tetapi ini semua dilakukan oleh Dr. Mahathir setelah beliau pasti bahawa kedudukan beliau dalam parti baru dan kerajaan sudah teguh dan orang-orang yang diberi nyawa baru itu tidak menjadi cabaran kepada pimpinan beliau. Malah Datuk Abdullah mengesyorkan supaya Dr. Mahathir dan timbalannya, Encik Ghafar tidak dicabar sekiranya pemilihan bagi jawatan-jawatan dalam UMNO (Baru) diadakan kelak.

Jelas bahawa Dr. Mahathir nampaknya sudah mempersiapkan diri untuk menghadapi apa juga kemungkinan setelah UMNO diisytiharkan tidak sah. Beliau dengan bijak menggunakan kuasa yang ada dalam genggamannya sebagai perdana menteri, untuk memampatkan kedudukan beliau. Malah kuasa yang ada serta kebijaksanaan menggunakannya, nampaknya yang membezakan Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh.

Sebagai perdana menteri, Dr. Mahathir berkuasa memberi

tempat kepada orang-orang parti sebagai menteri dalam kabinet pusat dan menteri besar. Sewaktu krisis itu, tokoh-tokoh yang beliau lantik inilah yang mengusahakan sokongan untuk beliau. Masing-masing menyokong pimpinan Dr. Mahathir bukan sekadar untuk menjaga kedudukan Dr. Mahathir, tetapi juga kedudukan mereka sebagai menteri atau menteri besar. Ini kerana sekiranya Dr. Mahathir jatuh, maka kedudukan mereka juga terjejas. Apabila orang lain menjadi perdana menteri, maka para penyokong tokoh itu pula akan mengisi jawatan-jawatan menteri, menteri besar, timbalan menteri dan sebagainya, dengan orang-orang mereka. Jadi dalam keadaan itu, para penyokong Dr. Mahathir terpaksa bekerja keras untuk memastikan sokongan kepada beliau kerana jika beliau selamat, kedudukan mereka juga selamat. Tarikan kepada kuasa Dr. Mahathir sebagai perdana menteri inilah tidak syak lagi menjadi faktor utama bagi kejayaan beliau mengharungi ujian terbesar terhadap pimpinannya setelah UMNO diharamkan.

Kedudukannya bukan sahaja diperkuatkan dalam kerajaan, tetapi juga parti UMNO (Baru). Sebagai penaja parti itu, Dr. Mahathir telah menentukan siapa yang boleh dan tidak boleh untuk menjadi penaja parti itu di peringkat yang lebih rendah—kegери dan bahagian. Dalam berbuat demikian, pengawalan yang ketat nampaknya dikuatkuasakan. Ketua-ketua bahagian UMNO yang dulunya diketahui menyokong *team B* pimpinan Tengku Razaleigh, telah tidak dibenarkan untuk dilantik sebagai ketua penaja UMNO (Baru) di peringkat bahagian atau negeri.

Jelas bahawa pembersihan ahli-ahli UMNO lama yang ada kaitan dengan Tengku Razaleigh telah meletakkan Dr. Mahathir kepada satu kedudukan yang tidak mungkin dicabar. Sekiranya pada pemilihan 24 April 1987, Dr. Mahathir terpaksa berpuas hati dengan sokongan lebih separuh perwakilan UMNO, tetapi keputusan mahkamah mengisytiharkan UMNO tidak sah telah mengembalikan sokongan padu kepada beliau. Di dalam UMNO baru, Dr. Mahathir dan timbalannya, Encik Ghafar menjadi pemimpin yang mendapat sokongan seratus-

peratus. Malah kebanyakan pemerhati politik meramalkan bahawa kedudukan Dr. Mahathir selepas 4 Februari adalah lebih kukuh dari yang pernah beliau nikmati sebelum ini. PAS cuba mengusulkan undi tidak percaya terhadap kerajaan Barisan Nasional di Kelantan sebagai satu usaha untuk menguji kekuatan Dr. Mahathir. Tetapi usul itu ditolak. Ini membuktikan bahawa di kubu Tengku Razaleigh sendiri di negeri Cik Siti Wan Kembang, Dr. Mahathir terus mendapat sokongan. PAS sudah pasti berharap bahawa usul yang ia kemukakan itu akan mendapat sokongan daripada sebahagian ahli Dewan Negeri Kelantan (13 katanya) yang dianggap sebagai penyokong kuat Tengku Razaleigh. Peristiwa itu hanya membuktikan bahawa ahli-ahli UMNO mungkin berbalah sesama sendiri di dalam parti mereka, tetapi apabila berdepan dengan musuh yang berniat jahat terhadap UMNO (Baru), mereka akan bersatu dan berdiri teguh di belakang pimpinan mereka Dr. Mahathir.

Kedudukan Mahathir Semakin Teguh

Dr. Mahathir sendiri memperlihatkan keyakinan pada dirinya di dalam parlimen. Walaupun kebanyakan ahli parlimen UMNO lama masih belum diterima menjadi anggota UMNO (Baru), beliau mengusulkan beberapa pindaan terhadap perlembagaan negara. Ini termasuklah meminda Perkara 121 Perlembagaan berkait dengan hak kuasa kehakiman persekutuan pada mahkamah tinggi dan mahkamah-mahkamah rendah. Di bawah pindaan yang dicadangkan itu, hak tersebut tidak dihapuskan. Hak kehakiman ke atas mahkamah-mahkamah itu tidak pula dilenyapkan sama sekali, tetapi dalam melaksanakan hak itu mahkamah tinggi dan mahkamah rendah hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa sebagaimana yang diberi oleh atau di bawah undang-undang persekutuan. Dr. Mahathir yang sejak beberapa waktu sebelum itu kerap mengkritik pihak mahkamah kerana beliau dakwa telah memainkan peranan campur tangan dalam urusan eksekutif dan legislatif menerangkan bahawa pindaan itu ber-

ajuan untuk menjelaskan lagi kedudukan mahkamah. Kata beliau, pada masa ini, dengan adanya peruntukan tentang meletak hak kuasa kehakiman persekutuan itu, batasan antara bidang kehakiman dan bidang eksekutif dan legislatif adalah samar-samar. Hujah beliau, dengan pindaan ini kerajaan berharap akan dapat menggariskan batasan itu dengan jelasnya. Ini adalah penting supaya pihak eksekutif, perundangan dan kehakiman dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing tanpa mengganggu atau diganggu oleh pihak yang lain.

Pindaan perlembagaan yang dibentangkan pada 17 Mac 1988 itu juga membuat pindaan terhadap Perkara 83, 84, 85 dan 86 berkait dengan kuasa tanah kerajaan persekutuan ke atas kerajaan negeri. Pindaan-pindaan itu bertujuan antara lain untuk memberi kuasa kepada kerajaan persekutuan meminta kerajaan negeri memberikan kepadanya apa-apa tanah yang dikehendaki untuk maksud-maksud persekutuan dan mewajibkan negeri memberi tanah yang diminta itu.

Pindaan perlembagaan itu juga memperuntukkan satu kuasa baru kepada peguam negara untuk menentukan di mahkamah manakah sesuatu prosiding hendak dimulakan atau dipindahkan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, dalam keadaan biasa, mungkin menimbulkan kontroversi seperti yang telah berlaku dengan pindaan ke atas perlembagaan dalam tahun 1983, atau ketika Akta Rahsia Rasmi dan Akta Penerbitan dan Cetak dipinda. Tetapi oleh kerana seluruh ahli parlimen Barisan Nasional baru sahaja berikrar sokongan dan kesetiaan kepada pimpinan Dr. Mahathir Mohamad, segala pindaan perlembagaan yang dicadangkan itu telah diluluskan dengan majoriti dua pertiga yang diperlukan. Ini adalah bukti betapa teguhnya penguasaan Dr. Mahathir terhadap jentera-jentera kerajaan dan parti selepas UMNO lama pimpinannya diisytiharkan tidak sah.

Keadaan ini barangkali yang mendorong seorang ahli parlimen, Datuk Abdullah Ahmad (Kok Lanas) membuat ramalan di dewan rakyat bahawa Dr. Mahathir akan memerintah lebih lama dari yang diramalkan oleh setengah-setengah pihak. Beliau menduga bahawa Dr. Mahathir akan mengatasi

rekod perdana menteri pertama, Tunku Abdul Rahman yang telah memegang jawatan itu selama 13 tahun. Pandangan ini sukar untuk dipertikai ketepatannya memandangkan bahawa dengan barisan pemimpin yang teguh di belakang Dr. Mahathir dalam UMNO (Baru), pimpinan Dr. Mahathir tidak akan dicabar oleh sesiapa. Ini bermakna Dr. Mahathir boleh menjadi presiden UMNO (Baru) dan sekaligus perdana menteri selagi beliau ingin berbuat demikian. Tidak ada siapa akan memaksa beliau meletakkan jawatan itu lagi. Pencabar yang boleh menggugat beliau sudah tidak lagi berada dalam UMNO (Baru). Oleh kerana mereka berada di luar gelanggang, mereka lebih mudah untuk dihadapi kerana mereka kini bukan sahaja menjadi musuh peribadi beliau tetapi parti yang beliau pimpin. Ini bermakna dalam memerangi ancaman Tengku Razaleigh dan kumpulannya, Dr. Mahathir tidak sendiri, tetapi mempunyai penyokong-penyokong yang berdiri teguh di belakang beliau.

Musa Tukar Pendirian

Walaupun pada mulanya Datuk Musa Hitam menyatakan kesediaan untuk menyertai UMNO (Baru) tajaan Datuk Seri Dr. Mahathir, namun empat bulan kemudian beliau menukar pendiriannya. Pada 2 Jun 1988, selepas satu majlis Aidilfitri di Segamat, Johor, beliau mengumumkan tidak akan memohon untuk menyertai UMNO (Baru) dan melepaskan jawatannya sebagai pengerusi penaja UMNO (Baru) bahagian Segamat. Beliau memberitahu, keputusan itu dibuat kerana rayuan-rayuan yang beliau buat untuk perpaduan Melayu kepada pucuk pimpinan UMNO (Baru) telah tidak diendahkan. Keputusan ini tidak pula bermakna Datuk Musa menyertai kem Tengku Razaleigh Hamzah. Sebaliknya, beliau mengambil sikap tidak memihak kepada mana-mana pihak yang sedang bertelagah. Dengan kata lain, Datuk Musa menawarkan dirinya sebagai pemimpin yang neutral dalam perbalahan antara Datuk Seri Dr. Mahathir di satu pihak dengan Tengku Razaleigh di pihak satu lagi.

Sewaktu membuat pengumuman itu, Datuk Musa membayangkan bahawa tindakan itu mungkin mengakibatkan kerjaya politiknya juga berakhir. Tetapi ada pemerhati politik, antaranya A. Kadir Jasin (*New Straits Times*, 4 Jun 1988) tidak setuju. Ini kerana Datuk Musa hanya tidak menyertai UMNO (Baru). Kedudukan politiknya di dewan rakyat sebagai ahli parlimen masih dipertahankan. Datuk Musa memberitahu, beliau bersedia melepaskan kedudukannya itu sekiranya semua wakil rakyat yang mewakili UMNO sama juga berbuat demikian. Beliau tahu itu adalah permintaan yang tidak akan dipenuhi.

Pandangan bahawa Datuk Musa masih belum berniat untuk bersara seolah-olah benar kerana sebelum ini Datuk Musa telah beberapa kali membayangkan hasratnya untuk mengundurkan diri dari politik, tetapi hasratnya itu tidak pernah menjadi kenyataan. Apabila beliau meletakkan jawatan timbalan perdana menteri pada tahun 1986, inilah bayangan yang diberikan. Tetapi terbukti beliau kemudian bermati-matian dan bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh pula untuk mempertahankan jawatan timbalan presidennya dalam pemilihan 1987. Malah selepas beliau memenangi jawatan timbalan presiden pada 1984, beliau juga telah memberikan notis untuk bersara dari politik buat selama-lamanya sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet. Sekali lagi, beliau tidak menepati kenyataan yang telah dibuat itu. Berdasarkan pengalaman ini, tidaklah menghairankan jika ada pemerhati melihat bahawa pengumuman Datuk Musa itu adalah satu lagi mainan politik beliau untuk menawarkan diri sebagai pemimpin alternatif kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh. Dengan tidak mengambil sikap memihak mana-mana pihak, Datuk Musa akan dilihat sebagai satu-satu pemimpin Melayu yang inginkan perpaduan sedangkan Tengku Razaleigh dan Datuk Seri Dr. Mahathir hanya berminat untuk memimpin kelompok masing-masing yang tidak memberi manfaat kepada menyatupadukan semula UMNO yang menurut beliau sudah berpecah belah.

Tujuan Datuk Musa di sini barangkali untuk menimbulkan idea tentang perlunya diwujudkan alternatif ketiga pimpinan Melayu apabila ada tanda-tanda bahawa dua pimpinan yang berlawanan satu sama lain tidak lagi boleh berdamai atau mengembalikan semula perpaduan. Setidak-tidaknya inilah pandangan Profesor Madya Dr. Haji Firdaus Abdullah tentang keputusan yang telah dibuat oleh Datuk Musa itu. Bagi beliau sama ada bekas timbalan perdana menteri itu sendiri yang memimpin alternatif ketiga itu tidak penting. Yang penting ialah untuk menarik perhatian bangsa Melayu bahawa apabila mereka berdepan dengan dua puak yang berbalah dan gagal mencari titik pertemuan, mereka sebenarnya mempunyai satu lagi alternatif untuk menjamin kuasa politik Melayu kekal di tangan mereka. Ada juga pemerhati berkata, sekiranya itu menjadi hasrat Datuk Musa, beliau sebenarnya bukanlah tokoh yang berwibawa untuk memimpin tenaga alternatif ketiga itu. Ini kerana masalah yang dihadapi oleh pemimpin UMNO sekarang ada kaitan dengan tindakan Datuk Musa meletakkan jawatan dan kemudian bergabung dengan Tengku Razaleigh untuk menentang Dr. Mahathir. Dari segi ini, kemampuan beliau untuk memberi pimpinan yang neutral seperti digembar-gemburkan diragui. Tokoh atau tokoh-tokoh yang layak untuk menerajui alternatif ketiga itu harus terdiri daripada bekas negarawan yang dihormati seperti Tunku Abdul Rahman atau Tun Hussein. Tetapi oleh kerana kedua-dua bekas perdana menteri itu juga sudah memihak kepada Tengku Razaleigh, maka terdapat kekosongan yang sukar untuk diisi.

Dalam kenyataan kepada para pemberita pada 2 Jun 1988 itu, Datuk Musa tidak memberikan latar belakang mengapa beliau menukar pendirian selepas empat bulan menyatakan persetujuan untuk menyertai UMNO (Baru). Tetapi mereka yang kenal rapat dengan beliau membayangkan bahawa bekas timbalan presiden UMNO dan timbalan perdana menteri itu kecewa dengan sikap kedua-dua pemimpin Melayu yang berbalah kerana mereka enggan mengalah. Seorang pengerusi

penaja sebuah bahagian UMNO (Baru) yang dirundingi oleh Datuk Musa sebelum beliau mengumumkan keputusannya itu memberitahu Datuk Musa telah beberapa kali menemui Datuk Seri Dr. Mahathir meminta beliau mengamalkan pendekatan yang lebih lembut terhadap tokoh-tokoh UMNO yang pada satu ketika pernah menentang beliau. Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir tidak dapat memberi sebarang jaminan dan sikap ini dikatakan telah mengecewakan Datuk Musa. Beliau merasakan sekiranya rayuan beliau bagi perpaduan tidak didengari, tidak ada gunanya bagi beliau terus berada dalam UMNO (Baru).

Satu sumber lain pula memberitahu bahawa dalam usaha untuk mengurangkan tentangan terhadap pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, Datuk Musa telah mengusahakan kemasukan sebilangan pemimpin UMNO yang menyokong beliau dan Tengku Razaleigh (katanya 25 orang) supaya diberi tempat sebagai penaja UMNO (Baru) di peringkat bahagian. Tetapi apabila jawatankuasa penaja di 133 bahagian UMNO (Baru) diumumkan, tidak seorang pun daripada mereka lekat sebagai penaja. Keadaan ini dikatakan telah memalukan Datuk Musa dan sejak itu beliau cuba menunggu masa untuk mengundurkan diri daripada UMNO (Baru).

Jelas bahawa keputusan Datuk Musa itu lebih bertujuan untuk menjaga nama baik beliau sebagai pemimpin. Beliau tentu tidak mahu dituduh hanya berupaya untuk menyelamatkan diri sendiri sedangkan tokoh-tokoh yang satu waktu dulu pernah menyokong beliau semuanya telah dicantas oleh Dr. Mahathir daripada menerajui pimpinan UMNO (Baru) di peringkat bahagian. Datuk Musa tentu tidak mahu orang melihat diri beliau sebagai mengutamakan kepentingan diri sendiri dan mengabaikan kepentingan mereka yang pernah menyokong beliau. Lantaran itu, beliau memilih untuk tidak menyertai UMNO (Baru).

Dari satu segi keengganan Dr. Mahathir melayan syarat-syarat perpaduan yang dikemukakan oleh Datuk Musa itu adalah diduga. Tentu mustahil bagi perdana menteri mem-

nuhi permintaan Datuk Musa supaya kesemua 1.4 juta bekas ahli UMNO lama diterima menganggotai UMNO baru kerana sebelum ini Dr. Mahathir secara terbuka mengisytiharkan bahawa sebilangan ahli UMNO lama (tak sampai seratus orang) tidak ada tempat dalam parti baru tajaan beliau. Juga tentu mustahil, jika benar seperti yang didakwa, untuk Dr. Mahathir memberi tempat kepada mereka yang satu waktu pernah menyokong regu Musa-Razaleigh untuk menentang beliau dalam jawatankuasa penaja UMNO (Baru). Sekiranya mereka yang menentang Dr. Mahathir, mendapat tempat, maka para penyokong beliau yang telah bekerja keras mempertahankan beliau, tentu akan menimbulkan berbagai-bagai persoalan. Lebih dari itu, Dr. Mahathir sendiri terpaksa menganugerahi orang-orang yang telah bekerjasama dengan beliau sewaktu beliau menghadapi saat-saat cemas tatkala pimpinan beliau dicabar dan ditentang. Barangkali Datuk Musa menyedari hakikat itu dan setelah merasakan beliau seolah-olah menjadi terkontang-kanting setelah gagal memperjuangkan nasib penyokongnya, beliau membuat keputusan untuk membatalkan rancangan awalnya untuk menyertai UMNO (Baru).

Di kala yang sama, beliau juga melihat bahawa bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh bukanlah jalan yang baik. Lantaran itu beliau membuat keputusan untuk tidak menyertai putera dari Kelantan itu kerana beliau melihat bahawa tindakan seumpama itu juga tidak membantu usaha perpaduan Melayu.

Reaksi segera yang diberikan terhadap keputusan Datuk Musa itu bercampur baur. Para pemimpin UMNO (Baru) berpendapat tindakan Datuk Musa itu tidak akan menjejaskan keutuhan parti mereka. Mereka percaya bahawa usaha Datuk Musa itu sia-sia sahaja kerana bagi mereka perpaduan Melayu hanya dicapai dalam UMNO (Baru) sebagai parti yang mempunyai kuasa. Para penyokong Tengku Razaleigh mengalukan keputusan Datuk Musa itu walaupun beliau tidak menyertai mereka. Bagi orang keliling Tengku Razaleigh, tindakan Datuk Musa sudah memadai kerana dengan tidak

menyertai UMNO (Baru), sokongan untuk Datuk Seri Dr. Mahathir semakin berkurangan.

Tetapi ada juga yang melihat bahawa keputusan Datuk Musa kali ini akan benar-benar membunuh kerjaya politik beliau. Bagi mereka, Datuk Musa telah membuat satu peritungan yang silap kerana politik di Malaysia tidak diasaskan kepada perjuangan yang berpegang kepada prinsip, tetapi diasaskan kepada politik kuasa dan politik naungan. Ini bermakna bahawa mana-mana tokoh yang membuat keputusan untuk menyisihkan diri daripada arus utama atau *mainstream* politik, mereka tidak akan mendapat naungan kuasa dan mereka akan lenyap begitu sahaja seperti yang terjadi dengan banyak pemimpin sebelum ini. Apabila mereka digugurkan daripada kedudukan menteri, atau sebagai wakil rakyat, mereka tidak akan dikenang lagi. Ramai yang percaya bahawa Datuk Musa akan mengalami keadaan yang sama. Apa yang membuat beliau masih berada dalam *limelight* lagi ialah kerana kedudukannya sebagai ahli yang berhormat di Dewan Rakyat. Menurut mereka apabila Datuk Musa menarik diri dari kedudukan itu, beliau akan menjadi *Mr. Nobody*. Menyedari hakikat itulah, yang telah mempengaruhi Datuk Musa untuk tidak melepaskan kedudukannya sebagai ahli parlimen. Seurang-kurangnya sebagai ahli parlimen, Datuk Musa masih boleh bernafas. Dari kedudukan itu, beliau boleh melancarkan semula kerjaya politiknya jika keadaan dan peluang mengizinkan.

Sebagai seorang yang mempunyai naluri *political animal*, Datuk Musa tentu tahu apa yang dibuatnya serta padah dan akibat yang bakal menimpa beliau. Tindakannya itu tentu sudah difikirkan semasak-masaknya. Sama ada ia akan menjadi satu keputusan yang berpunca daripada perhitungan yang silap, atau satu usaha untuk menyemaikan satu budaya baru berpolitik di negara ini, hanya masa yang menentukannya. Cengkaman politik naungan di Malaysia terlalu kuat. Mereka yang gagal mendapat naungan daripada pemimpin yang mempunyai kuasa, terlalu sukar untuk memenangi apa-apa jawatan

walaupun dari segi prinsip ia mungkin seorang pemimpin yang *first class*. Andainya dia bertelagah dengan mereka yang boleh memberikan naungan politik, dia sebenarnya menempah tiket satu perjalanan untuk meninggalkan dunia politik buat selama-lamanya kecuali dia memulihkan kedudukannya kemudian hari nanti. Datuk Musa, dengan meninggalkan kedudukannya sebagai timbalan presiden UMNO, timbalan perdana menteri dan keengganannya menyertai UMNO (Baru) sebenarnya sedang melalui perjalanan serupa itu. Sekurang-kurangnya selagi Datuk Seri Dr. Mahathir masih berkuasa, itulah keadaannya.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1987.
- Alias Mohamad, *Sejarah Perjuangan Pas*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1987.
- Ala Chandran, *The Third Mandate*, t.p., Kuala Lumpur, 1986.
- Amil Wariya, *Siapa Kuasai UMNO*, Media Intelek, Petaling Jaya, 1984.
- , *Politik Kompromi*, 'K' Publishing and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
- Cheng Kek Yoong, *Mahathir Administration, Leadership and Change in A Multi-Racial Society*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1987.
- Idrus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Junston, J., *Malay Politics in Malaysia*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Petaling Jaya, 1980.
- Gale, B., *Reading in Malaysian Politics*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Gullick, J. dan Gale, B., *Malaysia, Its Political and Economic Development*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Hua Wu Yin, *Class and Communalism in Malaysia*, edisi ke-2, t.p., London, 1983.
- Isayum A. Jawan, *The Sarawak State Election 1987, The Dayakism Factor*, t.p., Kuala Lumpur, 1987.
- Isom K. Sundram, *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, Insan, Kuala Lumpur, 1987.
- Chong Kim Hoong, *Merdeka, British Rule and The Struggle for Independence in Malaya 1946-1957*, Insan, Kuala Lumpur, 1984.

- Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, edisi ke-2, Federal Publications Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1982.
- Morais, V., *Mahathir: a Profile in Courage*, Eastern University Press, Petaling Jaya, 1982.
- Ongkili, J., *Nation Building in Malaysia, 1946-1974*, Oxford University Press, Petaling Jaya, 1980.
- Ruhanie Haji Ahmad, *Musa Hitam: Tenang dalam Gelora*, Media Intelek, Petaling Jaya, 1987.
- Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1987.
- Shamsul, A.B., *From British to Bumiputera Rule*, ISEAS, Singapura, 1981.
- Simandjuntak, B., *Federalisme Tanah Melayu, 1945-1963*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985.
- Subky Latif dan Chamil Wariya, *Dilema Pemuda UMNO*, Media Intelek, Petaling Jaya, 1984.
- Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*, Penerbitan Pena, Kuala Lumpur, 1984.
- Suntharalingam, R. dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Ting Chew Peh dan Goh Hok, *Krisis MCA, Ujian Prinsip Demokrasi*, Penerbitan Adabi, Kuala Lumpur, 1984.
- Tunku Abdul Rahman, *Political Awakening*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Wan Hashim Wan Teh, *The Race Relation in Malaysia*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Petaling Jaya, 1983.
- Zakaria Ahmad, *Government and Politics in Malaysia*, Oxford University Press, Petaling Jaya, 1987.

INDEKS

- Abdul Hamid Datu Mustapha,
Datu, 71
- Abdul Hamid Pawanteh, Dr.,
125, 222
- Abdul Karim Ghani, Haji, 71
- Abdul Rahim Abu Bakar, Haji,
121, 125, 222
- Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk
Seri, 125, 222
- Abdul Samad Idris, Tan Sri, 120,
123, 205
- Abdul Samad Ismail, 4
- Abdullah Ahmad, Datuk, 3-4,
154, 185
- Abdullah Ahmad Badawi, Datuk,
14, 16, 85-94, 114-17, 123-35,
205, 222
- Abdullah Majid, 4
- Abu Hassan Omar, Datuk Haji,
112, 222, 235
- Adib Adam, Datuk Seri, 16, 105,
149
- Ahmad Fuad, Haji, 88, 146
- Ahmad Rithauddeen, Tengku,
42, 105, 112, 222
- Aishah Ghani, Datin Paduka
Hajah, 38
- Ajib Ahmad, Datuk, 18, 38,
103-11, 117, 121, 217, 222
- Akta Keselamatan Dalam Negeri
(AKDN), 3, 7, 14, 148, 161,
175, 180, 196
- Akta Pertubuhan 1966, 5
- Alex Lee, Datuk, 39, 151
- Ali Haji Ahmad, Datuk, 38
- Aliran, 132, 186
- Antartika, 180
- Anwar Ibrahim, 17, 29-31, 114,
131, 138, 158, 195-7, 225
- Aziz Ishak, 235
- Bank Islam, 115, 144
- Barisan Nasional, 8-9, 26, 31-9,
41, 46, 51-3, 77, 150, 155-8,
211-20
- Berjaya, 34, 58, 68
- Bersih Cekap Amanah (BCA),
19, 42, 102, 176
- CAP, 186
- Chandra Muzaffar, 162, 186
- Chin Hon Ngian, Datuk, 16, 38
- Chinese Consultative Council*
(CCC), 40, 47

- Chong Hon Nyan, Tan Sri, 38
coronary bypass, 13
- Daim Zainuddin, Datuk Paduka,
 16, 30, 94, 112-18, 138, 199,
 222, 235
- Dasar Ekonomi Baru (DEB), 19,
 52, 141, 156, 183
- dasar liberal, 186-92
- Dasar Pandang ke Timur, 19, 179
- Daud Taha, Haji, 125
- Dewan Negara, 14, 23
- Dewan Rakyat, 14, 22-3, 26,
 27, 31
- 2M, 86-90, 125
- Fadzil Nor, Haji, 50
- Fahmi Ibrahim, 162
- Fauzun Abdul Samad, 219
- FIMA, 12
- Francis Leong, 73
- Gerakan Rakyat Malaysia
 (Gerakan), 34, 36, 48, 166
- Ghafar Baba, 4, 11-17, 29, 30,
 36, 76-80, 106, 120, 135-40,
 230, 240, 245
- Ghazali Shafie, Tan Sri, 14, 17,
 29, 36, 120
- Hadi Awang, Haji, 47, 50, 105
- Hamid Albar, Syed, 105
- Hamim, 35
- Hamzah Abu Samah, Tan Sri, 92
- Harun Hashim, Datuk, 5, 34, 206
- Harun Idris, Datuk, 3, 11, 12,
 24, 29, 30, 89, 117, 120, 134,
 192
- Harris Salleh, Datuk, 60-2, 63, 70
- Hassan Syukri, Haji, 44
- Hussein Ahmad, Senator, 205
- Hussein Onn, Tun, 2, 3, 8, 11-12,
 24, 29, 30, 89, 117, 120, 134,
 192
- Ibrahim Ali, 125, 127, 142, 217,
 231
- Ibrahim Azmi, 219
- Ibrahim Libya, 106
- Ilani Ishak, Hajah, 219
- IMP, 2
- Indonesia, 2
- INSAN, 186
- Ismail Abdul Rahman, Tun Dr.,
 101
- Jaafar Albar, Tan Sri Syed, 101
- Jabatan Perdana Menteri, 209
- Jomo K. Sundram, 186
- Joseph Pairin Kitingan, Datuk,
 60, 69-70, 75
- kabinet, 13-15
- Kadir Sheikh Fadzir, Datuk, 110,
 121, 147, 205, 222
- Kamaruddin Haji Awang Teh,
 219
- Kamaruzzaman Ahmad, Datuk,
 232
- kapitalis, 20
- Kassim Ahmad, 4, 144
- Kassim Kamidin, Datuk Haji, 76
- KBSR, 85, 161
- Kelab Kebangsaan Wartawan
 Malaysia, 104
- kemelesetan ekonomi, 21, 181-4
- ketuanan Melayu, 149
- Khalid Abdullah, Datuk Haji,
 223
- Khalid Yunos, Datuk Haji, 223
- Khalil Yaakob, Datuk, 38, 222
- komunis, 3
- Kumpulan 11, 5, 204
- Lee Kim Sai, 53, 152-3, 160,
 162, 188
- Lee Kuan Yew, 149, 150
- Lee San Choon, Datuk, 16, 151,
 165, 172

- m Chong Eu, Dr., 51, 172
 im Kheng Yaik, Datuk Dr., 39
 im Kit Siang, 41, 51, 162
 ing Liong Sik, Datuk Dr., 152,
 163, 208
- ahathir Mohamad, Datuk Seri
 Dr., 2, 4, 5, 7, 8, 9, 10-21,
 23-33, 36-7, 42-3, 64, 65, 75,
 77, 81-101, 113-21, 122-3,
 127-37, 174-81, 184-200,
 201, 206-31, 235-45
- ahathir—Musa, 4, 81-101
- ahkamah Agung, 22
- ajlis Raja-raja, 22, 24, 27
- ak Hon Kam, Datuk, 16, 38
- alayan Union, 1, 10
- alaysian Malaysia, 150, 168
- Malaysian Chinese Association*
 (MCA), 6, 31-4, 38, 48-9,
 151-72
- Malaysian Indian Congress* (MIC),
 34, 39
- marina Yusoff, Hajah, 75, 121,
 126, 217, 219
- egat Junid Megat Ayob, Datuk,
 31, 33, 222
- emali, 31, 33, 105
- Michael Chen, Datuk, 39
- mohamad Nasir, Datuk Haji, 35
- mohamad Rahmat, Datuk, 16,
 124, 234-6
- mohamad Yaakob, Datuk Haji,
 90, 222
- Mohd. Nor Ahmad, Cikgu, 2
- Muhammad Hj. Muhammad Taib,
 Datuk, 159, 222
- Muhyiddin Yassin, Datuk Haji,
 38, 222
- Musa Hitam, Datuk, 3, 4, 14, 31,
 33, 63, 64, 81-101, 102-6,
 107, 112, 199, 232-5, 242-8
- Mustaffa Ali, Haji, 41, 45
- Mustaffa Mohamad, 19
- Mustapha Datu Abdul Hamid,
 Tun Datu, 58-9, 62, 71-2
- Najib Tun Abdul Razak, Datuk
 Seri, 18, 103, 222
- Napsiah Omar, 19, 38, 125, 205
- nasionalis radikal, 1
- NASMA, 39
- Neo Yee Pan, Datuk Dr., 151
- Onn Ja'afar, Datuk, 1, 2, 101,
 146
- orde baru, 11
- Osman Aroff, Datuk Paduka, 222
- Othman Rauf, Pengiran, 16
- Pandithan, M.G., 39
- Parti Bansa Dayak Sarawak
 (PBDS), 35
- Parti Bersatu Sabah (PBS), 34,
 66, 67, 70
- Parti Buruh, 166
- Parti Islam Se-Malaysia (PAS),
 2, 10-11, 20, 29, 31, 39-43,
 46-9, 68
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 (PKMM), 1, 2
- Parti Komunis Malaya (PKM)
 166
- parti pembangkang, 39-42
- Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
 (PBB), 35
- Parti Progresif Rakyat, 34
- Parti Tindakan Demokratik (DAP),
 166
- Parti Tindakan Rakyat (PAP),
 149, 168
- Parti Sosialis Rakyat Malaysia
 (PSRM), 4
- Pemuda, 4, 11
- penerapan nilai Islam, 20, 176
- penswastaaan, 20, 177
- Perikatan, 2, 149
- pindaan perlembagaan, 21

- Persatuan Guru-guru Melayu
Semenanjung, 2
Privy Council, 22
Proton Saga, 182
- Radzi Sheikh Ahmad, Datuk,
110, 121, 125, 218, 222
- Rafidah Aziz, Datin Paduka,
112, 124, 222
- Rais Yatim, Datuk, 16, 18, 110,
117-19, 222, 225
- Rahmah Osman, Datin Paduka,
110, 121, 125, 126, 147, 217
222
- Ramli Ngah Talib, Datuk Seri,
25, 103
- Razak, Tun, 2, 3, 12-13, 81, 82
- Razaleigh Hamzah, Tengku,
4-5, 14, 16, 18, 30, 82-101,
102-12, 116, 122, 217,
229-32
- Sabah, krisis politik, 60-8
senario politik, 57-60
Sabah National Party, 7
Sabah Chinese Association (SCA),
57
- Sabaruddin Chik, Datuk, 19,
124
- Salchuddin Mohamad, Tan Sri, 18
- Samy Vellu, Datuk, 14, 17, 94
112, 118, 138, 200
- Senu Abdul Rahman, Datuk 24
Seberkas, 10
- Shahrir Abdul Samad, Datuk, 16,
17, 18, 110, 117, 121, 123,
217, 222, 231
- Shariff Ahmad, Datuk, 15
- Sharifah Dora, Puan Hajah, 37
- Shamsuddin Salleh, Datuk, 223
- Siti Zaharah Sulaiman, Dr., 126,
222
- Stephen Kalongningkan, 65
- Subramaniam, Datuk, S.S., 39
- Suruhanjaya Pilihanraya, 33
- Sultan Johor, 22, 23, 25
- Sultan Pahang, 22
- Sultan Perak, 22, 23
- Suhaimi Kamaruddin, Datuk
Haji, 219, 222
- Syed Hamid Albar, 35, 37, 76,
80
- Tajuddin Abdul Rahman, 162
- Tajol Rosli Ghazali, 223
- Tamrin Abdul Ghafar, 52
- Tan Chee Khoon, Tan Sri, 24
- Tan Cheng Lock, 164, 170
- Tan Koon Swan, 38, 40, 151
- Tan Siew Sin, Tun, 165, 172
- Tan Tiong Hong, Dr., 38
- Taufik Tun Dr. Ismail, 37
- team A*, 5, 112, 113, 119-20, 225
- team B*, 5, 112, 113, 119-20,
225
- Tengku Abdullah Tengku Abdul
Rahman, 12
- Tunku Abdul Rahman, 2, 24,
64, 88, 105, 146, 213, 215
- UMNO, 1-4, 6, 7, 8, 10, 23, 68-80,
101-25, 215-29
bergolak, 137-47
ke Sabah, 55-6
- UMNO (Baru), 5, 201-20, 221-6
- UMNO lama, 5
- UMNO Malaysia, 216-19
- UMNO 88, 220
- United Pasok Momongun Party*,
57
- Universiti Islam Antarabangsa,
(UIA), 20, 115, 144
- Universiti Malaya, 85, 144-56
- Universiti Merdeka, 85
- Universiti Teknologi Malaysia,
156
- University of Sussex, 85
- UPKO, 57

SNO, 56-77

Jendran, D.P., 39

an Hashim Hassan, Datuk Haji,
35

an Mokhtar Ahmad, Datuk
Amar Haji, 102, 120, 144,
222

ang di-Pertuan Agong, 8, 13,

22-5, 27-8, 208, 236

Yap Pian Hon, Datuk, 152

Yusof Nor, Datuk Dr., 19, 144,
222

Yusof Rawa, Haji, 10

Yusof, C.M., 88

Zainal Abidin Johari, Datuk, 232

Zainal Abidin Zain, Datuk, 110,
121, 217, 222, 231

- 9 DEC 1988